a) **Peta Cadangan Guna Tanah** – menunjukkan cadangan zon kegunaan tanah bagi Daerah Kluang sehingga tahun perancangan 2030.
b) **Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan** – menerangkan jenis dan aktiviti kegunaan tanah dan bangunan yang dibenarkan, dibenarkan dengan syarat dan tidak dibenarkan di setiap Blok Perancangan Kecil (BPK) yang telah ditetapkan.
c) **Garis Panduan Pembangunan Khusus** – mengandungi perincian mengenai kawasan pembangunan yang memerlukan kawalan khas selain daripada garis panduan umum yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia) seperti piawaian, reka bentuk umum, kesesuaian lokasi dan sekatan pembangunan bagi setiap komponen guna tanah.



JILID 3 : LAPORAN SOKONGAN

a) **Pengurusan dan Pelaksanaan** – menyenaraikan cadangan pembangunan mengikut fasa pembangunan yang telah ditetapkan dan menyatakan anggaran kos bagi setiap cadangan pembangunan.
b) **Development Facilitation** – Memperincikan cadangan pembangunan secara kolaborasi bersama agensi – agensi teknikal berkaitan.
c) **Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Pembangunan Pangkalan Data –** Maklumat yang dikumpul dalam kajian RT distrukturkan dalam satu pangkalan data dan maklumat geospatial berpandukan kepada format metadata dalam Manual Penyediaan GIS oleh PlanMalaysia.

DRAF

1.6 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN RT DAERAH KLUANG 2030 (PENGGANTIAN)

Sejarah Bandar Kluang

- Asal usul nama Kluang dikatakan berasal dari perkataan Melayu 'Keluang/Kalong' yang bermaksud sejenis kelawar besar pemakan buah (*Pteropus Vampyrus*). Ada juga sejarah mengatakan nama Kluang di ambil sempena keadaan rupa bumi bandar ini dengan dua (2) buah gunung kembar yang menyerupai sayap keluang atau nama Sungai Kluang yang berpunca dari Gunung Lambak.

- Kluang bermula sebagai petempatan kampung di kawasan hulu dan pedalaman Negeri Johor yang berada di bawah jajahan takluk Kerajaan Johor-Riau. Pada tahun 1800, kawasan Kluang tidak berpetempatan berbanding kawasan lain di Negeri Johor seperti Muar, Tanjung Puteri (Johor Bahru), Batu Pahat dan Mersing-Endau.

- Kawasan Kluang di bawah kawasan Endau didiami oleh orang Melayu Endau dan Orang Asli keturunan Jakun yang dikatakan merupakan penghuni awal yang melaksanakan kegiatan pertanian sara diri dan hasil hutan. Mereka adakalanya mudik ke Endau-Mersing dan Batu Pahat melalui sungai-sungai seperti Sungai Kluang, Sembrong dan Mengkibol untuk urusan pertukaran barangan dan keperluan




Foto: Pelan Toporafi Kluang, 1957 yang dihasilkan oleh British War Office dan Air Ministry.



Foto : Gunung Kembar yang menyerupai sayap Keluang (Gunung Lambak).

Garis Masa Sejarah Bandar Kluang

SEBELUM TAHUN 1910

- **Orang Melayu Endau dan Orang Jakun** dipercayai menghuni Kluang sejak sebelum tahun 1900. Aktiviti ekonomi dan kehidupan mereka adalah pertanian sara diri dan pengutipan hasil hutan (rotan, kayu dan lain-lain).
- Kawasan Kluang merupakan kawasan Orang Asli yang bekerja dengan Orang Melayu Endau mencari rotan, damar, perca dan hasil hutan lain yang dibawa ke Endau dan seterusnya dijual di Singapura.



Foto: Orang Jakun dipercayai adalah penghuni awal Daerah Kluang.

TAHUN 1900-1916

Pembangunan Kluang berkembang hasil pembinaan jalan **kereta api Gemas - Johor Bahru - Singapura.**

- **Pembinaan jalan kereta api** yang menghubungkan Singapura dan Kuala Lumpur dengan bahagian Gemas-Johor Bahru.
- Pembukaan tanah pertanian dan estet dengan penguatkuasaan **Enakmen Tanah Johor 1910**.
- Kluang diletakkan di bawah Lembaga Bandaran Johor Bahru Tengah yang berpusat di Johor Bahru.
- Pembinaan kemudahan - **Balai polis (1911)**
- **Perdagangan - Pembinaan kedai atap** dan pendirian kilang batu-bata (Yap Tau Sah).
- **Pejabat Pos** dibina pada **tahun 1919.**




Foto : Contoh Surat Permohonan Tanah Orang Cina.

TAHUN 1918-1940

Kluang telah berkembang pesat, dengan mempunyai 5,000 orang penduduk, Lembaga Bandaran Kluang telah ditubuhkan dengan diketuai oleh seorang Merinyu Kesihatan. Mulai tahun 1932, Pegawai Daerah Kluang menyandang jawatan Presiden Lembaga Bandaran Kluang.

- **Pembinaan jalan-jalan darat** (Kluang-Mersing, Kluang-Batu Pahat).
- Permohonan tanah pertanian dan pembangunan semakin rancak.
- Pembinaan sekolah/pertubuhan sosial/pertubuhan Cina.
- Kedai batu mula dibina di Jalan Station, Jalan Pasar dan Jalan Ismail
- Jabatan-jabatan kerajaan seperti bangunan polis baru di Jalan Hospital (1922), Jabatan Mergastua (1925), yang mengawal haiwan liar seperti gajah dan harimau. Pembinaan hospital daripada papan beratap nipah (1919) dan pejabat pos (1919).
- Pembinaan infrastruktur untuk bekalan air dan elektrik dirancang pada 1921 tetapi tidak dapat dilaksanakan akibat kekangan kewangan.
- Jalan raya Kluang-Batu Pahat dibuka pada 1918-1920 yang mana estet-estet di Batu Pahat mengekspot getah keping melalui jalan keretapi di stesen Kluang. Begitu juga jalan-jalan lain dari Kluang ke Mersing juga dibina atas fungsi stesen keretapi Kluang bagi memudahkan hasil getah dan mineral di Jemaluang untuk diekspot.
- Ladang-ladang besar diusahakan di sekitar Kluang.
- Kepesatan perdagangan telah mempergiat pembinaan kedai daripada konkrit dan batu bata.



Foto: Pada tahun 1910 sistem pemilikan tanah telah disesuaikan dengan sistem tanah NMB, (Enakmen Tanah Johor dikuatkuasakan). Ia bertujuan memodenkan jentera pentadbiran tanah dan menarik pelaburan ke Johor. Kerajaan menawarkan sewa dan premium tanah yang rendah kepada pengusaha-pengusaha. Bagi 6 tahun yang pertama, sewa tahunannya ialah 50 sen seekar selanjutnya $2.50 setahun dengan mendapat rebet $1.50 yang ditanam dengan kelapa dan pokok buah-buahan. Premium ialah $3.00 seekar sekiranya tanah menghadap jalan raya dan $2.00 sebaliknya.

TAHUN 1940-1950

- Kluang telah diiktiraf sebagai *Growth Centre* Johor Tengah dan pesat membangun dengan aktiviti pertanian di sekitarnya. Kemudahan stesen bas dan teksi telah dibina.
- Perniagaan dan perumahan tumbuh di Jalan Batu Pahat, Jalan Mengkibol dan Jalan Mersing.
- Pembinaan kedai-kedai batu konkrit semakin berkembang.
- Dalam tahun 1957, Lembaga Bandaran Kluang telah dinaik taraf kepada Majlis Bandaran Kluang dengan Pegawai Daerah Kluang sebagai Yang Dipertua. Lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1962, 5 buah Majlis Tempatan telah ditubuhkan iaitu Majlis Tempatan Kampong Paya, Majlis Tempatan Kampong Gajah, Majlis Tempatan Sri Lalang, Majlis Tempatan Chamek dan Majlis Tempatan Paloh.

DRAF

Sejarah Pekan Renggam

- Renggam merupakan nama sebuah bandar yang terletak di dalam Daerah Kluang dan terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam.
- Renggam juga terletak lebih kurang di tengah Negeri Johor. Ia terletak 82km di utara Johor Bahru, tenggara Batu Pahat, barat Mersing dan selatan Segamat.
- Pusat bandar terdiri daripada tiga deretan rumah kedai yang dibina antara **tahun 1930-an dan 1970-an**, dan satu lagi rumah kedai di seberang sungai.
- Pekan ini sangat kecil sehingga pelawat boleh berjalan dari hujung pusat bandar ke kawasan lain dalam masa kurang dari satu jam.
- Pada tahun **1950-an dan 1960-an**, ladang-ladang berskala besar di Renggam yang dimiliki oleh British membuat pekan tersebut menjadi terkenal.
- Sebagai penempatan utama pada masa itu, ia telah menjadi tumpuan Kolonial Inggeris yang memiliki ladang-ladang besar seperti Ladang Guthrie, Ladang Ulu Remis dan sebagainya yang masih kekal sehingga ke hari ini.
- Pada tahun 1960-an, terdapat dua stesen minyak Pekan Renggam, di mana orang dari Simpang Renggam dan Kluang akan datang untuk mengepam bahan bakar di Bandar Renggam.
- Popularity bandar itu perlahan-lahan berkurang kerana Simpang Renggam dan Kluang dibangunkan dengan perumahan estet yang baharu dan peluang perniagaan yang lebih banyak.


Sumber: Olahan dari https://www.thestar.com.my/metro/focus/2017/08/14/a-town-once-graced-by-queen-e-renggam-still-has-the-large-plantations-that-made-it-focus-of-british

Asal – Usul Nama Renggam

Letusan Karokatua pada tahun 1950 mewujudkan penempatan baharu di Daerah Kluang Selatan. Sebuah bukit terbelah dua dan menjadi renggang yang masih boleh dilihat sehingga ke hari ini. Peristiwa 'renggang'nya bukit itu menjadi sebutan ramai. 'Renggang' menjadi 'Renggam' dan itulah kewujudan unik Bandar Renggam.



Foto: Papan Tanda Stesen Keretapi Renggam.



1. Sejarah Bandar Renggam tercatat dalam Muzium British di United Kingdom dimana ia telah menerima kunjungan Ratu Elizabeth sekitar tahun 1950an.
2. Apabila perayaan Thaipusam disambut, Bandar Renggam akan menjadi sibuk dan sesak. Dianggarkan kira-kira 7,000 hingga 8,000 penganut menyaksikan perayaan di Kuil Sri Murugan yang berumur 100 tahun.
3. *Johore World Safari*

Tahun 1982

Taman safari pertama dan terbesar di Malaysia dan di Asia Tenggara, Johore Safari World - terletak di Jalan Simpang Renggam-Sedenak.

Tahun 1987

Ditutup akibat kos penyelenggaraan terlalu tinggi.

- Terdapat sumber mengatakan bahawa *Johore Safari World* terletak lebih kurang 10 kilometer dari Simpang Renggam, Johor dan ia telah dibuka pada tahun 1982. Pada waktu itu, ia dikatakan sebagai taman safari pertama dan paling besar di Malaysia.
- Taman safari ini telah dibina di atas kawasan tanah lapang seluas 32 hektar milik Kerajaan Negeri Johor dan ia telah diusahakan oleh Syarikat Chipperfield's Circus.
- Syarikat Chipperfield's Circus merupakan sebuah syarikat antarabangsa yang terlibat dalam mengendalikan beberapa buah taman safari yang ada di seluruh dunia.
- Perkara ini menunjukkan Pekan Renggam merupakan salah satu lokasi yang mungkin dikenali pada ketika itu.




Foto: Johore Safari World, 1982.

DRAF

Profil Kawasan Kajian

- Daerah Kluang merupakan salah satu daerah yang terletak di tengah-tengah Negeri Johor dan bersempadan dengan 6 buah daerah lain iaitu Daerah Kulai dan Daerah Pontian di sebelah selatan, Daerah Mersing dan Kota Tinggi di sebelah timur, Daerah Segamat di sebelah utara dan Daerah Batu Pahat di sebelah barat.
- Ia terletak 105 km di utara Johor Bahru, Tenggara Batu Pahat, barat Mersing dan selatan Segamat. Bilangan penduduk Daerah Kluang kini melebihi 300,000 orang dan sebahagian besar penduduk tertumpu di kawasan Bandar Kluang dengan anggaran 200,000 penduduk. Kluang merupakan bandar ketiga terbesar di dalam Negeri Johor selepas Daerah Johor Bahru dan Daerah Batu Pahat.
- Daerah Kluang mempunyai sistem jaringan jalan yang baik serta amat strategik kerana boleh dihubungi melalui Lebuhraya Utara-Selatan dengan tiga (3) susur masuk iaitu susur masuk Ayer Hitam, Machap dan Simpang Renggam. Selain itu, kawasan kajian juga dapat dihubungi melalui Laluan Persekutuan 1 (Ayer Hitam – Machap – Simpang Renggam), Laluan Persekutuan 50 (Batu Pahat – Kluang – Mersing) dan Laluan Persekutuan 91 (Kota Tinggi – Kluang).
- Terdapat juga sistem pengangkutan keretapi sedia ada yang menyediakan perkhidmatan penumpang dan barangan kepada penduduk tempatan melalui stesen KTM yang dibangunkan di Daerah Kluang yang meliputi laluan Paloh – Chamek – Kluang – Renggam – Mengkibol – Layang-Layang.
- Menurut Draf RSN Johor 2030, Daerah Kluang merupakan daerah sederhana maju dengan tumpuan utama adalah aktiviti pertanian tanaman komoditi kelapa sawit, sayur-sayuran dan nanas yang merupakan antara tanaman industri dan agro makanan utama di Negeri Johor.

Rajah 1.4: Pelan Lokasi Daerah Kluang




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

Peranan Daerah Kluang

- Dikenalpasti sebagai Zon Promosi Pembangunan Negara oleh RFN Ke-3. Dari segi ekonomi Daerah Kluang menjalankan aktiviti pertanian berasaskan bio-teknologi dan pertanian komoditi.
- Daerah Kluang juga merupakan bandar pelancongan agro, manakala Kluang - Kahang sebagai Bandar *Gateway* ke Taman Negara Endau–Rompin. Selain itu, Kluang terkenal dengan pembuatan berasaskan sumberjaya tempatan (mineral dan bukan mineral).
- Potensi penghubung pantas dan pencetus pembangunan yang lebih rancak dengan adanya Lebuhraya Tengah Johor (Pasir Gudang – Segamat dan Lebuhraya Penghubung Wilayah Barat Timur (Penggaram - Kluang - Mersing) dan juga Daerah Kluang sebagai pusat logistik pengangkutan rel.



Rajah 1.5: Lebuhraya Utara-Selatan yang melalui Daerah Kluang dengan 3 Susur Masuk Utama

Keluasan Daerah Kluang

Daerah Kluang berkeluasan **286,453.00 hektar** yang ditadbir oleh dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan; iaitu **Majlis Perbandaran Kluang (MPK)** dengan peratus keluasan **64.82%** atau 185,674.00 hektar manakala **Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR)** meliputi **35.18%** daripada jumlah keluasan Daerah Kluang.

Rajah 1.6: Peratusan dan Keluasan Kawasan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Majlis Perbandaran Kluang (MPK)	Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR)
185,674 Hektar (64.82%)	**100,779 Hektar (35.18%)**


Terdapat 8 buah mukim di dalam Daerah Kluang iaitu Kahang, Kluang, Niyor dan Paloh terletak di kawasan pentadbiran MPK manakala Layang-layang, Machap, Renggam dan Ulu Benut di bawah pentadbiran MDSR dengan keluasan masing-masing sebagaimana ditunjukkan di dalam **Jadual 1.2.**

Jadual 1.2: Keluasan Mukim-Mukim Daerah Kluang

MUKIM	LUAS (HEKTAR)	%
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG (MPK)		
KAHANG	54,766.39	19.12
KLUANG	63,606.57	22.20
NIYOR	24,679.60	8.62
PALOH	42,621.44	14.88
JUMLAH BAGI KAWASAN MPK	**185,674.00**	**64.82**
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM (MDSR)		
LAYANG-LAYANG	22,813.26	7.96
MACHAP	11,893.06	4.15
RENGGAM	55,816.96	19.49
ULU BENUT	10,255.72	3.58
JUMLAH BAGI KAWASAN MDSR	**100,779.00**	**35.18**
JUMLAH KESELURUHAN	**286,453.00**	**100.00**

Sumber:
: Majlis Perbandaran Kluang
: Majlis Daerah Simpang Renggam
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


Rajah 1.7: Kawasan Pentadbiran dan Sempadan PBT



Petunjuk:
- Kawasan MPK
- Kawasan MDSR

Sumber:
: Majlis Perbandaran Kluang
: Majlis Daerah Simpang Renggam
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 1.8 SEMPADAN MUKIM RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KLUANG 2030 (PENGGANTIAN)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

1.7 PEMBAHAGIAN BLOK PERANCANGAN RT DAERAH KLUANG 2030 (PENGGANTIAN)

Cadangan Blok Perancangan (BP) disediakan bertujuan untuk memudahkan dan menyelaras pembahagian kawasan-kawasan RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian). Ianya amat penting dalam merancang pembangunan cadangan guna tanah Daerah Kluang sehingga 2030.

RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian) dibahagikan kepada 10 Blok Perancangan (BP) dan 129 Blok Perancangan Kecil (BPK), di mana penambahan dua (2) BP baharu berbanding RT terdahulu berdasarkan sempadan Pusat Bandar Kluang dan Pusat Bandar Simpang Renggam. Pecahan BP ini dipecahkan berdasarkan kepadatan pembangunan sedia ada di kawasan pusat bandar dan kawasan sekitar.

Selain itu, penentuan sempadan BP juga ditentukan berdasarkan kepada beberapa kriteria berikut iaitu :-




Jadual 1.3 : Cadangan Blok Perancangan (BP) dan Blok Perancangan Kecil (BPK)

MUKIM	LUAS (HEKTAR)	JUMLAH BPK
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG (MPK)		
BP 1: PUSAT BANDAR KLUANG	249.65	3
BP 2: KLUANG	63,356.92	57
BP 3: NIYOR	24,679.60	5
BP 4: PALOH	42,621.44	9
BP 5: KAHANG	54,766.39	6
JUMLAH	**185,674.00**	**80**
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM (MDSR)		
BP 6: PUSAT BANDAR SIMPANG RENGGAM	211.19	4
BP 7: RENGGAM	55,743.99	22
BP 8: ULU BENUT	10,117.50	14
BP 9: MACHAP	11,893.06	3
BP 10: LAYANG-LAYANG	22,813.26	6
JUMLAH	**100,779.00**	**49**
JUMLAH KESELURUHAN	**286,453.00**	**129**

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF


RAJAH 1.9 SEMPADAN BLOK PERANCANGAN (BP)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

2.0
RUMUSAN PENEMUAN

2.1	Perspektif Makro	2-1
2.2	Profil Fizikal	2-16
2.3	Profil Ekonomi	2-36
2.4	Profil Sosial	2-43
2.5	Potensi dan Cabaran	2-50



2.0 RUMUSAN PENEMUAN


2.1 PERSPEKTIF MAKRO

Pembangunan wilayah dan dasar rancangan pembangunan adalah sektor yang penting dalam menentukan hala tuju pembangunan sesuatu kawasan. Penekanan kepada dasar-dasar dan strategi pembangunan di peringkat nasional, negeri dan daerah sebagai asas pembentukkan konsep dan strategi pembangunan bagi Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2030 (Penggantian).

PERINGKAT GLOBAL









PERINGKAT WILAYAH/NEGARA

PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS
2016-2020
PERTUMBUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT





















PERINGKAT TEMPATAN/NEGERI/DAERAH

JOHOR 2030
DRAF RANCANGAN STRUKTUR
NEGERI JOHOR 2030
(KAJIAN SEMULA)














DRAF

PERINGKAT GLOBAL

i. Agenda Perbandaran Baharu



Pembangunan bandar mampan untuk terangkuman **sosial dan membasmi kemiskinan.**

Kemakmuran bandar dan peluang mampan dan **inklusif** untuk semua.

Pembangunan bandar mampan **alam sekitar dan berdaya tahan.**



Foto: Perancangan Bandar yang Efisien dan Bersepadu Menyerlahkan Potensi Daerah Kluang.

ii. Sustainable Development Goals

Matlamat Pembangunan Mampan (***Sustainable Development Goals - SDGs***) menggariskan **17 matlamat** dan **169 sasaran** yang ingin dicapai menjelang tahun 2030.

Matlamat dan sasaran yang berkaitan telah diambilkira dalam memastikan teras dan projek-projek yang dicadangkan dalam RTD Kluang 2030 Penggantian ini turut menitikberatkan aspirasi pencapaian matlamat SDGs yang sama seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Perkaitan dengan Teras Pembangunan RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian)

	MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs) TERPILIH dan TERAS PEMBANGUNAN RTD KLUANG PENGGANTIAN 2030
Gol 1	***Tiada Kemiskinan*** Teras 1 : Ekonomi Berdaya Maju dan *Resilient* Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memastikan kadar kemiskinan Daerah Kluang kekal pada 0 peratus (zero).
Gol 2	***Sifar Kelaparan*** Teras 1 : Ekonomi Berdaya Maju dan *Resilient* Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memastikan tiada kebuluran, bahan makanan bermutu dan pertanian mampan terutama aktiviti penternakan dan tanaman makanan di Daerah Kluang.
Gol 3	***Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik*** Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memastikan golongan wanita dan miskin mendapat peluang aktiviti ekonomi terutama kawasan luar bandar.
Gol 4	***Pendidikan Berkualiti*** Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memastikan kemudahan mencukupi dan bermutu bagi Daerah Kluang kepada semua golongan (IPTA, Kolej Komuniti, TVET, Latihan KEMAS dan lain-lain).
Gol 5	***Kualiti Jantina*** Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memastikan golongan wanita dan miskin mendapat peluang aktiviti ekonomi terutama kawasan luar bandar.
Gol 6	***Air dan Sanitasi Bersih*** Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memastikan sumber air yang bermula di Daerah Kluang bersih, tidak tercemar serta mudah sampai kepada penduduk.
Gol 7	***Tenaga yang Berpatutan dan Bersih*** Teras 1 : Ekonomi Berdaya Maju dan *Resilient* Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memastikan pelabur dan penduduk Daerah Kluang mendapat perkhidmatan tenaga mampu milik yang mampan dan moden.
Gol 8	***Pertumbuhan Ekonomi dan Kerja yang Baik*** Teras 1 : Ekonomi Berdaya Maju dan *Resilient* Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Mewujudkan peluang pekerjaan dengan pendapatan yang kompetitif untuk semua penduduk umur pertengahan. (Peringkat umur produktif)
Gol 9	***Industri, Inovasi dan Infrastruktur*** Teras 1 : Ekonomi Berdaya Maju dan *Resilient* Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Membangunkan infrastruktur berdaya tahan dan inklusif untuk semua pengguna.
Gol 10	***Pengurangan Persamaan*** Teras 1 : Ekonomi Berdaya Maju dan *Resilient* Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara penduduk.
Gol 11	***Bandar yang Mampan*** Teras 1 : Ekonomi Berdaya Maju dan *Resilient* Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif - Penawaran perumahan mampu milik, selamat dan sesuai bagi bandar dormitori. - Perkhidmatan perbandaran inklusif termasuk luar bandar. - Pemeliharaan warisan budaya tempatan.
Gol 12	***Pengguna dan Komuniti yang Bertanggungjawab*** Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Memastikan produktiviti dan pengeluaran terutama penternakan dan pertanian mengamalkan kaedah mampan dengan pematuhan peraturan (MYGAP, MYORGANIC, SPOC/MPSO - kelapa sawit dan lain-lain).
Gol 13	***Tindakan Iklim*** Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, memastikan langkah berkaitan seperti *reforestation, GBI dan inisiatif low carbon* dan lain-lain dimasukkan dan dijadikan garis panduan kawalan pembangunan.
Gol 14	***Kehidupan di Bawah Air*** Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti (tiada kaitan secara terus)
Gol 15	***Kehidupan di Darat*** Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Memastikan dan menggalakkan pemeliharaan, pemuliharaan dan pengurusan ekosistem secara mampan.
Gol 16	***Institusi yang Aman, Adil dan Kuat*** Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Memperkasakan sistem tadbir urus Daerah terutama PBT agar lebih mantap selari dengan perubahan ekonomi.
Gol 17	***Perkongsian untuk Matlamat*** Teras 2 : *Greener* Kluang - Mampan dan Berkualiti Teras 3 : Kluang Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif Mewujudkan sistem data dan perkongsian pelaksanaan antara egensi dan menggalakkan penglibatan swasta dalam pembangunan mampan. Pelaksanaan pembangunan seperti penternakan mampan dan pemeliharaan kawasan rezab empangan Daerah Kluang.

DRAF

iii. Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF)

LCCF adalah rangka kerja dan sistem penilaian kebangsaan untuk membimbing dan menilai perkembangan bandar dan pembangunan lestari yang holistik di Malaysia yang akan diterjemahkan di dalam cadangan RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian) dengan penetapan parameter yang perlu dicapai.

Semua Bandar di Malaysia

- Pihak berkuasa Tempatan
- Pemaju
- Universiti

LCCF

SASARAN:
LCCF dibangunkan dengan sasaran untuk turut menyumbang kepada pengurangan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45% per KDNK per kapita menjelang tahun 2030 (secara tidak langsung).

PERINGKAT WILAYAH/ NEGARA

i. Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11)

TERAS STRATEGIK 1

Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Masyarakat Yang Saksama

- Isi rumah B40, *Urban Regeneration/Renewal;* Perancangan untuk semua lapisan masyarakat termasuk warga emas, kanak-kanak, belia, ibu dan OKU; Perancangan *Urban-Rural Linkages*.

TERAS STRATEGIK 2

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

- Akses kepada kemudahan kesihatan; rumah mampu milik yang berkualiti; Mewujudkan persekitaran hidup yang lebih selamat; gaya hidup sihat melalui perancangan spatial

TERAS STRATEGIK 4

Menuju Ke Arah Pertumbuhan Hijau Bagi Meningkatkan Kemampanan & Daya Tahan

- Menggalakkan mobiliti rendah karbon pengangkutan awam; Memulihara sumber asli; Perancangan dan pengurusan lembangan sungai bersepadu

TERAS STRATEGIK 5


Memperkukuh Infrastruktur Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi

- Membangunkan sistem pengangkutan bersepadu

ii. Rancangan Fizikal Negara ke 3 (RFN 3)


Matlamat RFN3 adalah memfokuskan kepada pencapaian **Negara yang Mampan, Berdaya Tahan** dan **Berdaya Huni** bagi mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi serta memastikan pertumbuhan yang berterusan sehingga selepas tahun 2020.

Matlamat RFN 3 dirangka menerusi tiga (3) teras utama yang dirujuk semasa penyediaan RT penggantian supaya perancangan pembangunan yang dibuat selaras dengan keperluan pembangunan negara. Antara teras dan halatuju strategik RFN ke-3 adalah seperti berikut:




DRAF

Rajah 2.1 : Rangka Pertumbuhan Spatial Negeri Johor



- RFN 3 – Daerah Kluang sebagai Bandar Utama.
- ZPP Bandar Penggaram – Kluang.
- Fokus utama: Tumpuan perindustrian, pertanian dan pelancongan.
- Pembangunan jaringan pengangkutan komprehensif – cadangan ETS (Paloh, Kluang, Mengkibol, Renggam, Layang-Layang).

Rajah 2.2 : Pengurusan Kawasan Berisiko Bencana Semula Jadi Negeri Johor



- Kawasan berisiko banjir melibatkan kawasan petempatan utama (Mukim Kluang, Mukim Layang-Layang dan Mukim Renggam).
- Sungai berisiko banjir: Sungai Mengkibol, Sembrong Kecil, Sungai Kahang, Sayong-Renggam, Sayong-Layang-Layang dan Sungai Machap.
- Pemeliharaan sepenuhnya kawasan melibatkan Hutan Simpan Kekal (HSK Kluang, Lenggor, sebahagian HSK Labis).

iii. Dasar Perbandaran Negara ke 2 (DPN 2)

Visi DPN 2 adalah untuk menjadikan bandar-bandar di Malaysia sebagai
"Bandar Yang Mampan Untuk Kesejahteraan Rakyat"

Untuk mencapai visi ini, lima (5) prinsip telah digariskan; seterusnya disokong oleh pembentukan 36 objektif, 62 strategi dan 113 tindakan. Prinsip yang diketengahkan adalah:


Prinsip 1 : Tadbir Urus Bandar Yang Baik
Prinsip 2 : Bandar Yang Berdaya Huni
Prinsip 3 : Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing
Prinsip 4 : Pembangunan Bandar Yang Inklusif dan Saksama
Prinsip 5 : Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih

Hierarki	Bandar
Bandar Wilayah	•Bandaraya Johor Bahru
Bandar Utama	•Iskandar Puteri (Nusajaya), Kulai, Pasir Gudang, Ulu Tiram, Skudai, Segamat, Bandar Maharani (Muar), Bandar Peggaram (Batu Pahat), **Kluang**
Bandar Tempatan	•Gelang Patah, Masai, Pekan Nenas, Kota Tinggi, Senai, Rengit, Bandar Penawar, Bukit Gambir, Ayer Hitam, Labis, Buloh Kasap, Mersing, Bandar Tenggara, Bukit Bakri, Yong Peng, Tangkak, **Simpang Renggam**, Pontian Kechil, Parit Raja, Tongkang Pecah, Kangar Pulai, Lima Kedai, Pagoh, Ulu Choh, Kelapa Sawit

iv. Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB)

TERAS 1
Pembangunan Modal Insan dan Pengupayaan Masyarakat

TERAS 2
Pembangunan Ekonomi yang Berdaya Maju, Berdaya Seiring dan Berdaya Tahan



TERAS 7
Pengurusan Sumber Alam Secara Mapan

TERAS 6
Pengurusan Pembangunan yang Bersepadu

TERAS 3
Pengintegrasian Program Pembangunan Luar Bandar dengan Perancangan Fizikal

TERAS 4
Pembangunan Infrastruktur dan Penyediaan Kemudahan Awam yang Menyeluruh

TERAS 5
Peningkatan Kualiti Hidup dan Pendapatan Isi Rumah di dalam Kumpulan Berpendapatan 40% Terendah

Pembangunan luar bandar perlu diberi keutamaan dalam perancangan pembangunan yang menyeluruh. RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian) bakal merangkumi strategi dan perancangan pembangunan luar bandar secara komprehensif. Potensi karakter luar bandar Daerah Kluang boleh dipelihara melalui pengelakkan pencerobohan aktiviti tidak serasi dengan persekitaran. Antara usaha yang boleh dijalankan adalah tarikan pelancongan agro dan desa, homestay, kebun yang dikomersialkan dan sebagainya.

v. Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030

Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030 adalah merupakan kerangka hala tuju pembangunan luar bandar ke arah menuju negara maju dan berpendapatan tinggi.



Foto: Teras Transformasi Pembangunan Luar Bandar.

Menurut PLANMalaysia tahun 2017, penempatan penduduk di luar bandar boleh dibahagikan kepada tiga kategori berikut:

- Pekan
- Pusat Pertumbuhan Desa
- Kampung

RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian) telah mengenalpasti:-

- **4 Buah Pusat Petempatan Kecil** (Pekan) iaitu Kampung Gajah, Kampung Paya, Kampung Chamek dan Kampung Sri Lalang.
- **10 Pusat Pertumbuhan Desa (PPD).**
- **222 Buah Kampung** yang merangkumi Kampung Induk, Kampung Orang Asli, Kampung Baru, Kampung Rancangan (FELDA dan FELCRA).

(Senarai kampung rujuk Lampiran A)

vi. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030

Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 adalah merupakan dasar pembangunan yang bertujuan untuk mengintegrasikan perancangan spatial dalam dasar pembangunan desa

Jadual 2.2 : Teras, Dasar dan Strategi yang Terlibat Secara Langsung dalam Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian)


TERAS 1 Pengurusan Mampan Alam Sekitar	**Dasar AD 1 :** Penjagaan KSAS dan Sumber Biodiversiti Desa
	Dasar AD 2: Pemerkasaan Peranan Komuniti dalam Penjagaan Alam Sekitar Desa
	Dasar AD 3: Pemantauan Kualiti Alam Sekitar
	Dasar AD 4: Pengurusan Resiko Bencana yang Efektif
TERAS 2 Pengukuhan Hubungan Simbolik Bandar-Desa	**Dasar SD 1:** Merekayasa Pekan Sebagai Pemangkin Pembangunan Desa
	Dasar SD 2: Pengukuhan *Urban-Rural Link*
TERAS 3 Pengukuhan Daya Huni Desa	**Dasar DD 1:** Pemeliharaan Karektor Spatial Desa
	Dasar DD 2: Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Warisan Desa
	Dasar DD 3: Peningkatan Infrastruktur yang Efisien
	Dasar DD 4: Penyediaan Kemudahan Awam
	Dasar DD 5: Pengukuhan Perpaduan Dan Peningkatan Penyertaan Sosial
TERAS 4 Memperkasa Ekonomi Desa	**Dasar ED 1:** Menstruktur Semula Ekonomi Desa
	Dasar ED 2: Meningkatkan Produktiviti Ekonomi Desa
	Dasar ED 3: Pengukuhan Rantaian Nilai Ekonomi Desa
TERAS 5 Pengurusan Desa Berdaya Laksana	**Dasar PD 1:** Pengukuhan Sistem Tadbir Urus Desa
	Dasar PD 2: Memperkasakan Keupayaan Komuniti dalam Pembangunan Desa
	Dasar PD 3: Pelaksanaan Sistem Ciri-Ciri Desa Malaysia (CHARMs) Dalam Tadbir Urus Desa

DRAF

vii. Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara (RIPADN)

- Bagi menambah baik **Kesalinghubungan Antara Kawasan Bandar Dan Kawasan Luar Bandar,** perkhidmatan ETS telah dicadangkan dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru bagi menepati permintaan mobiliti di selatan Wilayah Tengah.
- Rangkaian pengangkutan awam yang menghubungkan pusat petempatan dan ekonomi utama.
- Stesen ETS yang terlibat di dalam Daerah Kluang adalah Stesen Paloh, Chamek, Kluang, Mengkibol, Renggam dan Layang-Layang.

Rangkaian Hubungan Antara Wilayah



viii. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Matlamat

WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar *(Decent Standard Of Living)* kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.

8 PEMBOLEH DAYA

- Kemampanan Fiskal
- Modal Kewangan
- Keberkesanan Penyampaian Institusi
- Tadbir Urus & Integriti
- Pendidikan & TVET
- Data Raya
- Kelestarian
- Masyarakat Berpencerahan

15 PRINSIP PANDUAN

- Kemakmuran Berterusan
- Masyarakat Peribelajar
- Paksi Ekonomi Asia
- Kesaksamaan Keberhasilan
- Ekonomi Masa Hadapan
- Demokrasi & Kestabilan
- Pertumbuhan Saksama
- Pendekatan Ekonomi Keperluan
- Integriti & Tadbir Urus Yang Baik
- Ekonomi Teragih
- Ekonomi Politik Berinstitusi
- Perpaduan dalam Kepelbagaian
- Keterangkuman
- Model Kesepaduan Sosial
- Kedaulatan & Kelestarian

ix. *National Transport Policy* 2019-2030

VISI

Membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat seiring dengan status negara maju.

Rajah 2.3 : Objektif *National Transport Policy* 2019-2030

- Mencipta ekosistem yang kondusif
- Membantu melancarkan pergerakan barangan
- Menyediakan mobiliti yang memenuhi permintaan rakyat dan inklusif
- Meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam
- Menyediakan sistem pengangkutan yang pintar dan selamat
- Memastikan bahawa sektor pengangkutan menggunakan sumber secara mampan

MALAYSIA TELAH MEMBINA LEBIH

200,000 KM JALAN

2,900 KM REL

18 PELABUHAN

22 LAPANGAN TERBANG

x. *Industry 4wrd (National Policy on Policy Industry 4.0)*

Pelaksanaan Industri 4.0 akan dipacu oleh tiga faktor peralihan iaitu orang, proses dan teknologi. RT Daerah Kluang perlu menempuhi Industri 4.0 dengan penuh kebijakan dalam perspektif keseluruhan dan bersistematik. Dengan harapan industri 4.0 dapat berkembang dalam ekosistem yang kondusif, efektif dan mempertahankan nilai-nilai insani sebagai khalifah dan rakyat Kluang.

Rajah 2.4 : 9 Komponen Utama *Industry 4wrd*

Objektif

- *Attract*
- *Create*
- *Transform*



Sumber : https://roofofscience.com

DRAF

PERINGKAT TEMPATAN/ NEGERI/ DAERAH

i. Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (Kajian Semula)

- **RSNJ 2030 telah mengenalpasti 32 isu strategik perancangan negeri** yang merangkumi bidang fizikal, sosial, alam sekitar dan ekonomi.
- Terdapat **4 teras yang berkaitan langsung dengan Daerah Kluang:**



Konsep Pembangunan Spatial RSNJ 2030



1. Konsep Pembangunan Luar Konurbasi Selatan
2. Konsep Pembangunan Konurbasi Selatan

KLUANG: *Growing with the Land*

Ekonomi Utama	Ekonomi Sokongan	
Sektor Sekunder	**Sektor Primer**	**Sektor Tertiari**
Industri berasaskan sumber tempatan	Pertanian bio-teknologi dan pertanian komoditi (kelapa sawit) dan *cash crops*	Pelancongan agro dan eko pelancongan (Bandar Gateway TNER)


Rajah 2.5 : Konsep Pembangunan Spatial Negeri Johor



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (Kajian Semula)

- Pusat Wilayah Negeri - Bandar Kluang
- Pusat Separa Wilayah Negeri - Simpang Renggam
- Zon Promosi Pembangunan (Kluang - Batu Pahat)
- Koridor Hidupan Liar - Central Forest Spine (CFS)
- Cadangan TOD Stesen Keretapi Berkembar
- Cadangan Lebuhraya Penghubung Wilayah Barat Timur (Batu Pahat-Kluang-Mersing) & Penghubung Tengah Johor (Segamat – Kluang – Pasir Gudang)

Rajah 2.6 : Projek Berimpak Tinggi Negeri Johor



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Johor 2030 (Kajian Semula)

Terdapat 4 projek berimpak tinggi & merupakan potensi pembangunan bagi RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian)

HIP 12
Pembangunan Berorientasi Transit (TOD)

HIP 15
Pewartaan Kawasan Tadahan Air Primer

HIP 20
Pembinaan Pusat Logistik Bersepadu


HIP 22
Pembinaan Lebuh Raya, Penaiktarafan Jalan Perhubungan Negeri (LR Penghubung Wilayah Barat Timur dan Tengah Johor)

PETUNJUK:

- HIP1 Projek Berimpak Tinggi (HIP) Teras 1
- HIP15 Projek Berimpak Tinggi (HIP) Teras 2
- HIP22 Projek Berimpak Tinggi (HIP) Teras 3
- Hutan Simpanan Kekal
- Badan Air
- Zon Pemeliharaan Marin Taman Laut Sultan Iskandar
- Koridor Hidupan Liar
- Bandar Utama
- Jalan Raya
- Lebuh Raya
- Landasan Kereta Api
- Rel Berkelajuan Tinggi (HSR)
- Rel Antara Pelabuhan

Nota: Lokasi HIP di dalam gambar rajah adalah indikatif dan perlu dikaji secara terperinci di peringkat rancangan tempatan dan pelaksanaan.

ii. Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor 2016-2020




Kluster Dan Inisiatif Pelan Pertumbuhan Strategik Johor Bagi Daerah Kluang

Growing with The Land

- Kluang sebagai destinasi pilihan untuk Eko Pelancongan Semulajadi
- Kluang sebagai peneraju dalam industri berasaskan sumber semulajadi
- Kluang sebagai tumpuan kepada pelabur untuk peluang perniagaan

iii. Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014-2023

Rajah 2.7 : Konsep Keseluruhan Pembangunan TDC Agro Delight



DRIVERS TDC: 2 PRODUK UTAMA
ZENXIN ORGANIC FARM
UK FRAM
KOREF
PASARAN UTAMA
• Keluarga • Pelajar • Penyelidikan • Minat khusus • *Tour groups*
ANGGARAN PELANCONG
500 ribu/tahun
KAWASAN/ LOKASI TDC
Kluang
110km dari Johor Bahru 270km Kuala Lumpur
AKSES
• Lebuhraya PLUS E2 • Jalan Persekutuan 50

ZON PRODUK/ AKTIVITI SOKONGAN	▪ Gunung Belumut ▪ Gunung Lambak ▪ *Tropical Village* ▪ Stesen Keretapi Kluang ▪ Bazar Ayer Hitam ▪ Padang Hijau ▪ Kg. Sri Timor & Lukut
ZON KEMUDAHAN MAKANAN	▪ Kluang *Rail Coffee* ▪ *Restoran Zenxin Organic* ▪ *Radix Chicken House* ▪ Restoran Rong Seri ▪ Restoran Dinkota
ZON KEMUDAHAN PENGINAPAN	▪ Prime City Hotel ▪ Nagaria Inn ▪ Merlin ▪ Regal ▪ Gunung Lambak Eco Resort

DRAFT


iv. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor

Visi Pengangkutan Awam Negeri Johor

"Mewujudkan Sistem Rangkaian Pengangkutan di Johor Yang Komprehensif, Efektif dan Efisien, serta Mampan Melangkau 2020"

- Sehubungan itu, RT Penggantian ini juga perlu mengambilkira sasaran visi, misi dan matlamat yang telah dirangka dalam memastikan pengurusan dan perkhidmatan pengangkutan awam dapat direalisasikan bagi Daerah Kluang.
- Cadangan terminal utama Daerah Kluang melalui perhubungan perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) dengan Terminal *High Speed Rail* (HSR) Sri Gading.


Rajah 2.8 : Pelan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Negeri Johor



Sumber : Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor 2015-2045

- Pelan menunjukkan lokasi pembangunan TOD 1, TOD 2 dan TOD 3 di Negeri Johor.
- Bagi Daerah Johor Bahru, terdapat beberapa TOD 3 yang tidak dinyatakan pada pelan ini. *(TOD Daerah Johor Bahru)*
- Pihak PBT boleh menambah lokasi TOD 3, TOD 4 dan TOD 5 berpandukan kriteria dan garis panduan pembangunan TOD.
- Lokasi terminal/ stesen bagi cadangan rel baru tertakluk kepada jajaran dan lokasi terakhir yang ditetapkan. TOD sekitar terminal/ stesen tertakluk kepada lokasi terminal.
- Daerah Kluang merupakan kawasan TOD 2 di mana mempunyai perkhidmatan pengangkutan transit inter-wilayah dan antara bandar.
- Transit kapasiti dan frekuensi tinggi.

Rajah 2.9 : Pelan Cadangan Rangkaian Jalan Raya Daerah Kluang



Sumber : Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor 2015-2045

v. Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2020 (Pengubahan)

Wawasan Pembangunan

"Pembangunan Daerah Kluang sebagai **Pusat Pertanian Moden** dan **Industri Pembuatan** dengan sokongan aktiviti perdagangan dan perkhidmatan pelancongan, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti di samping **memperkukuhkan peranannya sebagai kawasan tadahan air** negeri dan **kawasan pemeliharaan kepelbagaian biologi negara**"



Teras Pembangunan


1. Pengukuhan peranan **Bandar Kluang** sebagai **pemangkin pembangunan wilayah pertumbuhan Barat Tengah Johor.**
2. Menjadikan Daerah Kluang sebagai **Pusat Pertanian Moden** (peningkatan R&D dan aplikasi teknologi – Agroteknologi dan bioteknologi).
3. Peningkatan fungsi Bandar Kluang sebagai **pusat pelancongan agro dan ekologi semula jadi.**
4. **Mempertingkatkan kualiti infrastruktur** dan kemudahan awam selaras keperluan pembangunaan dan masa depan.
5. Penekanan kepada **pengurusan alam sekitar** dan **sumber semula jadi** yang lebih efektif bagi kawasan tadahan air, kawasan hutan dan rizab perhilitan.

Kawasan RT Daerah Kluang 2004-2020 mengguna pakai **Konsep Pembangunan Penyerakan Berpusat** sebagai strategi pembangunan spatial.

3 Aspek Utama dalam Konsep Pembangunan Penyerakan Berpusat

- Pembangunan Pusat Petempatan
- Pembangunan Asas Ekonomi
- Pembangunan Guna Tanah

Konsep Pembangunan Penyerakan Berpusat



Sumber : RT Daerah Kluang 2020 (Penggubahan)


DRAF

vi. Rancangan Kawasan Khas Bandar Kluang

STRATEGI AWAL

1. Pengekalan bangunan warisan
2. Membentuk imej & berkepentingan sejarah
3. Meningkatkan imej pusat bandar & landskap
4. Kemudahan, sistem lalu lintas dan keutamaan pejalan kaki
5. Pengurusan imej & keselamatan bandar


Rajah 2.10 : Cadangan Tindakan Pembangunan Keseluruhan Kawasan



Sumber : Rancangan Kawasan Khas Bandar Kluang

RAJAH 2.11 PELAN GUNA TANAH SEMASA 2019 DAERAH KLUANG

2.2 PROFIL FIZIKAL



Bagi Daerah Kluang, 4.68% merupakan kawasan tepu bina yang terdiri daripada pusat petempatan, komersial, industri, institusi dan kemudahan masyarakat. Bandar Kluang dan Bandar Simpang Renggam merupakan kawasan utama pembangunan Daerah Kluang.

12.51% merupakan kawasan hutan yang terdiri daripada Hutan Simpan, kawasan berhutan dan rizab hidupan liar.

Manakala 80.29% adalah kawasan pertanian yang merupakan tanaman industri komoditi seperti kelapa sawit, tanaman buah-buahan serta sayur-sayuran.

Kawasan Tepu Bina (14,494.52 Hektar) 4.68%


- 0.91% Perumahan (2,614.95 hektar)
- 0.12% Komersial (33.89 hektar)
- 0.34% Industri (966.24 hektar)
- 0.64% Institusi dan Kemudahan Masyarakat (1,844.64 hektar)
- 0.10% Tanah Lapang dan Rekreasi (288.04 hektar)
- 2.14% Pengangkutan (6,216.03 hektar)
- 0.43% Infrastruktur dan Utiliti (1,237.76 hektar)

Kawasan Bukan Tepu Bina (272,032.63 Hektar) 95.32%

- 0.64% Tanah Kosong (1,825.40 hektar)
- 80.29% Pertanian (230,003.87 hektar)
- 12.51% Hutan (35,842.73 hektar)
- 1.88% Badan Air (5,366.57 hektar)

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 2.12 TABURAN PEMBANGUNAN KOMITED




1. Cadangan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru
2. Cadangan Meroboh dan Membina Semula Stesen Keretapi Mengkibol
3. Cadangan Meroboh dan Membina Semula Stesen Keretapi Kluang
4. Cadangan Meroboh dan Membina Semula Stesen Keretapi Paloh
5. Cadangan Pembangunan Perindustrian (Sederhana & Ringan)
6. Cadangan Pembangunan Perindustrian Ringan
7. Cadangan Pembangunan Ladang Solar Beserta Komponen Sokongan Yang Berkaitan
8. Cadangan Pembangunan 9 Unit Industri Sesebuah
9. Cadangan Pembangunan Markas Rejimen Ke-33 Artileri Diraja (33 RAD) & 8 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (8 SKNRAJD) Tentera Darat Malaysia
10. Cadangan Pembangunan Perumahan dan Perindustrian
11. Cadangan Pembangunan Industri Tekstil Beserta Komponen Sokongan
12. Cadangan Pembangunan Kawasan Perdagangan dan Plot Perniagaan
13. Cadangan Komited Pembangunan Perumahan, Industri dan Komersial

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


RAJAH 2.13 TREND PEMBANGUNAN GUNA TANAH

Guna Tanah Cadangan RT Daerah Kluang 2020 (Pengubahan)



Sumber : Kajian RTD Kluang 2020 (Pengubahan)

Guna Tanah Semasa RT Daerah Kluang, 2019



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

BANDAR KLUANG

Sebahagian kawasan perumahan, komersial dan industri dikira sebagai komited seperti cadangan perniagaan dan plot perniagaan, pembangunan industri tekstil beserta komponen sokongan, pembangunan industri ringan dan sederhana serta ladang solar.


BANDAR SIMPANG RENGGAM

Terdapat cadangan komited bagi pembangunan perumahan, komersial, dan perindustrian yang meliputi cadangan industri ringan dan sederhana, kilang sesebuah, dan Taman Perindustrian Simpang Renggam fasa 2.

KLUANG, PALOH, MENGKIBOL


Cadangan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru merupakan cadangan komited utama yang melibatkan kerja-kerja meroboh dan membina semula stesen Kereta Api Kluang, Paloh dan Mengkibol.

RAJAH 2.14 PELAN KESEDIAAN TANAH DAERAH KLUANG



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 2.15 PELAN KESESUAIAN TANAH DAERAH KLUANG



PETUNJUK :

- Tidak Berpotensi (23,725.56 hektar)
- Kurang Berpotensi (76,143.04 hektar)
- Sederhana Berpotensi (10,426.92 hektar)
- Berpotensi (173,749.30 hektar)
- Sangat Berpotensi (5,053.76 hektar)

Analisis ini menggunakan teknik Multi Criteria Decision Making (MCDM) bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan dan tidak boleh dibangunkan serta kesesuaian tanah yang boleh dibangunkan bagi Daerah Kluang.

Beberapa kriteria digunakan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan tersebut seperti kawasan tepubina, pembangunan komited, kawasan berkecerunan lebih 35 darjah, ketinggian melebihi 300m, hutan serta badan air, KSAS serta sempadan bandar.


Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


RAJAH 2.16 HIERARKI PETEMPATAN SEMASA DAERAH KLUANG

Daerah Kluang mempunyai satu (1) Pusat Wilayah Negeri (PWN) yang berfungsi sebagai pemangkin pembangunan bagi Wilayah Pertumbuhan Barat-Tengah Johor dan disokong oleh Bandar Simpang Renggam sebagai Pusat Separa Wilayah.



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

a. Pusat Wilayah Negeri – Bandar Kluang




- Pusat Pentabiran Utama.
- Fungsi utama adalah perniagaan dan perkhidmatan, institusi dan kemudahan masyarakat, tanah lapang dan rekreasi - Kawasan Zon Promosi Pembangunan.
- Jumlah penduduk Bandar Kluang adalah 53,442 orang pada tahun 2010. Unjuran penduduk telah dilakukan untuk mengetahui pertumbuhan penduduk sehingga tahun 2030 (67,413 orang).
- Peratus kadar pertumbuhan purata tahunan (KPPT) penduduk bandar merupakan 1.15 peratus.

2010	2018	2025	2030
53,442	58,793	63,825	67,413
KPPT % : 1.15 (2010-2030)			

Sumber:
: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2020
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

b. Pusat Separa Wilayah Negeri – Bandar Simpang Renggam




- Merupakan blok perancangan utama selepas Bandar Kluang.
- Bandar perkhidmatan untuk Daerah Kluang.
- Aktiviti di bandar melibatkan aktiviti berasaskan perkhidmatan, kemudahan awam, tanah lapang dan rekreasi.
- Jumlah penduduk Bandar Simpang Renggam adalah 2,321 orang pada tahun 2010.
  Unjuran penduduk telah dilakukan untuk mengetahui pertumbuhan penduduk sehingga tahun 2030 (3,215 orang).
- Peratus kadar pertumbuhan purata tahunan (KPPT) penduduk bandar merupakan 1.94 peratus.

2010	2018	2025	2030
2,321	2,553	2,883	3,215
KPPT % : 1.94 (2010-2030)			

Sumber:
: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2020
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

c. Pusat Petempatan Utama

PEKAN PALOH




- Pintu masuk dari Daerah Segamat.
- Peningkatan kepada imej, ciri warisan dan identiti bandar serta segala kemudahan asas, infrastruktur dan utiliti.
- Jumlah penduduk Pekan Paloh adalah 3,994 orang pada tahun 2010. Unjuran penduduk telah dilakukan untuk mengetahui pertumbuhan penduduk sehingga tahun 2030 (4,128 orang).

2010	2018	2025	2030
3,994	4,058	4,101	4,128
KPPT % : 0.14 (2010-2030)			

Sumber:
: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2020
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

PEKAN KAHANG




- Pintu keluar masuk dari bahagian timur ke Daerah Mersing iaitu hentian terakhir sebelum ke Taman Negara Endau Rompin (TNER).
- Berfungsi sebagai sebuah pusat perkhidmatan pertanian serta pusat perdagangan dan perkhidmatan bertaraf sederhana.
- Jumlah penduduk Pekan Kahang adalah 2,781 orang pada tahun 2010.
- Unjuran penduduk telah dilakukan untuk mengetahui pertumbuhan penduduk sehingga tahun 2030 (3,498 orang).

2010	2018	2025	2030
2,781	3,035	3,295	3,498
KPPT % : 1.19 (2010-2030)			

Sumber:
: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2020
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

PEKAN RENGGAM




- Pusat petempatan dan perkhidmatan pertanian.
- Berfungsi sebagai transit di antara Pekan Layang-layang dengan Pusat Bandar Kluang. Jumlah penduduk Pekan Renggam adalah 2,372 orang pada tahun 2010. Unjuran penduduk telah dilakukan untuk mengetahui pertumbuhan penduduk sehingga tahun 2030 (2,991 orang).

2010	2018	2025	2030
2,372	2,472	2,669	2,991
KPPT % : 1.60 (2010-2030)			

Sumber:
: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2020
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

PEKAN LAYANG-LAYANG




- Pusat perkhidmatan pertanian bagi kawasan selatan Daerah Kluang.
- Jumlah penduduk Pekan Layang-Layang adalah 1,793 orang pada tahun 2010. Unjuran penduduk telah dilakukan untuk mengetahui pertumbuhan penduduk sehingga tahun 2030 (2,453 orang).

2010	2018	2025	2030
1,793	2,068	2,311	2,453
KPPT % : 1.43 (2010-2030)			

Sumber:
: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2020
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

PEKAN MACHAP



- Zon perkhidmatan kepada Bandar Simpang Renggam.
- Mendapat limpahan fungsi Bandar Ayer Hitam yang menawarkan barangan-barangan terhad seperti produk seramik dan warisan.
- Jumlah penduduk Pekan Machap adalah 1,202 orang pada tahun 2010. Unjuran penduduk telah dilakukan untuk mengetahui pertumbuhan penduduk sehingga 2030 (1,597 orang).

2010	2018	2025	2030
1,202	1,365	1,504	1,597
KPPT % : 1.32 (2010-2030)			

Sumber: 1) Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2020
2) Kajian RT Daerah Kluang, 2030 (Penggantian)

DRAF


Pengurusan Alam Sekitar

Kualiti Air Sungai

i. Daerah Kluang terletak di empat (4) lembangan sungai iaitu lembangan **Sungai Johor, Sungai Endau, Sungai Batu Pahat dan Sungai Benut.** Sungai Johor terdiri dari tiga (3) sungai iaitu Sungai Sayong, Sungai Remis dan Sungai Penggeli. Lembangan Sungai Endau terdiri dari sebelas (11) sungai iaitu Sungai Kahang, Sungai Mengkibol, Sungai Paloh, Sungai Selai, Sungai Semberong, Sungai Mamai, Sungai Melantai, Sungai Pamol, Sg Singol, Sungai Tamok dan Sungai Jebong. Sungai Amran dan Sungai Berlian terletak di lembangan Sungai Batu Pahat dan Sungai Benut, Sungai Parit Hj. Yassin dan Sungai Ulu Benut terletak di lembangan Sungai Benut. Sungai Kahang mempunyai fungsi dari segi sumber bekalan air minuman iaitu Skim Pembekalan Air untuk Daerah Kluang.


ii. Sungai Jebong, Sungai Melantai, Sungai Paloh dan Sungai Sigol pernah mencatatkan status kualiti air sungai yang telah tercemar (IKA <60) dan sederhana tercemar (IKA 60-80).

Rajah 2.17: Trend Indeks Kualiti Air Tahunan (2013 – 2016)



Sumber : Laporan Kualiti Alam Sekeliling Malaysia, 2016

Rajah 2.18 : Sistem Saliran Semulajadi dan Lembangan Sungai




Sumber:
: Jabatan Alam Sekitar Putrajaya Bahagian Air dan Marin, 2019
: Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2015
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Kualiti Air Muka Sauk

i. Kualiti air di Hulu Muka Sauk di Daerah Kluang terletak di Lembangan Sungai Batu Pahat yang melibatkan Empangan Sungai Semberong, Lembangan Sungai Benut di Empangan Sungai Machap dan Lembangan Sungai Endau di Sungai Kahang.

Rajah 2.19 : Tren Indeks Kualiti Air Di Hulu Muka Sauk (2014 – 2016)



Sumber : Laporan Kualiti Alam Sekeliling Malaysia, 2016

Kualiti Udara

i. Berdasarkan status kualiti udara di Daerah Kluang pada Julai 2017 – Oktober 2017 dan Jun 2018 – September 2018 menunjukkan status kualiti udara di Daerah Kluang berada pada status sederhana. Ini berikutan keadaan berjerebu yang ketika ini sedang melanda kawasan kajian. Pada November 2017 – Mei 2018 dan Oktober 2018 – Disember 2018, status kualiti udara berada pada status baik.

Jadual 2.3 : Status Kualiti Udara di Kluang

STATION ID	TARIKH	API AVG
CA32J	2018-12	43.2728
	2018-11	45.4139
	2018-10	48.5739
	2018-9	56.1639
	2018-8	58.9651
	2018-7	57.6223
	2018-6	53.1972
	2018-5	49.6477
	2018-4	46.7667
	2018-3	49.7187
	2018-2	46.7754
	2018-1	33.9516
	2017-12	41.0152
	2017-11	41.6903
	2017-10	53.6725
	2017-9	53.7597
	2017-8	54.5343
	2017-7	57.2991


Sumber : Jabatan Alam Sekitar, 2019

Geobencana Risiko Banjir dan Empangan

i. Geobencana Risiko Banjir

Banjir besar berlaku disebabkan kenaikan aras sungai 7.70m dengan lebihan 0.70 meter menyebabkan pelepasan air sebanyak 10.70 juta m^3 berlaku. Purata kedalaman banjir yang berpunca dari kejadian tersebut adalah 0.5m – 1.9m merangkumi keluasan banjir seluas 10 hektar – 50 hektar.

Rajah 2.20 : Kawasan Risiko Banjir



Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

ii. Geobencana Risiko Empangan

Kawasan tadahan air/empangan merupakan kawasan utama untuk menakung air yang dikategorikan sebagai KSAS di mana ia berfungsi sebagai sokongan hidup yang tinggi. Sekiranya kawasan ini tidak dilindungi maka sumber air akan terjejas.

Aktiviti pembangunan, kemudahan infrastruktur, aktiviti pembalakan dan pertanian dikawal dengan ketat serta perlu berada di lingkungan Kelas I hingga II mengikut Indeks Kualiti Air Kebangsaan. Selain itu, kemudahan pengolahan kumbahan dan tapak pelupusan sisa tidak dibenarkan dalam kawasan tadahan air empangan.

Perhutanan

Terdapat 5 Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Daerah Kluang serta fungsi :


Jadual 2.4 : Hutan Simpanan Kekal Beserta Fungsi.

HUTAN SIMPANAN KEKAL	FUNGSI								
	PENGELUARAN	HD	HKB	HUTAN PELAJARAN	HPY	HUTAN LIPUR	HTA	CAD. HSK	CAD. HS
Kluang	√								
Renggam		√	√						
Lenggor		√	√	√	√	√	√		
Labis Tengah		√							√
Labis Timur								√	

Nota:
HS: Hutan Simpan
HSK: Hutan Simpan Kekal
HKB: Hutan Kawalan Banjir
HD: Hutan Dara
HPY: Hutan Penyelidikan
HTA: Hutan Tadahan Air

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Johor, 2019

RAJAH 2.21 KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Infrastruktur Dan Utiliti

Bekalan Air

Bekalan Air : Mencukupi dengan margin lebihan 10% (Dengan adanya LRA/Empangan Kahang) dengan mengambil kira kadar air tidak terakaun 25%, tetapi sasaran NRW hendak mencapai 15% margin bekalan air bersih dapat mencapai 20% sehingga tahun 2030.

Rajah 2.22 : Kapasiti dan Pengeluaran Loji Bekalan Air Daerah Kluang Tahun 2018




	LRA Kahang Baru	LRA Kahang Timur	LRA Sembrong Timur	LRA Sembrong Barat	LRA Simpang Renggam
Kapasiti Pengeluaran (jlh)	3.18	4.55	26	80	64
Pengeluaran (jlh)	2.7	2.9	31	80	60

Sumber: Ranhill Syarikat Air Johor, 2019

Bekalan Elektrik

Elektrik : mencukupi dengan mangin lebihan 60% serta 2PMU baru (PMU Kahang & Matrix Concept) menjelang 2030.

Rajah 2.23 : Tahap Kapasiti dan Pengeluaran Pencawang Masuk Utama




	PMU Kluang Industrial 132/11kV	PMU Kluang New 132/11 kV	PMU Kluang New 132/11 kV	PMU Nyior 132/11 kV	PMU Mengkibol 132/11 kV	PMU Renggam 132/11 kV	PMU Simpang Renggam 132/11 kV
Kapasiti Pengeluaran (MVA)	120	60	180	60	60	30	60
Pengeluaran (MVA)	44.43	19.97	17.14	29.99	21.94	11.48	16.36

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, TNB 2019

Pengurusan Sisa Pepejal

Sisa pepejal : Tapak Pelupusan Baru di Bukit Payung dengan Kapasiti 1266 tan/hari, janaan kluang dengan S.Renggam hanya 200 tan/hari menjelang tahun 2030.

Rajah 2.25 : Janaan Sisa Pepejal dan Kapasiti Tapak Pelupusan Sanitari Seelong (Tan/Hari)




	Janaan Sisa Pepejal	Kapasiti TP Seelong
TP Seelong		
MDSR/MP Kluang/ MPBP	277.73	
MP Kulai	132.42	
MBIP	505.85	
MBJB	600.51	2000

Sumber: Data Janaan Sisa Pepejal SWCorp Malaysia, 2016

Sistem Pembentungan

Pembetungan : Strategi Loji Rawatan Sisa Kumbahan Serantau (6 Unit) dengan kapasiti 25,000 PE - 300,000 PE.

Rajah 2.24 : Tahap Penggunaan Sistem Pembetungan Daerah Kluang



Sumber: Indah Water Konsortium, IWK Sdn Bhd.

Telekomunikasi

Rajah 2.26 : Capaian Liputan Mudah Alih Daerah Kluang

Operator	Download (Mbps)	Upload (Mbps)	Latency (ms)	Signal
Celcom	12.18	4.72	56	
DiGi	12.42	3.75	59	
Maxis	15.23	4.85	46	
U Mobile	8.09	4.35	58	
unifi	6.93	3.40	46	

DRAF

Bekalan Gas

Jadual 2.5 : Kawasan Pengagihan Bekalan Gas Berpusat (Sistem Saliran Paip Gas)

WILAYAH				
Perkara	Utara	Tengah	Timur	Selatan
Purata Penggunaan Bulanan Bekalan Gas (MMBTU/Bulan)	2,841,723	5,717,178	972,546	3,699,431
Bil. Tapping Bekalan Gas	10	9	4	12
Bil. Pelanggan Perindustrian	141	337	39	278
Bil. Pelanggan Komersil	0	860	1	1
Bil. Pelanggan Perumahan	0	12,488	83	0

Sumber: Tenaga Nasional Berhad, TNB 2019

Pengairan dan Saliran


Jadual 2.6 : Senarai Maklumat Empangan

EMPANGAN	KAWASAN TADAHAN (Hek.)	KAWASAN EMPANGAN	AGENSI
Empangan Kahang, Kluang	2,766	5.20 km2	BAKAJ
Empangan Machap	8,530	9.90 km2	JPS Kluang
Empangan Bekok	35,402	12.00 km2	JPS (Segamat)
Empangan Linggiu	20,430	55.00 km2	PUB Singapura
Empangan Sembrong	13,644	8.50 km2	JPS (Batu Pahat)

Jadual 2.7 : Senarai Kawasan Risiko Banjir


Bil	Nama Sungai	Tempat	Kawasan Risiko Banjir	Purata Kedalaman Banjir
1	Sg. Mengkibol	Bandar Kluang	1. Kg. Mengkibol 2. Kg. Palembang Lama & Baru 3. Kg. Bentong	1.5m 2.5m 2.5m
2	Sg. Sembrong Kecil	Batu 4 Jalan Mersing/ Kluang	1. Kg. Sri Cahaya 2. Kg. SC	1.8m 1.8m
3	Sg. Kahang	Baru 26, Jln Mersing/ Kluang	1. Kg. Contoh 2. Kg. Sri Lukut	2.5m 2.5m
4	Sg. Sayang Rengam	Renggam	1. Kg. Baru Renggam 2. Kg. Tengah Renggam	1.0m 1.0m
4	Sg. Sayang Layang-Layang	Layang-Layang	1. Kg. Sg. Siam 2. Kg. Melayu Layang - Layang	1.7m 1.2m
6	Sg. Macap	Batu 50, Jalan Air Hitam/ Johor Bahru	1. Kg. Sg Linau 2. Kg. Sri Maju Jaya	1.9m 1.9m
7	Sg. Benut	Jalan Nanas	1. Kg. Chokro 2. Kg. Kolam Air	1.9m 3.2m
8	Sg. Melantai	Jambatan JKR Kg. Bentong	1. Kg. Bentong	2.5m

Rajah 2.27: Pelan Risiko Banjir



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 2.28 PELAN RANGKAIAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Sistem Perhubungan Dan Pengangkutan

Rangkaian Jalan Raya

Jadual 2.8: Tahap Liputan Mengikut Mod Pengangkutan (Perhubungan Wilayah)

HUBUNGAN WILAYAH	MOD PENGANGKUTAN	
	JALAN RAYA	KERETAPI
HUBUNGAN PERINGKAT ANTARABANGSA		
Singapura	Lebuhraya Utara – Selatan (E2)	KTM *Intercity* Pulau Sebang - JB Sentral seterusnya KTM Intercity JB Sentral - Woodlands
	Laluan Persekutuan 1	
HUBUNGAN PERINGKAT WILAYAH		
Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis	Lebuhraya Utara – Selatan (E2)	KTM *Intercity* JB Sentral - Pulau Sebang dan transit di Gemas menaiki KTM ETS Padang Besar / Butterworth
Kuala Lumpur, Selangor	Lebuhraya Utara – Selatan (E2)	
	Laluan Persekutuan 1	
Negeri Sembilan, Melaka	Lebuhraya Utara Selatan (E2)	KTM *Intercity* JB Sentral - Pulau Sebang
	Laluan Persekutuan 1	
	Laluan Persekutuan 50	
Kelantan, Terengganu, Pahang	Laluan Persekutuan 1	KTM *Intercity* JB Sentral - Tumpat
	Laluan Persekutuan 50	


Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 2.9 : Tahap Liputan Pengangkutan Peringkat Daerah dan Tempatan

DAERAH	JALAN RAYA	KERETAPI
Mersing	Laluan Persekutuan 50	Tiada
Kota Tinggi	Laluan Persekutuan 91	Tiada
Kulai	Laluan Persekutuan 1	KTM *Intercity* JB Sentral – Tampin
	Laluan Persekutuan 93 melalui Laluan Persekutuan 91	
Pontian	Laluan Persekutuan 1	Tiada
	Laluan Persekutuan 96	
Batu Pahat	Lebuhraya Utara - Selatan (E2)	Tiada
	Laluan Persekutuan 1	
	Laluan Persekutuan 50	
Segamat	Laluan Persekutuan 1	KTM *Intercity* JB Sentral – Tampin

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Rajah 2.29 : Inventori Semasa Jalan Raya Daerah Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Pengangkutan Awam

Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti

Dikendalikan beberapa syarikat seperti Syarikat Kenderaan S&S Sdn Bhd, Johor Motor Bus Company Sdn Bhd, City Bus, Kembara CT Enterprise Sdn Bhd (Bas Muafakat), Koperasi Pengangkutan Melayu Kluang Berhad.

Perkhidmatan Bas

Stesen bas utama di Terminal Pengangkutan Awam Bandar Kluang.
Tujuh (7) syarikat yang menawarkan perkhidmatan iaitu syarikat KKKL Sdn Bhd, Orkid Express, S&S International Express, Cepat Express, Satria Express, KPB Express dan Starmat Express.

Perkhidmatan Teksi dan Kereta Sewa

Perkhidmatan teksi di Terminal Bas Renggam dikendalikan secara persendirian disebabkan permintaan yang rendah.
Isu persaingan dengan perkhidmatan e-*hailing*.

Perkhidmatan Kereta Api

5 stesen kereta api yang menghubungkan selatan dan pantai timur Malaysia iaitu Stesen Kluang, Stesen Chamek, Stesen Kluang, Stesen Renggam dan Stesen Layang-Layang.
Lapan (8) laluan perkhidmatan tren antara bandar.



Foto: Perkhidmatan Teksi/ Kereta Sewa di Terminal Pengangkutan Awam Bandar Kluang.





Jumlah undi: 72,000
Teksi: 3,492 (4.9%)
Grab: 68,500 (95.1%)



Foto: Terminal Pengangkutan Awam Bandar Kluang.



Foto: Terminal Bas Simpang Renggam.




Foto: Perhentian Bas dan Teksi Renggam.



Foto: Pusat Perhentian Bas Paloh.

DRAF

Pengurusan Lalu Lintas

Kajian pengurusan lalu lintas bagi daerah Kluang dilakukan merangkumi penilaian terhadap:-

- Isipadu lalu lintas pusat bandar (persimpangan dan jalan raya);
- Rangkaian laluan pejalan kaki (termasuk lintasan pejalan kaki dan jejantas); dan
- Tempat letak kenderaan.

Sirkulasi

Aliran lalu lintas bagi bandar Kluang terdiri daripada aliran lalu lintas sehala dan dua hala.

Jalan Sehala:

i) Jalan Dato Siew Khoo
ii) Jalan Sultanah
iii) Jalan Dato Haji Hasan
iv) Jalan Dato Rauf
v) Persiaran Yayasan
vi) Jalan Dato Kapten Ahmad

Jalan Dua Hala:

i) Jalan Sultan
ii) Jalan Mersing
iii) Jalan Penghulu Kasim
iv) Jalan Dato Tan Seng Leong
v) Jalan Omar
vi) Jalan Rambutan
vii) Jalan Haji Manan
viii) Jalan Ciku
ix) Jalan Durian
x) Jalan Langsat
xi) Jalan Manggis
xii) Persiaran Dato Ismail Hassan

Laluan Pejalan Kaki

Laluan pejalan kaki di Bandar Kluang disediakan terdiri daripada laluan di hadapan premis perniagaan, kiri dan kanan jalan.

Tempat Letak Kenderaan


Tempat letak kenderaan di Bandar Kluang terdiri daripada tempat letak kenderaan berpusat dan *on-street parking*.

i) Berpusat : disediakan oleh badan / agensi kerajaan untuk pelanggannya (Jumlah: 499 unit)
ii) *On-street parking* : Perletakan kenderaan di hadapan premis perniagaan (Jumlah: 2,445 unit)

Namun pada keadaan semasa terdapat juga perletakan kenderaan secara tidak sah. Hal ini disebabkan penyediaan tempat letak kenderaan yang tidak mencukupi.


Jumlah Tempat Letak Kenderaan
On-Street Parking : 3,123 unit
Berpusat: 499 unit
Tidak Sah: 329 unit

Rajah 2.30 : Pelan Pengurusan Lalu Lintas Bandar Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Rajah 2.31 : Pelan Pengurusan Lalu Lintas Bandar Simpang Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Sirkulasi

Aliran lalu lintas bagi bandar Simpang Renggam secara keseluruhannya terdiri daripada aliran lalu lintas dua hala kecuali Jalan Pasar dan Jalan Bintang Ria yang pada keadaan semasa beroperasi sebagai jalan sehala.

Jalan dua hala:

1. Jalan Besar
2. Jalan Melati
3. Jalan Kenanga
4. Jalan Kg. Baru
5. Jalan Parit Hj Hashim
6. Jalan Simpang Renggam
7. Jalan Mutiara
8. Jalan Bukit
9. Jalan Nagaria 3
10. Jalan Pagar
11. Jalan Sekolah

Laluan Pejalan Kaki

Laluan pejalan kaki di Bandar Simpang Renggam disediakan di sepanjang Jalan Besar bermula perhentian bas Kg. Chokro sehingga hadapan kedai di Jalan Delima. Terdapat juga jejantas di hadapan pejabat pos.

Isu semasa adalah terdapat anjing liar berkeliaran menyebabkan pengguna takut untuk berjalan kaki seterusnya menyebabkan laluan yang disediakan tidak digunakan.

Tempat Letak Kenderaan

Tempat letak kenderaan yang disediakan di Bandar Simpang Renggam adalah jenis *on-street parking*. Pada keadaan semasa terdapat 665 unit tempat letak kenderaan telah disediakan. Namun kerana ketidakcukupan tempat letak kenderaan, terdapat pengguna yang meletakkan kenderaan mereka secara tidak sah. **Rajah 2.71** menunjukkan pengurusan lalu lintas pusat Bandar Simpang Renggam.

2.3 PROFIL EKONOMI

A. Perniagaan dan Perkhidmatan

i. Kekosongan Premis Perniagaan Sedia Ada

Sebanyak **4,213** kekosongan premis perniagaan :

Di dalam Pentadbiran :

Majlis Perbandaran Kluang **3,307** buah

Majlis Daerah Simpang Renggam **906** buah

ii. Percanggahan aktiviti yang tidak dibenarkan di kawasan premis perniagaan

Sebanyak **354** Percanggahan Aktiviti (Asrama Pekerja)

Di dalam Pentadbiran :

Majlis Perbandaran Kluang **193** buah

Majlis Daerah Simpang Renggam **161** buah


Sebanyak **685** Percanggahan Aktiviti (Burung Walit)

Di dalam Pentadbiran :

Majlis Perbandaran Kluang **579** buah

Majlis Daerah Simpang Renggam **106** buah

RAJAH 2.32 : RUMUSAN PENEMUAN PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

B. Perindustrian

Jadual 2.10 : Pemutihan Industri Mengikut Mukim di Kluang

MUKIM	PEMUTIHAN INDUSTRI	
	UNIT	PERATUS (%)
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG		
Kahang	10	11
Kluang	26	29
Niyor	5	5
Paloh	9	10
JUMLAH	**50**	**55**
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM		
Layang-Layang	17	19
Machap	4	4
Renggam	10	11
Ulu Benut	10	11
JUMLAH	**41**	**45**
JUMLAH KESELURUHAN	**91**	**100**


Sumber: Pejabat Tanah Kluang, 2019





Sumber: Pejabat Tanah Kluang, 2019

RAJAH 2.33 : RUMUSAN PENEMUAN PERINDUSTRIAN



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Pelancongan

i. Kedatangan Pelancong


Pelancong Bermalam di Johor 2018
7.61 Juta Pelancong Bermalam
66% Domestik
34% Antarabangsa

Penawaran Hotel & Bilik di Johor 2018
487 Hotel = 29,558 Bilik

Purata Kadar Penghunian di Johor 2018
58.7 %

Purata Kadar Tempoh Menginap 2018
2.44 Hari

Rajah 2.34 : Bilangan Pelancong yang Bermalam di Johor, 2010 – 2018



Sumber: My Tourism Data Portal 2019, Tourism Malaysia

ii. Produk dan Tarikan bagi Daerah Kluang

Jadual 2.11: Produk-Produk Pelancongan Mengikut Kategori, Taraf Tarikan dan Keutamaan di Peringkat Daerah

KATEGORI	PRODUK/TARIKAN PELANCONGAN
Pelancongan Bandar, Seni Warisan, Sejarah dan Budaya	Stesen Keretapi Kluang & *Kluang Rail Coffee*
	Laman Kreatif Kluang
	Laman Pesona Kluang
	Warisan Bangunan Lama
	Muzium Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD), Kem Mahkota
	Pekan Paloh
	Bandar Renggam
Ekopelancongan	Hutan Lipur Gunung Belumut
	Hutan Rekreasi Gunung Lambak
	Kahang *Adventure Eco Camp* (Kg. Sri Lukut)
	Air Terjun Sungai Yong (Felda Ulu Dengar)
Pelancongan Rekreasi dan Sukan	Tropical Village
	Dataran Tasik
	Laman Tasik MPK Kluang
	Taman Rekreasi Sungai Teminggol (Kampung Sri Lukut)
	Taman Merdeka
	Diamond Hill Kluang (Jalan Padang Tembak)
	Kem Massmerah
	Kluang Golf & Country Club (18 lubang)
Pelancongan Agro	Ladang *Nanas Golden Pine* (Kampung Isnin Maarof)
	Rassuria *Dairy Goat Farm*
	Ladang Integrasi Hj. Md Judyar
	BSL *Ecofarm*
	Durian Farmstay
	Ladang Alifah

KATEGORI	PRODUK/TARIKAN PELANCONGAN
Pelancongan Berasaskan Makanan dan Produk IKS	Terompah Mastor
	Kompleks IKS Simpang Renggam (Perusahaan kerepek, makanan sejuk beku, produk penghasilan nanas dsb.)
	Hairie Food Industries (Kg. Dato' Ibrahim Majid)
	Perusahaan Nenas dan Madu Lebah Kelulut (Kg. Parit Ghani)
	AW Potery (Produk Seramik)
	Pengedar Ikan Hiasan, Layang-layang
	Kluang Coffee Factory (Cap Televisyen)
	Zainon Parang Kraf (Kg. Tengah)
	Saidina Food Industries (Taman Kiramas)
	Wak Tunot Enterprise (Kampung Tengah)
Pintu Masuk *(Gateway)*	Pekan Kahang
Perkampungan Tradisi, Inap Desa (Homestay) dan Perkampungan Orang Asli	Muafakat D'Harmony Homestay, Kampung Dato' Ibrahim Majid (Inap Desa)
	Homestay Felda Ulu Dengar (Inap Desa)
	Homestay Felda Ayer Hitam (Inap Desa)
	Kahang *Homestay* (Kampung Sri Lukut)
	Kampung Orang Asli Berasau
	Kampung Orang Asli Sungai Peroh (Kahang)
	Kellypojawani *Event Cafe & Guesthouse*


Sumber :
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020
: Majlis Perbandaran Kluang (MPK), 2019
: Majlis Daerah Simpang Renggam
: Tourism Johor, 2019



Foto: Antara Produk Tarikan Pelancongan Sedia Ada bagi Daerah Kluang yang Berpotensi dan Mempunyai Keunikan Tersendiri.

DRAFT

RAJAH 2.35 : PRODUK PELANCONGAN DAERAH KLUANG



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

iii. Kemudahan Sokongan Pelancongan: Kemudahan Penginapan

Terdapat 23 buah kemudahan penginapan yang telah dikenalpasti :

DI Bawah Pentadbiran :

- Majlis Perbandaran Kluang **16** buah
- Majlis Daerah Simpang Renggam **7** buah

iv. Kemudahan Sokongan Pelancongan: Penginapan Homestay Kampungstay

Terdapat tiga (3) homestay yang berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di Daerah Kluang :

- Homestay Muafakat D'harmoni Kg. Dato Ibrahim Majid
- Homestay Felda Ulu Dengar
- Homestay Felda Ayer Hitam

v. Kemudahan Sokongan Pelancongan: Kemudahan Makanan dan Minuman





vi. Pembangunan Pelancongan Kawasan Bersempadan

DAERAH SEGAMAT
Destinasi menarik di Daerah Segamat:
- Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai)
- Hutan Lipur Sungai Bantang, Bekok
- *Nova Holistic Organic Trigona Farm*
- *Segamat Sky Dive*
- Kolam Air Panas

DAERAH MERSING
- Kahang yang terletak di dalam daerah Kluang dan bersempadanan dengan daerah Mersing merupakan pintu masuk utama (*gateway*) ke Taman Negara Johor Endau-Rompin (Kg. Peta).
- Daerah Mersing juga terkenal dengan gugusan pulau-pulau Taman Laut.

DAERAH BATU PAHAT
Destinasi pelancongan yang terletak berhampiran sempadan Kluang dan menerima limpahan ekonomi secara tidak langsung adalah:
- *UK Farm*
- Taman Organik Zenxin
- Pekan Seramik Ayer Hitam
- Tugu Peringatan Ayer Hitam

DAERAH KOTA TINGGI
Destinasi menarik di Kota Tinggi tertumpu kepada tarikan tempat bersejarah, keindahan alam semula jadi, air terjun, taman buaya serta keindahan pantainya.



DAERAH PONTIAN
Destinasi menarik di Daerah Pontian:
- Muzium Bugis
- Muzium Nanas
- Taman Negara Pulau Kukup
- Taman Negara Tanjung Piai
- Pekan Kukup Fishing Village
- Taman Rekreasi Tampok Laut
- Taman Rekreasi Sungai Rambah

DAERAH KULAI
Daerah Kulai terkenal dengan tarikan alam semula jadi (Gunung Pulai 1), sukan golf dan lokasi membeli-belah (Johor Premium Outlet).

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Pertanian

i. Sub-sektor tanaman

Sub-Sektor Tanaman


88.31 % Tanaman Kelapa Sawit meliputi 203,028.86 hektar

5.52 % Tanaman Getah

0.81 % Tanaman Lain-lain

4.03 % Tanah Terbiar

Rajah 2.39 : Keluasan Guna Tanah Tanaman Mengikut Jenis Tanaman, 2019




Jadual 2.12 : Guna Tanah Tanaman Mengikut Jenis Tanaman dan Mukim, 2019

MUKIM	LUAS (HEKTAR)				
	KELAPA SAWIT	GETAH	TANAMAN LAIN	TANAH TERBIAR	JUMLAH
Kahang	34,196.32	592.74	647.04	1,611.45	37,047.55
Kluang	37,060.14	4,838.36	629.06	3,475.23	46,002.79
Niyor	21,230.60	1,571.85	0.00	639.70	23,442.15
Paloh	36,192.85	2,435.46	0.00	5.73	38,634.04
JUMLAH	**128,679.91**	**9,438.41**	**1,276.10**	**5,732.11**	**145,126.53**
Layang-layang	21,391.85	1.13	41.78	353.47	21,788.25
Machap	6,916.18	170.18	3,131.81	1,061.87	11,280.04
Renggam	39,259.00	2,722.97	296.96	554.98	42,833.91
Ulu Benut	6,781.92	358.88	185.54	1,555.91	8,882.25
JUMLAH	**74,348.95**	**3,253.16**	**3,656.09**	**3,526.23**	**84,784.45**
JUMLAH KESELURUHAN	**203,028.86**	**12,691.57**	**4,932.19**	**9,258.34**	**229,910.96**

Sumber: 1) Majlis Perbandaran Kluang (MPK), 2019
2) Majlis Daerah Simpang Renggam
3) Tourism Johor, 2019

RAJAH 2.36 : TABURAN GUNA TANAH PERTANIAN (TANAMAN) DAERAH KLUANG



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020



Foto: Buah Tandan Segar (BTS).



Foto: Antara Contoh Tanaman Lain yang Terdapat di Daerah Kluang.

DRAF

ii. Projek-projek Pertanian (Tanaman)

Rajah 2.37 : Senarai Projek-projek Pembanguan Tanaman mengikut Peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan

PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI

- Pembangunan Industri Pengeluaran Tanaman Makanan Utama
- Pembangunan Komoditi Berpotensi
- Pembangunan Industri Asas Tani
- Latihan Keusahawan Tani
- Program Galakan Peningkatan Pengeluaran Pertanian (PG3P)
- Program Pengembangan dan Pertandingan / Pengiktirafan Usahawan Tani
- Memperkukuh Kemudahan Kompleks Pertanian dan Pembangunan Pusat Informasi
- Memperkasa Industri Baka Baru Buah-Buahan Johor
- Pembangunan Tanah Terbiar
- Pembangunan Usahawan Tani (IAT)

PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Pembangunan Industri Kopi
- Pembangunan Kluster Bunga dan Tanaman Hiasan
- Bantuan Peningkatan Sayur-Sayuran
- Pembangunan Tanam Semula Buah Buahan Terpilih
- Pembangunan Kluster Tanaman Kontan
- Pembangunan Kluster Buah Betik
- Pembangunan Kluster Buah Durian
- Pembangunan Kluster Buah Pisang
- Pembangunan Pertanian Bandar
- Pembangunan Ladang Organik
- Program Agripreneur Muda
- Program Pembangunan Ladang Kontrak
- Program Insentif Pengukuhan myGAP dan myOrganic

iii. Skim dan Persijilan

16 buah ladang dari daerah Kluang telah menerima sijil MyGAP dengan anggaran **keluasan ladang 266.90 hektar.**

1 buah ladang dari daerah Kluang telah menerima sijil MyORGANIC dengan anggaran **keluasan ladang 1.5 hektar.**

iv. Sub-Sektor Penternakan Haiwan

9,9 juta ekor ternakan telah dicatatkan di daerah Kluang

v. Sub- Sektor Perikanan

Bagi daerah Kluang, terdapat hanya **seorang peserta bagi aktiviti ternakan ikan dalam sangkar** di bawah program ini

vi. Sub- Sektor Industri Asas Tani (IAT)

Jadual 2.13 : Produk Industri Asas Tani (IAT) di Daerah Kluang, 2018

JENIS PRODUK	BIL. USAHAWAN (ORANG)	JUMLAH PENDAPATAN TAHUNAN (RM)	PURATA PENDAPATAN BULANAN (RM)
IAT TANAMAN			
Kerepek Ubi dan Kerepek Pisang	11	680,000.00	56,660.00
IAT TERNAKAN			
Susu Segar & Berperisa	5	993,000.00	83,000.00
Sate	3	120,000.00	10,000.00
Telur Itik Segar/ Masin	2	91,800.00	8,000.00
Burung Puyuh Segar	1	54,000.00	4,500.00
Pakaian & Aksesori	1	60,000.00	5,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	**23**	**1,998,800.00**	**167,160.00**

Sumber: 1) Pejabat Pertanian Daerah Kluang, 2019
2) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kluang, 2019

vii. Pemasaran Hasil Tani


- Pasar Tani Pekan Paloh
- Pasar Tani Taman Sri Lambak
- Pasar Tani Kg. Melayu Kluang
- Pasar Tani Pekan Kahang
- Pasar Tani Taman Makmur
- Pasar Tani Layang-layang
- Pasar Tani Desaraya

DRAF

2.4 PROFIL SOSIAL


Jumlah dan Taburan Penduduk Semasa

Rajah 2.38 : Jumlah Penduduk dan KPPT Daerah Kluang , 1991-2018



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1991-2018

Rajah 2.39 : Jumlah Penduduk Keseluruhan bagi Daerah Kluang 2010-2018



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010-2018

MPK
2010: 206,644 Orang
2018: 243,700 Orang

MDSR
2010: 81,720 Orang
2018: 98,000 Orang

Unjuran Penduduk

MENJELANG 2030...

PENDUDUK
409,546
Orang

Jadual 2.14 : Unjuran Penduduk Daerah Kluang Mengikut Mukim , 2000-2030

KAWASAN/ MUKIM	TAHUN					KPPT (%)			
	2000	2010	2018	2025	2030	2000-2010	2010-2018	2018-2025	2025-2030
Negeri Johor	**2,584,997**	**3,230,440**	**4,689,994**	**5,756,252**	**6,218,551**	**2.25**	**4.77**	**2.97**	**1.56**
Daerah Kluang	**255,601**	**288,364**	**342,500**	**384,938**	**409,546**	**1.21**	**2.17**	**1.68**	**1.25**
Kahang	9,901	10,468	11,800	12,828	13,152	0.56	1.51	1.20	0.50
Kluang	149,689	177,105	210,100	234,791	247,992	1.70	2.16	1.60	1.10
Niyor	3,320	5,357	7,300	9,039	9,980	4.90	3.94	3.10	2.00
Paloh	16,420	13,714	14,400	14,757	14,868	-1.78	0.61	0.35	0.15
Layang-Layang	12,544	12,378	13,700	14,842	15,216	-0.13	1.28	1.15	0.50
Machap	5,317	6,077	7,100	7,718	7,953	1.34	1.96	1.20	0.60
Rengam	47,510	39,630	41,300	41,882	42,092	-1.80	0.52	0.20	0.10
Ulu Benut	10,900	23,635	36,800	49,082	58,294	8.05	5.69	4.20	3.50

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
: Draf RSN Johor 2030 (Kajian Semula)
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Sektor Ekonomi Utama



Sumber: Laporan Banci Ekonomi Negeri Johor, 2015 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Unjuran Tenaga Kerja

Jadual 2.15 : Unjuran Tenaga Kerja Daerah Kluang , 2010-2030

	TAHUN				
	2000	2010	2018	2025	2030
Penduduk Daerah Kluang	255,601	288,364	347,100	384,938	409,546
Penduduk Umur Bekerja	161,684	196,367	239,750	277,155	303,064
Tenaga Buruh	101,861	126,657	155,838	182,923	206,084
Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	63.00	64.50	65.00	66.00	68.00
Nisbah tenaga buruh : Penduduk	39.85	43.92	45.50	47.52	50.32

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Petempatan Desa

i. Terdapat 4 PPK dan 10 PPD di Daerah Kluang:

Jadual 2.16 : Pusat Petempatan Kecil dan Pusat Pertumbuhan Desa

PUSAT PETEMPATAN KECIL (PPK)	PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD)
• Chamek • Kg. Gajah • Kg. Paya • Sri Lalang	• Kg. Sri Lalang • Kg. Padang Tembak • Kg. Sri Lukut • Kg. Contoh • Kg. Melayu Batu 4 • Kg. Melayu Niyor • Kg. Tengah • Kg Dato' Ibarahim Majid • Kg. Hj. Noor • Kg. Paya Layang-Layang


ii. Empat (4) Pusat Komuniti Daerah sedia ada:
- PKD Kahang,
- PKD Felcra Batu 3 ½ Paloh,
- PKD Layang-layang dan
- PKD Melayu Niyor.

iii. Bagi kampung merangkumi empat (4) petempatan utama:
- Kampung Tradisional (183 kampung) merangkumi kampung induk (38 kampung) dan kampung rangkaian (145 kampung)
- Kampung Orang Asli (11 kampung)
- Kampung Baru Cina (18 kampung)
- Kampung Rancangan (FELDA – 9 kampung dan FELCRA – 1 kampung).

iv. **Tahap penerimaan** bekalan elektrik, bekalan air, sistem telekomunikasi dan sistem perhubungan di kawasan perkampungan telah mencapai **99%.**

v. Sumber pendapatan utama bergantung kepada **pertanian, penternakan, pekerjaan swasta dan kerja-kerja kampung.**
- Perusahaan dan Produk IKS
- Homestay/Inap Desa dan perkampungan orang asli
- Pelancongan Agro
- Produk SAWARI
- Pelancongan Desa

RAJAH 2.40 : TABURAN EKONOMI PETEMPATAN DESA




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Reka Bentuk Bandar

Daerah Kluang terdiri daripada dua (2) bandar utama iaitu Bandar Kluang (PWN) dan Bandar Simpang Renggam (PSW). **Rajah 2.41 dan Rajah 2.42** menunjukkan analisis pusat berdasarkan teori Kevin Lynch.

Rajah 2.43 : Hierarki Bandar Kluang dan Simpang Renggam

Bandar Kluang
Pusat Wilayah Negeri




Simpang Renggam
Pusat Separa Wilayah Negeri

Analisis imej pusat bandaar mengambil kira beberapa perkara antaranya ialah:

- Mercu Tanda;
- Pusat Tumpuan;
- Sempadan (*Edge*);
- Laluan; dan
- Kawasan.


RAJAH 2.41 : ANALISIS IMEJ PUSAT BANDAR KLUANG



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Secara keseluruhannya kawasan Pusat Bandar Kluang merupakan kawasan tumpuan pembangunan, mempunyai imej bandar lama dan baru yang tidak di selaraskan dari segi imej bagi memberi keserasian dari segi penyusunan reka bentuk. Mempunyai potensi pembangunan berorientasikan pejalan kaki memandangkan kawasan tumpuan yang hampir keseluruhannya mudah untuk dikunjungi. Aset semula jadi seperti Sungai Mengkibol yang berada di dalam pusat bandar berupaya berfungsi sebagai kawasan tarikan bandar.

RAJAH 2.42 : ANALISIS IMEJ BANDAR SIMPANG RENGGAM



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Bandar Simpang Renggam mempunyai rupa bentuk linear di mana pembangunan tertumpu di sepanjang jalan utama (Jalan Besar). Bandar ini memerlukan peningkatan dan pengukuhan imej memandangkan tiada elemen tersendiri atau mercu tanda yang menjadi identiti kawasan. Pengukuhan imej kawasan tumpuan juga perlu dipertingkat bagi menyokong aktiviti semasa dan membentuk imej bandar yang lestari.

Warisan

Warisan Daerah Kluang terdiri daripada warisan ketara (bangunan dan tapak semula jadi) dan tidak ketara (kopi). **Jadual dibawah** berikut merupakan senarai tapak dan bangunan warisan di Daerah Kluang dan Jadual menunjukkan gaya seni bina rumah kedai lama Daerah Kluang.


Jadual 2.17: Bilangan Tapak dan Bangunan Warisan di Daerah Kluang

BIL	MUKIM	TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN	STATUS	KUANTITI
1	Kluang	Hospital Lama Kluang (1931)	Senarai verifikasi JWN	1
2	Kluang	Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim (1963)	Permohonan perwartaan di bawah Akta Kebangsaan 2005 (Akta 645)	1
3	Paloh	Bangunan Balai Polis Paloh	Senarai verifikasi JWN	1
4	Kluang	Masjid Bandar Kluang	-	1
5	Kluang	Gereja St Louis (1929)	-	1
6	Kluang	Bangunan Stesen Keretapi Kluang	Senarai verifikasi JWN	1
7	Kluang	Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Kluang	Senarai verifikasi JWN	1
8	Kluang	Bangunan Rumah Kedai	Zon Warisan di dalam RKK Bandar Kluang (Akta 172 19(b))	256
9	Paloh	Bangunan Rumah Kedai	-	32
10	Kluang	Gunung Lambak	-	1
11	Kahang	Hutan Lipur Gunung Belumut	Hutan Lipur	1
12	Kahang	Kampung Orang Asli, Sungai Peroh	-	1
13	Kluang	Kampung Melayu Kluang	-	1
14	Renggam	Bangunan Kedai Lama	-	50
15	Renggam	Pejabat Pos Renggam	-	1
16	Layang-Layang	Pejabat Pos Layang-Layang	-	1
			Jumlah	**351**

Jadual 2.18 : Gaya Seni Bina Rumah Kedai di Pusat Bandar Kluang, Pekan Paloh dan Pekan Renggam

GAYA SENI BINA	BIL	PERATUS (%)
Pusat Bandar Kluang		
Utilitarian	74	22.08
Palladian	38	11.34
Art Deco	75	22.38
Early Modernism	69	20.59
Pekan Paloh		
Utilitarian	26	7.76
Palladian	4	1.19
Art Deco	0	0
Early Modernism	2	0.59
Pekan Renggam		
Utilitarian	41	14.02
Palladian	1	0.29
Art Deco	0	0
Early Modernism	5	1.49
Jumlah Keseluruhan	**335**	**100**

RAJAH 2.43 : LOKASI TAPAK WARISAN DAERAH KLUANG



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020



Kawasan Lapang Dan Rekreasi

i. Keseluruhan keluasan guna tanah kawasan lapang dan rekreasi Daerah Kluang adalah 289.61 hektar, iaitu 225.30 hektar di bawah pentadbiran MPK dan 62.37 hektar di bawah pentadbiran MDSR. Berikut adalah jadual pecahan guna tanah kawasan lapang dan rekreasi Daerah Kluang 2019.

Jadual 2.19 : Pecahan Guna Tanah Kawasan Lapang dan Rekreasi Daerah Kluang, 2019

KOMPONEN GUNA TANAH	MPK		MDSR		JUMLAH KESELURUHAN	
	Hektar	%	Hektar	%	Hektar	%
Tanah Lapang	197.90	88%	**58.10**	93%	257.94	89%
Kemudahan Sukan dan Rekreasi	12.88	6%	**0.61**	1%	13.49	5%
Kawasan Hijau	14.52	6%	3.66	6%	18.18	6%
Jumlah	**225.30**	**100**	**62.37**	**100**	**289.61**	**100**

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 2.20 : Perbandingan Peratusan Kawasan Lapang dan Rekreasi Daerah Kluang, 2019 Mengikut Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi

HIERARKI	Keluasan Mengikut Garis Panduan (Hektar)	Purata Keluasan Kawasan Lapang dan Rekreasi			
		MPK		MDSR	
		Hektar	%	Hektar	%
Taman Bandaran	**40**	35.98	89.95%	7.62	19.05%
Taman Kejiranan	**20**	2.72	13.60%	1.5	7.50%
Padang Permainan	**0.6**	0.49	81.67%	0.67	+ 11.67%
Lot Permainan	**0.2**	0.23	+ 15%	0.44	+ 120%


Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

ii. Penemuan analisis persepsi landskap memfokuskan lokasi tumpuan pembangunan, kawasan dan laluan pintu masuk utama Daerah Kluang.

iii. Berdasarkan penemuan secara keseluruhan Daerah Kluang memerlukan penambahbaikan imej landskap yang memberi kesan kepada pengindahan dan identiti kawasan.

iv. Penanaman pokok yang sama akan memberi kesan imej daerah bagi kedua-dua PBT.

RAJAH 2.44 : TABURAN KAWASAN LAPANG DAN REKREASI




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Perumahan

Perumahan merupakan salah satu keperluan asas sosial yang penting untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara dan terjamin. Jumlah perumahan yang mencukupi dan bersesuaian adalah perlu bagi mewujudkan keseimbangan di antara penawaran dan permintaan penduduk.


i. Perumahan Semasa Daerah Kluang Mengikut PBT

MUKIM	PERUMAHAN TERANCANG	PERUMAHAN TIDAK TERANCANG	JUMLAH KESELURUHAN	
	UNIT	UNIT	UNIT	%
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG				
Kahang	2,215	853	3,068	3.50%
Kluang	57,927	3,448	61,375	69.97%
Niyor	910	262	1,172	1.34%
Paloh	4,301	505	4,806	5.48%
Jumlah	**65,353**	**5,068**	**70,421**	**80.28%**
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM				
Layang-Layang	1,741	528	2,269	2.59%
Machap	208	875	1,083	1.23%
Renggam	5,666	1,449	7,115	8.11%
Ulu Benut	5,813	1,021	6,834	7.79%
Jumlah	**13,428**	**3,873**	**17,301**	**19.72%**
JUMLAH KESELURUHAN	**78,781**	**8,941**	**87,722**	**100.00%**



ii. Sasaran Keperluan Perumahan Sehingga 2030

RAJAH 2.45 : TABURAN KAWASAN PERUMAHAN,2019



Sumber: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

MUKIM	PENAWARAN AKAN DATANG DIPERLUKAN/(LEBIHAN)		PERTAMBAHAN/ (PENGURANGAN) 2018-2030		KEPERLUAN RUMAH DIPERLUKAN/(LEBIHAN) 2030	
	100%	50%	PENDUDUK	ISI RUMAH	100%	50%
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG						
Kahang	(279)	(140)	1,352	(86)	(365)	(225)
Kluang	(27,940)	(15,729)	37,892	6,389	(21,551)	(9,340)
Niyor	(294)	(203)	2,680	1,807	1,514	1,605
Paloh	(2,009)	(849)	468	(1,919)	(3,928)	(2,768)
JUMLAH	**(30,522)**	**(16,920)**	**42,392**	**11,677**	**(18,845)**	**(5,243)**
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM						
Layang-Layang	(250)	(52)	1,516	1,027	778	976
Machap	(5)	(3)	853	598	593	596
Renggam	(1,432)	(1,055)	792	3,151	1,719	2,096
Ulu Benut	(2,146)	(853)	21,494	7,446	5,300	6,593
JUMLAH	**(3,832)**	**(1,961)**	**24,655**	**4,290**	**458**	**2,329**
JUMLAH KESELURUHAN	**(34,354)**	**(18,882)**	**67,047**	**16,505**	**(17,849)**	**(2,377)**

Kemudahan Masyarakat

Sejumlah 1,727.79 hektar atau 0.60 % hektar dari keseluruhan keluasan daerah telah digunakan untuk kemudahan masyarakat. Secara umumnya, guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat di Daerah Kluang dapat dibahagikan kepada enam (6) kategori iaitu:


- Kegunaan Kesihatan, **53.87 hek (3.12%)**
- Kemudahan Pendidikan, **386.55 hek (22.37%)**
- Kemudahan Keselamatan, **934.72 hek (54.10%)**
- Kemudahan Keagamaan, **69.91 hek (4.05%)**
- Tanah Perkuburan, **236.07 hek (13.66%)**
- Kemudahan Komuniti, **46.67 hek (2.70%)**

Jadual 2.21 : Keperluan Kemudahan Masyarakat Daerah Kluang, 2030

Kemudahan	Semasa 2019	Keperluan 2018-2030								Jumlah	Komited Km
		Kahang	Kluang	Niyor	Paloh	Layang-layang	Machap	Renggam	Ulu Benut		
KEMUDAHAN KESIHATAN											
Hospital	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-
Klinik kesihatan	9	-	1 Agensi	-	1 Naik taraf	-	-	1 Agensi	-	11 (+2)	-
Klinik Desa	19	-	-	-	-	-	-	-	-	19	-
KEMUDAHAN PENDIDIKAN											
Sekolah Menengah	32	-	3	1	-	-	-	-	-	36 (+4)	8
Sekolah Rendah	50	-	8	-	-	-	-	1	1	60 (+10)	8
Sekolah Agama	47	-	-	-	-	-	-	-	-	47	6
KEMUDAHAN KESELAMATAN											
Ibu Pejabat Polis	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-
Balai Polis	8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
Balai Bomba	2	1	2	-	1	1	-	1	-	8 (+6)	3
KEMUDAHAN KEAGAMAAN											
Masjid	68	-	-	-	-	-	-	-	-	68	10
Tanah Perkuburan Islam	79.7 hek	-	-	-	-	-	-	-	-	79.7 hek	2.4 hek
KEMUDAHAN KOMUNITI											
Dewan Serbaguna /Orang Ramai	35	-	5	-	-	-	-	-	-	40 (+5)	18

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 2.46 : TABURAN INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT, 2019




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RUMUSAN PENEMUAN

RAJAH 2.47 : KELEMAHAN DAN ANCAMAN PEMBANGUNAN DAERAH KLUANG

2.5 POTENSI DAN CABARAN



Pengangkutan dan Lalulintas
- Isu rangkaian pengangkutan wilayah terutama perhubungan Mersing dan Segamat.
- Pengurusan lalulintas pusat bandar Kluang (kesesakan, *bypass*)

Sumber Pelancongan Kurang di Optimumkan
- Pelancongan Agro berintegrasi Batu Pahat/Ayer Hitam
- Pelancongan Bandar boleh dipertingkatkan
- Pelancongan eko - Gunung Lambak perlu dipromosi dan di naik taraf

Pembangunan Tanpa KM
- Pembangunan pertanian berskala besar tanpa Kebenaran Merancang
- Menimbulkan masalah alam sekitar, konflik terutamanya aktiviti penternakan

Pencemaran LRA
- Pencemaran Sumber Air
- Keperluan pengawalan aktiviti ternakan, pertanian dan lain-lain *on-point* pencemaran
- Penutupan pusat pelupusan sampah secara selamat

Pusat Bandar
- Identiti, imej dan potensi pembaikan

Konflik Guna Tanah
- Konflik guna tanah terutama industri dan perumahan bersebelahan di bandar Kluang
- Pengezonan guna tanah bersempadan di Simpang Renggam dan Daerah Kulai.

Keseimbangan Pembangunan
- Keseimbangan pembangunan antara PBT
- Keperluan mengoptimumkan potensi dan aset pembangunan semasa terutama kawasan MDSR

Industri Sumber Tempatan
- Sumber bahan mentah tempatan yang menyusut
- Kualiti infrastruktur kurang efisien (elektrik, air dan komunikasi)
- Keperluan kepelbagaian, pemodenan (4.0, *high end*) dan rangkaian industri hiliran
- Kepelbagaian produk dan penjenamaan sebagai produk daerah Kluang

Persaingan Industri - IKS
- Sumber pelbagai tetapi IKS kurang menyerlah.
- Perbandingan dengan Daerah Muar dan Daerah Batu Pahat
- Keperluan *branding* produk daerah

Warisan dan Bangunan
- Keperluan untuk mengoptimumkan potensi warisan
- Warisan kereta api, bangunan dan sejarah

Tanah GSA (FELDA)
- Tanah GSA tidak boleh dibangunkan kecuali pertanian

***ENCROACHMENT* PEMBANGUNAN KAWASAN TADAHAN AIR**
- Kawasan Tadahan Air merupakan kawasan pembangunan sedia ada terutama di Machap dan Simpang Renggam.
- KTA dibangunkan sebagai kawasan pertanian seperti penternakan ayam besar-besaran dan pertanian kelapa sawit.

Pusat Pelupusan/ *Transfer Station*
- Keperluan pusat *Transfer Station* dan Pusat Pelupusan Sampah bagi Daerah Kluang


Aktiviti Pertanian Secara Komersil Terhad
- Kawasan pertanian luas tetapi tidak dioptimumkan dan dikomersialkan

W ***Weaknesses***
Kelemahan

T ***Threats***
Ancaman

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 2.48 : KEKUATAN DAN PELUANG PEMBANGUNAN DAERAH KLUANG



Koridor Ekologi *Central Forest Spine (CFS) - Endau Rompin*
- Keunikan dan kepelbagaian bio bagi pengekalan dan pemuliharaan alam sekitar

Tapak Rizab Perhilitan - Hidupan Liar Endau Kluang
- Keunikan flora fauna
- Kepelbagaian Bio

ETS Stesen Kluang
- Pemangkin pembangunan dan pelancongan
- Perhubungan bandar melalui pengangkutan awam

Potensi Pelancongan
- Pelancongan Bandar yang *establish - KLUANG COFFEE.*
- Pelancongan Bandar Kluang - *Mural dan Art Street*
- *Pelancongan Agro (dengan Ayer Hitam)* yang boleh dipakej dan disepadukan

Fungsi Transit dan Limpahan Pelancongan
- Transit pelancongan ke Mersing dan kepulauan Pantai Timur Johor
- Pelancongan agro di daerah sekitar (Bandar Ayer Hitam dan Daerah Pontian) – Tanaman nanas dan lain-lain
- Kahang sebagai *Gateway* ke Taman Negeri Endau Rompin

Cadangan Jalan Hubungan Utama Wilayah
- Lebuhraya Tengah Johor (Batu Pahat - Kluang - Mersing)
- Lebuhraya SELUDANG (Segamat - Kluang - Pasir Gudang)

Fungsi Bandar KLUANG
- Penarafan sebagai Zon Promosi Pembangunan
- *Urban regeneration* dan *urban renewal*

Homestay dan Desastay Kampung (Kg Ibrahim Majid, Felda Air Hitam dll.)
- Homestay
- Pelancongan desa

Kedapatan Tanah Pembangunan
- Tanah pembangunan yang luas dan mampu menyerap cadangan berasaskan kebitaraan Kluang

Kepelbagaian Sumberjaya
- Pertanian nenas, sawit dan kopi yang utama di Negeri Johor
- Ternakan dan tenusu
- Industri asas tani.

Tahap Kemudahsampaian Tinggi
- Kedudukan di pertengahan Negeri Johor
- 3 Susur Lebuhraya PLUS
- Laluan jalan utama ke Mersing

Pembangunan Bersempadan
- Limpahan aktiviti industri dan perbandaran dari Wilayah Iskandar Malaysia - Daerah Kulai, Johor Bahru

Industri khusus
- Industri seramik
- Pengeluaran produk khas seramik (pinggan mangkuk, hiasan dan lain-lain)

Pelancongan Eko/ Kepelbagaian Bio
- Hutan Rekreasi Gunung Berlumut
- Hutan Rekreasi Gunung Lambak

Renggam Berpotensi Warisan
- Sejarah bandar pentadbiran dan pertanian zaman kolonial
- Kewujudan bangunan warisan dan stesen keretapi

Pusat Bandar Simpang Renggam
- Fungsi Bandar Tempatan, kewujudan PBT (MDSR) dan perluasan kawasan pusat bandar
- Bandar Belia Simpang Renggam


S ***Strengths*** **Kekuatan**

O ***Opportunities*** **Peluang**

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

3.0
RANGKA DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

3.1	Asas Pembangunan	3-1
3.2	Visi dan Matlamat Pembangunan	3-2
3.3	Konteks Perancangan Negeri	3-5
3.4	Terjemahan Rangka Pembangunan	3-7
3.5	Konsep dan Strategi Pembangunan	3-8
3.6	Ringkasan Cadangan Pemabngunan RTD Kluang 2030 (P)	3-16



3.0 RANGKA DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

3.1 ASAS PEMBANGUNAN

PARAMETER PEMBANGUNAN

Asas utama pembangunan RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian) adalah berdasarkan kepada enam parameter utama yang dijelaskan seperti berikut :

1 **Visi dan Matlamat Daerah**
Penterjemahan Visi, Matlamat dan Objektif Pembangunan Daerah Menjelang Tahun 2030

2 **Dasar dan Polisi**
Pematuhan dan Terjemahan Dasar-dasar di Peringkat Negara, Wilayah, Negeri dan Agenda Global

3 **Peranan Peringkat Wilayah dan Negeri**
Peranan Daerah Kluang di dalam Konteks Pembangunan Wilayah

4 **Analisis Isu dan Kesediaan Reruang**
Analisis Isu Strategik, Konsep Pembangunan dan Analisis Reruang, Kesediaan Tanah dan Tren Pembangunan

5 **Teras dan Strategi Pembangunan**
Pembentukan Hala Tuju, Teras dan Strategi Pembangunan Daerah Kluang

PERUBAHAN HALA TUJU PEMBANGUNAN DAERAH

Perubahan halatuju pembangunan Daerah Kluang dijelaskan sebagaimana dalam paparan berikut. Manifestasi teras dan strategi pembangunan di dalam RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian) mengambilkira penyelesaian isu dan prospek pembangunan masa hadapan bagi Daerah Kluang keseluruhannya.

RTDK 2009-2020 (P)

WAWASAN

Pembangunan Daerah Kluang sebagai **Pusat Pertanian Moden** dan **Industri Pembuatan** dengan sokongan aktiviti perdagangan dan perkhidmatan pelancongan, infrastruktur dan utiliti berkualiti di samping **memperkukuhkan peranannya sebagai kawasan tadahan air negeri** dan **kawasan pemeliharaan kepelbagaian biologi negara**

PROSPEK SEMASA 2020-2030

- Potensi dalam sektor **perkhidmatan, hub industri** berasaskan bahan mentah tempatan dan **pusat pertanian moden** (peningkatan R&D, agroteknologi dan bioteknologi).
  - Pertanian utama Negeri Johor: tumpuan pertanian moden dan sumbangan utama negeri bagi penternakan ayam, kelapa sawit, buah-buahan dan sayuran.
  - Sektor perkhidmatan (pelancongan dan perdagangan) dan pembuatan penyumbang utama ekonomi daerah (sumbangan 69% pada tahun 2018) terutama industri seramik, asas-tani, sumber mentah tempatan dan keluaran *latex*.
- Pengukuhan peranan **Bandar Kluang** sebagai **pemangkin pembangunan wilayah pertumbuhan Barat- Tengah Johor.**
  - Kelebihan lokasi, aksesibiliti, fungsi TOD, EDT, logistik yang bersinergi dengan Wilayah Iskandar.
  - Fungsi Bandar Kluang sebagai ZPP dan PWN boleh diperkukuhkan agar lebih kompetitif, berdaya huni, bandar dormitori yang memanfaatkan pertumbuhan wilayah Iskandar.
  - Pelancongan bandar, transit *TNER*, pelancongan agro bersama Ayer Hitam; serta daerah pasukan keselamatan (9 institusi – latihan, tentera darat, polis dan penjara; Bandar Perwira)
- Simpang Renggam **(perumahan dormitori, industri agro, logistik, pendidikan dan IKS)**
  - Lokasi dan aksesibiliti –bersempadan Wilayah Iskandar (Limpahan Pembangunan kawasan MDSR) dengan potensi dormitori-perumahan/industri/pertanian/pendidikan.
  - Pertanian, penternakan dan IKS berasaskan agro (nenas, jagung, kerepek dan lain-lain keluaran IKS)
- Mempertingkatkan **kualiti infrastruktur** dan kemudahan awam dengan lebih efisien
- Penekanan **pengurusan alam sekitar** dan **sumber semula jadi** yang lebih efektif bagi kawasan tadahan air, kawasan hutan dan pertanian.

RTDK 2030 (P)

VISI

KLUANG DAERAH BERDAYA HUNI, MAJU DAN LESTARI

MATLAMAT

"MEMBANGUNKAN DAERAH KLUANG SEBAGAI DAERAH BERDAYA HUNI, SEJAHTERA DAN LESTARI DENGAN PENEKANAN KEPADA BANDAR DORMITORI, EKONOMI BERDAYA MAJU (PERTANIAN MODEN, INDUSTRI, PELANCONGAN) SERTA SEBAGAI KAWASAN TADAHAN AIR NEGERI"

TERAS



DRAF

3.2 VISI DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN

VISI

KLUANG DAERAH BERDAYA HUNI, MAJU DAN LESTARI

Selaras dengan potensi, kekuatan dan kedudukan Daerah Kluang sebagai *middle-region (wilayah tengah Johor)*, visi pembangunan Daerah Kluang adalah :

KLUANG DAERAH BERDAYA HUNI, MAJU DAN LESTARI

DRAFT

BERDAYA HUNI *: Persekitaran Daerah Kluang sebagai daerah dormitori memanfaatkan pertumbuhan pembangunan Konurbasi Wilayah Iskandar dengan suasana perbandaran yang sejahtera, hidup (livable), ceria dan harmoni. Ia melambangkan bandar yang bersih, penuh kehijauan, sihat, selamat dengan aktiviti ekonomi yang pelbagai dan kemudahan yang mencukupi.*

MAJU *: **Memastikan pertumbuhan** Daerah Kluang yang makmur, dinamik dan berkembang positif dengan sinergi dan simbiotik bersama Wilayah Iskandar. Bermatlamatkan daerah maju, berkembang positif, berdaya saing dalam pembangunan yang bermanfaat kepad semua golongan masyarakat dengan tumpuan bidang strategik iaitu pertanian moden, logistik dan pengangkutan; industri dan pelancongan.*

LESTARI *: **Memastikan pembangunan Daerah Kluang mengutamakan kelestarian**; dengan eksploitasi sumber, pertanian dan penternakan mampan, industri, pelancongan dan teknologi yang berharmoni dengan alam. Daerah Kluang berkembang* maju tetapi seimbang dan terkawal dengan kawalan kawasan sensitif alam sekitar. *Penyusunan semula bandar dan kemudahan dan gaya hidup lestari (pemeliharaan- rekreasi sungai, laluan pejalan kaki dan basikal; rantaian kawasan lapang dan lain-lain).*

Matlamat Pembangunan Daerah Kluang :

"MEMBANGUNKAN DAERAH KLUANG SEBAGAI DAERAH BERDAYA HUNI DAN LESTARI DENGAN PENEKANAN KEPADA BANDAR DORMITORI, EKONOMI BERDAYA MAJU (PERTANIAN MODEN, INDUSTRI, PELANCONGAN) SERTA BERPERANAN SEBAGAI KAWASAN TADAHAN AIR NEGERI"

✓ Bidang Fokus Matlamat Pembangunan Daerah

Jadual 3.1 : Fokus Matlamat Pembangunan Daerah Kluang

DAERAH MAMPAN YANG BERDAYA MAJU	KOMUNITI INKLUSIF	PERANAN KAWASAN TADAHAN AIR NEGERI
• Berdaya maju dengan eksploitasi sumber bagi membangunkan ekonomi serta menyediakan pekerjaan secara mampan mengambilkira aspek alam persekitaran. • Kemampanan yang menyeluruh (fizikal, sosial, alam sekitar dan ekonomi). • Kemampanan fizikal bagi memastikan keseimbangan pembangunan di dua buah PBT (MPK dan MDSR) serta kawasan bandar dan luar bandar. • Kemampanan ekonomi dan alam sekitar dengan pertumbuhan ekonomi seimbang dan tidak menjejaskan persekitaran; contohnya pengawalan penternakan ayam, pertanian kelapa sawit dan industri kitar semula. • Memastikan kemampanan alam sekitar menerusi pemeliharaan kawasan sensitif dan pelaksanaan pembangunan bandar, petempatan dan desa yang lebih hijau dan berkualiti. • Menyokong limpahan pembangunan Wilayah Iskandar dengan penyediaan kawasan perkembangan pembangunan perumahan, industri sokongan, sumber makanan dan institusi pendidikan teknikal.	• Memastikan kesamarataan pembangunan bandar dan luar bandar (70% penduduk tinggal di luar bandar). • Menitikberatkan keterangkuman sosial penduduk Daerah Kluang dengan kemudahan, infrastruktur dan peluang ekonomi yang saksama • Memperkasakan pembangunan kejiranan, perumahan dan daya huni terbaik sebagai fungsi dormitori masa hadapan.	• Wujud 5 buah Empangan sedia ada iaitu Machap, Kahang, Bekok, Linggui dan Sembrong dengan liputan kawasan tadahan berada di Daerah Kluang. • Sungai utama seperti Sungai Sembrong, Sungai Sayong, Sungai Benut mengalir ke daerah-daerah bersempadan (Batu Pahat, Kota Tinggi, Mersing) memerlukan pemerkasaan dan pemeliharaan sebagai kawasan tadahan air bersih Negeri Johor. • Memastikan masalah pencemaran khususnya melibatkan kawasan Empangan Machap dapat dikawal (Penutupan selamat kawasan pelupusan sampah, pengawalan aktiviti pertanian dan ternakan dan mewujudkan zon pemisah).

Sumber
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020
: Pelan Pertumbuhan Strategik Johor 2016 - 2020

INFO

KEPENTINGAN KLUANG SEBAGAI TADAHAN AIR NEGERI

2 EMPANGAN DALAM DAERAH KLUANG
Empangan Machap dan Empangan Kahang

3 EMPANGAN DI LUAR DAERAH KLUANG TETAPI SEBAHAGIAN KAWASAN TADAHAN BERADA DI DAERAH KLUANG
Empangan Bekok (Batu Pahat), Empangan Linggui (Kota Tinggi), Empangan Sembrong (Batu Pahat)

3 buah lembangan sungai utama Negeri Johor **bermula** di Daerah Kluang - Sungai Sembrong (Mersing), Sungai Sayong (Kota Tinggi) dan Sungai Benut (Batu Pahat)

✓ Kluang Daerah Badan Beruniform

Daerah Kluang mempunyai sembilan (9) buah agensi keselamatan beruniform melibatkan tentera, polis dan penjara (7 di kawasan MPK dan 2 buah di kawasan MDSR). Salah satu konsep dan tagline pembangunan daerah adalah Bandar Perwira sebagai mengiktiraf peranan, fungsi dan kewujudan pasukan tersebut di daerah ini. Oleh kerana penumpuan pasukan tentera terutamanya di kawasan Majlis Perbandaran Kluang, Bandar Kluang akan lebih diketengahkan sebagai Bandar Perwira sementara Simpang Renggam dicadangkan mempunyai Muzium Penjara Simpang Renggam. Penterjemahan tagline ini akan dilaksanakan dalam cadangan yang melibatkan pembangunan semula Bandar Kluang, pintu masuk seperti Stesen Keretapi Berkembar Kluang, arca lanskap dan *hardscape*, serta mural dan arts di bandar Kluang dan lain-lain.

KLUANG BANDAR PERWIRA

Senarai Badan Beruniform dan Agensi Keselamatan di Daerah Kluang

1. Kem Mahkota Kluang
2. Kem Batu 3, Kluang
3. Penjara Kluang
4. Kem Depoh Peluru 73 KOD, Kluang
5. D-Z Kahang
6. Lapang Sasar Batu 3, Jalan Mersing
7. Cadangan Kem Paloh
8. BN 5 PGA Simpang Renggam
9. Penjara Simpang Renggam

✓ Matlamat Pembangunan Mengikut PBT

Daerah Kluang mempunyai dua buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kluang (MPK) dan Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR). Kedua-dua kawasan pentadbiran tersebut mempunyai kelebihan dan strategi pembangunan yang mempunyai bidang fokus masing-masing.

Majlis Perbandaran Kluang :

Tumpuan MPK adalah

- Meningkatkan kesejahteraan penduduk dan kualiti perbandaran dengan pembangunan teratur, lanskap, pembaikan lalu lintas, taman dan penceriaan bandar;
- Perancangan dan pembangunan yang melonjakkan ekonomi bandar (TOD Kluang, pembangunan perdagangan infil dan pembaharuan bandar)
- Kualiti pembangunan perumahan dan kemudahan bagi kehidupan penduduk lebih efisien, kejiranan hijau dan bersih sesuai dengan fungsi Bandar dormitori Wilayah Iskandar.
- Pembangunan industri sumber tempatan berasaskan getah dan kelapa sawit;
- Perancangan industri perkhidmatan dan halal hub,
- Pelancongan bandar Kluang dan agro pelancongan bersama Ayer Hitam-Batu Pahat
- Pengembangan pertanian moden (sedia ada dan akan datang).

Majlis Daerah Simpang Renggam

Simbiosis pertumbuhan pembangunan di Wilayah Iskandar di selatan Johor Bahru mencorakkan pembangunan kawasan MDSR dengan tumpuan :

- Penekanan pembangunan yang lestari; memanfaatkan pertumbuhan Wilayah Iskandar bagi hubungan yang bersinergi terutama sebagai bandar kediaman dan dormitori, pendidikan, industri dan logistik serta kemudahan penduduk. (Simpang Renggam, Renggam dan Layang-layang)
- Pembangunan logistik (Auto City, Truck City dan kemudahan berkaitan)
- Industri berasaskan produk halal, sumber pertanian, perkhidmatan dan IKS
- Pembangunan berasaskan mesra belia dan generasi muda termasuk Bandar Belia dan kemudahan pendidikan berasaskan TVET, kemahiran usahawan dan perniagaan serta Pengajian Tinggi.

Bagi memastikan pembangunan yang lebih fokus bagi PBT terlibat, matlamat pembangunan mengikut PBT adalah dijelaskan sebagaimana berikut :

MPK : Membangunkan Kluang sebagai kawasan perbandaran lestari berasaskan kualiti kehidupan yang maju dan sejahtera dengan tumpuan pertanian moden, industri sumber tempatan dan pelancongan.

KLUANG MAJU SEJAHTERA

MDSR : Membangunkan Simpang Renggam ke arah bandar yang berbudaya dan kondusif berasaskan kemudahan logistik, pendidikan dan mesra belia dengan manfaatkan simbiosis pertumbuhan Wilayah Iskandar.

KLUANG MAJU SIMPANG RENGGAM SEJAHTERA

DRAFT

3.3 KONTEKS PERANCANGAN NEGERI

Kerajaan Negeri Johor mempunyai halatuju pembangunan daerah yang jelas dan telah didokumenkan di dalam dua laporan perancangan pembangunan negeri iaitu Pelan Strategik Johor dan Rancangan Struktur Negeri Johor 2030. Secara ringkas, peranan utama Daerah Kluang adalah digambarkan sebagaimana di bawah :

➢ PELAN PERTUMBUHAN STRATEGIK JOHOR BAGI DAERAH KLUANG

Jadual 3.2 : Peranan Daerah Kluang Berasaskan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor dan RSNJ 2030

Kluster Dan Inisiatif Pelan Pertumbuhan Strategik Johor Bagi Daerah Kluang
SEKTOR	STRATEGI	CADANGAN	Projek Penggerak Ekonomi (EPP)	Projek Berimpak Tinggi (HIP)	Quick Win (QW)	Projek Sokongan	JUMLAH
PETEMPATAN DESA	PD 2 MEMANTAPKAN DAN MENINGKATKAN EKONOMI DESA	PD 2.1 Cadangan Pengklusteran Pembangunan Desa Daerah Kluang (Satu Penghulu Satu Industri)	✓				8
		PD 2.2 Cadangan Mengukuhkan Perusahaan dan Produk IKS				✓	
		PD 2.3 Cadangan Menaik Taraf Pelancongan Desa Di Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Kahang.				✓	
		PD 2.4 Cadangan Melaksanakan Bandar Mesra Belia (BMB) di Pekan Renggam				✓	
		PD 2.5 Cadangan Menaik Taraf Dan Memperindahkan Kampung Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam				✓	
		PD 2.6 Cadangan Membina '*Memoir Covid-19' Di* Bandar Baharu dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam				✓	
		PD 2.7 Cadangan Memperkukuhkan Homestay/ Inap Desa Daerah Kluang				✓	
		PD 2.8 Cadangan Pengukuhan Pemasaran Melalui Sistem Digital				✓	
	PD3 PENGUKUHAN DAN PERMODENAN FELDA	PD 3.1 Cadangan pemodenan FELDA secara lestari dengan pemerkasaan generasi peneroka generasi ke 2				✓	2
		PD 3.2 Cadangan Projek Perumahan Generasi FELDA (PGBF)	✓				
	PD4 PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASLI SECARA INKLUSIF DAN MAMPAN	PD 4.1 Cadangan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Secara Berterusan Daripada Aspek Sosio-budaya dan Ekonomi				✓	1
WARISAN	BW 1 PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN	BW 1.1 Pemantapan Zon Warisan Pusat Bandar Kluang			✓		5
		BW 1.2 Pemeliharaan Warisan Kategori II Paloh				✓	
		BW 1.3 Pemeliharan Warisan Kategori II Renggam Dan Layang-Layang	✓				
		BW 1.4 Pemeliharaan Warisan Kampung Tradisi	✓				
		BW 1.5 Pencalonan Tokoh Warisan Orang Hidup (WAKOH)				✓	

DRAF

KLUANG BERDAYA HUNI, MAJU DAN LESTARI



4.0
TERAS 1 EKONOMI BERDAYA MAJU DAN *RESILIENT*




EKONOMI BERDAYA MAJU DAN RESILIEN

TERAS 1

OBJEKTIF PEMBANGUNAN

1.Pemerkasaan Fungsi dan Pengukuhan Ekonomi Bandar PSW, PSWN

2.Ekonomi Berdaya Saing berasaskan Sektor Dinamik Daerah Kluang



HALA TUJU PEMBANGUNAN		STRATEGI	JUMLAH PROJEK
H1	Pengukuhan **industri** sedia ada dengan peningkatan prasarana dan daya saing serta galakan **industri berpotensi** berasaskan *agro-base,* bersih dan hijau dan peningkatan kemahiran penduduk (TVET).	04	15 Projek
H2	Pemantapan sektor **ekonomi bandar** agar dinamik dan lebih berdaya maju.	04	13 Projek
H3	Pengekalan dan pengawalan kawasan **pertanian,** peningkatan pproduktiviti; prasarana, *green*, moden dan *precision.*	02	09 Projek
H4	**Pelancongan Eko/Agro/Bandar** melalui pengukuhan produk, infrastruktur, kemudahan pelancongan dan penyertaan penduduk tempatan); urustadbir pelancongan.	06	34 Projek
H5	Pengukuhan **aksessibiliti wilayah** sebagai destinasi pelaburan.	01	5 Projek
H6	**Infrastruktur mencukupi dan berkualiti** (teleomunikasi, air dan elektrik bagi pengalakan dan memacu pelaburan).	03	14 Projek

4.1 PERINDUSTRIAN

HALATUJU PEMBANGUNAN

H1

Pengukuhan **industri** sedia ada dengan peningkatan prasarana dan daya saing serta galakan **industri berpotensi** berasaskan *agro-base*, bersih dan hijau; dan peningkatan kemahiran penduduk.

STRATEGI PI 1

MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

- **PI1.1** Kluster berasaskan sumber semula jadi (Ayer Hitam, Sri Lalang & Kg Gajah)
- **PI1.2** Kluster berasaskan sumber pertanian (Agrobased) (Ayer Hitam- Simpang Renggam _Kelapa Sawit/ Sedenak)
- **PI1.3** Kluster berasaskan perkhidmatan (Kluang & Simpang Renggam)
- **PI1.4** Kluster berasaskan Industri Kecil Sederhana (IKS) (Paloh dan Kahang)
- **PI1.5** Kluster berasaskan Seramik (Mengkibol)
- **PI1.6** Cadangan insentif-insentif yang menarik pelabur ke Daerah Kluang

STRATEGI PI 2

MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN YANG BERUPAYA MEMBERI KESAN GANDAAN EKONOMI *(MULTIPLIER EFFECT)*

- **PI2.1** *Halal Food Park (Ayer Hitam dan Simpang Renggam-Sedenak)*
- **PI2.2** Auto City / Truck City Simpang Renggam
- **PI2.3** Pusat Logistik Mengkibol
- **PI2.4** Mengutamakan konsep kompleks industri bersepadu / *Integrated Industrial Complex* (IIC)

STRATEGI PI 3

MENGURUSKAN DAN MELAKSANA PENGUATKUASAAN BAGI INDUSTRI KITAR SEMULA DAN INDUSTRI TANPA KEBENARAN

- **PI3.1** Pengurusan dan kawalan industri kitar semula
- **PI3.2** Pelaksanaan Program pemutihan industri tanpa kebenaran yang berterusan

STRATEGI PI 4

MENINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PERHUBUNGAN, UTILITI, ICT DAN KEMUDAHAN SOKONGAN PERINDUSTRIAN

- **PI4.1** Cadangan meningkatkan rangkaian perkhidmatan ICT sedia ada terutamanya jalur lebar
- **PI4.2** Cadangan penyediaan kemudahan sokongan industri seperti asrama pekerja berpusat / bersepadu
- **PI4.3** Memperluaskan program Program *Training & Vocational Educational Training* (TVET) di institusi-institusi kemahiran


DRAFT

Kedudukan di pertengahan Negeri Johor dan dilengkapi aksesibiliti pengangkutan lebuhraya serta kewujudan sumber mentah pertanian (*latex*, kelapa sawit, buah-buahan, sayuran, ternakan ayam), seramik dan lain-lain dijangka menyumbang kepada kepesatan pembangunan industri di Daerah Kluang. Kedua-dua Kawasan MPK dan MDSR mempunyai daya saing pembangunan industri dengan fokus industri basaskan semula jadi, sumber pertanian dan perkhidmatan. Selaras dengan inisiatif kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi, perkembangan industri berasaskan pertanian, makanan halal, bioteknologi dan R&D dilihat berpotensi untuk diteroka dan dibangunkan. Pembangunan perindustrian dijangka menyumbang kepada pembangunan produk-produk hiliran yang bernilai tambah dan mampu meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat disamping menjana pendapatan penduduk pada masa hadapan.

STRATEGI	CADANGAN
PI 1 MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA Memfokuskan kepada pendekatan pemusatan dan penyerakan kluster industri.	PI 1.1 Kluster Berasaskan Sumber Semula Jadi (Ayer Hitam, Sri Lalang dan Kampung Gajah) PI 1.2 Kluster Berasaskan Sumber Pertanian (Agrobased) (Ayer Hitam-Simpang Renggam-Kelapa Sawit/ Sedenak) PI 1.3 Kluster Berasaskan Perkhidmatan (Kluang& Simpang Renggam) PI 1.4 Kluster Berasaskan Industri Kecil Sederhana (IKS) PI 1.5 Kluster Berasaskan Seramik (Mengkibol) PI 1.6 Cadangan Insentif-insentif Yang Menarik Pelabur Ke Daerah Kluang
PI 2 MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN YANG BERUPAYA MEMBERI KESAN GANDAAN EKONOMI *(MULTIPLIER EFFECT)* Memfokuskan kepada cadangan aktiviti industri yang berpotensi meningkatkan daya maju ekonomi dan impak positif dalam Daerah Kluang.	PI 2.1 *Halal Food Park* (Ayer Hitam dan Simpang Renggam-Sedenak) PI 2.2 *Auto City / Truck City* Simpang Renggam PI 2.3 Cadangan Pusat Logistik di Mengkibol PI 2.4 Mengutamakan Konsep Kompleks Industri Bersepadu/ *Integrated Industrial Complex* (IIC)
PI 3 MENGURUS DAN MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN BAGI INDUSTRI KITAR SEMULA DAN INDUSTRI TANPA KEBENARAN Memfokuskan kepada penguatkuasaan terhadap aktiviti industri yang tidak mengikut perundangan.	PI 3.1 Cadangan Pengurusan dan Kawalan Industri Kitar Semula PI 3.2 Cadangan Pelaksanaan Program Pemutihan Industri Tanpa Kebenaran yang Berterusan
PI 4 MENINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PERHUBUNGAN, UTILITI , ICT & DAN KEMUDAHAN SOKONGAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN Memfokuskan kepada penyediaan kemudahan sokongan industri yang lebih baik dalam melancarkan pengurusan aktiviti industri.	PI 4.1 Cadangan Meningkatkan Rangkaian Perkhidmatan ICT Sedia Ada Terutamanya Jalur Lebar PI 4.2 Cadangan Penyediaan Kemudahan Sokongan Industri seperti Asrama Pekerja Berpusat/ Bersepadu PI 4.3 Memperluaskan *Program Training & Vocational Educational Training (TVET)* di Institusi-institusi Kemahiran

DRAF

RAJAH 4.1: LOKASI TINDAKAN PENGUKUHAN AKTIVITI INDUSTRI BERASASKAN PENDEKATAN KONSEP KLUSTER



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI1

MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

CADANGAN P1 1.1

KLUSTER BERASASKAN SUMBER SEMULA JADI (AYER HITAM, SRI LALANG & KG GAJAH)

DESKRIPSI

i. Memperkukuhkan industri berasaskan perkayuan dengan kewujudan industri hiliran yang berpotensi.
ii. Menyediakan peluang pekerjaan baru kepada penduduk.
iii. Memudahkan pemantauan oleh pihak berkuasa

Komponen cadangan :

i. Jenis aktiviti utama:
   - Pembuatan Perabot
   - Industri hiliran berasaskan kayu

PEMULA

Swasta (Pengusaha Industri)

PELAKSANA

Swasta (Pengusaha Industri)

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan sumber semulajadi yang menyokong kepada kebitaraan Daerah Kluang

SASARAN

Memastikan peningkatkan penyertaan usahawan tempatan

Jadual 4.1: Industri Berasaskan Perkayuan di Daerah Kluang

No	Kawasan Perindustrian	Bil Unit	Nama Syarikat
1	Taman Perindustrian Yap Tau Sah	6	• Coral Design Sdn Bhd • Suka Kilang Papan Sdn Bhd • Tiada Nama • De Home Entreprise • Tiada Nama • Tzong Seng Woodwork Trading (M) Sdn Bhd
2	Taman Perindustrian Haji Manan	1	• Tiada Nama
3	Taman Perindustrian Gemilang	1	• Profina Plywood Sdn Bhd
4	Taman Perindustrian Sembrong	2	• YK Carpenter Sdn Bhd • Perniagaan Perkayuan Tong Guan Sdn Bhd
5	Taman Perindustrian Lau Kim Teck	1	• Tiada Nama
6	Taman Perindustrian Kluang Setia	1	• Profina Plywood Sdn Bhd
7	Taman Perindustrian Kluang 2	1	• Tiada Nama
8	Taman Perindustrian Wawasan	1	• Eastwell Trading

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


Kluster ini akan memfokuskan kepada industri perkayuan sedia ada di Kluang yang terdapat di taman industri dan diluar taman industri. Pemusatan dan penyerakan industri perkayuan ini bertujuan untuk memudahkan pihak berkuasa membuat pemantauan terhadap aktiviti yang dijalankan.



Foto : Industri berasaskan pembuatan perkayuan

Berdasarkan industri perkayuan sedia ada di Sri Lalang – Kluang yang menyokong kepada cadangan pembangunan kluster semulajadi di kawasan ini dijangka menjamin kepada kesinambungan ekonomi yang lebih pesat bagi sektor semulajadi terutamanya industri perkayuan.

RAJAH 4.2: CADANGAN KLUSTER BERASASKAN SUMBER SEMULA JADI (AYER HITAM, SRI LALANG & KG GAJAH)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI1

MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

CADANGAN PI 1.2

KLUSTER BERASASKAN SUMBER PERTANIAN (AGROBASED) (AYER HITAM - SIMPANG RENGGAM – KELAPA SAWIT/ SEDENAK)

DESKRIPSI

i. Menggunakan hasil dan sisa pertanian sebagai sumber kepada industri hiliran.
ii. Penumpuan industri hiliran sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian.
iii. Bagi memperkukuhkan lagi industri berasaskan pertanian ini, gunapakai sepenuhnya sisa buangan dan hasil pertanian dapat dijadikan sebagai sumber bagi sektor perindustrian. Penghasilan minyak (biofuel) daripada buah kelapa sawit dan penghasilan fibre daripada tandan kosong sawit dilihat berpotensi untuk dibangunkan.

PEMULA

Swasta (Pengusaha Industri)

PELAKSANA

Swasta (Pengusaha Industri)

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Penjanaan sumber pertanian kelapa sawit dan getah sebagai sumber kepada perindustrian yang berpotensi

SASARAN

Peningkatan kadar penyertaan pegusaha ladang dan pekebun kecil kelapa sawit dan getah

Jadual 4.2: Industri Berasaskan Pertanian di Daerah Kluang

No	Taman Perindustrian	Bil Unit	Nama Syarikat
TI 1	TI Gemilang	5	• Humifert Biotech Sdn Bhd • Kim Fah Oil Palm Trading • Kluang Oil Palm Processing Sdn Bhd • Sawipac
TI 2	TI Kluang 1	1	• G-Planter Sdn Bhd
TI 3	TI Wawasan	4	• Wawasan Dagang Tani Sdn Bhd • Agroext Superbio Sdn Bhd • CSA Organic Network Sdn Bhd • Agroext Superbio Sdn Bhd
TI 4	TI Sri Kluang	1	• Syarikat Jun Chong Sdn Bhd
TI 5	TI Mengkibol	4	• Zenxin Agri-Organic Food Sdn Bhd • Lim Hong Ngee Sdn Bhd
6	Bukan Taman Industri	1	• Foh Hup Industries Sdn Bhd
7		1	• Awan Timur Kluang Sdn Bhd
8		1	• Zenxin Agriculture Sdn Bhd
9		1	• Tiada Nama
10		1	• BSL Ecofarm (Chop Ban Seng Long)
11	Bukan Taman Industri	2	• Gesing Group Sdn Bhd
12		1	• Felda Palm Industries Sdn Bhd
13		1	• Hup Guan Oil Palm Trading
14		1	• Kilang Sawit PPNJ
15		1	• Tiada Nama
16		1	• Tiada Nama
17		1	• Donlark Poultry Farm Sdn Bhd

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Berdasarkan sumber pertanian sedia ada di Kluang, Cadangan ***Agro Valley*** yang menghasilkan industri hiliran daripada pertanian seperti kelapa sawit. Antara cadangan-cadangan produk yang boleh dihasilkan daripada kelapa sawit adalah seperti:

- Lilin
- Kosmetik
- Margerin
- Susu kental manis
- Rayon
- Bahan bakar

Daerah Kluang mempunyai tanah pertanian yang luas iaitu 229,910.96 hektar dan majoritinya adalah tanaman kelapa sawit iaitu 203,028.86 hektar dan getah 12,691.57 hektar sekaligus mempunyai potensi besar untuk dijadikan sumber kepada perindustrian dan pembangunan berkonsep **Agro Valley** di Simpang Renggam.






Foto : Cadangan produk-produk yang boleh dihasilkan dari kelapa sawit.

DRAF

RAJAH 4.3: CADANGAN KLUSTER BERASASKAN SUMBER PERTANIAN (AGROBASED) (AYER HITAM - SIMPANG RENGGAM – KELAPA SAWIT/ SEDENAK)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI1

MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

CADANGAN PI 1.3

KLUSTER BERASASKAN INDUSTRI PERKHIDMATAN (KLUANG DAN SIMPANG RENGGAM)

DESKRIPSI

i. Menjalankan kajian terperinci untuk kawasan industri berasaskan perkhidmatan seperti bengkel dan pembungkusan produk industri untuk memudahkan para pengusaha industri menjimatkan masa dan kos pengangkutan mereka.

PEMULA

Swasta (Pengusaha Industri)

PELAKSANA

Swasta (Pengusaha Industri)

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menggalakkan aktiviti yang berasaskan perkhidmatan bagi memudahkan pemantauan pihak berkuasa

SASARAN

Peningkatan kadar kemasukkan pengusahan dari pelbagai jenis industi perkhidmatan

Industri perkhidmatan merupakan peneraju utama ekonomi dan penjana penting peluang pekerjaan di dalam sesuatu pembangunan. Sebagaimana yang dirangka dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, industri perkhidmatan akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi dengan pelaksanaan strategi yang berdaya saing dan berdaya tahan. Industri perkhidmatan ini akan menggalakkan penghijrahan ke dalam nilai yang tinggi dan aktiviti perkhidmatan berintensif pengetahuan.

Sehubungan dengan itu, cadangan mewujudkan kluster perkhidmatan di Kluang dan Simpang Rengam dijangka dapat menjana ekonomi dan ia memerlukan anjakan perubahan komposisi sektor bagi memperluas dan memanfaatkan kesalinghubungan antara industri perkhidmatan dengan industri yang lain di Kluang. Para pegusaha industri secara tidak langsung dapat menambah baik daya saing global dan mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi sekiranya industri perkhidmatan diperkasa seiring dengan perubahan teknologi.





Foto : Gambaran industri perkhidmatan sebagai kesalinghubungan antara industri-industri lain di Kluang.



Foto : Antara industri perkhidmatan bengkel dan pembuatan kotak.

DRAF

RAJAH 4.4: CADANGAN KLUSTER BERASASKAN PERKHIDMATAN (KLUANG DAN SIMPANG RENGGAM)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI1

MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

CADANGAN PI 1.4

KLUSTER BERASASKAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA (IKS) (MACHAP, RENGGAM DAN KAHANG)

DESKRIPSI

i. Mengalakkan peningkatan penyertaan pengusaha IKS.
ii. Merialisasikan usaha dalam pembentukkan satu penghulu satu perusahaan.
iii. Melaksana program promosi galakkan pelaburan IKS dikalangan pelabur tempatan dan asing.

PEMULA

Swasta (Pengusaha IKS)

PELAKSANA

Swasta (Pengusaha IKS)

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menggalakkan aktiviti berasaskan produk tempatan serta menyokong Program Satu Penghulu Satu Industri (SPSI)

SASARAN

Peningkatan pengusaha IKS di Daerah Kluang

Industri IKS ini merupakan titik permulaan untuk melahirkan usahawan masa depan yang berdaya saing dan produktif. Bermulanya dengan menjalankan aktiviti pembuatan dan pemprosesan dari rumah *(home base)*, sasaran seterusnya adalah untuk memodenkan dan mentransformasikan industri IKS sebagai satu entiti yang dinamik dan berdaya saing. Dengan memajukan industri IKS ini akan mencetuskan rantaian nilai ditambah *backward and forward lingkages* dalam ekonomi domestik yang akan menambahkan kesan berganda dalam ekonomi Di Daerah Kluang



Foto : Kepelbagaian jenis produk IKS yang diusahakan oleh usahawan tempatan.

Sehubungan dengan itu bagi meningkatkan lagi taraf kualiti produk IKS di Daerah Kluang, disasarkan pengusaha-pengusaha IKS ini beroperasi di kawasan IKS yang lebih terancang dan tersusun pada masa akan datang. Ini adalah bagi menjamin produk keluaran IKS adalah lebh bermutu dan berkualiti dengan pemantauan daripada agensi dan jabatan yang terlibat antaranya Jabatan Kesihatan, FAMA dan lain-lain.

- Strategi utama adalah menempatkan pengusaha-pengusaha IKS di **Kompleks IKS Simpang Renggam** yang terletak di Jalan Benut melalui pengisian lot-lot/ruang niaga yang kosong di IKS ini dan **Pekan Rabu** di Bandar Kluang sebagai pusat pemasaran produk-produk IKS di Daerah Kluang.
- Kompleks ini menyediakan ruang perniagaan yang sesuai untuk pengusaha menjalankan ativiti pembuatan, pemprosesan dan pemasaran produk mereka. Penyediaan kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, tandas awam juga turut disediakan bagi memudahkan pengunjung ke tempat ini.
- Kompleks Kedudukan kompleks ini yang berhampiran dengan Tol Simpang Renggam memberikan satu kelebihan kepada orang ramai untuk mengakses kawasan ini .

Diantara usaha yang boleh dibuat adalah ntuk mengalakkan industri IKS di masa akan datang:

i. Menyediakan persekitaran dan insentif yang menyokong bagi menggalak lebih ramai pengusaha IKS
ii. Menjalankan aktiviti R&D, khususnya dalam bidang panambahbaikan kualiti produk.
iii. Memupuk kesalinghubungan IKS tempatan yang berorientasi global.
iv. Penerapan amalan pembuatan baik dikalangan pengusaha industri bertujuan kawalan kualiti produk mengikut piawaian yang ditetapkan.

DRAF

Antara Produk IKS sedia ada di Daerah Kluang

- Perusahaan Zainab Jaya (Simpang Renggam)
- Hairie Food Industri (Kg. Ibrahim Majid, Simpang Renggam)
- Terompah Mastor (Kg. Parit Hassan, Simpang Renggam)
- Tempe Wak Mastor (Simpang Renggam)
- Perusahaan nenas madu dan lebah kelulut (Kg Parit Ghani)
- Abquary Icon Enterperise (Kg Paya Layang- Layang)
- Zainon Parang Kraf (Kg. Tengah)
- Wak Tunot Enterprise (Kg Tengah)
- Produk- produk SAWARI di Felda

Melihat kepada penghasilan produk IKS sedia ada, kebanyakannya adalah berasaskan makanan dan pertanian seperti pengusaha makanan ringan Abquary Icon Enterperise di Layang-layang. Selain itu, terdapat juga pengusaha IKS yang menghasilkan produk kraf iaitu Terompah Mastor di Kg Parit Hassan. Keunikan hasil kraftangan ini memerlukan peningkatan promosi dan penjanaan aktiviti bagi memperkenalkan hasil kraftangan ini supaya ia menjadi salah satu daya tarikan pelancong di Kluang.



Foto : Kepelbagaian jenis produk IKS yang diusahakan oleh pengusaha tempatan.





Foto : Kepelbagaian jenis produk IKS yang diusahakan oleh pengusaha tempatan.

Hasil daripada kajian lapangan yang dijalankan ini, potensi membangunkan kluster IKS berasaskan pertanian di Kahang, Machap dan Renggam dilihat sebagai anjakan kepada industri IKS yang mampu memberi impak kepada ekonomi penduduk di Daerah Kluang. Oleh itu, usaha untuk membangunkan lebih banyak kawasan industri IKS ini secara langsung dapat menggalakkan aktiviti IKS dikalangan pengusaha tempatan serta menarik lebih ramai pelabur asing untuk bekerjasama melabur di dalam industri IKS Kluang.

Di dalam meningkatkan lagi taraf kualiti produk IKS di Daerah Kluang, disasarkan pengusaha-pengusaha IKS ini beroperasi di kawasan IKS yang lebih terancang dan tersusun pada masa akan datang. Ini adalah bagi menjamin produk keluaran IKS adalah lebh bermutu dan berkualiti dengan pemantauan daripada agensi dan jabatan yang terlibat antaranya Jabatan Kesihatan, FAMA dan lain-lain.





Seiring dengan hasrat Pejabat Daerah Kluang mewujudkan satu penghulu satu industri, pengusaha IKS harus bijak mengambil peluang ini untuk menceburi dan menerokai bidang IKS yang berdaya saing dengan perubahan revolusi industri 4.0. Ia adalah penting supaya IKS dapat mengaplikasikan konsep digital dan IR4.0 dalam perniagaan mereka. Antara galakan atau **insentif berkonsep IR4.0** yang boleh diberikan adalah seperti:

- ✓ Mengadakan bengkel atau kelas untuk membangunkan srategi transformasi digital dalam setiap industri yang disertai.
- ✓ Mempertimbangkan untuk memberikan pengecualian cukai serta rebat bagi perusahaan IKS yang mahu memulakan proses 'digitalisation' ke dalam perniagaan mereka.

Dalam konteks ini, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) merupakan agensi kerajaan utama yang bertanggungjawab menyelaraskan pembangunan IKS. Selain itu, agensi lain yang terlibat dalam khidmat nasihat dan bantuan teknikal termasuklah MARA (skim khidmat pakar perunding MARA), dan Persatuan IKS Malaysia. Sekiranya para pengusaha ini dibantu, secara langsung dapat melicinkan operasi IKS agar lebih produktif, dinamik, berdaya maju, dan kos efektif, di samping meningkatkan daya pengeluaran dan kualiti produk serta pemasaran global.












Foto : Perusahaan Zainon Parang Kraf Hairie Food Industry ,Karipap Pusing Nenas Kg. Chokro Spg. Renggam dan Perusahaan Zainab Jaya, Simpang Renggam

RAJAH 4.5: CADANGAN KLUSTER BERASASKAN IKS (MACHAP, RENGGAM & KAHANG)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI1

MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

STRATEGI P1 1.5

KLUSTER BERASASKAN SERAMIK (MENGKIBOL)

DESKRIPSI

i. Memperkukuhkan industri berasaskan seramik dan jubin dengan kewujudan industri hiliran yang berpotensi.
ii. Menyediakan peluang pekerjaan baru kepada penduduk.
iii. Memudahkan pemantauan oleh pihak berkuasa

Komponen cadangan :

i. Jenis aktiviti utama:
   - Pembuatan seramik
   - Industri hiliran berasaskan seramik dan jubin
   - Pembuatan hasil produk seramik dan jubin

PEMULA

Swasta (Pengusaha Industri)

PELAKSANA

Swasta (Pengusaha Industri)

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan seramik yang menyokong kepada kebitaraan Daerah Kluang

SASARAN

Memastikan peningkatkan penyertaan usahawan tempatan

Kluster ini akan memfokuskan kepada industri berasaskan seramik dan jubin dengan mengambilkira faktor industri seramik sedia ada iaitu Guocera Sdn Bhd di Kluang. Guocera Sdn Bhd telah menubuhkan pusat penyelidikan seramik bagi meningkatkan penghasilan produk seramik mereka. Ini secara tidak langsung merupakan satu peluang yang boleh dijadikan sebagai pengerak pembangunan produk seramik di Daerah Kluang

Cadangan mewujudkan ***Ceramic Valley*** di Kluang merupakan satu usaha yang boleh memperluaskan lagi peluang kemasukkan lebih banyak pengusaha sama ada pengusaha Tempatan dan pelabur luar untuk mengembangkan industri seramik mereka di Kluang. Pada tahun 2019 Guocera telah membuat penjenamaan semula logo syarikat yang merupakan salah satu dari usaha pengukuhan syarikat dalam pasaran seramik Tempatan dan antarabangsa


Guocera CERAMICHE
Life's Inspirations

2013 - 2018

GUOCERA
LET'S REIMAGINE

2019 - semasa








Foto : Pelbagai produk seramik dari Syarikat Guocera Sdn Bhd,

Jadual 4.3: Industri Berasaskan Seramik di Daerah Kluang


Taman Perindustrian	Bil Unit	Nama Syarikat
Taman Perindustrian Sri Kluang	2	• Syarikat Aluglas Utama Sdn Bhd • Rainbow Marble & Tiling Sdn Bhd
Taman Perindustrian Mengkibol	5	• Malaysian Mosaics Sdn Bhd • Terreal (M) Sdn Bhd • CCS Corporation Sdn Bhd • YTT Tiling Enterprise Sdn Bhd • K.E. Glass & Aluminium Sdn Bhd
Taman Perindustrian Yap Tau Sah	2	• My Decor Sdn Bhd
Taman Perindustrian Kluang 2	1	• Venus Ceramic Industry Sdn Bhd
Bukan Taman Industri	6	• Guocera Sdn. Bhd • Malaysian Mosaics Sdn Bhd • Clay Industries Sdn Bhd • Inno Ceramitec Sdn Bhd • Malaysia Mosaic Sdn Bhd

Berdasarkan Kajian Susulan Sumber Kaolin Dan Lempung Kawasan Lembangan Semberong Kluang, Johor yang dijalankan oleh Jabatan Mineral dan Galian, mendapati terdapat 2 jenis sumber bagi produk seramik di Daerah Kluang iaitu :

- **Kaolin - 0.27/simpanan juta tan metrik**
  (Bergred seramik dan mempunyai kesesuaian untuk kegunaan industri pembuatan jubin lantai, jubin dinding, pinggan mangkuk dan porselin elektrotektikal. Kualiti kaolin tidak mencapai gred pengisi datau gred penyalut)
- **Lempung Bebola – 27.10 /simpanan juta tan metrik**
  (Mempunyai sifat kimia dan fizikal yang setanding dengan lempung yang digunakan di dalam industri seramik tempatan untuk pembuatan peralatan tandas, barangan perhiasan ,paip pembentungan dan batu bata.)

DRAFT

RAJAH 4.6: CADANGAN KLUSTER BERASASKAN SERAMIK (MENGKIBOL)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI1

MENGUKUHKAN EKOSISTEM KLUSTER PERINDUSTRIAN SEDIA ADA

CADANGAN PI 1.6

CADANGAN INSENTIF-INSENTIF YANG MENARIK PELABUR KE DAERAH KLUANG

DESKRIPSI

i. Kerjasama antara MIDA dan pengusaha tempatan harus dipergiatkan bagi membantu pengusaha dapat memperoleh tambahan pendapatan dan menjana modal untuk mengembangkan operasi mereka

PEMULA

MIDA

PELAKSANA

MPK, MDSR, BPEN

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memacu pengukuhan industri dengan peningkatan kerberhasilan pengeluaran yang berdaya maju

SASARAN

Peningkatan kemasukkan pengusaha industri dan pelabur-pelabur luar di Daerah Kluang

INSENTIF UNTUK PELABURAN UMUM

- **Pengecualian cukai pendapatan** sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun
- **Elaun Cukai Pelaburan** sebanyak 60% - 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun

INSENTIF UNTUK KAWASAN KURANG MEMBANGUN

- **Elaun Cukai Pelaburan** sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh 10 tahun
- **Pengecualian duti import-bahan** mentah, komponen, mesin dan peralatan yang tidak dikeluarkan di dalam negara dan digunakan secara langsung dalam proses pengeluaran

INSENTIF UNTUK PELABURAN INDUSTRI BERASASKAN SUMBER

- **Pengecualian cukai pendapatan** sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 5 tahun
- **Elaun Cukai Pelaburan** sebanyak 60% - 70% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun

INSENTIF UNTUK PENGHASILAN PRODUK MAKANAN HALAL

- **Elaun Cukai Pelaburan** sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun


MIDA
MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY





DRAFT

RAJAH 4.7: LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN YANG MEMBERI KESAN GANDAAN EKONOMI (*MULTIPLIER EFFECT*)



PETUNJUK :

- PI 2.1 HALAL FOOD PARK (AYER HITAM DAN SIMPANG RENGGAM – SEDENAK)
- PI 2.2 AUTO CITY / TRUCK CITY SIMPANG RENGGAM
- PI 2.3 PUSAT LOGISTIK MENGKIBOL
- PI 2.4 MENGUTAMAKAN KONSEP KOMPLEKS INDUSTRI BERSEPADU/ INTEGRATED INDUSTRIAL COMPLEX (IIC)

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI2

MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN YANG BERUPAYA MEMBERI KESAN GANDAAN EKONOMI *(MULTIPLIER EFFECT)*

CADANGAN PI 2.1

HALAL FOOD PARK (AYER HITAM DAN SIMPANG RENGGAM – SEDENAK)



DESKRIPSI

Lokasi :

i. Ayer Hitam (Lot 1506-1513, 1517 – 1522, 1287-1290, 7148-7149, 1293-1295) -52.70 hektar ATAU Simpang Renggam (Lot 8719, 787-791, 793-795, 991-996) - 42.13 hektar.

Melibatkan kaedah pengambilan balik tanah dan *joint-venture*. Merujuk kepada definisi dan panduan yang dikeluarkan oleh *Halal Development Corperation* (HDC).

PEMULA

JAKIM, *Invest Johor*, BPEN, GLC, MIDA, Swasta

PELAKSANA

GLC, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 250,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memacu pengukuhan industri ke arah industri berorentasikan peningkatan kerberhasilan pengeluaran berdaya maju

SASARAN

Peningkatan kemasukan pengusaha industri dan pelabur-pelabur luar di Daerah Kluang

Komponen Cadangan

- Pusat Latihan
- Inkubator Bersama
- Ruang Makmal
- Bilik Sejuk Berpusat
- Ruang Penyimpanan Bersama
- Ruang Pembuatan / Pengeluaran

Halal Park dijangka bakal melonjakkan sektor perindustrian makanan halal di Kluang. Terdapat dua lokasi dicadangkan iaitu di Simpang Renggam dan Sri Lalang. *Halal Food Park* ini mengkhususkan kepada pengeluaran produk halal yang menjalankan aktiviti pembuatan, pembungkusan dan penyedia perkhidmatan yang berpusat untuk makanan halal.

Halal Park:

i. Berkeluasan 100 ekar
ii. Kepelbagaian produk halal dan makanan halal.
iii. Penyediaan kemudahan iaitu tempat pemprosesan, pembungkusan, stor simpanan dan logistik.
iv. Dikawal oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh HALMAS.
i. Mewujudkan industri hiliran bagi industri berasaskan pertanian dan ternakan.
ii. Menggunakan hasil pertanian dan penternakan di Kluang untuk dijadikan sumber industri hiliran.
iii. Mengguna pakai dan mematuhi sepenuhnya status taman makanan halal (HALMAS) yang dikeluarkan oleh Halal Development Corporation (HDC).
iv. Premis industri mengaplikasikan proses lestari yang meminimumkan penggunaan sumber, sisa industri dan tenaga yang boleh diperbaharui.
v. Menyokong kepada Iskandar Halal Hab
vi. Pemberian insentif kepada pengendali taman halal dan peserta industri yang menjalankan industri halal.



Foto : Cadangan Halal Food Park.

STATUS HALMAS merupakan akreditasi yang diberikan kepada pengendali hab industri halal food yang berjaya mematuhi syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan di dalam Halal Development *Corperation* (HDC). Ia juga adalah tanda kecemerlangan untuk taman-taman yang mempunyai kualiti yang perlu diberi perhatian iaitu pengeluaran produk halal dengan kualiti yang tinggi, integriti dan selamat.

Dengan status HALMAS akan membolehkan pengendali, peserta industri dan penyedia perkhidmatan logistik menikmati insentif dan akan menjadi pemain dalam industri halal.

Antara **kriteria kelayakan HALMAS** adalah:

- ✓ Penglibatan dalam industri halal makanan, produk dan perkhidmatan bukan makanan.
- ✓ Tenaga kerja yang berpengetahuan dan pakar dalam bidang industri halal.
- ✓ Sekurang-kurangnya mempunyai 3 pegawai pematuhan halal yang sentiasa terlibat dalam pemprosesan makanan halal, produk dan perkhimatan.
- ✓ Memiliki Halal Malaysia dan Persijilan Penyembelihan Halal bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam penyembelihan haiwan.
- ✓ Menyediakan pemindahan teknologi dan / atau memberi sumbangan terhadap pembangunan industri halal.
- ✓ Lokasi premis mengikut ketetapan.

Antara **peranan yang dimainkan oleh badan pengurusan** adalah:

- ✓ Membantu pengusaha-pengusaha dalam mendapatkan pensijilan seperti HALAL
- ✓ Promosi produk-produk ke MIHAS, Halal Fest Kebangsaan, Halalfest dan sebagainya.
- ✓ Menjalinkan kerjasama dengan pihak luar bagi tujuan promosi produk spt 'listing' di Hypermarket dan mini market.
- ✓ Mengatur OEM antara pengilang-pengilang dengan pengeluar produk dari dalam dan luar negeri.
- ✓ Menganjurkan Program Coaching & Mentoring.
- ✓ Mengadakan Seminar/Kursus yang berkaitan.
- ✓ Kaunseling dan Pemantauan dari masa ke semasa.
- ✓ Penyembelihan Halal bagi syarikat-syarikat yang terlibat dalam penyembelihan haiwan.
- ✓ Menyediakan pemindahan teknologi dan atau memberi sumbangan terhadap pembangunan industri halal.



Foto : Gambang Halal Park di Gambang, Pahang.

Terdapat beberapa ***Halal Park*** **yang telah dibangunkan di Malaysia** iaitu:

i. Kedah Halal Park, Sg Petani diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah - Keluasan 35 ekar
ii. Prima Halal Food Park, Gambang, Pahang – 40 ekar
iii. Perlis Halal Park, Padang Besar diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis – keluasan 50 ekar
iv. Terengganu Halal Park diuruskan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu – keluasan 2 ekar
v. Pengkalan Chepa Halal Park diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan – 2 ekar
vi. Mara Halal Park, Kuala Perlis MARA
vii. Mara Halal Park, Tambun MARA
viii. Mara Halal Park, Kuching




Foto : Produk-produk Halal Food Park di Gambang, Pahang.

PRIMA AGRI-PRODUCTS

PRIMA HALAL FOOD PARK, GAMBANG, PAHANG

- ❖ Beroperasi pada 2007
- ❖ Prima Agri-Products Sdn Bhd
- ❖ 68 pengusaha IKS berasaskan pembuatan makanan .
- ❖ Penyediaan kemudahan seperti tempat pemprosesan, pembungkusan, stor simpanan dan pusat rawatan air dan logistik.
- ❖ Berstatus tempatan: mengutamakan produk keluaran tempatan



Ilustrasi: Contoh Gambaran Susunatur Halal Park Ayer Hitam.

DRAF



Foto: Taman Halal Pasir Mas merupakan taman perindustrian yang direka untuk menghasilkan produk makanan halal hiliran bernilai tinggi seperti nutraseutikal, herba, rempah ratus, dan produk berasaskan daging.




Foto : Taman Halal Iskandar yang terletak di Pasir Gudang menyediakan persekitaran yang kondusif untuk PKS dalam menghasilkan dan mengeluarkan produk seperti vegetable and animals oil & fats, Pharmaceuticals, komestik dan barangan penjagaan peribadi, Medical and dental instrument & supplies.







Foto : Kedah Halal Park.




Ilustrasi: Contoh Gambaran Susunatur Halal Park Simpang Renggam.



Foto : Antara produk daripada Kedah Halal Park.

RAJAH 4.8: CADANGAN HALAL FOOD PARK (AYER HITAM DAN SIMPANG RENGGAM – SEDENAK)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI2

MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN YANG BERUPAYA MEMBERI KESAN GANDAAN EKONOMI *(MULTIPLIER EFFECT)*

CADANGAN PI 2.2

AUTOCITY / TRUCK CITY SIMPANG RENGGAM

DESKRIPSI

Lokasi :

i. Lot 16648, 8590, 27392, 29637, 3327, 1844, 1849,16919,16649,16645,5892-5893, 8687,1839-1841,8690-8694,8881,1826,8689 - 63.75 hektar
ii. Sebahagian Lot 12487 (Bekas Tapak Zoo) - 100 ekar / 40.47 hektar

PEMULA

Swasta

PELAKSANA

Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memacu pertumbuhan ekonomi dengan sokongan industri logistik

SASARAN

Kadar penyertaan syarikat swasta bagi menyokong pembangunan *Autocity / Truck City*

Cadangan pusat perkhidmatan utama berkonsepkan *Autocity* atau Truck City adalah sesuai dicadangkan dalam meningkatkan kesan gandaan pertumbuhan ekonomi berasaskan sokongan industri logistik di Daerah Kluang.

Cadangan pusat perkhidmatan utama servis kenderaan/automobil adalah berkonsepkan perniagaan *One Stop Centre* dari aspek penjualan alat ganti, pemasangan dan pembaikan kenderaan dan disokong dengan kepelbagaian perkhidmatan sokongan seperti perbankan, hiburan, makanan dan lain-lain. Antara perkhidmatan yang dicadangkan adalah :

i. **Perkhidmatan servis dan jualan kenderaan** seperti pertukaran tayar dan minyak, penyeimbangan roda, penyelarasan kemudi dan sebagainya.
ii. **Perkhidmatan penhantaran dan cuci kenderaan.**
iii. **Perkhidmatan latihan dan seminar.**
iv. **Pelbagai program dan acara tahunan** seperti pameran kenderaan tahunan.

Komponen cadangan :

i. Ruang servis kenderaan
ii. Ruang barangan alat ganti kenderaan
iii. Ruang pameran / jualan kenderaan
iv. Ruang *shipping / receving* kenderaan
v. Bilik latihan / seminar
vi. Perkhidmatan servis 24 jam
vii. Pejabat dan kaunter pertanyaan
viii. Kawasan *driver lounge* seperti penyediaan bilik mandi, bilik menunggu, televisyen, kemudahan mendobi dan sebagainya.
ix. Kemudahan sokongan lain seperti stesen minyak, kedai makan, tandas, CCTV, penghawa dingin dan sebagainya.
x. Kawasan perniagaan yang menyokong kepada pembangunan Autocity seperti perbankan, insurans, barang-barang alat gantian kenderaan dan sebagainya







Foto: Contoh Laman web Truck Centers, US & Bandar Autocity, Pulau Pinang.

Sumber: Laman web Truck Centers, US & Bandar Autocity, Pulau Pinang

Penanda Arasan Autocity:

i. Bandar Autocity Juru, Pulau Pinang

- Terletak di Juru Pulau Pinang
- Merupakan 1-Stop untuk Automobil, Pusat makanan, hiburan, perhotelan, perbankan, pusat membeli belah dan menyediakan ruang untuk pameran dan pelbagai acara.
- Pelanggan Utama : Borgward, Harley Davidson, Ford, Haval, Isuzu, Mazda, KIA, Volvo, PERODUA, PROTON dan lain-lain.





Ilustrasi: Contoh Gambaran Susunatur Auto City Simpang Renggam.

ii. HICOM, Glenmarie Shah Alam

- Terletak di Hicom-Glenmarie Industrial Park Shah Alam
- Merupakan pusat dagangan kenderaan yang berfungsi sebagai henti setempat untuk kenderaan.
- Pusat servis kenderaan, pameran dan jualan kenderaan, alat-alat gantian merupakan aktiviti utama yang dijalankan di kawasan industri ini.
- Disokong dengan kemudahan perniagaan seperti perbankan, insurans dan kemudahan logsitik
- Pelanggan Utama : Kawasaki, PROTON, Yokohama, Honda, Mini Auto Bavaria, BMW, Haval, Produa, Mazda, Porsche, Volkwagen ,dan lain-lain



DRAF

Penanda Arasan Truck City:

Truck Centers Incorporation, United State

- One Stop Centre dari aspek penjualan alat ganti, pemasangan dan pembaikan kenderaan
- Perkhidmatan servis dan jualan kenderaan, perkhidmatan penghantaran dan cuci kenderaan serta perkhidmatan latihan dan seminar







Foto: Contoh pelan konsep kawasan Truck City di Simpang Renggam.



Foto : Cadangan komponen pembangunan iaitu bahagian servis seperti kaunter pertanyaan dan ruang menunggu pemandu.

Sumber: Truck Centers Incorporation, United State






Foto : Cadangan komponen pembangunan iaitu kawasan shipping / receiving kenderaan dan kawasan servis.

Sumber: Truck Centers Incorporation, United State

RAJAH 4.9: CADANGAN AUTOCITY / TRUCK CITY DI SIMPANG RENGGAM



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI 2

MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN YANG BERUPAYA MEMBERI KESAN GANDAAN EKONOMI *(MULTIPLIER EFFECT)*

CADANGAN PI 2.3

CADANGAN PUSAT LOGISTIK MENGKIBOL

DESKRIPSI

i. Bertujuan untuk memudahkan aksesibiliti terutama memendekkan tempoh perjalanan bahan mentah mahupun hasil industri antara kawasan Selatan dan lembah klang
ii. Penyediaan kemudahan pengangkutan barangan ke pelabuhan-pelabuhan Johor
iii. Memperkukuhkan rangkaian sistem pengangkutan mengunakan rel dan perhubungan jalan.
iv. Memperkukuhkan industri logistik dan keperluan eksport import barangan dari industri dan perdagangan seluruh negeri.

PEMULA

PAJ, KTMB

PELAKSANA

PAJ, KTMB

ANGGARAN KOS

RM 800,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memperkukuhkan sektor ekonomi dan perhubungan Kluang

SASARAN

Peningkatan kemudahan logistik dan perhubungan integrasi dengan kluster perindustrian

Keadaan semasa kawasan perindustrian menunjukkan perhubungan sedia ada seperti jalan raya dan perhubungan kereta api memainkan peranan penting dalam memastikan penghataran barang dapat dibuat dengan lancar. Melihat kepada potensi ini, cadangan perkhidmatan logistik di Mengkibol boleh menjadi batu lonjakkan kepada peningkatan pergerakan barangan dan perkhidmatan secara kesepaduan untuk pembangunan perindustrian.

Bagi menyokong saranan yang dirangka oleh **Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor (PIPAJ)** dan sebagaimana yang dinyatakan di dalam **Rancangan Struktur Negeri Johor 2030,** sistem logistik dan pengangkutan barang yang cekap adalah menjadi visi ke arah menambahbaik rangkaian, mobiliti barang, dan kemudahan logistik secara menyeluruh dan bersistematik. Ini secara langsung dapat meningkatkan perhubungan pengangkutan di Daerah Kluang.



Foto : Kemudahan pusat logistik beraskan rel.

Komponen Perkhidmatan Logistik Mengkibol


- ✓ Pusat operasi
- ✓ Gudang terbuka & tertutup
- ✓ Depot dan pusat servis lori
- ✓ Tandas
- ✓ Infrastruktur berkaitan (rel & jalan)
- ✓ Surau dan tempat makan
- ✓ Pengelola kargo
- ✓ Peletakan semula kontena
- ✓ Pelepasan kastam

Cadangan perkhidmatan logistik mengkibol ini selaras dengan hasrat PIPAJ untuk menubuhkan **pelabuhan darat atau Pusat Logistik Bersepadu (ILC)** di beberapa lokasi lain, iaitu di Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Kluang dan Kulai. Kesemua tempat ini mempunyai hubungan rel KTMB. Selepas pelaksanaan Pelabuhan Darat Segamat sebagai sebuah pelabuhan darat yang dilengkapi infrastruktur asas, fokus seterusnya dalah untuk melaksanakan ILC di bandar-bandar lain sebagaimana dirancangkan pada fasa-fasa berikutnya.

Seiring dengan itu, **perkhidmatan logistik Mengkibol** ini juga bertujuan untuk memastikan kesalinghubungan terus/ terpantas antara pelabuhan-pelabuhan dengan pusat logistik bersepadu dan kawasan-kawasan perindustrian utama negeri dalam bentuk pengangkutan jalan dan rel. Ia dijangka dapat mempertingkatkan akses dan perhubungan taman-taman perindustrian sedia ada ke rangkaian jalan-jalan utama dan lebuh raya, serta kemudahan logistik seperti terminal kereta api. **Walau bagaimanapun, cadangan Perkhidmatan Logistik Mengkibol memerlukan kajian lanjutan terhadap penentuan lokasi dan komponen cadangan bagi memperincikan cadangan ini.**

DRAF

RAJAH 4.10 : CADANGAN PUSAT LOGISTIK MENGKIBOL



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PI2

MEMBANGUNKAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN YANG BERUPAYA MEMBERI KESAN GANDAAN EKONOMI *(MULTIPLIER EFFECT)*

CADANGAN PI 2.4

MENGUTAMAKAN KONSEP KOMPLEKS INDUSTRI BERSEPADU / *INTEGRATED INDUSTRIAL COMPLEX* (IIC)

DESKRIPSI

i. Merupakan kawasan industri G&G yang dilengkapi dengan kemudahan perniagaan, infrastruktur dan utiliti (high speed broadband) yang komprehsif, Kawasan rekreasi, asrama pekerja dan lain-lain
ii. Kawalan keselamatan 24jam.

PEMULA

MPK, MDSR, Swasta

PELAKSANA

MPK, MDSR, Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Pemangkin ekonomi dan tarikan kepada pelaburan perindustrian yang bernilai tinggi di Daerah Kluang

SASARAN

Pemohonan kawasan perindustrian baharu menerapkan konsep *Integrated Industrial Complex* (IIC)

Pembangunan perindustrian baru berkonsepkan kluster akan mendorong kepada penyediaan taman perindustrian *gated and guarded* yang menerapkan konsep *clean and green* bagi mencapai pembangunan mampan. Pendekatan ini mampu memberi kelebihan kepada pembangunan industri seperti berikut:

1. Memperkukuhkan pembangunan kluster
2. Meningkatkan rantaian ekonomi antara pertubuhan multinasional dengan firma tempatan
3. Merangka pelan strategik setiap kawasan yang dipilih dari segi spatial dan tadbir urus untuk memenuhi keperluan pelabur, pekerja dan pengguna
4. Menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara komprehensif bagi kluster industri




Foto : Cadangan Konsep pembangunan industri baru yang mengamalkan konsep Gated and Guarded, Clean and Green dengan pelbagai kemudahan.

Ciri-ciri Kompleks Industri Bersepadu :

- ✓ Menggalakkan pembangunan industri secara *gated and guarded*
- ✓ Penyediaan bangunan industri yang menerapkan *clean and green*
- ✓ Bangunan industri (Pajak, beli atau sewa)
- ✓ Badan pengurusan yang menguruskan hal berkaitan produk industri (lesen, kastam, penghantaran produk).
- ✓ Mempunyai infrastruktur yang efektif dan penerapan reka bentuk bangunan industri yang bercirikan 'hi-tech' dengan pelbagai kemudahan seperti:
  - Kawasan berpagar dan terkawal,
  - Boom Gate dengan kad aksess
  - Asrama pekerja

- ✓ Transfer Station (sisa pepejal),
- ✓ Pengawasan CCTV
- ✓ Kawalan Keselamatan 24 jam
- ✓ Kedai dan medan selera,
- ✓ Tempat letak kereta dan lori,
- ✓ kemudahan rekreasi dll.

i. Memastikan Daerah Kluang mempunyai zon industri terancang yang mencukupi untuk pembangunan perindustrian.

ii. Mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan perindustrian yang teratur bagi membolehkan satu persekitaran perbandaran yang lebih tersusun diwujudkan.

iii. Memudahkan pihak PBT dan JAS mengambil langkah-langkah kawalan dan pengawasan alam sekitar serta penguatkuasaan undang-undang.

iv. Meningkatkan tahap infrastrktur dan utiliti di kawasan industri bagi menampung keperluan.

v. Kawasan industri baru mestilah menerapkan reka bentuk bangunan industri yang bercirikan hi-tech dengan menerapkan unsur-unsur selamat, selesa dan menarik





i-Park Industri di Kulai dan Senai merupakan contoh pembangunan taman industri yang mengetengahkan konsep industri bersepadu. Perancangan yang komprehensif dari segi pengurusan dan pembangunan infrastruktur ini berjaya menarik ramai pelabur dan secara tidak langsung ia membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.



DRAF

STRATEGI PI3

MENGURUS DAN MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN BAGI INDUSTRI KITAR SEMULA DAN INDUSTRI TANPA KEBENARAN

CADANGAN PI 3.1

PENGURUSAN DAN KAWALAN INDUSTRI KITAR SEMULA KE ARAH PEMBANGUNAN LESTARI

DESKRIPSI

i. Industri kitar semula mestilah menjalani Program pengurusan dan Kawalan Industri Kitar Semula.
ii. Kawalan akan diperkenalkan terhadap jenis aktiviti, sumber sisa, zon pemisah, pelupusan sisa buangan, kelulusan pelan bangunan dan sebagainya merupakan perkara yang perlu dipertimbangkan bagi mengawal aktiviti kitar semula.
iii. Pemantauan secara berterusan bagi mengawal operasi industri kitar semula.
iv. Mengenal pasti lokasi kawasan perindustrian yang sesuai untuk dijadikan Pusat Kitar Semula

PEMULA

PDK, PTD, MPK, MDSR

PELAKSANA

JAS, PTD, MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menangani industri kitar semula yang tidak mengikut perundangan

SASARAN

Pemutihan Industri Kitar Semula

Terdapat **15** industri kitar semula yang beroperasi di Daerah Kluang secara keseluruhannya dan 7 industri kitar semula terdapat di dalam kawasan MPK dan 8 di MDSR. Pengurusan dan kawalan industri kitar semula perlu dijalankan melalui **Program Pemutihan Industri Kitar Semula** dalam mencapai usaha ke arah pembangunan lestari di Daerah Kluang. Hanya industri yang mematuhi syarat-syarat dari agensi/jabatan teknikal yang boleh beroperasi di Daerah Kluang. Program ini harus dilaksanakan bagi mengelakkan berlakunya pencemaran dan salah guna aktiviti industri kitar semula di samping menghentikan import bahan buangan dari luar negara.

Aktiviti memproses bahan kitar semula yang diluluskan oleh pihak PBT perlu dikelompokkan bagi tujuan pemantauan dan memudahkan kawalan dan pengurusan. Cadangan meletakkan industri kitar semula di Taman Perindustrian Wawasan adalah bersesuaian selain ianya mengatasi permasalahan industri kosong sedia ada.



Foto : Tindakan kawalan dan penguatkuasa industri tanpa kebenaran dan kitar semula.

Operasi Penguatkuasaan perlu dilaksanakan **Secara Bersepadu** melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan termasuk ;

- ✓ Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- ✓ Majlis Perbandaran Kluang dan Majlis Daerah Simpang Renggam
- ✓ Pejabat Daerah dan Tanah Kluang
- ✓ Jabatan Imigresen Malaysia,
- ✓ Polis Diraja Malaysia (PDRM),
- ✓ Jabatan Kastam DiRaja Malaysia,
- ✓ Tenaga Nasional Berhad dan
- ✓ Syarikat Air Johor

Jadual 4.4: Industri Kitar Semula di MPK dan MDSR

Mukim	Bil Unit	Nama Syarikat
Kluang	7	• Pusat Kitar Semula Five Star • Rakyat Recycle • Recycle Rozan Entrepris • Kitar Semula Yew Seng Trading Co. • Crucial Point Recycling Materials Sdn Bhd • Quan Cheng Initiative Sdn Bhd • Tiada Nama
Renggam	5	• JSP Mastcare Recycle • Cathay Recycle Sdn Bhd • Eco Founland Sdn Bhd • Tiada Nama • Tiada Nama
Ulu Benut	3	• Pusat Kitar Semula Tzu Chi • Rainbow Metal Recycle Sdn Bhd • Tiada Nama

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

Bagi menangani isu pengoperasian kilang kitar semula yang mencemarkan alam sekitar ini, polisi JAS semasa melaksanakan penguatkuasaan pematuhan premis adalah seperti yang berikut:

i. Kilang baharu kitar semula sisa plastik adalah tertakluk di bawah Aktiviti 14(b)(ii), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang menghendaki penyediaan Laporan Penilaian Kepada Alam Sekeliling (EIA);

ii. Premis sedia ada wajib memastikan semua komponen sistem kawalan pencemaran alam sekitar seperti Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU) dan Sistem Pengolahan Effluen Perindustrian (IETS) beroperasi dengan baik dan diselenggara;

iii. Premis hendaklah terletak di dalam kawasan perindustrian;

iv. Sistem Kawalan Pencemaran Alam Sekitar ini perlu mematuhi standard seperti yang ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;

v. Premis hendaklah mempunyai Orang Yang Berwibawa (Competent Person) bagi pemantauan dan pengendalian Alat Kawalan Pencemaran; dan

vi. Premis hendaklah sentiasa mengamalkan '*good housekeeping*'.



Foto : Keadaan kilang kitar semula di TKS Simpang Renggam.

DRAFT

STRATEGI PI3

MENGURUS DAN MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN BAGI INDUSTRI KITAR SEMULA DAN INDUSTRI TANPA KEBENARAN

CADANGAN PI 3.2

PELAKSANAAN PROGRAM PEMUTIHAN INDUSTRI TANPA KEBENARAN YANG BERTERUSAN

DESKRIPSI

i. Industri di luar kawasan industri terancang sama ada secara sah atau haram mestilah menjalani Program Pemutihan industri.
ii. Kawalan akan diperkenalkan terhadap jenis industri, zon pemisah, pelupusan sisa buangan, kelulusan pelan bangunan dan sebagainya merupakan perkara yang perlu dipertimbangkan bagi tindakan pengawalan.
iii. Mengenal pasti lokasi kawasan perindustrian yang sesuai mengikut zon perancangan guna tanah.

PEMULA

PTD, MPK, MDSR

PELAKSANA

PDK, PTD, MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menangani industri tanpa kebenaran yang tidak mengikut perundangan

SASARAN

Sifar industri tanpa kebenaran yang beroperasi di Daerah Kluang

Komponen Cadangan :

i. Industri tanpa kebenaran yang telah dikenal pasti akan diminta membuat:
   - ➢ Permohonan ubah syarat tanah;
   - ➢ Permohonan Kebenaran Merancang; dan pendirian bangunan.

Industri tanpa kebenaran merupakan industri yang dibina tanpa kebenaran merancang dan tanpa lesen dari Pihak Majlis Perbandaran Kluang. Kewujudan industri tanpa kebenaran turut membantu dalam memesatkan pertumbuhan ekonomi negeri berdasarkan penyediaan peluang pekerjaan dan pengeluaran produk bernilai tambah tinggi. Pembangunan aktiviti perindustrian yang beroperasi di luar kawasan industri terancang dan zon industri yang ditetapkan menyebabkan timbulnya masalah pencemaran ke atas alam sekitar serta menjejaskan kesejahteraan penduduk setempat akibat kegiatan pengeluaran yang dilakukan.

PBT perlu mempertimbangkan cadangan kajian khusus bagi industri yang beroperasi tanpa kebenaran supaya mencapai tujuan pemutihan. Selain itu, pemberian insentif-insentif kepada pengilang untuk menggalakkan aktiviti perindustrian dijalankan di kawasan perindustrian terancang dapat mengurangkan jumlah industri tanpa kebenaran di MPK.

Diantara pelanggaran syarat adalah seperti:

Zon Gunatanah: Institusi dan Kegunaan Kerajaan
Syarat Nyata: Pertanian- Getah
Aktiviti Atas Tanah: Bengkel membaiki kenderaan berat

Pemilik/ pengusaha telah melanggar syarat yang ditetapkan iaitu zon gunatanah dan syarat nyata. Oleh itu, tindakan notis telah dilaksanakan. Melihat kepada hal ini, adalah menjadi keperluan agar satu tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan bagi mengelakkan permasalahan ini dapat dikawal oleh pihak yang bertanggungjawab.





Jadual 4.5: Senarai Inventori Industrri Tanpa Kebenaran Daerah Kluang, 2019

MUKIM	PEMUTIHAN INDUSTRI	
	UNIT	PERATUS (%)
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG		
Mukim Kahang	10	11
Mukim Kluang	26	29
Mukim Niyor	5	5
Mukim Paloh	9	10
JUMLAH	**50**	**55**
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM		
Layang-Layang	17	19
Machap	4	4
Renggam	10	11
Ulu Benut	10	11
JUMLAH	**41**	**45**
JUMLAH KESELURUHAN	**91**	**100**

Sumber: Pejabat Tanah Kluang, 2019

Pelanggaran syarat tanah

merujuk kepada Akta berikut:

- **Seksyen 115 KTN 1965** – Pembangunan tanah yang melanggar syarat nyata / pertanian
- **Seksyen 18 Akta172** – Pemajuan yang berlawanan dengan Rancangan Tempatan
- **Seksyen 19 Akta 172** – Pemajuan tanpa kebenaran
- **Seksyen 70 Akta 133** - Pendirian sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran PBT

Merujuk kepada **Jadual 4.6** tindakan pemutihan yang dijalankan di Majlis Perbandaran Subang Jaya, Selangor (MPSJ), strategi pemutihan yang digunapakai boleh dijadikan sebagai panduan tindakan pemutihan industri di Daerah Kluang:

Jadual 4.6: Cadangan Strategi Pemutihan Industri Daerah Kluang

KATEGORI INDUSTRI	AGENSI TERLIBAT	TINDAKAN
Tidak Mengikut Kategori Tanah (Dalam Zon Guna Tanah Industri Rancangan Tempatan)	• Pentadbir Tanah • MPK dan MDSR	• Tukar syarat tanah (Dalam tempoh 1 tahun) • Bayaran – Bayaran premium/diskaun nominal • Memohon KM/Pelan Bangunan/Pelan Infrastruktur (Mematuhi syarat teknikal minima & dapatkan CCC
Tidak mematuhi syarat bangunan (dalam kategori tanah perindustroan & zon guna tanah industri RT)	• MPK dan MDSR	• Memohon KM/Pelan Bangunan/Pelan Infrastruktur (Mematuhi syarat teknikal minima & dapatkan CCC
Luar zon guna tanah industri RT (kategori tanah perindustrian/pertanian)	• Pentadbir Tanah • MPK dan MDSR	• Bayaran – Permit khas tanah • Lesen sementara • Pindah keluar zon (tempoh 1 tahun)

Sumber: Contoh Model Tindakan Pemutihan Industri MPSJ, 2020

DRAF

STRATEGI PI 4

MENINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PERHUBUNGAN, UTILITI, ICT DAN KEMUDAHAN SOKONGAN PERINDUSTRIAN

CADANGAN PI 4.1

CADANGAN MENINGKATKAN RANGKAIAN PERKHIDMATAN ICT SEDIA ADA TERUTAMANYA JALUR LEBAR

DESKRIPSI

i. Keperluan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti bekalan tenaga elektrik tanpa gangguan dan rangkaian jalur lebar.

PEMULA

SKKM, *Service Provider*

PELAKSANA

SKKM, *Service Provider*

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh *service provider*

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Memperkukuh dan menambahbaik kemudahan utiliti dan ICT

SASARAN

Memastikan 80% ICT dan kemudahan sokongan industri dinaiktaraf





Kemudahan infrastruktur sedia ada seperti bekalan tenaga elektrik dan rangkaian jalur lebar di kawasan pembangunan perindustrian perlu ditingkatkan untuk menyokong kepada Industri 4.0. Selain itu, ianya juga adalah untuk memastikan sistem agihan talian rentis bekalan elektrik berada di tahap kecekapan yang optimum dan kurang gangguan bekalan (rujuk sektor infrastruktur dan utiliti untuk perincian cadangan).




Foto : Kemudahan infrastruktur dan jalur lebar dalam industri.

STRATEGI PI 4

MENINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PERHUBUNGAN, UTILITI, ICT DAN KEMUDAHAN SOKONGAN PERINDUSTRIAN

CADANGAN PI 4.2

CADANGAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN SOKONGAN INDUSTRI SEPERTI ASRAMA PEKERJA BERPUSAT / BERSEPADU

DESKRIPSI

i. Membantu pihak berkuasa tempatan mengawal dan memantau perjalanan pekerja asing.
ii. Memastikan kawasan perindustrian lebih selamat, bersih dan tersusun.
iii. Mengurangkan penyakit berjangkit daripada wujud dan menjangkiti penduduk tempatan.

PEMULA

MPK, MDSR, Swasta

PELAKSANA

MPK, MDSR, Swasta

ANGGARAN KOS

Mekanisme Pengurusan Sedia Ada

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memperkukuh dan penambahbaikkan kemudahan sokongan industri

SASARAN

Memastikan 80% pengusaha industri menyediaan kemudahan asrama pekerja yang terurus

Keadaan semasa kawasan perindustrian menunjukkan tenaga buruh untuk sektor perindustrian terdiri daripada pekerja asing. Walau bagaimanapun, pekerja tersebut tidak mempunyai tempat penginapan khusus dan telah menjadikan bangunan perniagaan yang tidak beroperasi sebagai tempat penginapan.

Bagi menangani isu kediaman dan sosial pekerja asing tersebut, dicadangkan setiap pemilik industri menyediakan kemudahan asrama pekerja asing di dalam tapak industri masing-masing. Industri yang tidak mempunyai ruang yang mencukupi perlulah mencari tapak atau bangunan lain sebagai ganti. Cadangan ini juga dapat membantu pihak berkuasa mengenal pasti kewujudan pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen pengenalan yang sah dan boleh mengawal mereka. Selain itu, satu badan pengurusan asrama juga perlu ditubuhkan bagi memastikan asrama tersebut dijaga dan ditadbir dengan baik sekaligus memastikan keharmonian pekerja asing dengan penduduk sekitar.



Foto : Kemudahan asrama pekerja yang lengkap dengan kemudahan.

Jadual 4.7: Manual Piawaian Dan Garis Panduan Perancangan Negeri Johor (Edisi 2018)

	Free Standing Building	Blok Sedia Ada
Lokasi Peletakan	▪ Kawasan perindustrian ▪ Kawasan perdagangan	▪ Plot komersial kawasan perindustrian (Bangunan kedai pejabat yang tidak digunakan dan dihuni)
	▪ Berdekatan dengan kawasan komuniti atau pusat perkhidmatan perindustrian (PPI) supaya tidak berlaku pertindihan penyediaan kemudahan.	
Keperluan	▪ Penyediaan asrama boleh dipertimbangkan bagi industri yang mempunyai 30% daripada pekerja-pekerja asing dan bukan penduduk tempatan.	▪ Memperoleh kelulusan PBT untuk menukarguna kegunaan bangunan daripada bangunan bukan kediaman kepada bangunan untuk tujuan kediaman.
Reka Bentuk	▪ Mengambil kira reka bentuk bangunan dan kesan visual yang menarik. ▪ Persekitaran diintegrasikan dengan landskap dan berharmoni. ▪ Mempunyai pengudaraan dan pencahayaan semula jadi yang mencukupi untuk setiap unit.	▪ Bangunan mesti direka bentuk seperti asrama atau tempat penginapan. ▪ Perlu menyediakan tangga kedua dan akses keluar / masuk yang mencukupi dan mengambil kira keadaan semasa berlaku kecemasan mengikut spesifikasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

STRATEGI PI 4

MENINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR PERHUBUNGAN, UTILITI, ICT DAN KEMUDAHAN SOKONGAN PERINDUSTRIAN

CADANGAN PI 4.3

MEMPERLUASKAN *PROGRAM TRAINING & VOCATIONAL EDUCATIONAL TRAINING* (TVET) DI INSTITUSI-INSTITUSI KEMAHIRAN

DESKRIPSI

i. Melahirkan golongan pekerja tempatan yang berkemahiran.
ii. Meningkatkan kualiti latihan perindustrian menerusi pensijilan dan akreditasi kurikulum.
iii. Menyediakan kursus / pembelajaran mengikut kehendak industri semasa supaya dapat melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi (TVET) seiring dengan orentasi dan keperluan industri 4.0.

PEMULA

KPM

PELAKSANA

KPM, Unit Strategik Modal Insan

ANGGARAN KOS

Mekanisme pengurusan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memfokuskan kepada pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan peluang pekerjaan

SASARAN

Penjanaan 50% sumber tenaga kerja tempatan yang berdaya saing daripada institusi-institusi kemahiran

Pengeluaran tenaga kerja yang mahir daripada institusi-institusi di MPK dapat menggalakkan pertumbuhan pelaburan yang berkaliber serta mengurangkan migrasi penduduk ke luar Kluang. Penubuhan institusi-institusi latihan/kemahiran serta pusat-pusat akademik dan sebagainya perlu menyediakan kursus/pembelajaran mengikut kehendak industri semasa dari peringkat persekolahan rendah lagi agar dapat melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi.

Program *Training and Vocational Educational Training (TVET)* dicadangkan dijalankan di institusi-institusi pendidikan di Kluang seperti Kolej Kemahiran Johor Kluang dan Kolej Komuniti Kluang. Program TVET ini menggalakkan pembelajaran kemahiran dan dapat melahirkan golongan tenaga kerja berkemahiran serta menghasilkan produk industri yang lebih bermutu.









Foto : Program Training and Vocational Educational Training (TVET).

DRAF

4.2 PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN

HALATUJU PEMBANGUNAN

H2

Pemantapan sektor **ekonomi bandar** agar lebih dinamik dan berdaya maju.

STRATEGI PP 1

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR

- **PP1.1** Cadangan Naik Taraf Kawasan Komersial Bandar Kluang dan Simpang Renggam (Zon Komersil TOD Kluang dan Pembangunan Infill)
- **PP1.2** *Whole Sale Food Market* Ayer Hitam (Kluang)
- **PP1.3** Tapak Mini Produk Pelancongan Agro Simpang Renggam
- **PP1.4** Naiktaraf dan Pembentukan Nodus Komersial (Zon warisan Bandar Kluang, *Food Truck Hotspot Youth Cabin* Renggam)
- **PP1.5** Naiktaraf Aktiviti Penjajaan dan Perniagaan Tidak Formal (Medan Selera dan Tapak Penjaja)

STRATEGI PP 2

REJUVENASI KAWASAN PERNIAGAAN LAMA DAN USANG

- **PP2.1** Promosi Konsep Adaptive Reuse di Bangunan Perniagaan Kosong
- **PP2.2** Penambahbaikan Kawasan dan Bangunan Perkedaian Lama di Paloh, Chamek, Kahang, Layang-Layang

STRATEGI PP 3

MENGAWALSELIA AKTIVITI YANG BERCANGGAH DENGAN KEGUNAAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA

- **PP3.1** Penguatkuasaan Aktiviti Perusahaan Burung Walit di Premis Perniagaan Sedia Ada
- **PP3.2** Penguatkuasaan Aktiviti Asrama Pekerja di Premis Perniagaan Sedia Ada
- **PP3.3** Pengawalan Perubahan Material Penggunaan Tanah dan Bangunan di Kawasan Bandar Kluang
- **PP3.4** Pengawalan Aktiviti Perniagaan yang Mencemarkan Kawasan Sekitar

STRATEGI PP 4

MENGGALAKKAN SEKTOR PERNIAGAAN SECARA ELEKTRONIK (E-DAGANG)

- **PP4.1** Program usahawan bergerak / Mobilepreneur
- **PP4.2** Galakan Perkhidmatan Tanpa Tunai / Cashless


DRAFT

Pembangunan sektor perniagaan dalam kawasan MPK dan MDSR mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih rancak dan berdaya saing dengan kehadiran pengangkutan darat dan rel yang merupakan salah satu elemen pemangkin pembangunan. Hal ini sekaligus dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang kompetetif selaras dengan visi dan objektif pembangunan MPK dan MDSR.

STRATEGI	CADANGAN
PP 1 PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR Memfokuskan kepada cadangan aktiviti perniagaan yang memberikan impak positif kepada Daerah Kluang serta meningkatkan peluang pekerjaan, tarikan pelabur dan pendapatan penduduk setempat.	PP 1.1 Naik Taraf Kawasan Komersial Bandar Kluang dan Simpang Renggam (Zon Komersial TOD Kluang dan Pembangunan Infill) PP 1.2 *Whole Sale Food Market Ayer* Hitam (Kluang) PP 1.3 Tapak Mini Produk Pelancongan Agro Simpang Renggam PP 1.4 Naik Taraf dan Pembentukan Nodus Komersial (Zon Warisan Bandar Kluang, *Food Truck Hotspot Youth Cabin* Bandar Kluang & Renggam) PP 1.5 Naik Taraf Aktiviti Penjajaan dan Perniagaan Tidak Formal (Medan Selera dan Tapak Penjaja)
PP 2 REJUVENASI KAWASAN PERNIAGAAN LAMA DAN USANG Memfokuskan kepada kawasan perniagaan yang berpotensi untuk dibangunkan semula / dihidupkan bagi mewujudkan kawasan perniagaan yang lebih berdaya huni dan aktif mengikut potensi suatu petempatan tersebut	PP 2.1 Promosi Konsep *Adaptive Reuse* di Bangunan Perniagaan Kosong PP 2.2 Penambahbaikan Kawasan dan Bangunan Perkedaian Lama di Paloh, Chamek, Kahang dan Layang-Layang
PP 3 MENGAWALSELIA AKTIVITI YANG BERCANGGAH DENGAN KEGUNAAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA Memfokuskan kepada pengawalan aktiviti selain perniagaan yang memberikan impak negatif dari aspek fizikal dan sosial dalam Daerah Kluang	PP 3.1 Penguatkuasaan Aktiviti Perusahaan Burung Walit di Premis Perniagaan Sedia Ada PP 3.2 Penguatkuasaan Aktiviti Asrama Pekerja di Premis Perniagaan Sedia Ada PP 3.3 Pengawalan Perubahan Material Penggunaan Tanah dan Bangunan di Kawasan Bandar Kluang PP 3.4 Pengawalan Aktiviti Perniagaan yang Mencemarkan Kawasan Sekitar
PP 4 MENGGALAKKAN SEKTOR PERNIAGAAN SECARA ELEKTRONIK (E-DAGANG) Memfokuskan kepada galakan aktiviti perniagaan berbentuk atas talian yang *save* dan *safe* kepada masyarakat setempat khususnya.	PP 4.1 Program Usahawan Bergerak/ *Mobilepreneur* PP 4.2 Galakan Perkhidmatan Tanpa Tunai / *Cashless*

DRAF

RAJAH 4.11: LOKASI TINDAKAN PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERI NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR



PETUNJUK :

- PP1.1 CADANGAN NAIK TARAF KAWASAN KOMERSIAL BANDAR KLUANG DAN SIMPANG RNEGGAM (ZON KOMERSIAL TOD KLUANG DAN PEMBANGUNAN INFILL)
- PP1.2 CADANGAN *WHOLE SALE FOOD MARKET* AYER HITAM (KLUANG)
- PP1.3 CADANGAN TAPAK MINI PRODUK PELANCONGAN AGRO SIMPANG RENGGAM
- PP1.4 CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBENTUKAN NODUS KOMERSIAL (ZON WARISAN BANDAR KLUANG, *FOOD TRUCK HOTSPOT YOUTH CABIN* BANDAR KLUANG & RENGGAM)
- PP1.5 CADANGAN NAIK TARAF AKTIVITI PENJAJAAN DAN PERNIAGAAN TIDAK FORMAL (MEDAN SELERA DAN TAPAK PENJAJA)

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PP1

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR

CADANGAN PP 1.1

CADANGAN NAIK TARAF KAWASAN KOMERSIAL BANDAR KLUANG DAN SIMPANG RENGGAM (ZON KOMERSIAL TOD KLUANG DAN PEMBANGUNAN *INFILL*)

(Rujuk Cadangan BL 1.7- Pembangunan Infill)

DESKRIPSI

Lokasi : Pusat Bandar Kluang, Bandar Renggam

i. Memperkukuhkan fungsi Bandar Kluang sebagai PWN & Simpang Renggam sebagai PSWN dengan anggaran penawaran ruang lantai perniagaan yang tinggi
ii. Mewujudkan kawasan perbandaran yang lebih teratur seiring dengan kerancakan pertumbuhan ekonomi bandar dan penduduk.
iii. Menghidupkan kawasan sekitar Stesen Keretapi Kluang dengan aktiviti perniagaan yang menjadi tarikan pelancong

PEMULA
MPK,MDSR, Swasta, GLC

PELAKSANA
MPK,MDSR, Swasta, GLC

ANGGARAN KOS
Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL
Meningkatkan nilai tambah dan daya maju pembangunan dengan kerancakan aktiviti di kawasan TOD

SASARAN
Pembangunan bercampur yang berintensiti tinggi dalam mengukuhkan fungsinya sebagai PWN

LC SC

Selaras dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam Johor (PIPAJ), kawasan **Stesen Keretapi Kluang dengan kehadiran Landasan Rel Berkembar** telah dikenalpasti sebagai pembangunan ***Transit Oriented Development* (TOD) tahap 2.** Stesen Keretapi Kluang ini merupakan **pintu keluar-masuk bagi pelancong yang melawat Bandar Kluang.** Cadangan pembangunan berasaskan konsep TOD :

i. Menggalakkan **pembangunan bercampur berintensiti tinggi yang komprehensif** terdiri daripada perumahan, komersial, institusi dan kawasan rekreasi yang dilengkapi dengan akses yang saling berhubung.
ii. Meningkatkan **peranan Bandar Kluang** sebagai **Zon Promosi Pembangunan** (Bandar Penggaram – Bandar Kluang) iaitu tumpuan tarikan pelabur bagi sektor perindustrian, pertanian dan pelancongan.
iii. Meningkatkan **kesan gandaan ekonomi** sebagai **Bandar Dormitori** iaitu kediaman alternatif menyokong kawasan limpahan Iskandar Malaysia dan **Bandar Transit Pelancongan** dengan kewujudan pengangkutan rel.



Sumber : Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor, 2015-2045




Foto : Lakaran Konsep Pembangunan TOD


Komponen cadangan :

i. Cadangan menaiktaraf pembangunan komersial melalui galakan pembangunan *infill* di atas tanah kosong sedia ada.
ii. Cadangan nisbah plot dan ketinggian bangunan
   - Pusat Bandar Kluang - 1: 4.0 (25 tingkat), Kedai pejabat - ≤5 tingkat
iii. Pembangunan TOD 2 Kluang
   - Jenis transit
     - ✓ Transit Utama : Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM)
     - ✓ Transit Sekunder : Bas ekpres, bas henti-henti dan teksi
   - Komposisi guna tanah dan luas lantai kasar
     - ✓ Perumahan : tidak kurang 30%
     - ✓ Perniagaan : tidak lebih 60%
     - ✓ Kemudahan awam : tidak kurang 10%
   - Pembangunan yang digalakkan
     - ✓ Komersial & pembangunan bercampur
     - ✓ Kediaman berdensiti sederhana dan tinggi & kediaman mampu milik
     - ✓ Perniagaan runcit, pejabat awam dan swasta, restoran / kafe & hiburan
     - ✓ *Park and Ride* / tempat letak kenderaan

Sumber : Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor, 2015-2045

DRAF

RAJAH 4.12: CADANGAN NAIK TARAF KAWASAN KOMERSIAL BANDAR KLUANG (ZON KOMERSIAL TOD 2 KLUANG)



Cadangan sekitar kawasan TOD 2 Kluang

1. *Cadangan naik taraf Stesen Keretapi Kluang dan landasan rel berkembar*
2. *Cadangan muzium keretapi berdekatan Stesen Keretapi Kluang*
3. *Cadangan naik taraf Pasar Borong Lama*
4. *Cadangan muzium kopi, muzium Kluang, galeri seni dan pasar lorong*

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Cadangan **menaiktaraf pembangunan komersil** di kawasan Simpang Renggam adalah bertujuan meningkatkan **peranan Simpang Renggam** sebagai **Pusat Separa Wilayah Negeri (PSWN)** serta sebagai **pusat aktiviti ekonomi bagi tampungan kawasan MDSR**.

Komponen cadangan :

i. Cadangan menaiktaraf pembangunan komersil melalui galakan **pembangunan infil** di atas tanah kosong sedia ada yang telah dizonkan sebagai zon komersil @ 113.85 hektar.

ii. Jenis aktiviti utama:
- Barangan runcit dan borong
- Kompleks membeli belah / kompleks perniagaan
- Perkhidmatan perbankan, profesional, perhotelan, pendidikan dan pengangkutan
- Makanan dan minuman, hiburan dan riadah serta stesen minyak

ii. Cadangan nisbah plot dan ketinggian bangunan
- Bandar Simpang Renggam - 1: 4.0 (20 tingkat)
- Simpang Renggam (hala ke tol Simpang Renggam) – 1:3.5 (≤10 tingkat)

Nota : Kedai pejabat - ≤5 tingkat





Foto : Contoh pembangunan infil di atas tanah kosong di antara unit kedai.



Foto : Tapak tanah kosong bersebelahan Econsave Simpang Renggam yang berpotensi untuk pembangunan infil.

RAJAH 4.13: CADANGAN NAIK TARAF KAWASAN KOMERSIL SIMPANG RENGGAM (PEMBANGUNAN *INFILL*)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PP1

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR

CADANGAN PP 1.2

WHOLE SALE FOOD MARKET AYER HITAM (KLUANG)

DESKRIPSI

Lokasi : Ayer Hitam– Lot 47826 (Mukim Kluang)
Luas : 0.64 hektar
Justifikasi :

i. Menyokong kepada peningkatan ekonomi berasaskan kekuatan sumber pertanian dalam Daerah Kluang melalui penyediaan pusat pengumpulan dan pemasaran bagi produk pertanian dan penternakan utama
ii. Menyediakan peluang pekerjaan baru kepada penduduk di samping meningkatkan pendapatan isi rumah

PEMULA

FAMA, Swasta

PELAKSANA

FAMA, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 7,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memacu pertumbuhan ekonomi dengan kebitaraan daerah sebagai tumpuan pelancongan dan pertanian moden

SASARAN

Kadar penyertaan peserta yang tinggi bagi produk berasaskan pertanian dan penternakan

Cadangan **suatu pusat jualan berasaskan produk-produk pertanian dan penternakan** seperti ***Whole Foods Market*** **di United States** iaitu pasaraya makanan yang semulajadi dan organik dimana semua produk atau makanan proses yang dijual adalah bebas lemak, pewarna, bahan pengawet dan senarai "bahan yang tidak diterima".

Berdasarkan kekuatan Daerah Kluang yang kaya dengan tanah dan hasil pertanian, cadangan ini berpotensi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan secara tidak langsung meningkatkan juga pendapatan penduduk dan peluang pekerjaan.

Cadangan tapak ini adalah strategik terletak 1km dari Tol Ayer Hitam memudahkan kunjungan para pelancong atau penduduk tempatan untuk mendapatkan barangan. Selain itu, kewujudan akses rel yang baik mampu meningkatkan pengeluaran dan pengurusan logistik pertanian.



Foto : Whole Foods Market di California dan Texas, US.

Komponen cadangan :

i. Ruang penjualan dan pusat lelongan
ii. Ruang makan / restoran
iii. Ruang pameran / dataran
iv. Kedai cenderamata
v. Penyediaan kemudahan seperti tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki, surau, tandas, mesin ATM dan tempat menunggu bas/teksi dan tempat duduk, CCTV, penghawa dingin, bekalan air bersih dan lain-lain
vi. Menerapkan elemen bangunan hijau dalam reka bentuk bangunan.





Foto : Whole Foods Market di Texas, US.

DRAF

Cadangan hab pemasaran produk pertanian dan penternakan ini adalah berkonsepkan **perniagaan *under one roof*** dan **slogan *food from farm to fork***.

i. **Penjualan pelbagai jenis hasil pertanian dan penternakan** seperti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, bunga-bungaan, barang basah seperti ikan, daging dan banyak lagi.
ii. **Penjualan barangan dan perkhidmatan berasaskan pertanian** seperti biji benih, pasu, baja dan peralatan berkebun.
iii. **Pelbagai acara dan program boleh dianjurkan** seperti pertandingan buah-buahan atau sayur-sayuran terbesar, ukiran buah-buahan, pertandingan lukisan menggunakan air kopi, pertandingan barista, jualan Pesta Industri Asas Tani, seminar, demonstrasi dan lain-lain.




Foto : Cadangan komponen pembangunan hab pertanian dan penternakan seperti ruang jualan sayuran, buahan, pokok bunga, ruang makan atau restoran, ruang tempat letak kenderaan dan pintu masuk.



Foto : Cadangan program atau acara yang boleh dijalankan.

RAJAH 4.14: CADANGAN *WHOLE SALE FOOD MARKET* AYER HITAM (KLUANG)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PP1

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR

CADANGAN PP 1.3

TAPAK MINI PRODUK PELANCONGAN AGRO SIMPANG RENGGAM

DESKRIPSI

Lokasi : Simpang Renggam– Lot 1570 (Mukim Renggam)
Luas : 0.16 hektar
Justifikasi :

i. Menyokong kepada peningkatan ekonomi berasaskan kekuatan sumber pertanian dalam Daerah Kluang melalui penyediaan mini pusat jualan produk pertanian dan penternakan
ii. Mewujudkan peluang pekerjaan kepada bakal usahawan desa khususnya

PEMULA

FAMA, Swasta

PELAKSANA

FAMA, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 2,500,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memacu pertumbuhan ekonomi dengan kebitaraan daerah sebagai tumpuan pelancongan dan pertanian moden

SASARAN

Bilangan peserta yang menyertai mini tapak jualan

Berdasarkan kekuatan Daerah Kluang yang kaya dengan tanah dan hasil pertanian, cadangan **tapak mini jualan berasaskan produk pelancongan agro** seperti ***Whole Foods Market* di United States** serta **konsep kedai Desaraya di bawah FAMA** yang berpotensi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan secara tidak langsung meningkatkan juga pendapatan dan peluang pekerjaan penduduk.

Cadangan tapak ini terletak hanya 3km dari Tol Simpang Renggam yang memudahkan kunjungan para pelancong atau penduduk tempatan untuk mendapatkan produk berasaskan pertanian. Cadangan ini adalah berkonsepkan **perniagaan *free-standing building* yang berskala kecil.**

i. **Penjualan pelbagai jenis hasil pertanian dan penternakan** seperti tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan.
ii. **Penjualan barangan dan perkhidmatan berasaskan pertanian** seperti biji benih, pasu, baja dan peralatan berkebun.



Foto : Whole Foods Market di Texas, US dan konsep Desaraya, Malaysia

Komponen cadangan :


i. Ruang penjualan dan pusat lelongan
ii. Ruang makan / restoran
iii. Penyediaan kemudahan seperti tempat letak kenderaan, surau, tandas, tempat duduk, CCTV, penghawa dingin, bekalan air bersih dan lain-lain
iv. Menerapkan elemen bangunan hijau dalam reka bentuk bangunan



Foto : Cadangan komponen pembangunan tapak jualan produk pelancongan agro seperti ruang jualan sayuran, buahan, pokok bunga, ruang makan atau restoran dan tempat letak kenderaan.

DRAF

RAJAH 4.15: CADANGAN TAPAK MINI PRODUK PELANCONGAN AGRO SIMPANG RENGGAM



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PP1

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR

CADANGAN PP 1.4

NAIK TARAF DAN PEMBENTUKAN NODUS KOMERSIL (ZON WARISAN BANDAR KLUANG, *FOOD TRUCK HOTSPOT YOUTH CABIN* RENGGAM)

DESKRIPSI

Lokasi : Kawasan zon warisan Bandar Kluang (Jalan Manggis, Jalan Dato Hj Ismail Hassan, tapak kosong terpilih pusat bandar (berkala)), Bandar Kluang (Tapak pasar tani bersebelahan Terminal Bas Kluang) & Renggam (Gerai Majlis MDSR & Stesen Bas Renggam - Dwifungsi)

Justifikasi :

i. Mewujudkan kawasan perniagaan yang lebih tersusun seiring dengan pertumbuhan penduduk
ii. Menyediakan peluang perniagaan baru berbentuk informal kepada penduduk Renggam di samping meningkatkan pendapatan isi rumah.

PEMULA

MPK, MDSR

PELAKSANA

MPK, MDSR, Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan Swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menumpukan dan menempatkan perniagaan informal bagi kebersihan & kawalan dan membuka peluang perniagaan

SASARAN

Pengawalan jumlah lesen, dan bilangan peserta yang menyertai *Food Truck*

Cadangan ini bertujuan menggalakkan, mengawal dan menumpukan kawasan perniagaan terutama food truck di Bandar Kluang, Simpang Renggam dan Renggam. Cadangan ini bertujuan membuka peluang perniagaan tidak formal yang *vibrant* dan hipster ini khususnya kepada golongan muda selain berpotensi meningkatkan pertumbuhan ekonomi penduduk meningkatkan pendapatan penduduk tempatan dan sekitar.

Antaranya konsep ***Food Truck*** di mana peniaga menjual makanan daripada kenderaan dan kebiasaannya jenis makanan yang dijual seperti :-

i. Makanan Fast Food (*burger, fish & Chips, Spagetthi,* Pasta dan lain-lain)
ii. Makanan tempatan segera - Nasi Goreng Kunyit, Nasi Lemak, Padprik, *Rice Pot dan lain-lain.*
iii. Minuman (Kopi, *Ice Blande*, Cendol, ABC dan lain-lain)
iv. Makanan Fusion - Taco dan Sandwich dan lain-lain.
v. Buah-buahan sedia dimakan

Komponen cadangan :

i. Tapak petak *food truck*
ii. Penyediaan kemudahan seperti tempat letak kenderaan, surau, tandas, tempat duduk, CCTV, bekalan air bersih dan lain-lain



Foto : Cadangan komponen pembangunan Food Truck di Dataran Perniagaan Renggam.


PELAN INDUK PEMBANGUNAN
YOUTH CITY RENGGAM





DRAF

RAJAH 4.16: CADANGAN *FOOD TRUCK HOTSPOT YOUTH CABIN* RENGGAM



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PP1

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL YANG BERPOTENSI MENJANA DAN MEMBERIKAN NILAI TAMBAH KEPADA EKONOMI BANDAR

CADANGAN PP 1.5

NAIK TARAF AKTIVITI PENJAJAAN DAN PERNIAGAAN TIDAK FORMAL (MEDAN SELERA DAN TAPAK PENJAJA)

DESKRIPSI

Lokasi : Kawasan Gerai Majlis MPK (Jalan Panggung, Jalan Penghulu Kassim & Jalan Cantik) & Dataran Kahang

Luas : -

i. Meningkatkan imej kawasan pusat bandar serta penglibatan usahawan dalam perniagaan tidak formal

PEMULA

MPK

PELAKSANA

MPK

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menyokong peningkatan penglibatan usahawan bumiputera dalam perniagaan tidak formal

SASARAN

Bilangan usahawan / penyewa dalam kawasan perniagaan tidak formal

Cadangan menaiktaraf dan cadangan baharu bangunan yang melibatkan aktiviti penjajaan dan perniagaan tidak formal isitu gerai-gerai MPK adalah penting bagi menarik semula bakal penyewa-penyewa / usahawan untuk menjalankan perniagaan mereka di samping menghidupkan lagi kawasan pusat bandar.

Pendekatan cadangan ini melibatkan dua(2) bentuk sama ada penaiktarafan bangunan sedia ada atau transformasi bangunan / tapak penjaja sedia ada kepada konsep gerai hipster.

- Membaik pulih ruang niaga dan ruang makan dengan kemas, konsep *hipster* dan berdaya tarikan dan papan tanda menarik, mural dan lain-lain.
- Penyediaan infrastruktur dan kemudahan seperti pencahayaan, surau dan tandas bersih, *ramp* untuk OKU, Wifi dan *charger*, meja kanak-kanak.
- Penataan landskap kejur dan lembut yang sesuai serta bersambung dengan laluan pejalan kaki.
- Tempat letak kenderaan.
- Tempat pengumpulan sampah dan kitar semula.

Perniagaan gerai majlis ini juga dicadangkan berkonsepkan seperti hentian rehat dan rawat (R&R) yang beroperasi pada setiap hari selama 24 jam dengan kepelbagaian jenis aktiviti (makanan dan minuman, pakaian dan lain-lain) untuk memastikan pengurusan yang lebih sistematik selain meningkatkan kedatangan pengunjung.

Komponen cadangan :

i. Alternatif 1 : Pertukaran fasad / material bangunan sedia ada
ii. Alternatif 2 : Transformasi bangunan / tapak penjaja sedia ada kepada konsep gerai *cabin hipster*
iii. Penyediaan kemudahan lengkap











Foto : Gerai yang menarik mampu menyumbang kepada ekonomi bandar, pendapatan PBT dan aktiviti pelancongan.

DRAF




Foto : Lokasi cadangan naik taraf bangunan gerai di Jalan Cantik.



Foto : Lokasi menaik taraf gerai di Arked Majlis Perbandaran Kluang.




Foto : Lokasi cadangan naik taraf bangunan gerai di Jalan Panggung.




Foto : Selain menaiktaraf lanskap, pejalan kaki, tempat letak kereta, saling hubungan; penceriaan kawasan gerai boleh dilaksanakan melalui murat, arts, graffiti dan pencahayaan.






RAJAH 4.17: CADANGAN NAIK TARAF BANGUNAN AKTIVITI PERNIAGAAN TIDAK FORMAL (MEDAN SELERA / TAPAK PENJAJA)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 4.18: LOKASI TINDAKAN REJUVENASI KAWASAN PERNIAGAAN LAMA DAN USANG



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PP2

REJUVENASI KAWASAN PERNIAGAAN LAMA DAN USANG

CADANGAN PP 2.1

CADANGAN PROMOSI KONSEP *ADAPTIVE REUSE* DI BANGUNAN PERNIAGAAN KOSONG

DESKRIPSI

Lokasi : Bangunan perniagaan kosong di bandar-bandar dan petempatan Daerah Kluang.

i. Mengoptimumkan penggunaan tanah dan menjimatkan kos pembinaan bangunan baru.
ii. Menghidupkan suasana perbandaran yang lebih bermanfaat dengan pelbagai aktiviti yang ekonomik dan berfaedah.

PEMULA

Pemilik Bangunan

PELAKSANA

Pemilik Bangunan

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menggalakkan aktiviti di kawasan perniagaan kosong serta menambahbaik bangunan usang

SASARAN

Meningkatkan kadar penghunian yang tinggi bagi bangunan perniagaan kosong

Konsep ***adaptive reuse*** adalah proses **penggunaan semula bangunan sedia ada untuk tujuan atau fungsi lain yang lebih berekonomik**. Konsep ini sekaligus mengelakkan ribuan perobohan bangunan dan sebagai salah satu *urban regeneration* selain daripada dapat mengurangkan kadar kekosongan perniagaan. Konsep ini adalah digalakkan bagi **mengisi ruang-ruang perniagaan yang terbiar, kosong dan tiada penyewa** dalam Daerah Kluang kepada kegunaan lain.

Antara cadangan aktiviti yang sesuai dan digalakkan adalah :

i. Hotel bajet / hotel kapsul
ii. Restoran / café
iii. Bank dan institusi kewangan/insurans
iv. Galeri / ruang pameran
v. Perkhidmatan spa dan butik
vi. Stor / gudang
vii. Institusi / inkubator









Foto : Cadangan aktiviti adaptive reuse bangunan perniagaan kosong.

STRATEGI PP2

REJUVENASI KAWASAN PERNIAGAAN LAMA DAN USANG

CADANGAN PP 2.2

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KAWASAN DAN BANGUNAN PERKEDAIAN LAMA DI PALOH, CHAMEK, KAHANG DAN LAYANG-LAYANG

DESKRIPSI

Lokasi : Pekan Paloh, Pekan Chamek, Pekan Kahang dan Pekan Layang-Layang

i. Memastikan keselamatan dan kecantikan bangunan ini terjaga disamping meningkatkan imej pekan.
ii. Meningkatkan tarikan ekonomi setempat.

PEMULA

Swasta (Pemilik Bangunan)

PELAKSANA

Swasta (Pemilik Bangunan)

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Menggalakkan aktiviti di kawasan perniagaan kosong serta menambahbaik bangunan yang telah usang

SASARAN

Bilangan bangunan perkedaian usang di setiap pekan telah dinaiktaraf

Bangunan perniagaan lama yang uzur dan usang antara faktor ianya menjadi bangunan kosong dan tidak digunakan serta memberikan imej yang buruk kepada Daerah Kluang. Cadangan penambahbaikan perkedaian usang akan dapat mewujudkan suasana perniagaan yang lebih menarik dan berdaya huni dengan:

- Mengenal pasti kecacatan struktur bangunan
- Menyediakan kaedah pemuliharaan bangunan




Komponen cadangan :

i. Mengecat fasad bangunan usang yang lebih menarik
ii. Meneliti aspek-aspek keselamatan bangunan yang perlu dinaik taraf seperti pengubahsuaian tingkap, pemasangan alatan mekanikal kedudukan papan iklan dan lain-lain
iii. Pemberian insentif sekiranya pemilik membuat penambaikan atau mendirikan semula bangunan usang seperti :
    - Pengecualian tempat letak kenderaan
    - Diskaun cukai




Foto : Contoh pemulihan fasad bangunan dengan kepelbagaian warna

RAJAH 4.19: CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BANGUNAN PERKEDAIAN LAMA/USANG KAWASAN MPK



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 4.20: CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BANGUNAN PERKEDAIAN LAMA/USANG KAWASAN MDSR



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PP3

MENGAWALSELIA AKTIVITI YANG BERCANGGAH DENGAN KEGUNAAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA

CADANGAN PP 3.1

PENGUATKUASAAN AKTIVITI PERUSAHAAN BURUNG WALIT DI PREMIS PERNIAGAAN SEDIA ADA

DESKRIPSI

Lokasi : Bangunan perniagaan yang dijadikan aktiviti perusahaan burung walit

PEMULA

MPK, MDSR

PELAKSANA

MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Mekanisme pengurusan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Mengawal aktiviti di bangunan perniagaan sedia ada bagi mengelakkan berlakunya konflik pencemaran dan kesihatan

SASARAN

Tiada lagi premis perniagaan yang menjalankan perusahaan burung walit

Secara umumnya, terdapat **685 unit bangunan perniagaan yang dijadikan perusahaan burung walit** di bawah pentadbiran MPK dan MDSR.

Jadual 4.8: Perincian Kawalan Aktiviti Perusahaan Burung Walit dalam Bangunan Perniagaan Sedia Ada

PENERANGAN
• **Kesemua premis perniagaan yang dijadikan aktiviti perusahaan burung walit adalah tidak mempunyai permohonan lesen mahupun Kebenaran Merancang.** • **Oleh itu, kesemua aktiviti ini perlu dipindahkan ke kawasan yang dibenarkan melalui penguatkuasaan oleh PBT berdasarkan tempoh masa yang diberikan.** • Kawasan yang dibenarkan untuk penempatan semula perusahaan burung walit : ➢ Dibenarkan dalam **zon pertanian** (Kawasan ladang, perkebunan, akuakultur, aktiviti berkaitan dengan pelancongan berasaskan pertanian dan tanah pertanian kosong. Hanya bangunan jenis sesebuah dibenarkan di kawasan pertanian untuk premis perladangan baru). ➢ Dibenarkan dalam **zon perindustrian** (Kawasan industri ringan dan kluster. Jenis bangunan yang dibenarkan adalah teres, berkembar dan sesebuah). • Pengusaha juga perlu **mematuhi kawalan-kawalan dalam 1GP 2010** bagi premis perladangan baharu. • Pengusaha perlu membuat permohonan pendaftaran aktiviti kepada JPV dan permohonan KM, pelan/permit bangunan dan lesen premis kepada PBT. **Tempoh sah laku lesen** adalah sehingga **3 tahun.** Tarikh luput lesen adalah pada tarikh yang sama tahun berikutnya.

Sumber :

i. Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit (1GP) 2010, Kementerian Pertanian dan Asas Tani

ii. Garis Panduan Perancangan Negeri Johor (Edisi 2019), PLANMalaysia@Johor



Foto : Antara unit bangunan kawasan pusat tumpuan Bandar Kluang yang dijadikan sebagai perusahaan burung walit.



Foto : Antara unit bangunan kawasan pentadbiran MDSR yang dijadikan sebagai perusahaan burung walit.



Foto : Cadangan penguatkuasaan dan kawalan perusahaan burung walit.

STRATEGI PP3

MENGAWALSELIA AKTIVITI YANG BERCANGGAH DENGAN KEGUNAAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA

CADANGAN PP 3.2

PENGUATKUASAAN AKTIVITI ASRAMA PEKERJA DI PREMIS PERNIAGAAN SEDIA ADA

DESKRIPSI

Lokasi : Bangunan perniagaan yang dijadikan aktiviti asrama pekerja

i. Memastikan premis perniagaan tidak disalahgunakan untuk aktiviti asrama pekerja dan penyediaan asrama pekerja perlulah mematuhi **Garis Panduan Perancangan Negeri Johor (Edisi 2019)** oleh PLANMalaysia@Johor.

PEMULA

MPK, MDSR

PELAKSANA

MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Mekanisme pengurusan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Mengawal aktiviti di bangunan perniagaan sedia ada bagi mengelakkan berlakunya konflik pencemaran dan kesihatan

SASARAN

Tiada lagi premis perniagaan yang dijadikan asrama pekerja dalam kawasan perniagaan

Secara umumnya, terdapat **354 unit bangunan perniagaan yang dijadikan sebagai asrama pekerja** di bawah pentadbiran MPK dan MDSR. Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Negeri Johor (Edisi 2019), **peletakan lokasi asrama pekerja hanyalah dibenarkan** :

i. Dalam kawasan industri ringan dan sederhana
ii. Plot komersial / rumah kedai kawasan taman perindustrian
iii. Mengguna pakai bangunan kedai / kilang sedia ada yang kosong dan tidak digunakan dengan syarat

Oleh itu, semua asrama pekerja yang berada di premis perniagaan sedia ada bukan dalam kawasan perindustrian adalah tidak dibenarkan.

Jadual 4.9: Perincian Kawalan Aktiviti Asrama Pekerja dalam Bangunan Perniagaan Sedia Ada

ASPEK	PENERANGAN
Saiz Tapak	• Deretan bangunan sedia ada (tingkat atas dan bawah digunakan sepenuhnya)
Reka Bentuk	• Bangunan mesti direka bentuk seperti asrama atau tempat penginapan. • Perlu menyediakan tangga kedua dan akses keluar / masuk yang mencukupi dan mengambil kira keadaan semasa berlaku kecemasan mengikut spesifikasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Penguatkuasaan oleh PBT	• PBT perlu menjalankan penguatkuasaan terhadap aktiviti ini di kawasan perniagaan dengan memberikan **notis pengosongan** (tempoh masa pengosongan bergantung kepada PBT) **kepada penghuni asrama pekerja** • Majikan perlu bertanggungjawab menyediakan asrama pekerja sebagaimana dalam GPPNJ (Edisi 2019)

Nota : Perlu dirujuk bersama Garis Panduan Perancangan Negeri Johor (Edisi 2019)



Foto : Kediaman Transit Berpusat (Centralised Accomodation Transit atau CAT), SENAI - Asrama Pekerja di Senai, Larkin, Tebrau dan Kempas – Syarikat Westlite (RM130/katil/bulan – tanggung oleh majikan)



Foto : Tuas View Domitory di Singapura

- **Perumahan Asrama Pekerja terbesar di Singapura** yang di bina berhadapan laut ini terletak di Tuas South Avenue 1 yang mampu memuatkan 16,800 buah katil . Lebih dari 10 buah syarikat yang menyewa di asrama pekerja ini dengan **bayaran SGD300-350 sebulan.**

- Asrama pekerja ini menyediakan kemudahan **seperti pasaraya, gerai makanan, bilik TV dan bacaan, ruang beriadah dan bersukan, ruang memasak, panggung wayang dan lain-lain.**

DRAF

STRATEGI PP3

MENGAWALSELIA AKTIVITI YANG BERCANGGAH DENGAN KEGUNAAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA

CADANGAN PP 3.3

PENGAWALAN PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN DI KAWASAN BANDAR KLUANG

DESKRIPSI

Lokasi : Pusat Bandar Kluang

Justifikasi :

i. Membenarkan dan mengawal pertukaran kegunaan bangunan kediaman sedia ada kepada kegunaan perniagaan (kedudukan yang terletak berdekatan dengan deretan bangunan kedai dan pusat perkhidmatan).

Komponen Kawalan :

i. Permohonan dan kelulusan
ii. Jenis kegunaan
iii. Serahan jalan dan ruang TLK
iv. Kadar bayaran pemajuan (infrastruktur)

PEMULA

PTD, MPK

PELAKSANA

PTD, MPK

ANGGARAN KOS

Mekanisme pengurusan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Mengawal aktiviti di bangunan perniagaan sedia ada bagi mengelakkan berlakunya konflik pencemaran dan kesihatan

SASARAN

Mengurangkan kadar perubahan material penggunaan tanah dan bangunan

SDG LC SC

Berdasarkan penemuan kajian, terdapat **12 lokasi jalan (30 unit)** yang membuat permohonan perubahan daripada kediaman kepada komersial.

Perubahan jenis aktiviti ini dipanggil perubahan material iaitu perubahan terhadap penggunaan bangunan atau tanah atau mana-mana bahagian daripadanya. Sebagai contoh, sebuah bangunan yang dihuni sebagai kediaman ditukar kegunaannya kepada kedai runcit tanpa mengubah struktur bangunan tetapi disifatkan sebagai perubahan penggunaan yang memerlukan KM.

Menurut seksyen 2(2) dan 2(3), Akta 172, perubahan matan melibatkan perubahan kepada dua (2) kategori utama iaitu perubahan material tentang penggunaan tanah dan penggunaan bangunan. Perkara-perkara tersebut perlu dikawal oleh PBT supaya tidak berleluasa atau menjejaskan persekitaran.

Perubahan Material Tentang Penggunaan Tanah


- Tempat pembuangan sampah
- Penggunaan tanah yang tidak memenuhi peruntukan rancangan pemajuan

Perubahan Material Tentang Penggunaan Bangunan

- Tambahan kepada bilangan unit dalam sesebuah bangunan
- Penggunaan bangunan yang pada mulanya bukan untuk kediaman manusia
- Perubahan atau tambahan kepada sesuatu bangunan
- Penggunaan bangunan yang bertentangan dengan peruntukan rancangan pemajuan
- Penggunaan bangunan yang mula-mulanya dibina sebagai rumah tempat tinggal bagi maksud lain

DRAF

RAJAH 4.21: CADANGAN PENGAWALAN PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN DI BANDAR KLUANG



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

- **Permohonan dan Kelulusan**
  Pemilik bangunan hendaklah :
  - Mendapat kelulusan pertukaran syarat nyata suratan hak milik kediaman kepada perniagaan yang dibenarkan oleh PBT.
  - Permohonan merancang dan pelan bangunan serta lain-lain pelan yang dikehendaki PBT mestilah dikemukakan dan diluluskan.

- **Jenis Kegunaan**
  Jenis kegunaan yang boleh diluluskan dan tidak boleh diluluskan adalah seperti dalam jadual. Kegunaan lain yang tidak disenaraikan boleh dipertimbangkan secara kes berasingan.

Jadual 4.10: Kegunaan yang Boleh Dibenarkan bagi Kawasan Perniagaan

Kegunaan yang boleh dibenarkan	Kegunaan yang tidak boleh dibenarkan	Kegunaan yang boleh dibenarkan dengan perancangan tambahan
1. Kediaman **2. Institusi seperti Rumah Kebajikan dan Rumah Orang Tua.** **3. Persatuan** **4. Pejabat-pejabat perkhidmatan profesional** **5. Klinik-klinik pesakit luar swasta** **6. Galeri Seni** **7. Kedai-kedai eksklusif seperti butik, bilik pameran, barangan kemas, barangan antik dan sebagainya.** **8. Kedai gunting rambut/kedai jahit kedai perkhidmatan isi rumah.** **9. Pusat tuisyen** **10. Pusat Jagaan Kanak-kanak** **11. Tadika** **12. Homestay** **13. Pusat Tahfiz**	1. Bengkel/ industri 2. Kedai menjual kereta terpakai. 3. Kompleks penjaja/ kedai kopi 4. Kedai empat nombor ekor 5. Pawagam 6. Bar, pub 7. Kedai-kedai menjual keperluan harian seperti kedai runcit 8. Sekolah swasta 9. Klinik haiwan 10. Bank-bank/ intitusi kewangan lain/ pajak gadai 11. Kegunaan keagamaan 12. Pusat Hiburan	1. Kafe-kafe siber 2. Tadika/ taman asuhan 3. Kedai dobi/ cuci kering

- **Serahan Jalan dan Ruang Letak Kereta**
  Mengikut kesesuaian PBT & JKR - Keperluan Teknikal Minima

- **Kadar Bayaran Pemajuan (Infrastruktur)**
  Bayaran pemajuan (infrastruktur) dikenakan setelah KM diberi berdasarkan kepada kadar-kadar tertentu.





Foto : Antara kegunaan bangunan yang dibenarkan.

DRAFT

STRATEGI PP3

MENGAWALSELIA AKTIVITI YANG BERCANGGAH DENGAN KEGUNAAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA

CADANGAN PP 3.4

PENGAWALAN AKTIVITI PERNIAGAAN YANG MENCEMARKAN KAWASAN SEKITAR

DESKRIPSI

Lokasi : Aktiviti perniagaan yang melepaskan sisa buangan tercemar

Justifikasi :

i. Mengurangkan punca pencemaran terus ke sungai serta meningkatkan imej kawasan perniagaan yang lebih bersih dan indah.

Komponen Kawalan :

i. Mewajibkan pemasangan sistem tapisan sisa buangan di setiap premis perniagaan khususnya premis yang mengeluarkan sisa tercemar seperti restoran, bengkel, kedai cuci kereta dan lain-lain berkaitan setiap kali untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen perniagaan.

PEMULA

MPK, MDSR

PELAKSANA

MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Mekanisme pengurusan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mengawal aktiviti di bangunan perniagaan sedia ada bagi mengelakkan berlakunya konflik pencemaran dan kesihatan

SASARAN

Kadar kawalan yang tinggi bagi aktiviti perniagaan yang mengeluarkan sisa tercemar

SDG LC SC

Terdapat juga aktiviti perniagaan yang mengeluarkan sisa tercemar yang berpotensi untuk menyumbang kepada pencemaran Kawasan sekitar seperti aktiviti mencuci kereta, restoran / kedai makan, bengkel kenderaan, hotel dan lain-lain yang berkaitan.

Oleh itu, suatu kawalan perancangan perlu dibuat bagi mengawal dan memastikan aktiviti ini terurus.



Foto: Cadangan sistem tapisan bahan buangan melalui pemasangan perangkap minyak, lemak dan gris.




Foto : Antara aktiviti perniagaan yang menyumbang kepada pencemaran.

STRATEGI PP4

MENGGALAKKAN SEKTOR PERNIAGAAN SECARA ELEKTRONIK (E-DAGANG)

CADANGAN PP 4.1

PROGRAM USAHAWAN BERGERAK / *MOBILEPRENEUR*

DESKRIPSI

i. Menggalakkan penglibatan belia dalam bidang usahawan berasaskan perkhidmatan penghantaran untuk peningkatan pendapatan dan taraf hidup.

PEMULA

KPLB, PDK, KEMAS, Usahawan

PELAKSANA

KPLB, PDK, KEMAS, Usahawan

ANGGARAN KOS

RM 50,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar melalui program perniagaan bergerak dalam melahirkan usahawan baru

SASARAN

Bilangan peserta yang menyertai Program *Mobilepreneur*

SC

Program *Mobilepreneur* ini boleh dijadikan sebagai suatu bentuk perniagaan elektronik dengan konsep urusan jual beli antara pengguna dan peniaga melalui medium internet sebagai perantara dengan penyediaan liputan internet yang menyeluruh khususnya di luar bandar.

Mobilepreneur adalah **inisiatif Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)** untuk membantu golongan belia luar bandar menjalankan perniagaan berkonsepkan perkhidmatan bergerak tanpa memerlukan modal yang besar. Program ini memberi peluang kepada belia malaysia yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40) dan menunjukkan kecenderungan, minat dan kesungguhan untuk menjadikan keusahawanan sebagai sumber pendapatan mereka luar bandar.







Komponen cadangan :

i. Seminar/bengkel keusahawanan sebagai pendedahan awal
   - Permulaan perniagaan
   - Pemasaran dan promosi produk

ii. 13 perkhidmatan bergerak
   - Penghawa dingin
   - Elektrikal
   - Automotif
   - Kimpalan
   - Fotografi
   - Baiki motosikal
   - Senggaraan paip
   - Spa & kecantikan
   - Gunting & dandanan rambut
   - Jahitan
   - Komputer
   - Senggaraan bangunan
   - Elektronik

Jadual 4.11: Jenis Bantuan Program Mobilepreneur

JENIS BANTUAN	KADAR BANTUAN MAKSIMUM (RM)	PAKEJ BANTUAN
Pakej Penuh	10,000	• Motosikal; dan • Peralatan dan latihan keusahawanan
Pakej Hibrid	6,500	• Ubahsuai motosikal; dan • Peralatan dan latihan keusahawanan

Sumber : Garis Panduan Mobilepreneur@KPLB

STRATEGI PP4

MENGGALAKKAN SEKTOR PERNIAGAAN SECARA ELEKTRONIK (E-DAGANG)

CADANGAN PP 4.2

GALAKAN PERKHIDMATAN *TANPA TUNAI / CASHLESS*

DESKRIPSI

i. Memudahkan usahawan sebagai penjual dan juga pengguna untuk berinteraksi dari segi pengiklanan dan pembayaran digital secara jimat masa dan kos.

PEMULA

Usahawan dan Pengguna

PELAKSANA

Usahawan dan Pengguna

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memupuk ekonomi yang cekap melalui pembayaran digital

SASARAN

Frekuensi penggunaan perkhidmatan tanpa tunai yang tinggi

SC

Penggunaan telefon pintar yang semakin meluas khususnya dalam sektor perniagaan iaitu urusan jual dan beli telah mengubah gaya hidup masyarakat termasuklah cara perbelanjaan wang.

Penggunaan konsep *cashless* iaitu transaksi tanpa wang tunai menjadikan operasi perniagaan **lebih mudah diurus** selain dapat **menjimatkan masa dan kos.** Pembayaran digital bukan satu instrumen, sebaliknya satu istilah umum yang meliputi instrumen-instrumen pembayaran berbeza seperti :

i. Dompet elektronik
ii. Perbankan internet
iii. Pindahan dana elektronik
iv. Sistem tunai elektronik
v. Sistem simpanan nilai dalam talian









Kewujudan dan **penggunaan wang tunai** dilihat mempunyai **kos pengurusan yang tinggi** dari aspek pengiraan, penyimpanan dan perpindahan wang. Namun, pengunaan sistem wang tunai dilihat masih diperlukan dalam negara kita untuk kemudahan dan kesenangan semua pihak untuk melakukan urusan harian mereka. Selain itu, ia juga terdedah kepada beberapa risiko seperti penipuan siber dan penggodaman internet.

Foto : Antara contoh gambar pembayaran secara digital ketika berbelanja.

DRAF

4.3 PERTANIAN

HALATUJU PEMBANGUNAN

H3

Pengekalan dan pengawalan kawasan **pertanian,** peningkatan produktiviti; prasarana, *green* dan moden.

STRATEGI PT 1

PENGEKALAN KAWASAN PERTANIAN UTAMA LUAR KORIDOR PEMBANGUNAN

- **PT1.1** Cadangan Pengekalan Projek Pertanian Moden (PPM)
- **PT1.2** Cadangan pengekalan dan pewartaan kawasan Program Makanan Kluang (Tanaman)
- **PT1.3** Cadangan pengekalan Tapak Kekal Pengeluaran Makanan dan pewartaan Program Makanan Kluang (Ternakan)
- **PT1.4** Cadangan pengekalan kawasan tanah pertanian subur (kelas 2 dan 3) di luar had sempadan bandar

STRATEGI PT 2

PENGUKUHAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN

- **PT2.1** Membangunkan sebuah Pasar Tani Kekal di Kluang
- **PT2.2** Menaiktaraf dan menambah bilangan gerai buah-buahan segar (GBBS) sedia ada
- **PT2.3** Mempromosikan Portal dalam talian sedia ada agrobazaar.com.my
- **PT2.4** Cadangan menggalakkan penglibatan usahawan IAT baru dan memperkasakan modal insan serta kemahiran usahawan sedia ada
- **PT2.5** Cadangan menggalakkan penglibatan pekebun kecil golongan B40 Menyertai Program Peningkatan Pendapatan (PPP)



Sektor pertanian merupakan satu penyumbang utama kepada pembangunan sosio-ekonomi dan mendominasi keluasan gunatanah bagi Daerah Kluang. Selaras dengan teras pembangunan Ekonomi Berdaya Maju, sektor pertanian merupakan salah satu faktor penyumbang kepada peningkatan ekonomi penduduk setempat dan daerah. Dua strategi yang diketengahkan merangkumi tanaman komoditi dan makanan, penternakan, perikanan serta industri asas tani yang diusahakan oleh usahawan tani dan pekebun kecil.

STRATEGI

PT 1 PENGEKALAN KAWASAN PERTANIAN LUAR KORIDOR PEMBANGUNAN DAERAH

Untuk menjamin kelestarian pembangunan pertanian, kawasan pertanian utama/produktif sediada hendaklah dikekalkan dan dioptimumkan penggunaannya. Pembangunan tanah pertanian baru hendaklah di dalam zon ditetapkan untuk menjamin tiada tanah hutan dan badan air ditebusguna untuk aktiviti pertanian serta di luar had sempadan bandar dan koridor pembangunan daerah. Menetapkan had sempadan kawasan pertanian dapat mengoptimumkan kadar produktiviti dalam jangka masa panjang seterusnya menjamin kesejahteraan alam sekitar.

Selain itu, kawasan tanah pertanian kelas 2 dan kelas 3 yang berada di luar had sempadan bandar dan koridor pembangunan daerah juga perlu dikekalkan untuk menjamin keperluan perancangan pertanian masa depan.

PT 2 PENGUKUHAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN

Kemudahan dan perkhidmatan sokongan pertanian adalah penting untuk menjamin sektor pertanian mencapai sasaran pengeluaran, kualiti dan ekonomi petani yang stabil seterusnya meningkatkan ekonomi daerah. Kemudahan dan perkhidmatan sokongan meliputi latihan pertanian, sokongan teknikal, pemasaran, perundingan dan pelaburan, pengeluaran lesen eksport serta pembangunan Industri Asas Tani. Perkhidmatan sokongan yang ditawarkan oleh Jabatan Pertanian dan agensi-agensi pertanian berkaitan masih boleh diperkukuhkan terutama kepada pekebun-pekebun kecil.


CADANGAN

- PT 1.1 Cadangan Pengekalan Projek Pertanian Moden (PPM)
- PT 1.2 Cadangan Pengekalan dan Pewartaan Kawasan Program Makanan Kluang (Tanaman)
- PT 1.3 Cadangan Pengekalan Tapak Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Pewartaan Program Makanan Kluang (Ternakan)
- PT 1.4 Cadangan Pengekalan Kawasan Tanah Pertanian Kelas 2 dan 3 di Luar Had Sempadan Bandar

- PT 2.1 Membangunkan Sebuah Pasar Tani Kekal di Kluang
- PT 2.2 Menaiktaraf dan Menambah Bilangan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) Sedia Ada
- PT 2.3 Mempromosikan Portal dalam talian sedia ada Agrobazaar.com.my
- PT 2.4 Cadangan Menggalakkan Penglibatan Usahawan IAT baru dan Memperkasakan Modal Insan Serta Kemahiran Usahawan Sedia Ada
- PT 2.5 Cadangan Menggalakkan Penglibatan Pekebun Kecil dalam Golongan B40 untuk Menyertai Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

DRAF

RAJAH 4.22: LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN DAN PENGEKALAN KAWASAN PERTANIAN UTAMA/ PRODUKTIF DI LUAR KORIDOR PEMBANGUNAN DAERAH



PETUNJUK :

- PT1.1 CADANGAN PENGEKALAN DAN PEMBESARAN PROJEK PERTANIAN MODEN (PPM)
- PT1.2 CADANGAN PENGEKALAN DAN PEWARTAAN KAWASAN PROGRAM MAKANAN KLUANG (TANAMAN)
- PT1.3 CADANGAN PENGEKALAN TAPAK TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) DAN PEWARTAAN PROGRAM MAKANAN KLUANG (TERNAKAN)
- PT1.4 CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN TANAH PERTANIAN KELAS 2 DAN 3 DI LUAR HAD SEMPADAN BANDAR

Pengekalan dan pembangunan kawasan pertanian utama (Rujuk m/s 4-8):

- Tanah pertanian Kelas 2 dan 3 di luar koridor pembangunan daerah
- TPKM Tanaman, TKPM Ternakan, Projek Pertanian Moden & Program Makanan Kluang.
- Pelan pembangunan tanah pertanian terbiar

PETUNJUK:

- Kelapa Sawit
- Getah
- Nenas
- Lain-lain Tanaman
- Tanah Terbiar
- Badan Air

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PT1

PENGEKALAN DAN PEMBANGUNAN KAWASAN PERTANIAN UTAMA/PRODUKTIF SERTA DI LUAR KORIDOR PEMBANGUNAN DAERAH

CADANGAN PT 1.1

CADANGAN PENGEKALAN DAN PEMBESARAN KAWASAN PROJEK PERTANIAN MODEN (PPM)

DESKRIPSI

Lokasi: Projek Pertanian Moden (PPM) Ayer Hitam, Jalan Batu Pahat, Kluang.
Luas: 2000 ekar

i. PPM adalah di bawah urus tadbir Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang meliputi Pusat Ternakan Haiwan Hijau, Institut Haiwan dan Pusat Ternakan Haiwan Ayer Hitam serta Institut Pertanian Ayer Hitam.
ii. PPM melibatkan projek ternakan haiwan, tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, herba serta ternakan air, rekreasi dan pelancongan.
iii. Pelaksanaan projek PPM menggunakan teknologi terkini, pengurusan professional dan amalan pertanian baik serta penilaian prestasi peserta menerusi semakan KPI.

PEMULA

Jabatan Pertanian

PELAKSANA

Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Jaminan makanan dan pertambahan kawasan pertanian berpotensi bersepadu dan berdaya maju

SASARAN

Menjamin bekalan makanan penduduk Daerah Kluang dan Negeri

SDG LC SC







Di samping bermatlamatkan pengeluaran hasil tani untuk pemasaran, PPM juga dipromosikan sebagai model ladang moden kepada usahawan tani di daerah Kluang dan negeri Johor.

Foto : Ladang UK Farm dan Zenxin Organic Park adalah antara projek PPM di Ayer Hitam Kluang.

STRATEGI PT1

PENGEKALAN DAN PEMBANGUNAN KAWASAN PERTANIAN UTAMA/PRODUKTIF SERTA DI LUAR KORIDOR PEMBANGUNAN DAERAH

CADANGAN PT 1.2

CADANGAN PENGEKALAN DAN PEWARTAAN KAWASAN PROGRAM MAKANAN KLUANG (TANAMAN)

DESKRIPSI

Jenis Tanaman: Sayuran Daun dan Jagung
Lokasi: Sekitar Mukim Machap, Renggam dan Ulu Benut
Luas: 232.29 hektar

Jenis Tanaman: Nanas
Lokasi: Sekitar Mukim Ulu Benut, Machap, Renggam dan Kluang
Luas: 2,410.80 hektar

i. Kawasan Program Tanaman Makanan Kluang diwartakan setaraf Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) berikutan kepentingan projek berimpak tinggi dan kapasiti pengeluaran yang dijanakan untuk memenuhi keperluan makanan daerah.

PEMULA
Jabatan Pertanian , PTD

PELAKSANA
Swasta

ANGGARAN KOS
Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Menjamin pengeluaran tanaman makanan yang mencukupi untuk memenuhi bekalan makanan Daerah Kluang

SASARAN
Pengekalan dan pewartaan kawasan Program Makanan Kluang bagi memenuhi keperluan makanan Daerah Kluang 2030

SDG SC

Jadual 4.12 : Senarai Peserta dan Lokasi Program Makanan Kluang (Tanaman)

BIL	NAMA SYARIKAT/ PEMILIK	JENIS TANAMAN	LUAS (HEKTAR)
1	Yong Kah Trading Group Plantations		
	Lot 33, Jln Ayer Hitam, Machap,	sawi, kangkong, kalian, salad dan bawang.	28.00
	Lot 2353, 2354, 2355, Simpang Renggam		16.00
	Lot MLO 1155, PTD 1173 dan PTD 1156, Benut		8.00
2	Superio Plantation Sdn. Bhd		
	Lot 1042, 1043, 1364, 1049, 1050,1051, 1052, 1058, 1059 & 1060, Batu 40, Jalan Johor, Simpang Renggam	Sayur Daun	30.00
3	Fuca Trading		
	Lot PTD 2223, Kg Sg Linau, Machap	Sayur Daun dan Buah	10.70
	Kelompok Tanaman Jagung	Jagung	139.59

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 4.13 : Senarai Peserta dan Lokasi Program Makanan Kluang (Buah Nanas)

BIL	NAMA SYARIKAT/ PEMILIK	JENIS NANAS	LUAS (HEKTAR)
1	Pekebun Kecil Seramai 145 orang		
	Sekitar Mukim Ulu Benut, Renggam dan Kluang	JOSAPINE	280.85
2	Estet Peninsular Plantation Sdn Bhd		
	Kg Isnin Maarof, Ulu Benut	MD2 & N36	2,129.95

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

STRATEGI PT1

PENGEKALAN DAN PEMBANGUNAN KAWASAN PERTANIAN UTAMA/PRODUKTIF SERTA DI LUAR KORIDOR PEMBANGUNAN DAERAH

CADANGAN PT 1.3

CADANGAN PENGEKALAN TAPAK TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM) DAN PEWARTAAN PROGRAM MAKANAN KLUANG (TERNAKAN)

DESKRIPSI

Lokasi: Sekitar Mukim Paloh, Kluang, Kahang dan Simpang Renggam

Luas: 9,922.506 hektar

i. Tapak sedia ada TKPM dikekalkan dan mengoptimumkan kapasiti ternakan haiwan dengan perancangan projek penternakan berskala komersial.

ii. Kawasan Program Tanaman Makanan Kluang (6 enam buah lokasi penternakan) diwartakan setaraf TKPM berikutan kepentingan projek berimpak tinggi dan kapasiti pengeluaran yang dijanakan.

PEMULA

JPV

PELAKSANA

Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Menjamin pengeluaran makanan (ternakan) yang mencukupi untuk memenuhi bekalan makanan daerah dan Negeri Johor

SASARAN

Mengekalkan tapak TKPM sedia ada dan mewartakan kawasan Program Makanan Kluang (Ternakan) di 6 lokasi menjelang tahun 2030

SDG SC

Rajah 4.23: Lokasi tapak TKPM (Ternakan) dan Pewartaan Kawasan Progaram Makanan Kluang (Ternakan)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 4.14 : Lokasi Taman Kekal Pengeluaran Makanan (Ternakan)

NAMA TKPM	LUAS KESELURUHAN (HEKTAR)	LUAS TELAH DIBANGUNKAN (HEKTAR)	LUAS PROJEK BELUM MULA (HEKTAR)
Yap Tau Sah	1.965	1.531	-
Simpang Renggam	33.876	29.557	-
Kahang Barat 5157	30.091	4.000	17.500
Kahang Barat 9750	29.678		22.000
Kahang 8217	104.861	18.000	
JUMLAH KESELURUHAN	**198.506**	**51.557**	**39.5**

Jadual 4.15 : Senarai Peserta dan Lokasi Program Makanan Kluang (Ternakan)

BIL	NAMA SYARIKAT/ PENGUSAHA & LOKASI	JENIS TERNAKAN	LUAS (HEKTAR)
1	Selai Sdn Bhd Kompleks Tereh, Jalan Paloh, Kluang	Integrasi Lembu Pedaging	7,500
2	Mohd Ezwani bin Sangidi Kg Tengah, Renggam, Kluang	Integrasi Lembu Pedaging & Fidlot	202
3	PPNJ Kluang Ladang PPNJ Kahang, Kluang	Integrasi Lembu Pedaging	607
4	Mohd Imran bin Hj Lepot & kumpulan Kg Melayu, Felcra Paloh	Integrasi Lembu Pedaging	404
5	Yahya Ali Hassan Felda Ulu Belitong, Kluang	Integrasi Lembu Pedaging	809
6	Musa bin Yahya Felda Bukit Tongkat, Kluang	Integrasi Lembu Pedaging	202

STRATEGI PT1

PENGEKALAN DAN PEMBANGUNAN KAWASAN PERTANIAN UTAMA/PRODUKTIF SERTA DI LUAR KORIDOR PEMBANGUNAN DAERAH

CADANGAN PT 1.4

CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN TANAH PERTANIAN KELAS 2 DAN 3 DI LUAR KAWASAN PEMBANGUNAN

DESKRIPSI

i. Mengekalkan keseluruhan tanah pertanian Kelas 2 dan 3 yang terletak di luar had sempadan bandar, kawasan pembangunan dan koridor pembangunan utama.
ii. Perubahan kepada guna tanah pembangunan adalah tertakluk kepada pengezonan RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian) di mana ia bertujuan memastikan tanah pertanian produktif terpelihara.

PEMULA
MPK, MDSR, Jabatan Pertanian, JPV

PELAKSANA
MPK, MDSR, Jabatan Pertanian, JPV


ANGGARAN KOS
Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Jaminan makanan negara, negeri dan Daerah Kluang

SASARAN
Pengekalan kawasan pertanian kelas 2 dan 3 di luar had sempadan bandar

Rajah 4.24 : Pelan Kelas Tanah Pertanian Daerah Kluang




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Pengekalan Kawasan Pertanian adalah melibatkan tanah pertanian Kelas 2 dan 3 yang terletak di luar kawasan yang telah dizonkan untuk pembangunan. Walau bagaimanapun, pembentukan kawasan pembangunan juga telah mengambilkira kawasan pertanian yang perlu dikekalkan. COVID19 pada tahun 2020 menyebabkan sensitiviti meningkat terhadap jaminan bekalan makanan.

Tahap keberdikarian *(self-sufficiency level, SSL)* untuk produk makanan kekal rendah – beras 70%, susu segar (61.3 peratus), sayur-sayuran (46.6 peratus), daging lembu (23.9 peratus), daging kambing (11.2 peratus) dan produk tenusu (5 peratus). (Rujuk Carta 4.1) Oleh itu pengekalan tanah pertanian termasuklah kawasan padi Kahang, bekas tanah padi di Simpang Renggam, kawasan tanaman buah-buahan dan sayuran serta lain-lain adalah dicadangkan.


Rajah 4.25: Kadar Keberdikarian (SSR) Bagi 36 Jenis Komoditi Pertanian Terpilih di Malaysia, 2018



Nota: SSR - kadar di mana bekalan hasil pertanian negara menepati keperluan tempatan/ dalam negara.

Sumber: "Akaun Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia, 2014-2018". Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019.

RAJAH 4.26: LOKASI TINDAKAN PENGUKUHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN



PETUNJUK :

- PT2.1 CADANGAN MEMBANGUNKAN SEBUAH PASAR TANI KEKAL
- PT2.2 CADANGAN MENAIKTARAF DAN MENAMBAH BILANGAN GERAI BUAH-BUAHAN SEGAR (GBBS) SEDIA ADA
- PT2.3 CADANGAN MEMPROMOSIKAN PORTAL DALAM TALIAN SEDIA ADA
- PT2.4 CADANGAN MENGGALAKKAN PENGLIBATAN USAHAWAN IAT BARU DAN MEMPERKASAKAN MODAL INSAN SERTA KEMAHIRAN USAHAWAN SEDIA ADA

Peningkatan penyediaan kemudahan infrastruktur pertanian:
- Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP);
- Sistem pengairan dan perparitan;
- Jalan-jalan ladang; dan
- Jeti nelayan darat berstruktur kekal.

- PT2.5 CADANGAN MENGGALAKKAN PENGLIBATAN PEKEBUN KECIL DALAM GOLONGAN B40 UNTUK MENYERTAI PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP)

PETUNJUK:
- Kelapa Sawit
- Getah
- Nenas
- Lain-lain Tanaman
- Tanah Terbiar
- Badan Air

Lain-Lain:
- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PT2

PENGUKUHAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN

CADANGAN PT 2.1

CADANGAN MEMBANGUNKAN SEBUAH PASAR TANI KEKAL (PTK) DI KLUANG

DESKRIPSI

Lokasi: Bandar Kluang.
Luas: 0.65 hektar

i. Pemodenan kaedah berniaga di bawah satu bumbung di lokasi yang kekal mengikut kluster dan waktu niaga yang ditetapkan.
ii. Penyediaan platform/ infrastruktur sebagai tapak untuk kegiatan atau aktiviti komuniti.
iii. Penjaja berniaga dengan konsep peragaan dan pakaian yang seragam.
iv. Usaha menggalakkan penggunaan kenderaan niaga dengan reka bentuk khas (karavan) yang lebih menarik dan bersih.
v. Menyediakan peluang pekerjaan tambahan serta meningkatkan tahap keusahawanan dan pendapatan kumpulan sasaran terlibat.

PEMULA

FAMA

PELAKSANA

FAMA, Swasta (Peserta pasar tani)

ANGGARAN KOS

RM 1,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Daerah Kluang mempunyai sebuah Pasar Tani Kekal (PTK) berdasarkan prestasi pengeluaran hasil di peringkat negeri

SASARAN

Membina sebuah Pasar Tani Kekal yang terletak di Bandar Kluang dengan keluasan 0.65 hektar menjelang tahun 2030

Pasar Tani Kekal (PTK) adalah satu projek pembangunan oleh FAMA bagi menonjolkan kepesatan perubahan dan kemajuan Pasar Tani Runcit dengan pelaksanaan pasar moden.



Peserta PTK akan ditempatkan di bawah satu bumbung dan akan menjalankan perniagaan setiap hari. Ini dapat meningkatkan *volume* urusniaga dan secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan dan mengurangkan masalah pemasaran hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan setiap hari.




Penawaran pengalaman membeli belah dalam konsep moden dan bersih dengan jaminan keselesaan kepada penjaja-penjaja dan pengguna dalam aspek penyediaan premis dan kemudahan asas yang lebih teratur, kemas, selesa dan bersih dengan imej baru.



FAEDAH YANG DISEDIAKAN OLEH FAMA

Aktiviti Program Galakan Pengunjung, Bahan promosi seperti papan tanda, banner, bunting, risalah khususnya bagi pembukaan Pasar Tani Kekal baru serta kursus bimbingan keusahawanan.

Rajah 4.27 : Lokasi Cadangan Pasar Tani Kekal di Kluang



DRAF

STRATEGI PT2

PENGUKUHAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN

CADANGAN PT 2.2

CADANGAN MENAIKTARAF DAN MENAMBAH BILANGAN GERAI BUAH-BUAHAN SEGAR (GBBS) SEDIA ADA

DESKRIPSI

Lokasi: GBBS Sediada di sekitar Jalan Machap dan Gerai Buah Sediada yang Berpotensi di Sekitar Daerah

i. Menaiktaraf GBBS sedia ada di sekitar jalan Air Hitam – Machap bagi meningkatkan nilai jualan dan pendapatan usahawan melalui tarikan pengunjung ke atas konsep keseragaman dan kebersihan gerai.

ii. Meningkatkan jumlah penyertaan projek GBBS sebanyak 20% dalam tempoh pelaksanaan RTD Kluang 2030 (P). Kumpulan sasaran adalah peniaga runcit buah-buahan tempatan di seluruh daerah Kluang yang telah sedia berniaga di lokasi strategik dan berdaya maju.

PEMULA

FAMA

PELAKSANA

Petani, Penternak, Usahawan Tani

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Pengeluaran hasil buah-buahan segar yang tinggi di sekitar daerah Kluang

SASARAN


Menaiktaraf dan menambah bilangan GBBS sedia ada untuk membantu pekebun-pekebun kecil memasarkan hasil buah

GBBS adalah merupakan sebuah premis yang menjalankan aktiviti urus niaga buah-buahan segar sebagai komoditi utamanya yang dinaiktaraf / dibangunkan oleh pihak FAMA dengan mengguna pakai imej koporat projek yang seragam. Premis GBBS boleh merupakan premis usahawan sedia ada milik sendiri / disewa atau pun premis yang dibangunkan oleh FAMA dan kemudiannya diuruskan / disewakan kepada usahawan dengan syarat-syarat tertentu.

Komoditi buah-buahan utama yang diurusniagakan mestilah terdiri daripada buah-buahan tempatan. Walau bagaimanapun buah-buahan import dan komoditi lain dibenarkan dengan % pecahan jualan seperti berikut:



Buah tempatan / bermusim / tanaman kontan / produk pertanian



Buah import / IKS / produk petanian tambah nilai / produk pelengkap

Pinjaman kemudahan peralatan GBBS daripada FAMA

Kanopi, rak jualan buah, papan tanda perniagaan, papan tanda usahawan, papan tunjuk arah, tanda harga, alas meja dan bahan-bahan promosi seperti bunting, *flagline*, banner serta *billboard*



Foto: GBBS dapat membantu meminimakan isu lambakan buah-buahan bermusim dengan jualan secara terus ke outlet GBBS.

STRATEGI PT2

PENGUKUHAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN

CADANGAN PT 2.3

CADANGAN MEMPROMOSIKAN PORTAL DALAM TALIAN SEDIADA IAITU AGROBAZAAR.COM.MY

DESKRIPSI

Lokasi: agrobazaar.com.my

i. Kategori produk yang boleh diniagakan dalam agrobazaar.com.my adalah:
   - Tanaman
   - Ternakan
   - Perikanan
   - IAT
   - Agro-Pelancongan
   - Agro-Perkhidmatan

ii. Laman web agrobazaar.com.my kurang mesra pengguna

PEMULA

FAMA

PELAKSANA

FAMA, Petani, Usahawan Tani

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Petani dan usahawan tani tidak aktif memasarkan produk mereka dalam Agrobazaar.com.my iaitu laman niaga dalam talian kendalian FAMA

SASARAN

Meningkatkan jualan hasil pertanian untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat tani menerusi jualan dalam talian iaitu Agrobazaar.com.my

SC



Agrobazaar.com.my adalah platform pemasaran dalam talian agro-makanan yang menemukan pengeluar, pengilang, pembekal dan pengguna

Dilancarkan dan dikendalikan oleh FAMA sejak 2015

KOMPONEN UTAMA

Maklumat, latihan, khidmat sokongan, portal perdagangan, pembangunan komuniti, rantaian nilai perniagaan atas talian dan luar talian

SASARAN KOMUNITI TERLIBAT

- Petani
- Penternak
- Nelayan
- Pemproses
- Penyedia Perkhidmatan Agropreneur Muda
- Peniaga
- Usahanita
- Reseller




Foto: Paparan portal Agrobazaar.com.my semasa yang menawarkan pelbagai hasil jualan pertanian.

DRAF

STRATEGI PT2

PENGUKUHAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN

CADANGAN PT 2.4

MENGGALAKKAN PENGLIBATAN USAHAWAN IAT BARU DAN MEMPERKASAKAN MODAL INSAN SERTA KEMAHIRAN USAHAWAN SEDIA ADA

DESKRIPSI

Lokasi: Kawasan perusahaan IAT sedia ada

i. Melahirkan lebih ramai usahawan IAT di bawah bimbingan agensi pertanian berkaitan.
ii. Produk IAT tanaman di Kluang yang mempunyai pasaran luas adalah seperti kerepek ubi dan pisang. Produk IAT daripada nanas seperti nanas kaleng, jus nanas dan karipap nanas mempunyai potensi untuk dipertingkatkan pengeluaran.
iii. Manakala produk IAT ternakan seperti susu segar dan berperisa, sate, telur itik segar dan telur masin masih boleh diperkukuhkan.

PEMULA

Jabatan Pertanian, JPV, Jabatan Perikanan

PELAKSANA

Jabatan Pertanian, JPV, Jabatan Perikanan

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Hasil asas produk pertanian yang mewah, mudah didapati serta pasaran produk yang luas

SASARAN

Melahirkan usahawan IAT komersial yang berdaya maju serta meningkatkan pendapatan usahawan dan ekonomi Daerah Kluang

SDG

Aktiviti Industri Asas Tani (IAT) di daerah Kluang mempunyai peluang dan potensi yang tinggi untuk dipertingkatkan lagi. Oleh itu, kemasukan usahawan baru dalam industri adalah digalakkan. Manakala usahawan sedia ada turut digalakkan untuk memperkukuhkan kemahiran perusahaan dan seterusnya mempertingkatkan produktiviti perusahaan mereka.

Cadangan 4 kursus /program latihan pertanian jangka pendek oleh Institut Latihan Pertanian Ayer Hitam, Jabatan Pertanian Daerah Kluang dan MARDI Kluang. Antara kategori kursus yang diperlukan adalah seperti "**Kursus Petani dan Keusahawanan**" yang bertujuan melahirkan usahawan muda yang berminat untuk menceburkan diri dalam perusahaan asas tani dan "**Kursus Keusahawanan Pemprosesan Makanan**".

Selain kemahiran teknikal pengeluaran produk, peserta turut didedahkan kepada kaedah menjalankan perusahaan, terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran dan penyediaan rancangan perniagaan. Di samping itu, para usahawan (baru dan sedia ada) juga digalakkan untuk membangunkan perusahaan dan mengeluarkan produk secara lebih teratur dan Kursus keusahawanan pemprosesan makanan meningkatkan kemahiran usahawan dalam teknikal pengeluaran produk bersistematik. Antaranya seperti mematuhi dan mengamalkan "Amalan Pengilangan Yang Baik" (GMP), "Amalan Kebersihan Yang Baik" (GHP) dan "Skim Makanan Selamat Tanggungjawab Industri" (MeSTI), "Skim Pensijilan Sistem Analisis Hazard dan Titik Kawalan Kritikal Malaysia" (MCS HACCP), serta pensijilan HALAL.











STRATEGI PT2

PENGUKUHAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PERTANIAN

CADANGAN PT 2.5

MENGGALAKKAN PENGLIBATAN PEKEBUN KECIL DALAM GOLONGAN B40 UNTUK MENYERTAI PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP)

DESKRIPSI

Lokasi: Kawasan pertanian dan perusahaan IAT sedia ada

i. Meningkatkan penyertaan golongan B40 dalam projek ekonomi berkaitan pertanian di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

PEMULA

PKLB

PELAKSANA

KEJORA, RISDA, FELCRA, GIATMARA, KEMAS, Jabatan Pertanian, JPV, MARDI

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Tanah pertanian yang subur dan luas, hasil asas produk pertanian baik, mudah didapati serta pasaran produk yang luas

SASARAN

Meningkatkan pendapatan pekebun kecil dalam golongan B40 yang terlibat dalam sektor pertanian

SDG

Program Peningkatan Pendapatan (PPP) adalah sebuah program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan sasar iaitu golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah (B40) menyertai atau menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Komponen dan kadar bantuan bagi seorang peserta adalah seperti Jadual dibawah.

Jadual 4.16 : Komponen dan Kadar Bantuan bagi Peserta PPP

KOMPONEN	AMOUNT BANTUAN (RM)
Pelaksanaan Projek • Bantuan kos sebenar bergantung kepada projek yang akan dilaksanakan. • Peruntukan projek yang diluluskan akan ditentukan sepenuhnya oleh pihak Kementerian. • Merangkumi kos latihan/kursus kemahiran asas projek yang berjumlah maksimum Rm1,500 seorang.	10,000.00 (maksimum)
Latihan/Kursus Kemahiran Asas projek • Jenis latihan/kursus yang dirancang boleh dikendalikan oleh Agensi Pelaksana atau lain-lain badan bertauliah yang dilantik	1,500.00

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Daripada empat (4) skop utama projek ekonomi PPP, dua (2) skop adalah melibatkan sektor pertanian seperti berikut:

Jadual 4.17 : Skop Projek Ekonomi PPP Melibatkan Sektor Pertanian

SKOP PROJEK EKONOMI	PENERANGAN
Perusahaan Sumber Asas Tani/Perikanan/Penternakan	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penghasilan produk/memproses bahan-bahan mentah pertanian sebagai aktiviti utama projek.
Aktiviti Pertanian/ Perikanan/Penternakan	Projek-projek yang meliputi aktiviti tanaman (sayur-sayuran/buah-buahan dll), ternakan (lembu/ayam/kambing dll) dan perikanan (peralatan menangkap ikan/ternakan ikan dalam sangkar dll).

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Mekanisme PPP dilaksanakan oleh Agensi-agensi KPLB, Agensi-agensi lain kementerian dan jabatan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pejabat-pejabat Daerah. Agensi Pelaksana (*Lead Agencies*) terdiri daripada Pejabat Cawangan KPLB negeri/daerah dan agensi-agensi seperti KEJORA, RISDA, FELCRA, GIATMARA dan KEMAS.

DRAF

4.4 PELANCONGAN

HALATUJU PEMBANGUNAN

H4

Pemantapan pelancongan bandar, eko dan agro melalui pembangunan produk, infrastruktur, kemudahan pelancongan dan penyertaan penduduk dan urustadbir pelancongan.

STRATEGI PL 1

MEMPERKUKUHKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN

- **PL1.1** Cadangan kluster pelancongan bandar sejarah dan seni warisan budaya
- **PL1.2** Cadangan Kluster Pelancongan Eko Dan Pelancongan Berasaskan Komuniti Ekopelancongan (CBET)
- **PL1.3** Cadangan kluster pelancongan agro dan pelancongan berasaskan makanan dan industri hiliran
- **PL1.4** Cadangan kluster pelancongan rekreasi dan sukan

STRATEGI PL 2

MEMPERKUKUH DAN MENINGKATKAN KUALITI PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA

- **PL2.1** Cadangan pengukuhan dan pengindahan bandar sejarah dan warisan budaya Kluang
- **PL2.2** Cadangan pengukuhan produk ekopelancongan di Taman Eko Rimba Gunung Belumut
- **PL2.3** Cadangan pengukuhan penganjuran acara berbentuk sukan lasak di Hutan Rekreasi Gunung Lambak
- **PL2.4** Cadangan pewartaan Stesen KTMB Kluang sebagai kawasan/tapak/ bangunan warisan

STRATEGI PL 3

MEMBANGUNKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BARU

- **PL3.1** Cadangan rejuvenasi dan penaiktarafan Bandar Warisan Renggam
- **PL3.2** Cadangan rejuvenasi dan penaiktarafan Pekan Paloh sebagai kawasan tarikan warisan sejarah
- **PL3.3** Cadangan pembangunan produk pelancongan agro (pelancongan berasaskan pertanian dan penternakan)
- **PL3.4** Cadangan penganjuran acara berbentuk *hallmark* dan bertaraf antarabangsa serta dimasukkan di dalam kalender pelancongan negeri dan negara.
- **PL3.5** Cadangan Galeri Kelawar Kluang
- **PL3.6** Cadangan Festival Kopi Kebangsaan dan Antarabangsa
- **PL3.7** Festival orang asal / Indigenous people
- **PL3.8** Cadangan Muzium Penjara di Penjara Simpang Renggam
- **PL3.9** Cadangan Muzium Perwira dan Kereta Api di Bandar Kluang

DRAFT

4.4 PELANCONGAN

HALATUJU PEMBANGUNAN

H4

Pemantapan pelancongan bandar, eko dan agro melalui pembangunan produk, infrastruktur, kemudahan pelancongan dan penyertaan penduduk dan urustadbir pelancongan.

STRATEGI PL 4

MENINGKATKAN DAN MENAMBAHBAIK KUALITI KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN

- **PL4.1** Cadangan pembinaan pusat, kiosk informasi pelancongan serta papan tanda dan penunjuk arah pelancongan
- **PL4.2** Cadangan penyediaan kepelbagaian kemudahan penginapan
- **PL4.3** Cadangan penguatkuasaan pendaftaran rumah *homestay* dan rumah tamu di bawah PBT
- **PL4.4** Cadangan penaiktarafan jalan masuk ke Taman Endau Rompin melalui Pekan Kahang
- **PL4.5** Cadangan pengindahan pintu masuk daerah bagi mewujudkan suasana selamat datang
- **PL4.6** Cadangan penambahbaikan sistem pengangkutan awam ke lokasi-lokasi pelancongan
- **PL4.7** Cadangan perluasan perkhidmatan Johor Free Wifi
- **PL4.8** Cadangan pemasangan CCTV di lokasi hotspot pelancongan bagi meningkatkan langkah keselamatan
- **PL4.9** Cadangan penglibatan penduduk setempat dalam aktiviti pelancongan

STRATEGI PL 5

MEMBANGUNKAN JEJAK (TRAIL) DAN PAKEJ-PAKEJ PELANCONGAN

- **PL5.1** Cadangan jejak *(trail)* dan pakej pelancongan warisan bandar
- **PL5.2** Cadangan pakej pelancongan ke Kluang 3 hari 2 malam

STRATEGI PL 6

MEMPERKUKUHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI PEMASARAN DAN TADBIR URUS PELANCONGAN

- **PL6.1** Cadangan pengukuhan pemasaran melalui sistem digital (*e-pemasaran*) selain pendekatan konvensional
- **PL6.2** Cadangan pemasangan *billboard* bagi mempromosikan destinasi pelancongan di Daerah Kluang
- **PL6.3** Cadangan pengukuhan sistem pangkalan data pelancongan
- **PL6.4** Cadangan mengukuhkan unit pelancongan di PBT
- **PL6.5** Cadangan pengukuhan jawatankuasa pelancongan daerah

DRAF

Daerah Kluang memiliki sumber jaya pelancongan yang pelbagai yang berupaya mengukuhkan peranan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor penyumbang kepada ekonomi daerah melalui peningkatan jumlah pelancong, memanjangkan purata tempoh menginap pelancong dan meningkatkan jumlah perbelanjaan pelancong.

STRATEGI

PL 1 MEMPERKUKUHKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Pembentukan kluster-kluster pembangunan pelancongan adalah untuk mengintegrasikan dan membantu perancangan yang lebih tersusun mengikut keupayaan dan kesediaan tarikan sumber jaya dan produk pelancongan sedia ada di dalam daerah Kluang dan juga daerah bersempadanan.

PL 2 MENINGKATKAN KUALITI PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA

Produk-produk pelancongan sedia ada perlu ditambah baik dari segi penyelenggaraan fizikal, penyediaan kemudahan sokongan, penjagaan kebersihan, kualiti perkhidmatan dan layanan, aspek keselamatan dan keselesaan yang perlu digiatkan bagi menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa.

PL 3 MEMBANGUNKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BARU

Produk-produk pelancongan baru yang lebih kreatif dan menepati citarasa dan meningkatkan pengalaman pengunjung atau pelancong perlu dibangunkan melalui kerjasama pintar (*smart partnership*) di antara pihak kerajaan, pihak swasta/pengusaha dan komuniti tempatan.

CADANGAN

PL 1.1 Cadangan Kluster Pelancongan Bandar Sejarah dan Seni Warisan Budaya
PL 1.2 Cadangan Kluster Pelancongan Eko dan Pelancongan Berasaskan Komuniti Ekopelancongan (CBET)
PL 1.3 Cadangan Kluster Pelancongan Agro dan Pelancongan Berasaskan Makanan dan Industri Hiliran
PL 1.4 Cadangan Kluster Pelancongan Rekreasi dan Sukan

PL 2.1 Cadangan Pengukuhan Dan Pengindahan Bandar Sejarah dan Warisan budaya Kluang
PL 2.2 Cadangan Pengukuhan Produk Ekopelancongan di Taman Eko Rimba Gunung Belumut
PL 2.3 Cadangan Pengukuhan Penganjuran Acara Berbentuk Sukan Lasak di Hutan Rekreasi Gunung Lambak
PL 2.4 Cadangan Pewartaan Stesen KTMB Kluang sebagai Kawasan/Tapak/ Bangunan Warisan

PL 3.1 Cadangan Rejuvenasi dan Penaiktarafan Bandar Warisan Renggam
PL 3.2 Cadangan Rejuvenasi dan Penaiktarafan Pekan Paloh Sebagai Kawasan Tarikan Warisan Sejarah
PL 3.3 Cadangan Pembangunan Produk Pelancongan Agro (Pelancongan Berasaskan Pertanian dan Penternakan)
PL 3.4 Cadangan Penganjuran Acara Berbentuk Hallmark dan Bertaraf Antarabangsa serta Dimasukkan di dalam Kalender Pelancongan Negeri dan Negara
PL 3.5 Cadangan Galeri Kelawar Kluang
PL 3.6 Cadangan Festival Kopi Kebangsaan Dan Antarabangsa

DRAF

STRATEGI

PL 3 MEMBANGUNKAN PRODUK-PRODUK PELANCONGAN BARU

Produk-produk pelancongan baru yang lebih kreatif dan menepati citarasa dan meningkatkan pengalaman pengunjung atau pelancong perlu dibangunkan melalui kerjasama pintar (smart partnership) di antara pihak kerajaan, pihak swasta/pengusaha dan komuniti tempatan.

PL 4 MENINGKATKAN DAN MENAMBAHBAIK KUALITI KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN

Kualiti kemudahan dan infrastruktur pelancongan serta kualiti perkhidmatan dan pelayanan perlu ditambahbaik bagi meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan serta kepuasan pengunjung dan pelancong.

PL 5 MEMBANGUNKAN JEJAK (TRAIL) DAN PAKEJ-PAKEJ PELANCONGAN

Membangunkan cadangan pakej-pakej pelancongan yang lebih inovatif serta menawarkan pengalaman yang menarik, meningkatkan masa menginap, perbelanjaan pelancong. Trail dan pakej pelancongan dicadangkan mengintegrasikan produk pelancongan di dalam dan di daerah bersempadanan.

CADANGAN

PL 3.7 Festival Orang Asli / *Indigenous People*
PL 3.8 Cadangan Muzium Penjara di Penjara Simpang Renggam
PL 3.9 Cadangan Muzium Pewira dan Kereta Api di Bandar Kluang

PL 4.1 Cadangan Pembinaan Pusat, kiosk informasi pelancongan serta Papan Tanda dan Penunjuk Arah Pelancongan
PL 4.2 Cadangan Penyediaan Kepelbagaian Kemudahan Penginapan
PL 4.3 Cadangan Penguatkuasaan Pendaftaran Rumah *Homestay* dan Rumah Tamu di bawah PBT
PL 4.4 Cadangan Penaiktarafan Jalan Masuk ke Taman Endau Rompin melalui Pekan Kahang
PL 4.5 Cadangan Pengindahan Pintu Masuk Daerah bagi Mewujudkan Suasana Selamat Datang
PL 4.6 Cadangan Penambahbaikan Sistem Pengangkutan Awam ke Lokasi-lokasi Pelancongan
PL 4.7 Cadangan Perluasan Perkhidmatan Johor *Free Wifi*
PL 4.8 Cadangan pemasangan CCTV di Lokasi Hotspot Pelancongan bagi Meningkatkan Langkah Keselamatan
PL4.9 Cadangan Penglibatan Penduduk Setempat dalam Aktiviti Pelancongan

PL 5.1 Cadangan Jejak *(Trail)* dan Pakej Pelancongan Warisan Bandar
PL 5.2 Cadangan Pakej Pelancongan Ekopelancongan ke Kluang 3 Hari 2 Malam

D R A F

STRATEGI

PL 6 MEMPERKUKUHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI PEMASARAN DAN TADBIR URUS PELANCONGAN

Pemasaran merupakan kaedah penting bagi menarik lebih ramai pelancong ke sesuatu destinasi. Pendekatan pemasaran perlu mengambil kira tren semasa melalui iaitu e-pemasaran atau sistem pemasaran digital selain penggunaan pendekatan pemasaran secara konvensional. Pada masa hadapan kaedah SMART TOURISM perlu dititikberatkan dengan pembentukan aplikasi khusus daerah dan secara bersepadu di peringkat negeri yang memudahkan perkongsian maklumat produk dan penempahan.

CADANGAN

PL 6.1 Cadangan Pengukuhan Pemasaran Melalui Sistem Digital *(E-Pemasaran)* selain Pendekatan Konvensional

PL 6.2 Cadangan Pemasangan Billboard bagi Mempromosikan Destinasi Pelancongan di Daerah Kluang


PL 6.3 Cadangan Pengukuhan Sistem Pangkalan Data Pelancongan

PL 6.4 Cadangan Mengukuhkan Unit Pelancongan di PBT

PL 6.5 Cadangan Pengukuhan Jawatankuasa Pelancongan Daerah

D R A F

RAJAH 4.28: CADANGAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN KLUANG



TINDAKAN PEMBANGUNAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN

- PL1.1 Cadangan Kluster Pelancongan Bandar Sejarah Dan Seni Warisan Budaya
- PL1.2 Cadangan Kluster Pelancongan Eko Dan Pelancongan Berasaskan Komuniti Ekopelancongan (Cbet)
- PL1.3 Cadangan Kluster Pelancongan Agro Dan Pelancongan Berasaskan Makanan Dan Industri Hiliran
- PL1.4 Cadangan Kluster Pelancongan Rekreasi Dan Sukan

TINDAKAN PEMBANGUNAN PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA

- PL 2.1 Cadangan Pengukuhan Dan Pengindahan Bandar Sejarah Dan Warisan Budaya Kluang
- PL 2.2 Cadangan Pengukuhan Produk Ekopelancongan Di Taman Eko Rimba Gunung Belumut
- PL 2.3 Cadangan Pengukuhan Penganjuran Acara Berbentuk Sukan Lasak Di Hutan Rekreasi Gunung Lambak
- PL 2.4 Cadangan Pewartaan Stesen KTMB Kluang Sebagai Kawasan/Tapak/ Bangunan Warisan

TINDAKAN PEMBANGUNAN PRODUK PELANCONGAN BARU

- PL 3.1 Cadangan Rejuvenasi Dan Penaiktarafan Bandar Warisan Renggam
- PL 3.2 Cadangan Rejuvenasi Dan Penaiktarafan Pekan Paloh Sebagai Kawasan Tarikan Warisan Sejarah
- PL 3.3 Cadangan Pembangunan Produk Pelancongan Agro Atau Pelancongan Berasaskan Pertanian dan Penternakan
- PL 3.4 Cadangan Penganjuran Acara Berbentuk Hallmark Dan Bertaraf Antarabangsa Serta Dimasukkan Di Dalam Kalender Pelancongan Negeri Dan Negara
- PL 3.5 Cadangan Muzium Keluang (Kelawar)
- PL 3.6 Cadangan Festival Kopi Sedunia
- PL 3.7 Cadangan Festival Orang Asal / *Indigenous People*
- PL 3.8 Cadangan Muzium Penjara Di Penjara Simpang Renggam
- PL 3.9 Cadangan Muzium Pewira dan Kereta Api Di Bandar Kluang

TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR PELANCONGAN

- PL 4.1 Cadangan pembinaan pusat, kiosk informasi pelancongan serta papan tanda dan penunjuk arah pelancongan
- PL 4.2 Cadangan Penyediaan Kepelbagaian Kemudahan Penginapan
- PL 4.3 Cadangan Penguatkuasaan Pendaftaran Rumah Homestay Dan Rumah Tamu Di Bawah Pbt
- PL 4.4 Cadangan Penaiktarafan Jalan Masuk Ke Taman Negeri Endau Rompin Melalui Pekan Kahang
- PL 4.5 Cadangan Pengindahan Pintu Masuk Daerah Bagi Mewujudkan Suasana Selamat Datang
- PL 4.6 Cadangan Penambahbaikan Sistem Pengangkutan Awam Ke Lokasi-lokasi Pelancongan
- PL 4.7 Cadangan Perluasan Perkhidmatan Johor Free Wifi
- PL 4.8 Cadangan Pemasangan CCTV Di Lokasi Hotspot Pelancongan Bagi Meningkatkan Langkah Keselamatan
- PL 4.9 Cadangan penglibatan penduduk setempat dalam aktiviti pelancongan

TINDAKAN PEMBANGUNAN JEJAK (TRAIL) DAN PAKEJ-PAKEJ PELANCONGAN

- PL 5.1 Cadangan Jejak Trail Warisan Sejarah Bandar Kluang Dan Lawatan Harian (Day Trip) Ke Bandar Kluang
- PL 5.2 Cadangan Pakej Lawatan Ke Kluang 3 Hari 2 Malam

TINDAKAN MEMPERKUKUHKAN AKTIVITI PEMASARAN DAN TADBIR URUS PELANCONGAN


- PL 6.1 Cadangan Pengukuhan Pemasaran Melalui Sistem Digital (E- Pemasaran) dan Smart Tourism Selain Daripada Pendekatan Konvensional
- PL 6.2 Cadangan Pemasangan *Billboard* Bagi Mempromosikan Destinasi Pelancongan Di Daerah Kluang
- PL 6.3 Cadangan Pengukuhan Sistem Pengkalan Data Pelancongan
- PL 6.4 Cadangan Mengukuhkan Unit Pelancongan Di PBT
- PL 6.5 Cadangan Pengukuhan Jawatankuasa Pelancongan Daerah

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 4.29: STRATEGI PEMBANGUNAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PL1

MEMPERKUKUHKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN

CADANGAN PL 1.1

CADANGAN KLUSTER PELANCONGAN BANDAR DAN SENI WARISAN BUDAYA

DESKRIPSI

i. Pengukuhan produk dan aktiviti berasaskan perbandaran, sejarah warisan dan seni budaya di bandar-bandar lama di daerah Kluang seperti bandar Kluang, bandar Renggam dan pekan Paloh.
ii. Pengekalan dan pemuliharaan bangunan-bangunan lama berciri warisan.
iii. Pengukuhan aktiviti yang berbentuk kesenian dan kebudayaan.
iv. Penyediaan kemudahan makanan tempatan dan menarik
v. Peningkatan penyediaan infrastruktur, kemudahan sokongan dan penglibatan komuniti.
vi. Pengukuhan aktiviti promosi dan pemasaran.

PEMULA

MPK, MDSR, JWN

PELAKSANA

MPK, MDSR, KTMB, JWN, YWJ, Tourism Johor, MOTAC, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 2,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Mengintegrasikan produk pelancongan bandar sejarah dan seni warisan di dalam daerah dan daerah bersempadanan

SASARAN

Pengukuhan dan peningkatan bilangan pelancong tempatan dan antarabangsa >250,000 orang

Rajah 4.30: Kluster Pelancongan Bandar Sejarah dan Seni Warisan Budaya



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

A. KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN BANDAR & SENI WARISAN BUDAYA

BANDAR RENGGAM – BANDAR KLUANG – PEKAN PALOH

① Bandar Kluang
- Stesen kereta api Kluang
- Kluang Rail Coffee
- Laman Kreatif Kluang
- Laman Pesona Kluang
- Warisan Bangunan Lama

② Bandar Renggam
- Bangunan lama berusia 100 tahun
- Perigi raja
- Pejabat pos
- Stesen kereta api Renggam

③ Pekan Layang-layang
- Pejabat pos Layang-layang

④ Pekan Paloh
- Balai Polis Paloh
- Bangunan lama berusia 100 tahun



Foto: bangunan bersejarah Pekan Paloh



Foto: bangunan bersejarah Pejabat Pos Layang layang



Foto: Pejabat Pos Bandar Renggam



Foto: Pekan sejarah Renggam

STRATEGI PL 1

MEMPERKUKUHKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN

CADANGAN PL 1.2

CADANGAN KLUSTER PELANCONGAN EKO DAN PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI EKOPELANCONGAN (CBET)

DESKRIPSI

i. Pengukuhan fungsi Pekan Kahang sebagai bandar perkhidmatan dan pintu masuk ke Taman Negara Endau Rompin.
ii. Pengukuhan produk dan aktiviti berasaskan ekopelancongan dan aktiviti lasak di Taman Eko Rimba Gunung Belumut.
iii. Pengukuhan pelancongan berasaskan komuniti eko-pelancongan (CBET) dalam membentuk kesedaran dan pemahaman dalam penjagaan alam sekitar dan pemeliharaan hutan di kalangan komuniti tempatan Kg. Sri Lukut, *Homestay* Felda Ulu Dengar dan Kampung Orang Asli.
iv. Peningkatan penyediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan di kawasan air terjun Sg. Yong dan Taman Rekreasi Sg. Teminggol.
v. Pengukuhan dalam aktiviti promosi dan pemasaran.

PEMULA

MPK, MDSR, PTNJ, JPNJ

PELAKSANA

MPK, MDSR, PTNJ, JPNJ

ANGGARAN KOS

RM 2,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)


RASIONAL

Mengintegrasikan produk ekopelancongan yang berasaskan komuniti di dalam daerah dan daerah bersempadanan

SASARAN

Pengukuhan dan peningkatan bilangan pelancong tempatan dan antarabangsa >250,000 orang

Rajah 4.31: Kluster Pelancongan Eko dan Pelancongan Berasaskan Komuniti Ekopelancongan (CBET)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

B. KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN EKO & PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI EKOPELANCONGAN (CBET)

MUKIM KAHANG

① Kahang '*Gateway*' ke Taman Negara Endau-Rompin
② Taman Eko Rimba Gunung Belumut
② Air Terjun Sungai Yong
③ *Homestay* Felda Ulu Dengar
④ Kahang *Adventure & Eco Camp*
⑤ Kahang *Homestay* (Kg. Seri Lukut)
⑥ Taman Rekreasi Sg. Teminggol
⑦ Ladang Alifah



Foto: Taman Eko Rimba Gunung Belumut



Foto: Air Terjun Sungai Yong



Foto: Taman Rekreasi Sg. Teminggol

STRATEGI PL 1

MEMPERKUKUHKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN

CADANGAN PL 1.3

CADANGAN KLUSTER PELANCONGAN AGRO DAN PELANCONGAN BERASASKAN MAKANAN DAN INDUSTRI HILIRAN

DESKRIPSI

i. Pengukuhan produk dan aktiviti agro pelancongan (ladang nenas, ladang jagung, kebun durian dan buah-buahan) dan pelancongan berasaskan makanan (kerepek dan kopi) dan industri hiliran (terompah kayu, seramik dan ikan hiasan).
ii. Penyediaan pakej lawatan bagi pelancongan agro dan desa.
iii. Peningkatan penyediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan serta penglibatan komuniti tempatan.
iv. Pengukuhan dalam aktiviti promosi dan pemasaran.

PEMULA

MPK, MDSR, Jabatan Pertanian

PELAKSANA

MPK, MDSR, Tourism Johor, Jabatan Pertanian, MOTAC, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 2,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)


RASIONAL

Mengintegrasikan produk pelancongan agro dan berasaskan makanan dan makanan di dalam daerah dan daerah bersempadanan

SASARAN

Pengukuhan dan peningkatan bilangan pelancong tempatan dan antarabangsa >250,000 orang

Rajah 4.32: Kluster Pelancongan Agro dan Pelancongan Berasaskan Makanan dan Industri Hiliran



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

C. KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN AGRO DAN PELANCONGAN BERASASKAN MAKANAN DAN INDUSTRI HILIRAN

BANDAR SIMPANG RENGGAM – MUKIM ULU BENUT

1. Ladang Nenas Peninsular Plantation
2. Ladang Nenas *Golden Pine*
3. Ladang Jagung
4. Durian Farmstay
5. Ladang Integrasi Hj. Md. Judyar
6. Rassuria *Dairy Farm Goat*
7. BSL Ecofarm
8. Kompleks IKS Simpang Renggam
9. Galeri Terompah Mastor
10. *Aw Pottery*



Foto: Rassuria Dairy Farm Goat



Foto: Galeri Terompah Mastor



Foto: Kompleks IKS Simpang Renggam



Foto: Durian Farmstay Simpang Renggam

STRATEGI PL1

MEMPERKUKUHKAN KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN

CADANGAN PL 1.4

CADANGAN KLUSTER PELANCONGAN REKREASI DAN SUKAN

DESKRIPSI

i. Pengukuhan produk dan aktiviti berasaskan ekopelancongan dan aktiviti lasak di Hutan Rekreasi Gunung Lambak
ii. Pengukuhan produk dan aktiviti berbentuk riadah dan rekreasi
iii. Pengukuhan acara bertaraf antarabangsa berbentuk sukan cabaran dan ekstrim
iv. Peningkatan penyediaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan sokongan
v. Pengukuhan dalam aktiviti promosi dan pemasaran

PEMULA

MPK, MDSR, JPNJ

PELAKSANA

MPK, MDSR, JPNJ, MOTAC, Tourism Johor, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 1,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)


RASIONAL

Mengintegrasikan produk pelancongan rekreasi dan sukan di dalam daerah dan daerah bersempadanan

SASARAN

Pengukuhan dan peningkatan bilangan pelancong tempatan dan antarabangsa >250,000 orang

Rajah 4.33: Kluster Pelancongan Rekreasi dan Sukan



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

D. KLUSTER PEMBANGUNAN PELANCONGAN REKREASI & SUKAN

BANDAR KLUANG

1. Taman Eko Rimba Gunung Lambak
2. Taman Merdeka
3. Taman dan Laman Tasik Kluang
4. Kluang Golf & Country Club



Foto:Taman Eko Rimba Gunung Lambak










Foto:Taman Merdeka

RAJAH 4.34: STRATEGI PEMBANGUNAN PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA



PETUNJUK :

- PL2.1 CADANGAN PENGUKUHAN DAN PENGINDAHAN BANDAR SEJARAH DAN WARISAN BUDAYA KLUANG
- PL2.2 CADANGAN PENGUKUHAN PRODUK EKOPELANCONGAN DI TAMAN EKO RIMBA GUNUNG BELUMUT
- PL2.3 CADANGAN PENGUKUHAN PENGANJURAN ACARA BERBENTUK SUKAN LASAK DI HUTAN REKREASI GUNUNG LAMBAK
- PL2.4 CADANGAN PEWARTAAN STESEN KTMB KLUANG SEBAGAI KAWASAN/TAPAK/ BANGUNAN WARISAN

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PL 2

MEMPERKUKUH DAN MENINGKATKAN KUALITI PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA

CADANGAN PL 2.1

CADANGAN PENGUKUHAN DAN PENGINDAHAN BANDAR SEJARAH DAN WARISAN SENI BUDAYA KLUANG

DESKRIPSI

i. Meningkatkan fungsi bandar Kluang sebagai bandar transit atau bandar perhentian *(stagging point)* yang menawarkan kemudahan penginapan, makanan tempatan dan aktiviti hiburan kepada pelancong.

ii. Beberapa cadangan yang berpotensi untuk dibangunkan di Bandar Kluang:
   a. Menaiktaraf bangunan-bangunan lama melalui pengindahan fasad bangunan.
   b. Pengindahan landskap Bandar Kluang.
   c. Menggalakkan aktiviti tidak formal di Bandar Kluang pada waktu malam – pasar malam, *flea market*, *car boot sale*.
   d. Cadangan Jejak *(Trails)* Sejarah dan Warisan Bandar Kluang - penyediaan laluan basikal dan pejalan kaki.
   e. Penganjuran festival atau acara secara berkala.

PEMULA
MPK, MDSR, JWN, YWJ

PELAKSANA
MPK, MDSR, JWN,YWJ, Tourism Johor, Swasta


ANGGARAN KOS
RM 500,000

FASA PELAKSANAAN
☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL
Memelihara sejarah dan seni warisan yang terdapat di daerah Kluang yang boleh diekploitasi bagi tujuan pelancongan

SASARAN
Pengukuhan dan peningkatan bilangan pelancong tempatan dan antarabangsa >250,000 orang

Rajah 4.35: Penumpuan pengindahan bandar sejarah dan warisan seni budaya terhadap Paloh, Kluang dan Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020





Foto: Cadangan penaiktarafan bangunan lama melalui penggunaan cat yang berwarna warni




Foto: Cadangan aktiviti informal flea market, car boot sale dan pasar malam di Taman Merdeka.






Rajah 4.36: Cadangan Jejak Warisan & Seni Budaya Bandar Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Rajah 4.37: Cadangan Jejak Warisan & Seni Budaya Bandar Simpang Renggam



STRATEGI PL2

MEMPERKUKUH DAN MENINGKATKAN KUALITI PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA

CADANGAN PL 2.2

CADANGAN PENGUKUHAN PRODUK EKOPELANCONGAN DI TAMAN EKO RIMBA GUNUNG BELUMUT

DESKRIPSI

i. Menaiktaraf produk dan aktiviti pelancongan di Taman Eko Rimba Gunung Belumut di antaranya:
   a. Penyediaan kemudahan interpretasi yang berteraskan pendidikan *(education)*.
   b. Pembangunan galeri dan pusat penyelidikan hutan.
   c. Pembangunan aktiviti sukan lasak seperti *abseiling, flying fox* dan sebagainya.
   d. Pembinaan kawasan perkhemahan berbentuk *glamping*.
   e. Pembentukan jejak (trail) pendakian Gunung Belumut.

PEMULA

JPNJ, Jabatan Perhutanan, FRIM, Jabatan Perhiilitan

PELAKSANA

JPNJ, Jabatan Perhutanan, FRIM, Jabatan Perhiilitan

ANGGARAN KOS

RM 2,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mengekploitasi anugerah sumber semulajadi secara mampan daerah Kluang melalui pelancongan berbentuk eko

SASARAN

Pengukuhan dan peningkatan bilangan pelancong tempatan dan antarabangsa >250,000 orang



Foto: Penyediaan kemudahan interprestasi pendidikan seperti kem dengan kerjasama bersama pihak FRIM, Jabatan Perhutanan, Perhilitan, dan Pejabat Pendidikan Daerah Kluang



Foto: Contoh cadangan aktiviti sukan lasak – abseiling, flying fox, rock climbing dsb.



Foto: Contoh cadangan kawasan perkhemahan berbentuk glamping yang menggunakan bahan-bahan mesra alam yang dapat memelihara alam sekitar



Foto: Contoh cadangan kemudahan inteprestasi iaitu penyediaan galeri dan pusat penyelidakan untuk mempamerkan keunikan flora & fauna Gunung Belumut. Penanda Aras Sukau Ecotourism Research Centre (SERC) di Kinabatangan, Sabah.



Foto: Aktiviti ekopelancongan mampu menyokong kepada Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030)

STRATEGI PL 2

MEMPERKUKUH DAN MENINGKATKAN KUALITI PRODUK DAN AKTIVITI PELANCONGAN SEDIA ADA

CADANGAN PL 2.3

CADANGAN PENGUKUHAN PENGANJURAN ACARA BERBENTUK SUKAN LASAK DI HUTAN REKREASI GUNUNG LAMBAK

DESKRIPSI

i. Mengalakkan aktiviti sukan diperingkat tempatan dan antarabangsa seperti dualthon yang sebelum ini telah dianjurkan di Dataran Kluang.
ii. Menggalakkan organisasi swasta menganjurkan acara berbentuk sukan lasak seperti *forest run*, berbasikal bukit *(mountain bike)*, larian hutan dan pendakian *(hiking)* di Hutan Rekreasi Gunung Lambak.
iii. Cadangan penganjuran acara bertaraf antarabangsa dan dianjurkan secara tahunan yang terdiri daripada acara:
   a. Southern Duathlon
   b. Kluang *Urban Downhill*
   c. Malaysia MTB Jamboree
   d. Kluang MTB *Challenge*
   e. Kluang *Run & Ride*
   f. Malaysia *International Duathlon*

PEMULA

Swasta, MPK

PELAKSANA

Swasta, MPK, BPEN, JBSN

ANGGARAN KOS

RM 500,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Merancakkan industri pelancongan di Daerah Kluang melalui penganjuran acara sukan lasak bertaraf antarabangsa

SASARAN

Peningkatan bilangan penyertaan antarabangsa dan pelancong dari dalam dan luar negara >200 orang









Foto: Cadangan acara sukan lasak bertaraf antarabangsa seperti Southern Duathlon yang mampu menarik peminat serta penganjur ke Gunung Lambak.




Foto: Cadangan jejak (trails) Gunung Rekreasi Lambak.





1	CH 0 – 7000	610m	>400m	15.0m – 15.2m
2	CH 7000 – CH 34000	560m	>350m	8.8m – 14.6m
3	CH 34000 – 60600	350m	>120m	8.1m – 8.7m
4	CH 60600 – 87230	290m	>90m	7.8m – 8.1m

Rajah 4.86: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Sembrong Besar



PETUNJUK:
Cadangan Pelebaran dan Mendalamkan Sungai







Foto: Keadaan Semasa Sungai Sembrong Besar

Jadual 4.30: Cadangan Kerja-Kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Sembrong Kecil (Utama)

No	Channel	Cadangan Rizab	Cadangan Lebar Sungai	Cadangan Kedalaman Sungai
1	CH 0 - 10000	200m	>104.2m	4.8m – 9.8m
2	CH 10000 - 14900	180m	> 84.4m	4.5m – 4.7m



Rajah 4.87 : Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Sembrong Kecil



PETUNJUK:
Cadangan Pelebaran dan Mendalamkan Sungai




Foto: Keadaan Semasa Sungai Sembrong Kecil.

Jadual 4.31: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Paloh

No	Channel	Cadangan Rizab	Cadangan Lebar Sungai	Cadangan Kedalaman Sungai
1	CH 0 – 10700	200M	>95.6M	3.65m – 8.45m

Rajah 4.88: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Paloh



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020







Foto: Keadaan Semasa Sungai Paloh.

Jadual 4.32: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Kahang

No	Channel	Cadangan Rizab	Cadangan Lebar Sungai	Cadangan Kedalaman Sungai
1	CH 0 – 10300	250m	>145m	6.7m – 10.0m
2	CH 10300 – 26470	170m	>68.8m	4.5m – 5.7m

Rajah 4.89 : Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Kahang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020







Foto: Keadaan Semasa Sungai Kahang.

Jadual 4.33: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Benut

No	Channel	Cadangan Rizab	Cadangan Lebar Sungai	Cadangan Kedalaman Sungai
1	Ch 0 – 8100	540m	>70m	>11m
2	CH 8100 – 16500	500m	>70m	7.3m – 9.0m
3	CH 16500 – 20000	340m	> 70m	5.0m – 6.7m
4	CH 20000 – 23700	200m	> 70m	4.5m – 5.5m
5	CH 23700 – 26800	180m	>40m	> 1.5m
6	CH 26800 – 33295	180m	> 20m	5.75m – 9.0m

Rajah 4.90 : Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Benut



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020






Foto: Keadaan Semasa Sungai Benut.

Jadual 4.34: Cadangan Kerja-kerja Meluruskan Sungai Berumbung

No	Channel	Cadangan Rizab	Cadangan Lebar Sungai	Cadangan Kedalaman Sungai
1	CH 0 – 1060	65M	>22m	3.3m – 5.4m

Rajah 4.91: Cadangan Kerja-kerja Meluruskan Sungai Berumbung



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020







Foto: Keadaan Semasa Sungai Berumbung.

Jadual 4.35: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Machap

No	Channel	Cadangan Rizab	Cadangan Lebar Sungai	Cadangan Kedalaman Sungai
1	CH 0 - 5900	170m	>30m	4.7m – 5.4m

Rajah 4.92 : Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Machap



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020






Foto: Keadaan Semasa Sungai Machap.

Jadual 4.36: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Paritt Hj Hashim

No	Channel	Cadangan Rizab	Cadangan Lebar Sungai	Cadangan Kedalaman Sungai
1	CH 0 – 2850	60m	>18m	3.4m – 5.2m
2	Ch 2850 – 3450	50m	>23m	3.3m – 4.0m
3	CH 3450 – 3950	100m	>17m	3.3m – 3.8m

Rajah 4.93: Cadangan Kerja-kerja Melebar dan Mendalamkan Sungai Parit Hj Hashim



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020






Foto: Keadaan Semasa Sungai Parit Hj Hashim.

STRATEGI IU3

PERANCANGAN SISTEM SALIRAN DAN PENGAIRAN YANG CEKAP DAN BERSISTEMATIK BAGI MENGATASI KEJADIAN BANJIR

CADANGAN IU 3.3

(OPT II) CADANGAN PINTASAN SUNGAI MENGKIBOL DAN SEMBRONG KECIL

DESKRIPSI

Lokasi: Sungai Mengkibol dan Sembrong Kecil

Luas: - (Kajian Terperinci Perlu Dilaksanakan)

Justifikasi :

i. Limpahan air Sungai Mengkibol dan Sembrong Kecil yang mengakibatkan kejadian banjir.

Komponen cadangan :

i. Lencongan Sungai/Sistem Perparitan

PEMULA

JPS

PELAKSANA

JPS

ANGGARAN KOS

RM 320,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Lencongan sungai bagi mengalirkan aliran air ke Kawasan yang kurang berpendudukan

SASARAN

Mengatasi Masalah Banjir Daerah Kluang terutama ketika musim monsun dan hujan lebat


Upstream Sungai Mengkibol berada di antara Bandar Kluang yang boleh menyebabkan kemusnahan harta benda serta kehilangan nyawa sekiranya berlakunya banjir besar. Bagi mengelakkan kejadian begitu berlaku, langkah mitigasi untuk membuat lencongan parit bagi mengalirkan arus air daripada sungai Mengkibol untuk memasuki Bandar Kluang.





Foto : Sungai Mengkibol yang berada di Kawasan Bandar Kluang.

RAJAH 4.94: CADANGAN LENCONGAN SUNGAI MENGKIBOL DAN SUNGAI SEMBRONG KECILCADANGAN LENCONGAN SUNGAI MENGKIBOL DAN SUNGAI SEMBRONG KECIL



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI IU4

PERANCANGAN SISTEM SALIRAN DAN PENGAIRAN YANG CEKAP DAN BERSISTEMATIK BAGI MENGATASI KEJADIAN BANJIR

CADANGAN IU 3.4

CADANGAN PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN PERANGKAP SAMPAH DAN MINYAK BAGI PELEPASAN AIR BUANGAN

DESKRIPSI

Justifikasi :

i. Bagi memastikan tiada lepasan air buangan daripada kawasan komersial dan industri yang boleh mencemarkan sistem perparitan dan sungai.

Komponen cadangan :

i. Penguatkuasaan

PEMULA

MPK,MDSR

PELAKSANA

MPK,MDSR

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memastikan sistem saliran yang bersih dan selamat

SASARAN

Mengurangan pencemaran sumber air mentah

SDG SC

Penguatkuasaan penggunaan perangkap sampah dan minyak perlu diperluaskan bagi memastikan tiada masalah yang boleh menyebabkan pencemaran terhadap sistem saliran dan pengairan sedia ada kerana ianya melibatkan sumber air mentah yang diperlukan untuk dijadikan sebagai sumber air bersih untuk kegunaan harian.



Foto: Perangkap sampah dan minyak.



Foto: Sisa-sia sampah dan minyak yang Berjaya di tahan sebelum dilepaskan ke dalam sistem perparitan.

5.0

TERAS 2 *GREENER* KLUANG - MAMPAN BERKUALITI




GREENER KLUANG, MAMPAN DAN BERKUALITI

TERAS 2

OBJEKTIF PEMBANGUNAN

1. Guna Tanah Komprehensif Berasaskan Visi dan Strategi Pembangunan
2. Greener Kluang – Pemeliharaan KSAS, Inisiatif Low Carbon dan *Climate Resilience Measurements*



HALA TUJU PEMBANGUNAN		STRATEGI	JUMLAH PROJEK
H1	Perlindungan KSAS Tahap 1,2 dan 3, pewartaan kawasan tadahan air/ empangan, habitat semulajadi, pengekalan tanaman makanan, had sempadan perbandaran dan lembangan sungai	01	06 Projek
H2	Langkah *preventive* bagi geo bencana	06	13 Projek
H3	Pusat Bandar Hijau, Dinamik dan Kreatif berasaskan potensi dan memperkayakan biodiversiti di kawasan bandar (sungai, kawasan hijau)	03	19 Projek
H4	Pengawalan dan pengurusan aktiviti industri dan pertanian yang mampan, hijau dan berproduktiviti tinggi	01	04 Projek
H5	Greening Kluang (Bandar) - walkablity/cycling, pengangkutan awam berintegrasi, cekap dan berkesan dan *green networking*	02	11 Projek
H6	Pengurusan sisa pepejal yang selamat dan berkesan	01	09 Projek

5.1 GUNA TANAH, PETEMPATAN BANDAR DAN FIZIKAL

HALATUJU PEMBANGUNAN

H1

Perlindungan KSAS Tahap 1,2 dan 3, sebagai rangka kerja utama perancangan dan kawalan guna tanah

STRATEGI GT 1

PEMBANGUNAN GUNA TANAH YANG TERATUR DAN KOMPREHENSIF

- **GT1.1** Cadangan langkah kawalan dan pemeliharaan kawasan tadahan empangan
- **GT1.2** Cadangan pengawalan terhadap kawasan atau tempat larangan serta pusat sasaran negeri
- **GT1.3** Cadangan pembentukan koridor ekologi CFS (Central Forest Spine – Rangkaian Primer)
- **GT1.4** Cadangan pengekalan kawasan rizab sungai utama
- **GT1.5** Cadangan Pengawalan Penternakan dan Pertanian Melalui Kebenaran Merancang Pertanian
- **GT1.6** Had sempadanan bandar



DRAFT

Guna tanah dan fizikal merupakan komponen utama dalam mencapai matlamat pembangunan yang mampan dan berdaya maju serta berfungsi sebagai mekanisme kawalan pembangunan bagi Daerah Kluang. Keseluruhannya Daerah Kluang mempunyai tahap sensitiviti alam sekitar yang tinggi kerana fokus matlamat di dalam Pelan Pertumbuhan Strategik Johor 2030 sebagai kawasan tadahan air negeri. Kawasan perbandaran terutamanya Bandar Kluang dan Simpang Renggam merupakan pusat pertumbuhan ekonomi utama dengan potensi dan cabaran bagi pengawalan dan pemantauan aktviti dan penggunaan tanah yang bersepadu; serta seimbang dengan keperluan pembangunan ekonomi.

STRATEGI

GT 1 PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG

Pembangunan guna tanah yang optimum dan secara bersepadu dengan mengambil kira keseimbangan pertumbuhan ekonomi dan pengawalan alam sekitar. Sesuai ciri-ciri geografi fizikal di mana Daerah Kluang merupakan kawasan tadahan air dan empangan bagi Negeri Johor dan permulaan (hulu) sungai daerah bersempadan (Batu Pahat, Kota Tinggi, Pontian dan Mersing).

Di samping itu pembangunan guna tanah juga akan mengambilkira pembangunan komited, suntikan pembangunan (injected growth) dan ketersediaan pembangunan infrastruktur. Sempadan had pembangunan petempatan dan perbandaran juga dikenapasti melalui kriteria yang ditetapkan sesuai ciri-ciri petempatan di Daerah Kluang.

CADANGAN

GT 1.1 Cadangan langkah kawalan dan pemeliharaan kawasan tadahan empangan

GT 1.2 Cadangan Pengawalan Terhadap Kawasan Atau Tempat Larangan Serta Pusat Sasaran Penting Negeri

GT 1.3 Cadangan Pembentukan Koridor Ekologi CFS (C*entral Forest Spine* – Rangkaian Primer)


GT 1.4 Cadangan Pengekalan Kawasan Rizab Sungai Utama

GT 1.5 Cadangan Pengawalan Penternakan dan Pertanian Melalui Kebenaran Merancang Pertanian

GT 1.6 Had Sempadan Bandar

DRAF

RAJAH 5.1 LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG



PETUNJUK :

GT1.1 CADANGAN LANGKAH KAWALAN DAN PEMELIHARAAN KAWASAN TADAHAN EMPANGAN
- Kawasan Tadahan Empangan
- Zon Penampan

GT1.2 CADANGAN PENGAWALAN TERHADAP KAWASAN ATAU TEMPAT LARANGAN SERTA PUSAT SASARAN NEGERI
- Kawasan atau Tempat Larangan
- Pusat Sasaran Negeri

GT1.3 CADANGAN PEMBENTUKAN KORIDOR EKOLOGI CFS *(CENTRAL FOREST SPINE-RANGKAIAN PRIMER)*
- Rizab Hidupan Liar
- *Central Forest Spine* –Rangkaian Primer

GT1.4 CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN RIZAB SUNGAI UTAMA
- Sungai dan Rizab Sungai

GT1.5 HAD SEMPADAN BANDAR

Lain-Lain:
- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI GT1

PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG

CADANGAN GT 1.1

CADANGAN LANGKAH KAWALAN DAN PEMELIHARAAN KAWASAN TADAHAN EMPANGAN

DESKRIPSI

i. Pengawalan pembangunan fizikal di kawasan empangan Machap dan Kahang.
ii. Kawasan empangan merupakan pusat sasaran penting negeri.
iii. Kawasan penampan 500 meter radius daripada kawasan sekitar.
iv. Garis panduan kawasan tadahan air.
v. Mengawal zon guna tanah pertanian bagi kawasan Empangan Machap dan Rizab Hutan Simpan bagi kawasan Empangan Kahang.
vi. Empangan merupakan pusat sasaran penting.

PEMULA

BAKAJ, JPS

PELAKSANA

BAKAJ, JPS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Mengawal aktiviti dan guna tanah semasa di kawasan tadahan empangan

SASARAN

Tiada pembangunan di kawasan penampan 500 meter, kawalan penuh daripada aktiviti mencemar

SDG LC SC

Jadual 5.1 : Luas Empangan dan Kawasan Tadahan

EMPANGAN	KAWASAN TADAHAN	KAWASAN EMPANGAN
Empangan Kahang	2,766 Hektar	5.20 km2
Empangan Machap	8,530 Hektar	9.90 km2

Sumber: Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), 2019



Foto : Keadaan Empangan Machap dan Empangan Kahang.

Jadual 5.2 : Garis Panduan Kawasan Penampan

KAWASAN	GARIS PANDUAN
Kawasan penampan *(Buffer zone)* ***Rujuk Rajah 5.2***	1. Zon penampan 500 meter dari sempadan kawasan empangan (bersempadan dengan tanah kerajaan atau hutan simpanan kekal). 2. Tiada sebarang pembangunan dibenarkan di kawasan ini. 3. Tanaman yang dibenarkan hanyalah belukar. Walaubagaimanapun, tanaman kelapa sawit sedia ada di kawasan empangan adalah bersifat sementara dan perlu dilupuskan. 4. Bahan kumbahan, buangan kediaman, industri dan sebagainya dilarang dialirkan terus ke dalam sungai. Bahan kumbahan hendaklah dirawat terlebih dahulu sehingga ke Kelas II sebelum dialirkan keluar ke dalam *outlet* utama terlebih dahulu. 5. Piawaian/ standard yang digunakan ke atas efluen daripada kumbahan adalah Piawaian A atau Piawaian B daripada Jadual Ketiga, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-efluen Perindustrian) 1979. 6. Semua pembangunan di luar zon penampan adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan umum sedia ada.

Sumber
: Garis Panduan Perancangan Negeri Johor, 2019
: Garis Panduan Perancangan pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Kawasan Tadahan Air, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2017

DRAFT

Jadual 5.3 : Garis Panduan Kawasan Tadahan Empangan

KAWASAN	GARIS PANDUAN
Kawasan tadahan empangan ***Rujuk Rajah 5.2*** ***Pertanian berskala kecil** ialah tanaman kontan atau tanaman masa singkat yang meliputi 2 hektar dan ke bawah, sebagai pendapatan sampingan para petani dan pekebun kecil. Ini adalah kerana, jika empangan tersebut memerlukan naiktaraf atau pembesaran kawasan, ianya tidak melibatkan kos serta pampasan yang besar. Atau jika kerajaan terpaksa menggunakan kawasan tersebut atas dasar-dasar keselamatan, ianya tidak melibatkan syarikat atau Industri yang besar seperti kelapa sawit atau buahan tanaman kekal. *Sumber : Jabatan Pertanian, 2020*	**Tanah Kerajaan** 1. Aktiviti pembangunan /pembalakan / perladangan/ industri/ pertanian/ perlombongan pasir/ pengkuarian/ penternakan tidak dibenarkan. 2. Kualiti air tasik perlu berada dalam Kelas I atau Kelas II mengikut Indeks Kualiti Air Kebangsaan. 3. Kemudahan pengolahan kumbahan (loji rawatan kumbahan) dan tapak pelupusan sampah dan tapak pelupusan sisa tidak dibenarkan dalam kawasan tadahan empangan (efluen atau larut resap *leachate* tidak dialirkan ke empangan) . 4. Sebarang pembalakan atau pengubahan hutan kepada kegunaan tanah yang lain di dalam kawasan tadahan empangan yang digunakan bagi bekalan air perbandaran, pengairan atau penjanaan kuasa hidro; kawasan yang bersebelahan atau berdekatan dengan mana-mana taman negeri, atau kawasan yang diwartakan sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] adalah tertakluk kepada Aktiviti 5(b) Perhutanan, dimana satu Kajian EIA Jadual Kedua perlu dijalankan dan perlu mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah sebelum sebarang kerja-kerja tanah dijalankan. **Tanah bermilik** 1. Aktiviti pembangunan/ pembalakan/ perladangan/ industri/ pertanian/ perlombongan pasir/ pengkuarian/ penternakan juga tidak dibenarkan. 2. Aktiviti pertanian berskala kecil dibenarkan bersyarat: • Perlu melaksanakan *Best Management Practices (BMPs)*. • Perlu melaksanakan *cut-off drain* dalam kawasan pertanian. • Perlu menyediakan kolam rawatan yang disambungkan kepada *cut-off drain*. • Kolam rawatan tersebut berfungsi untuk menghalang nutrien/efluen daripada masuk ke empangan/ tasik. • Kualiti air dari kolam rawatan yang dibenarkan untuk dialirkan ke sistem perparitan perlu mematuhi, *Parameter Ammonia* dan *Nitrate* kurang dari 10mg/L, *Total Phosphorus (TP)* kurang dari 0.65mg/L dan *Total Suspended Solids (TSS)* kurang dari 30mg/L. 3. Pembangunan berskala kecil dibenarkan dengan syarat: • Efluen dari loji rawatan kumbahan mesti mematuhi Standard A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. • Perlu melaksanakan *parameter drain* di kawasan pembangunan. • Perlu menyediakan kolam rawatan yang bersambung dengan *outlet* dari loji rawatan kumbahan dan *parameter drain* supaya kualiti air dari kolam rawatan ini mematuhi Standard A, Akta Kualiti Sekeliling 1974 dan *Parameter Ammonia* dan *Nitrate* kurang dari 10mg/L. • Menerapkan konsep pembangunan '*hutan bandar*' di kawasan pembangunan perlu dikekalkan dengan pelbagai komponen landskap yang berkonsepkan koleksi pepohon hutan tropika (*arboretum*).

Sumber
: Garis Panduan Perancangan Negeri Johor, 2019
: Garis Panduan Perancangan pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Kawasan Tadahan Air, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2017


Jadual 5.4 : Garis Panduan Tadahan Sekitar Takat Pengambilan Air

KAWASAN	GARIS PANDUAN
Kawasan sekitar takat pengambilan air ***Rujuk Rajah 5.2***	1. Mematuhi garis panduan pembangunan yang melibatkan sungai dan rizab sungai, JPS. 2. Memastikan air sisa tidak mengalir terus ke dalam sungai. 3. Tapak pelupusan sisa pepejal dan toksid tidak dibenarkan dalam kawasan tadahan takat pengambilan air. 4. Kualiti air dikekalkan tidak melebih kelas II mengikut Indeks Kualiti Air Kebangsaan. 5. Zon penampan hijau sekurang-kurangnya 50 meter perlu dikekalkan sepanjang sungai utama dan 5 km untuk kawasan hulu takat pengambilan air. 6. Tangki simpanan minyak (diesel) perlu mempunyai zon penampan sekurang-kurangnya 500 meter daripada sungai utama di kawasan hulu takat pengambilan air. 7. Pembangunan dan aktiviti sedia ada perlu dikenal pasti, dikawal selia dan diurus dengan rapi. 8. Pembangunan industri dibenarkan dengan syarat mengitar semula sekurang-kurangnya 20% daripada efluenya.

Sumber
: Garis Panduan Perancangan Negeri Johor, 2019
: Garis Panduan Perancangan pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Kawasan Tadahan Air, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2017

DRAFT

RAJAH 5.2 PEWARTAAN KAWASAN TADAHAN EMPANGAN MACHAP DAN KAHANG



Kawasan Empangan
Empangan merupakan suatu pembinaan yang melibatkan pewujudan jasad air dalaman yang besar. Fungsi empangan Machap sebagai tebatan banjir dan bekalan air bagi Simpang Renggam. Manakala empangan Kahang sebagai sumber bekalan air mentah bagi Daerah Kluang yang menggantikan empangan Sembrong Barat.

500 meter Zon Penampan
Tiada sebarang pembangunan dibenarkan di kawasan ini. Bagi kawasan ini, tanaman yang dibenarkan hanyalah belukar sahaja. Walaubagaimanapun, tanaman kelapa sawit sedia ada di kawasan empangan adalah bersifat sementara dan perlu dilupuskan.

Bagi empangan Kahang, kawasan ini merupakan kawasan Hutan Simpan Kluang serta kawasan kampung dan pertanian.

Kawasan Tadahan Empangan
merupakan kawasan yang menyumbang kepada kadar alir sungai. Kawasan tadahan empangan merupakan kawasan kawalan bagi Daerah Kluang. Ia merupakan kawasan air yang ditampung secara semula jadi atau secara buatan. Bagi empangan Machap sumber air di bahagian takat pengambilan air berpunca daripada Sungai Benut. Manakala, kawasan tadahan empangan merupakan kawasan Hutan Simpan Kluang.

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

➢ **Kawasan zon penampan 500 meter**

Zon ini perlu dibersihkan sepenuhnya daripada sebarang bentuk pembangunan dan dicadangkan dijalankan secara berperingkat. Di antara pembangunan sedia ada adalah :
Ternakan Ayam :

- 4 buah ladang ternakan ayam bersaiz besar yang telah beroperasi lama dan sebahagiannya telah berlesen
- Beberapa buah ladang ternakan bersaiz kecil

Pertanian :

- Tanaman kelapa sawit (melibatkan 1,506.23 hektar dalam kawasan 500 meter empangan) dan 317 lot (Rajah 5.4).
- Tanaman getah (anggaran 54 hektar – 30 lot)
- Dusun dan belukar (sebahagian kecil)

Petempatan :

- Sebahagian kawasan petempatan Machap berada di dalam zon pemisah 500 meter
- Tanaman kelapa sawit (melibatkan keluasan 1,506.23 hektar dalam kawasan 500 meter empangan) dan 317 lot (Rajah 5.4).
- Tanaman getah (anggaran 54 hektar – 30 lot)
- Dusun dan belukar (sebahagian kecil)

➢ **Kawasan tadahan bagi Empangan Machap**

Ternakan Ayam :

- Dianggarkan sekurang-kurangnya 11 buah ladang ternakan ayam bersaiz besar dan lebih 5 buah ladang saiz kecil terutama di kawasan tumpuan (Rajah 5.5) ini dimana sebahagiannya telah berlesen (Jadual 5.2)

Pertanian :

- Seluruh kawasan tadahan empangan telah menjadi tanah pertanian terutama kelapa sawit dan getah. Sebahagian FELDA AYER HITAM dan ladang swasta seperti Estet Sime Darby juga berada di kawasan tadahan empangan.
- Sebahagian kecil tanaman lain seperti sayuran, buah-buahan dan dusun


Perbandaran – sebahagian daripada Bandar Simpang Renggam berada di dalam kawasan tadahan empangan. Pengawalan air sisa dan efluen daripada aktiviti perbandaran seperti bengkel, restauran, perindustrian, perumahan dan LRK perlu dikawal agar mematuhi *standard efluen* bagi BOD, COD, Ammonia dan lain-lain di samping pengurusan sampah dan sisa pepejal yang berkesan.

Terdapat juga kawasan-kawasan perumahan yang terletak di dalam kawasan tadahan empangan.. Antaranya seperti berikut:

1. Felda Ayer Hitam (MPK)
2. Kampung Rahmat (MPK)
3. Kampung Melayu Batu 5 (MPK)
4. Taman Ria (MPK)
5. Taman Seri Andal (MPK)
6. Taman Murni Jaya (MDSR)
7. Kampung Pisang (MDSR)
8. Kampung Seri Machap (MDSR)
9. Kampung Mohd Amin (MDSR)
10. Kampung Parit Jepun (MDSR)


Walaubagaimanapun, tiada sebarang kawasan perumahan di dalam kawasan tadahan empangan Kahang. **Rujuk rajah 5.3.**

Rajah 5.3: Kawasan Empangan Machap dengan Pembangunan Sekitar.



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 5.4 KAWASAN TADAHAN EMPANGAN MACHAP DAN EMPANGAN KAHANG SERTA JENIS TANAMAN



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Berikut merupakan sebahagian senarai pengusaha dan syarikat yang menjalankan aktiviti penternakan ayam di sekitar kawasan tadahan empangan berdasarkan status dan permit reban tersebut. Rujuk Rajah 5.3 bagi lokasi ternakan ayam di dalam kawasan tadahan empangan.


Jadual 5.5 : Sebahagian Senarai Pengusaha dan Syarikat yang Menjalankan Aktiviti Penternakan di Sekitar Kawasan Tadahan Empangan

BIL	NAMA PENGUSAHA /SYARIKAT	LOKASI LADANG	KAPASITI LADANG	JENIS/BIL REBAN		LUAS (Hektar)	BIL Kolam Kumbahan	STATUS/ PERMIT REBAN				Gred	
				Terbuka	Tertutup			Lesen JPV	Lulus Kebenaran Merancang	Status tanah/ perubahan lain (Pertaian/ lain-lain)	MYGAP	2019	2020
1	Gesing Group Sdn Bhd	Lot. 1129, Kg Pisang Mukim Renggam Kluang, Johor	70,000	0	3	4	1			Ternakan Ayam	✓	B	B
2	KIM Farm Sdn Bhd (B)	Lot. 1318, Batu 52, Jalan Johor Machap, Mukim Machap, Kluang, Johor.	140,000	0	7	6	1		✓	Ternakan Ayam		B	B
3	KIM Farm Sdn Bhd (D)	Lot. 2486, Mukim Renggam, Kluang, Johor	60,000	5	3	4	1		✓	Ternakan Ayam		C	C
4	Leong Hup Agro Business S.B	Lot. 74 &75 Kg Pisang Bukit Keremoiyang Jalan Johor Ayer Hitam, Mk Renggam, Kluang, Johor.	120,000	17	0	4.4	tiada		✓	Ternakan Ayam		C	C
5	KIM FARM SDN BHD (G)	Lot 605 & 1765 Kg Pisang Bukit Keremoiyang Jln Johor Ayer Hitam, Mk Renggam 86300 Kluang,	180,000	0	9	6	tiada		✓	Ternakan Ayam		B	B
6	Zenxin Agriculture Sdn Bhd	Lot 664, 665, 666, 667, 684, dan 684A Batu 3 Jalan Batu Pahat Kluang Kluang, Johor	400,000	0	24	4	tiada			Ternakan Ayam	✓	A	A
7	Zenxin Agriculture Sdn Bhd	Lot 2773, 2774, 2833, 2838, 2841, 3031, 3093, 2778 Batu 6 Jalan Batu Pahat Kluang, Kluang, Johor.	340,000	0	34	7	1			Ternakan Ayam	✓	A	A
8	Gesing Group Sdn Bhd	Lot 1091 - 1092 Batu 49 Kg Pisang Mukim Renggam Kluang Johor	60,000	0	6	8.8	1			Ternakan Ayam	✓	B	B
9	Henritex (M) Sdn Bhd	Lot 1551, 1552, 1546, 1548, 1549 Batu 49 Kg Pisang Mukim Renggam Kluang	1,000,000	0	17	9	3			Ternakan Ayam	✓	B	B
10	Gesing Group Sdn Bhd	Lot 1091-1092 Bt 49 Kg Pisang Mk Regam	80,000	0	8	8.8	1			Ternakan Ayam	✓	A	A
11	Gesing Group Sdn Bhd	Lot. 977, Jalan Air Hitam, Kg. Pisang, Mukim Renggam,86300 Kluang	90,000	11	0	6	tiada			Ternakan Ayam	✓	C	C

Sumber : Jabatan Veterinar Daerah Kluang, 2019-2020

DRAF

RAJAH 5.5 KAWASAN TADAHAN EMPANGAN MACHAP DAN EMPANGAN KAHANG SERTA LOKASI TERNAKAN AYAM



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI GT1

PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG

CADANGAN GT 1.2

CADANGAN PENGAWALAN TERHADAP KAWASAN ATAU TEMPAT LARANGAN DAN PUSAT SASARAN PENTING NEGERI

DESKRIPSI

i. Pengawalan terhadap kawasan larangan, tempat larangan dan pusat sasaran penting dari sebarang pembangunan dan aktiviti yang dibenarkan.
ii. Senarai lokasi / tempat larangan dan pusat sasaran penting diwartakan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (AKTA 298).
iii. Bagi pusat sasaran penting, zon penampan bagi empangan Kahang dan Machap adalah 500 meter.

PEMULA

BAKAJ, JPS, TNB, ATM

PELAKSANA

MPK, MDSR, BAKAJ, JPS, TNB, ATM

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Mengawal aktiviti dan guna tanah semasa di kawasan atau tempat larangan dan pusat sasaran penting negeri

SASARAN

Kawasan larangan, tempat larangan serta pusat sasaran penting dan sekitar dikawal menjelang 2030

SDG LC SC

Rajah 5.6: Lokasi Kawasan/ Tempat Larangan dan Pusat Sasaran Penting Negeri



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 5.6: Senarai Kawasan/ Tempat Larangan dan Pusat Sasaran Penting Negeri

STATUS	LOKASI	PENAMPAN
Kawasan/ tempat larangan	BN 5 PGA Simpang Renggam	-
	Kem Depoh Peluru 73 KOD, Kluang	750 meter
	Kem Lapangan Terbang Tentera Kangkar, Mukim Kahang *(Dropping zone)*	-
	Lapang Sasar Menembak Klasifikasi Jalan Mersing, Kluang	500 meter
	Kem Mahkota Kluang	-
	501 Kem Wataniah	-
	Water Supply, Pump House, Simpang Renggam dan Renggam	-
	Loji Pembersihan Air Kluang, Batu 3	-
	Pencawang Pemasukan Utama 132/66/11 KV Batu 1	-
	Microwave Radio Station, Gunung Lambak	-
	Telephone Radio Workshop, Jemaluang Mengkibol	-
	Kluang Telephone Exchange	-
	Ibusawat Telekom Kahang, Jemaluang, Simpang Renggam, Paloh, Layang-Layang, Renggam	-
	Service Reservoir Renggam	-
	Watering Point/ Engine Turntable/ Engine Shed in Rainway Yard	-
	Service Reservoir Paloh	-
	Water Supply Tratment Plant Paloh	-
	Water Supply Pump House Paloh	-
Pusat sasaran penting	1. Empangan Machap 2. Empangan Kahang	500 meter
	Stesen Gelombang Mikro Gunung Lambak	-

Sumber : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia, 2020

DRAF

STRATEGI GT1

PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG

CADANGAN GT 1.3

CADANGAN PEMBENTUKAN KORIDOR EKOLOGI CFS *(CENTRAL FOREST SPINE-RANGKAIAN PRIMER)*

DESKRIPSI

i. Merupakan koridor ekologi yang melibatkan HSK Labis Timur-HSK Mersing, HSK Lenggor (Daerah Mersing dan Kluang).
ii. Pengekalan Rizab Hidupan Liar dan kawasan sekitar yang menjadi ancaman kepada hidupan liar.
iii. Pengambilan balik tanah individu kepada Rizab Hidupan Liar bagi mengurangkan konflik di antara hidupan liar dan manusia kerana hidupan liar menggunakan koridor CFS ini sebagai kawasan berkeliaran.
iv. *Reforestation* bagi pembentukan hutan semulajadi.
v. Pembangunan infrastruktur lintasan hidupan liar.

PEMULA

PERHILITAN, PTD, PTG, Jabatan Perhutanan Daerah Kluang dan Mersing

PELAKSANA

PERHILITAN, PTD, PTG, Jabatan Perhutanan Daerah Kluang dan Mersing

ANGGARAN KOS

RM 24,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Menghadkan perluasan kawasan pertanian di koridor ekologi atau HSK serta kawasan berhampiran

SASARAN

Mewujudkan penyambungan hutan bagi pengekalan koridor Rizab Hidupan Liar menjelang 2030

SDG LC SC

Rajah 5.7: Lingkaran Central Forest Spine – Rangkaian Primer bagi Daerah Kluang








Sumber : Central Forest Spine Final Report II, 2009

RAJAH 5.8 CADANGAN PENAMBAHAN KAWASAN RIZAB HIDUPAN LIAR (*CENTRAL FOREST SPINE- RANGKAIAN PRIMER*)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI GT1

PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG

CADANGAN GT 1.4

CADANGAN PENGEKALAN KAWASAN RIZAB SUNGAI UTAMA

DESKRIPSI

i. Mengawal pembangunan di sepanjang rizab sungai utama seperti Sungai Sembrong, Sungai Paloh, Sungai Yah, Sungai Melantai, Sungai Mengkibol, Sungai Ulu Benut, Sungai Sayong, Sungai Sembrong Kiri.
ii. Membolehkan tindakan penguatkuasaan, pemantauan dan pemulihan dijalankan.
iii. Memelihara sungai daripada buangan, efluen dan sampah sarap yang akan memberi kesan kepada kualiti air sungai, persekitaran dan biodiversiti.
iv. Antara komponen: mendalamkan sungai, mengorek kelodak (Desilting works) dan pembersihan am secara berkala.

PEMULA
MPK, MDSR, JPS, PTD

PELAKSANA
MPK, MDSR, JPS

ANGGARAN KOS
Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN
☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL
Bagi pengawalan rizab sungai daripada pencerobohan

SASARAN
Sungai sebagai nadi utama semulajadi bagi Daerah Kluang

SDG LC SC

Jadual 5.7: Garis Panduan Umum Pembangunan di Kawasan Rizab Sungai

KOMPONEN/ PARAMETER	JUSTIFIKASI SYARAT PEMBANGUNAN
1. Rizab Sungai	• Kawasan rizab tumbuhan semula jadi • Aktiviti yang dibenarkan: Riadah dan rekreasi • Syarat pembangunan: Tiada struktur binaan kekal kecuali pembangunan berimpak rendah dan pembinaan *boardwalk* digalakkan • Pembinaan jeti mestilah mendapat kelulusan pihak berkaitan dan lokasi yang tidak menyebabkan hakisan • Sebarang pembinaan terapung hendaklah mendapat ulasan pihak berkaitan
2. Koridor Sungai	• Tumbuhan dan elemen semula jadi • Kawasan riadah dan rekreasi • Aktiviti ekopelancongan • Aktiviti yang dibenarkan: Laluan keluar masuk kenderaan ringan • Syarat pembangunan: Hanya 6 meter dibenarkan • Penyediaan sistem pengairan dan saliran seperti parit/ longkang memerlukan *landscape treatment*

Sumber : Garis Panduan dan Piawaian Negeri Johor, 2019

Jadual 5.8 : Lebaran Laluan Air Dan Keperluan Kelebaran Rizab Sungai

LEBAR LALUAN AIR ANTARA TEBING	KEPERLUAN KELEBARAN RIZAB SUNGAI
> 40 Meter	50 Meter
20 – 40 Meter	*40 Meter*
10-20 Meter	*20 Meter*
5-10 Meter	*10 Meter*
< 5 Meter	*5 Meter*

Sumber : Garis Panduan dan Piawaian Negeri Johor, 2019

Rajah 5.9 : Ilustrasi Keratan Rentas Pembangunan di Kawasan Rizab Sungai



Sumber : Garis Panduan dan Piawaian Negeri Johor, 2019

DRAF

Jadual 5.9: Senarai Rizab Jajaran Sungai Utama Daerah Kluang

MUARA SUNGAI	NAMA SUNGAI	PANJANG (KM)	LEBAR (M)	RIZAB SUNGAI		JUMLAH KESELURUHAN	CATATAN
				Kanan	Kiri		
Laut Cina Selatan (Lembangan Sungai Endau)	Sg Sembrong Besar (Sub 1)	12.50	38	40	40	118	Dari hulu pertemuan Kuala Sungai Mengkibol dan Sungai Paloh.
		42.50	70	50	50	170	Hingga sempadan Daerah Mersing.
	Sg. Mengkibol (Sub 2)	4.00	35	40	40	115	Dari Kuala Di Hulu Sungai Semberong Besar ke Kuala Sungai Melantai.
		7.75	30	40	40	110	Dari pertemuan Kuala Sungai Melantai ke sempadan Ladang Kluang.
		13.25	12	20	20	52	Dari sempadan Ladang Kluang hingga ke Ulu Sungai
	Sg Melantai (Sub 3)	2.00	31	40	40	102	Dari kuala di Sungai Mengkibol hingga ke ulu sungai.
	Sg Paloh (Sub 2)	2.80	37.5	40	40	115	Dari kuala di Sungai Seberong Besar hingga ke ulu sungai.
		9.80	30	40	40	100	
		8.40	20	40	40	100	
	Sg Yah (sub 3)	6.00	30	40	40	100	Dari kuala di Sungai Paloh.
		6.00	17	20	20	54	
Laut Cina Selatan (Lembangan Sungai Endau)	Sg Sembrong Kecil (Sub 2)	6.20	30	40	40	110	Dari Kuala di Sungai Semberong Besar hingga ke ulu sungai.
		6.30	28	40	40	108	
		10.00	20	40	40	100	
Selat Melaka (Lembangan Sungai Benut)	Sg. Ulu Benut (Sub 2)	10.80	11	20	20	51	Dari Kuala di Sungai Benut hingga ke ulu sungai
Selat Johor (Lembangan Sg Johor)	Sg Sayong (Sub 2)	39.30	20	40	40	100	rtn 000 dari muara Sungai Pengeli sampai ke muara Sungai Belitong 10.3km. rtn 001 dari muara Sungai Belitong hingga ke muara Sungai Remis 12.5km. rtn 003 dari Kampung Baharu ke Renggam 6.21km.
Selat Melaka (Lembangan Sg. Batu Pahat)	Sg Sembrong Barat (sub 3)	10.20	17	20	20	57	Dari sempadan daerah hingga ke ulu sungai/Sungai Sri lalang


Sumber : Rizab Warta Sungai Johor, 2011, Jabatan Pengairan dan Saliran

KEPENTINGAN PEWARTAAN RIZAB SUNGAI

1. Rizab sungai bertindak sebagai penampan di antara sungai dan tanah yang bersebelahan dengannya bagi melindungi sungai dari aktiviti yang tidak diingini yang boleh menjejaskan fungsi sungai tersebut.
2. Perkara ini telah dikenal pasti sejak dari dahulu lagi, dan berikutan dengan itu, jaluran tanah yang bersebelahan dengan sungai dikekalkan sebagai tanah Negeri, sebagai rizab sungai walaupun berkemungkinan ianya belum diwartakan.
3. Tindakan mengisytiharkan rizab sungai telah disebut di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara (KTN) dan Seksyen 62 mengikut Majlis Sumber Air Kebangsaan.
4. Menurut Kanun Tanah Negara, Rizab Tanah bermaksud tanah yang disimpan 1-7 pada masa berkenaan bagi tujuan kegunaan awam berdasarkan kepada undang-undang yang dibenarkan di dalam Seksyen 62 atau dari mana-mana undang-undang tanah yang terdahulu.
5. Pembangunan dan aktiviti-aktiviti yang tidak terkawal sama ada secara sah atau tidak menyebabkan laluan semula jadi sungai mengalami kemerosotan secara beransur-ansur sebagai laluan yang membawa air dan sedimen, menyebabkan tebing sungai menjadi tidak stabil. Ini telah menyebabkan lebih kerap berlakunya banjir pada kawasan persekitaran berhampiran dengan sungai tersebut.

DRAF

RAJAH 5.10 SISTEM SALIRAN DAN RIZAB SUNGAI



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI GT1

PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG

CADANGAN GT 1.5

CADANGAN PENGAWALAN PENTERNAKAN DAN PERTANIAN MELALUI KEBENARAN MERANCANG PERTANIAN

DESKRIPSI

i. Menambahbaik proses permohonan perlesenan dan pembangunan pertanian terutama berskala besar, separa komersil dan komersil.
ii. Mengawal pembangunan pertanian terutamanya ternakan ayam agar mematuhi kehendak perselenan dan pematuhan efluen pencemaran.
iii. Memelihara sungai iaitu memastikan efluen daripada perladangan ini bebas daripada pencemaran buangan, efluen dan sampah sarap yang akan memberi kesan kepada kualiti air sungai, persekitaran dan biodiversiti.

PEMULA

MPK, MDSR, JPV, JPS, PTD

PELAKSANA

MPK, MDSR, JPV

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Pengawalan pencemaran daripada kegiatanpertanian terutama penternakan ayam

SASARAN

Ternakan ayam tertutup berlesen dan terkawal menjelang tahun 2025

SDG LC SC

Salah satu kaedah bagi memelihara kawasan tadahan empangan adalah dengan pengawalan perancangan yang ketat terhadap pembangunan tanah pertanian bagi terutama aktiviti ternakan ayam di sekitar kawasan tersebut. **Permohonan Kebenaran Merancang (KM) Untuk Pertanian (Ternakan Ayam)** perlu dikuatkuasakan bagi SEMUA pengusaha ternakan ayam terutama bersaiz komersil dan separa komersil. Pelaksanaan ini perlu dibuat secara berhemah dan berperingkat dengan mengambilkira kepentingan industri penternakan dalam hala tuju ekonomi pertanian dan jaminan makanan. **Memandangkan Daerah Kluang adalah merupakan kawasan tadahan air Negeri Johor, penguatkuasaan yang berkesan perlu dilaksanakan bagi mengawal pencemaran terutamanya air dan udara**.

Aktiviti pertanian merupakan guna tanah dominan di Daerah Kluang, tetapi hanya empat ladang telah menghantar permohonan KM bagi aktiviti tersebut. Kesan daripada isu ini, wujudnya kawasan-kawasan ternakan ayam yang tidak terancang dan tidak terkawal khususnya dari aspek perancangan tapak terutama di kawasan Empangan Machap.

Kategori pembangunan tanah pertanian yang perlu KM adalah seperti berikut:-

- Semua penternakan ayam tanpa mengira saiz bagi ternakan ayam daging dan penelur
- Dalam Fasa 1, keutamaan adalah ladang komersil dan separa komersil mengikut tafsiran Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
- Pembukaan kawasan pertanian baru;
- Perubahan jenis pertanian jangka pendek;
- Tapak yang melibatkan kerja tanah.

Di samping permohonan KM, syarat-syarat ketetapan PTG dan kerajaan Negeri sebagaimana berikut :

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor telah mengeluarkan Pekeliling Bil. 10/2019 iaitu Perlaksanaan Permit Khas untuk Aktiviti Ternakan Ayam di atas Tanah Yang Tiada Kategori/Kategori Pertanian yang telah berkuatkuasa mulai 2 September 2019.

Pengusaha ternakan ayam secara haram atau baru perlu memohon PKTA kepada Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTGJ) manakala pembaharuan PKTA dipohon kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD). Syarat nyata tanah yang akan dikenakan kepada setiap permohonan yang disyorkan untuk kelulusan PKTA adalah "**tanah ini hendaklah digunakan untuk ternakan ayam dengan menggunakan sistem reban tertutup**"

Reban ayam tertutup ialah reban yang keseluruhan bahagiannya bertutup rapat kecuali pada bahagian udara keluar-masuk dan pengudaraan dalam reban yang terkawal. Pelaksanaan ketetapan REBAN AYAM TERTUTUP tersebut adalah disasarkan sempurna pada tahun 2025 di mana dijalankan bersepadu dengan permohonan KM Pertanian.

Pengenaan syarat nyata di atas sebagai punca kuasa kepada Pentadbiran Tanah untuk mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya tuan tanah gagal melaksanakan aktiviti ternakan ayam menggunakan sistem reban tertutup selaras dengan peruntukan Seksyen 127 hingga 130 Kanun Tanah Negara 1965. Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terlibat secara langsung untuk menilai kelulusan PKTA yang mana pensijilan MyGAP turut dijadikan sebagai pra-syarat permohonan.

DRAF

STRATEGI GT1

PEMBANGUNAN GUNA TANAH BERSEPADU DAN SEIMBANG

CADANGAN GT 1.6

HAD SEMPADAN BANDAR

DESKRIPSI

i. Menentukan had sempadan pembangunan di masa hadapan mengikut potensi setiap bandar.
ii. Mengatasi masalah rebakan bandar bagi mengawal pembangunan bandar Daerah Kluang lebih mampan.
iii. Memastikan pembangunan dan perkembangan bandar di Daerah Kluang dapat berlaku secara optimum, efektif dan ekonomik.
iv. Membangun dan memperkukuh ekonomi bandar –bandar di Daerah Kluang lebih berdaya saing.

PEMULA

MPK, MDSR, PLANMalaysia

PELAKSANA

MPK, MDSR, PLANMalaysia

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Penetapan sempadan bandar bagi mengatasi masalah rebakan bandar

SASARAN

Mencapai hierarki bandar yang ditetapkan dalam DPN 2 dan RSN Johor

LC SC

Jadual 5.10 : Justifikasi Pembentukan Had Sempadan Pembangunan

KONSEP SEMPADAN PEMBANGUNAN	JUSTIFIKASI
Sempadan Pertumbuhan Bandar/*Urban Growth Boundary* (UGB)	1. Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti sempadan bandar Daerah Kluang. 2. Potensi bagi setiap bandar diambil kira berdasarkan daripada kekuatan dan cabaran setiap bandar di Daerah Kluang. 3. Antara bandar yang terlibat dalam pembentukan sempadan bandar adalah Bandar Kluang, Bandar Simpang Renggam, Pusat-pusat petempatan utama seperti Paloh, Kahang, Renggam, Layang-Layang dan Machap. 4. Pembangunan bandar Daerah Kluang adalah lebih seimbang dengan suntikan ekonomi serta mewujudkan bandar yang lebih berdaya saing terutama di kawasan pusat petempatan utama Daerah Kluang.
Sempadan Pembendungan Bandar/*Urban Containment Boundary* (UCB)	1. UCB bertujuan membantu pihak PBT mengawal rebakan bandar serta melindungi kawasan pertanian utama dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). 2. Bagi Daerah Kluang, konsep UCB hanya digunakan mengikut radius (Bandar Utama 30km dan Bandar Tempatan 20km) bagi memastikan perkembangan bandar dapat dihadkan atau dibendung. 3. Pengekalan kawasan tanaman padi dan tanaman utama daerah seperti kelapa sawit dan getah serta KSAS perlu diutamakan bagi memelihara sumber semula jadi yang akan menjadi aset utama Daerah Kluang.

Sumber
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020
: Dasar Perbandaran Negara ke 2

8 Kriteria Had Sempadan Pembangunan Daerah Kluang

- ✓ Ciri-ciri fizikal Daerah Kluang seperti jajaran jalan utama dan sungai.
- ✓ Sempadan sedia ada berdasarkan RTD Kluang Pengubahan 2020.
- ✓ Kawasan potensi pembangunan atau pertumbuhan masa hadapan.
- ✓ Kawasan tepu bina berdasarkan cadangan komited dan cadangan guna tanah 2030.
- ✓ Sistem pengangkutan (Jalanraya, Keretapi, TOD dan Transit)
- ✓ Kawasan pentadbiran PBT (Kawasan Kawalan dan Operasi) bandar di Daerah Kluang.
- ✓ Kemudahan (Pendidikan, Keselamatan, Kesihatan, Sosial, Rekreasi, Keagamaan)
- ✓ Radius 5 km bagi Bandar Kluang dan Simpang Renggam (Bandar Utama), manakala 2.5 km radius bagi pusat petempatan utama (Bandar Tempatan) di Daerah Kluang.

DRAF


a. Pusat Wilayah Negeri – Bandar Kluang

- Bandar Kluang memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran Majlis Perbandaran Kluang, pusat perkhidmatan dan perumahan.
- Cadangan sempadan Bandar Kluang meliputi 5 km radius selaras dengan fungsinya sebagai Pusat Wilayah Negeri Daerah Kluang.
- Menjadi Zon Promosi Pembangunan (ZPP) dengan meningkatkan prestasi ekonomi dan mewujudkan peluang baharu dalam sektor perkhidmatan, industri, pertanian dan pelancongan.
- Penyediaan kemudahan ICT, rangkaian perhubungan dan infrastuktur yang bersesuaian untuk merangsang pertumbuhan dan mempercepatkan integrasi dan pengaruh kawasan sekitar.
- Pembangunan semula bandar *(Urban renewal)* dan pembangunan *infill* digalakkan di dalam kawasan ini.
- Populasi penduduk menjelang 2030 dianggarkan 67,413 orang.
- Kebanyakan projek utama dan berimpak tinggi kebanyakannya berada di dalam kawasan sempadan bandar sedia ada.

KRITERIA UTAMA SEMPADAN BANDAR :

- Projek-projek Komited Perumahan (Bandar Seri Impian, Sierra Heights dan Mengkibol)
- TOD kategori 2 Pusat Bandar Kluang dalam lingkungan maksimum 800 meter
- Cadangan komited landasan berkembar elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru dan stesen baru.
- Pembangunan komited koridor Kluang-Ayer Hitam, Kluang-Mersing dan Kluang -Bandar Tenggara.
- Pusat logistik Mengkibol.
- Penyelesaian isu banjir dan halangan KSAS.

Rajah 5.11: Had Sempadan Bandar Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


b. Pusat Separa Wilayah Negeri – Bandar Simpang Renggam

- Bandar Simpang Renggam merupakan bandar tempatan yang menyokong kepada bandar utama iaitu Bandar Kluang.
- Merupakan pusat pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam dan pusat perkhidmatan serta perumahan.
- Cadangan sempadan Bandar Simpang Renggam dan *Urban Growth Boundary* meliputi 5km selaras dengan fungsinya sebagai Pusat Separa Wilayah Negeri Daerah Kluang.
- Penduduk dianggarkan 3,215 orang menjelang 2030.
- Pembangunan lebih tertumpu di sepanjang jalan utama dengan koridor 400 meter berhadapan jalan utama.
- Terdapat kawasan keselamatan penting negeri seperti **Penjara Simpang Renggam** dan **Pasukan Gerakan Am (PGA)** Simpang Renggam. .

KRITERIA UTAMA SEMPADAN BANDAR:

- Pewartaan dan pemeliharaan **kawasan tadahan empangan.**
- Kemudahan institusi Penjara Simpang Renggam dan PGA yang memberi tekanan pembangunan Simpang Renggam-Renggam.
- Cadangan infrastruktur dan utiliti perindustrian 4.0.
- Pembangunan komited perumahan, komersial dan perindustrian yang terdiri daripada industri ringan dan sederhana, kilang sesebuah dan Taman Perindustrian Simpang Renggam fasa 2.
- Potensi pembangunan dan suntikan pembangunan di koridor Simpang Renggam-Sedenak di mana kawasan ini berada dalam lingkungan UCB 20 km.

Rajah 5.12: Had Sempadan Bandar Simpang Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


c. Pusat Petempatan Utama – Pekan Paloh

- Cadangan sempadan Pekan Paloh meliputi radius 2.5km adalah selaras dengan fungsi Pekan Paloh sebagai Pusat Petempatan Utama di Daerah Kluang.
- Merupakan pusat perdagangan dan pekhidmatan bertaraf sederhana.
- Pusat Bandar berpotensi diketengahkan sebagai pelancongan warisan.
- Pusat pengumpulan pertanian sedia ada
- Fungsi TOD kelas 3 atau 4 pada masa hadapan (Perhentian Stesen EDT).
- Anggaran populasi penduduk adalah 4,128 orang menjelang 2030.
- Kawasan perumahan utama tertumpu di dalam kawasan UGB antaranya Taman Paloh, Taman Murni, Taman Melanti dan Kampung Muhibbah.
- Pembangunan semula bandar *(Urban renewal)* dan pembangunan *infill* digalakkan.
- Pekan Paloh bersempadan dengan Daerah Segamat dan Batu Pahat yang merupakan **pintu masuk** dari arah utara Daerah Kluang, menjadi pemangkin kepada pembangunan masa hadapan.

KRITERIAN UTAMA SEMPADAN BANDAR :

- Cadangan komited **landasan berkembar elektrik (PLBE)** Gemas-Johor Bahru dan stesen baru.
- Perkembangan pembangunan yang sangat perlahan dengan kadar pertumbuhan kurang 1%.
- Oleh itu pengezonan pertanian diwujudkan di dalam sempadan UGB terutama di kawasan yang tidak mendapat aksesibiliti jalan dan infrastruktur (selatan sebelah keretapi) dan kawasan sekitar Sungai Paloh yang mudah banjir.

Rajah 5.13: Had Sempadan Pekan Paloh



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


d. Pusat Petempatan Utama –Pekan Kahang

- Fungsi utama Pekan Kahang sebagai pusat perdagangan dan pekhidmatan bertaraf sederhana.
- Merupakan pintu masuk dan keluar Daerah Kluang dari bahagian timur ke daerah bersempadan (Daerah Mersing).
- Bandar yang menyokong kepada pembangunan pelancongan eko seperti Taman Negara Endau Rompin (TNER).
- Pekan Kahang sebagai salah satu alternatif transit sebelum ke TNER.
- Pembangunan tertumpu di kawasan jalan utama dengan lingkungan 400 meter berhadapan jalan utama.
- Antara kawasan perumahan sedia ada di Pekan Kahang adalah Kampung Kahang Baharu, Taman Wawasan dan Taman Sri Kahang.
- Anggaran populasi penduduk sehingga tahun 2030 adalah 3,498 orang.

KRITERIA UTAMA SEMPADAN BANDAR :

- Penyediaan kemudahan setempat di pusat petempatan untuk tujuan transit (Pengangkutan- R&R). Antaranya ialah,
  - Pusat informasi pelancongan
  - Penjualan produk-produk tempatan
  - Perniagaan peralatan kemudahan pelancongan seperti peta, lampu suluh, topi, peralatan memancing, pakaian khusus dan sebagainya.
- Kawasan perkembangan aktiviti industri yang berasaskan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di koridor ke Kluang dan Mersing.
- Halangan anak sungai di selatan Kahang.
- Perkembangan pembangunan yang sangat perlahan dengan kadar pertumbuhan kurang 1%.
- Oleh itu pengezonan pertanian diwujudkan di dalam sempadan UGB terutama di kawasan sekitar anak sungai yang mudah banjir.

Rajah 5.14: Had Sempadan Pekan Kahang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


e. Pusat Petempatan Utama – Pekan Renggam

- Sempadan had pembangunan bagi kawasan Pekan Renggam adalah dalam lingkungan 2.5 km radius.
- Berfungsi sebagai pusat perdagangan dan pekhidmatan bertaraf sederhana.
- Sebuah pekan kecil yang tenang dan mempunyai tarikan tersendiri dengan sejarah dan peninggalan bangunan lama dan berpotensi diketengahkan sebagai pelancongan warisan . Antara lokasi yang dicadangkan adalah:
  - Deretan bangunan lama di Jalan Baru, Jalan Trus dan Jalan Station
  - Pejabat pos Renggam
  - Perigi Raja
  - Kuil Sri Murugan (100 tahun)
- Suntikan pembangunan dengan perancangan Bandar Belia yang pertama di Negeri Johor.
- Anggaran penduduk pusat petempatan Renggam sehingga tahun 2030 adalah 2,991 orang.

KRITERIA UTAMA SEMPADAN BANDAR :

- Potensi suntikan pembangunan cadangan Bandar Belia dengan penyediaan kemudahan seperti perumahan mampu milik belia, institusi pendidikan Tinggi dan TVET dan lain-lain.
- TOD kategori 3 Pekan Renggam dalam lingkungan 400-800 meter.
- Cadangan komited landasan berkembar elektrik (EDT) ke Johor Bahru dengan stesen baru di Renggam dijangka siap pada akhir tahun 2022. (masa perjalanan ke Johor Bahru kurang sejam sebagai potensi penawaran kediaman – bandar domitri)
- Perkembangan pembangunan semasa adalah sangat perlahan dengan kadar pertumbuhan kurang 0.5%.
- Berasaskan potensi cadangan Bandar Belia sempadan UGB mengambilkira pertumbuhan melebihi keperluan dan permintaan semasa perumahan bercampur.

Rajah 5.15 : Had Sempadan Pekan Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


f. Pusat Petempatan Utama – Pekan Layang-Layang

- Pekan Layang-Layang terletak bersempadan dengan Daerah Kulai (Sedenak).
- Kawasan kediaman lama kerana wujudnya stesen keretapi di samping limpahan pembangunan kawasan sempadan.
- Berfungsi sebagai pusat perdagangan dan pekhidmatan bertaraf sederhana di bawah pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam.
- Pusat perkhidmatan bagi petempatan sekitar seperti Kampung Murni Jaya dan Bukit Batu Kulaijaya (Daerah Kulai) dan lain-lain.
- Berpotensi sebagai TOD kategori 3 atau 4 pada masa hadapan dengan pembangunan cadangan komited landasan berkembar elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru dan stesen baru Layang-Layang.
- Anggaran jumlah populasi Pekan Layang-Layang adalah 2,453 orang pada tahun 2030.

KRITERIA UTAMA SEMPADAN BANDAR :

- TOD kategori 4 Pekan Layang-Layang dalam lingkungan 400 – 800 meter pada masa hadapan.
- Cadangan komited landasan berkembar elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru dan stesen baru Layang-Layang.
- Penyelarasan sempadan UGB dengan pembangunan bersempadan (kawasan perkedaian dan perumahan) serta pengezonan RTD Kulai (Penggantian) 2035.
- Persempadanan UGB juga mengambilkira halangan pembangunan semulajadi (sungai dan laluan keretapi)

Rajah 5.16: Had Sempadan Pekan Layang-Layang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAFT


g. Pusat Petempatan Utama –Pekan Machap

- Pekan kecil yang berpotensi dibangunkan dengan pembangunan industri ringan.
- Merupakan kawasan tadahan empangan di mana pembangunan perlu di kawal dan hanya pembangunan tertentu dibenarkan di kawasan ini.
- Berfungsi sebagai pusat petempatan utama Daerah Kluang yang memberi perkhidmatan dan perdagangan bertaraf sederhana.
- Berhampiran dengan susur keluar Machap (Lebuhraya Utara-Selatan).
- Mendapat limpahan fungsi Bandar Ayer Hitam yang menawarkan barangan-barangan terhad seperti produk seramik seperti Aw Potery.
- Penduduk dianggarkan 1,597 orang menjelang 2030.

KRITERIA UTAMA SEMPADAN BANDAR :

- Pemeliharaan kawasan zon pemisah (buffer) 500 meter empangan dan kawasan tadahan Empangan Machap menjadi halangan fiizikal utama pembangunan dan perkembangan pekan Machap ke arah utara.
- Perkembangan pembangunan yang sangat perlahan dengan kadar pertumbuhan kurang 0.5%.
- Oleh itu sempadan UGB mengambilkira halangan fizikal pembangunan terdiri daripada Lebuhraya Utara Selatan, Sungai Benut dan Empangan Machap.
- Perkembangan pusat bandar adalah terhad memandangkan penawaran perdagangan bertahap rendah dan dikelilingi kawasan perkampungan

Rajah 5.17: Had Sempadan Pekan Machap



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

5.2 PENGURUSAN ALAM SEKITAR, GEO BENCANA DAN PERHUTANAN

HALATUJU PEMBANGUNAN



Perlindungan KSAS Tahap 1,2 dan 3, sebagai rangka kerja utama perancangan dan kawalan guna tanah

Langkah *Preventive* bagi Geo Bencana

STRATEGI AS 1

PERLINDUNGAN DAN PEMELIHARAAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

- **AS1.1** Perlindungan Dan Pengekalan Sepenuhnya Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap I
- **AS1.2** Pembangunan Terhad Dengan Kawalan Ketat Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap II
- **AS1.3** Pembangunan Terkawal Di KSAS Tahap III

STRATEGI AS 2

PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN

- **AS2.1** Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu di Sg. Benut
- **AS2.2** Pengurusan Lembangan Bersepadu di Sg. Endau
- **AS2.3** Pengawalan Kawasan *Catchment Area* sebagai *Protected Area*
- **AS2.4** Cadangan Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti (PPP) di Sg. Benut kepada Kelas II
- **AS2.5** Pemantauan yang Berterusan dari segi Pematuhan terhadap Piawaian yang telah ditetapkan

STRATEGI AS 3

PENGAWALAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN AKTIVITI TERNAKAN AYAM DI LEMBANGAN SG BENUT

- **AS3.1** Mengezonkan Kawasan yang Sesuai untuk Ternakan Ayam

STRATEGI AS 4

KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN

- **AS4.1** Mengawal dan memantau operasi aktiviti perindustrian dari segi pelepasan efluen industri
- **AS4.2** Penutupan selamat tapak pelupusan CEP 1, Menaiktaraf kapasiti loji rawatan *leachate* dan pengukuhan benteng

STRATEGI AS 5

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER ASLI YANG MAMPAN DAN BERKEKALAN

- **AS5.1** Memantau Pengeluaran Hasil Mineral Bukan Logam (Mineral Industri) Seperti Lempung Dan Kaolin Di Kawasan Lembangan Sembrong Dan Ladang Kahang

STRATEGI AS 6

PENGURUSAN BENCANA BANJIR

- **AS6.1** Pengurusan Bencana Banjir Dari Segi Pencegahan, Kesediaan, Tindakan, Pemulihan serta Mengenal pasti Kawasan Yang Berisiko Banjir dan Mengadakan Pelan Amaran Banjir Dan Pelan Tindakan Banjir

DRAFT

Alam Sekitar, geo bencana dan perhutanan merupakan sektor utama dalam memastikan sumber semula jadi dipelihara dan dipulihara. Pengurusan alam sekitar perlu bagi mengawal dan mengenal pasti punca-punca utama pencemaran terutama di kawasan yang sensitif.


STRATEGI	CADANGAN
AS 1 PERLINDUNGAN DAN PEMELIHARAAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) merupakan kawasan yang perlu dilihat sebagai satu kesatuan ekosistem yang mempunyai fungsi penting untuk mengawal kesihatan alam sekitar dan kesejahteraan hidupan dan boleh terganggu dengan ketara oleh suatu pembangunan menyeluruh.	AS 1.1 Perlindungan Dan Pengekalan Sepenuhnya Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 AS 1.2 Pembangunan Terhad Dengan Kawalan Ketat Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Ksas) Tahap II AS 1.3 Pembangunan Terkawal Di KSAS Tahap III
AS 2 PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN Kualiti air berdasarkan lembangan sungai di Daerah Kluang memerlukan kawalan mengikut piawaian yang ditetapkan memandangkan kualiti air pada tahun 2017 menunjukkan majoriti kualiti air sungai berada pada kategori Sederhana Tercemar. Piawai yang ditetapkan seperti Piawai Kualiti Air Kebangsaan dijadikan sebagai indikator.	AS 2.1 Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu di Sg. Benut AS 2.2 Pengurusan Lembangan Bersepadu di Sg. Endau AS 2.3 Pengawalan Kawasan *Catchment Area* sebagai Kawasan *Protected Area* AS 2.4 Cadangan Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti (PPP) di Sg. Benut kepada Kelas II AS 2.5 Pemantauan yang Berterusan dari segi Pematuhan terhadap Piawaian yang telah ditetapkan
AS 3 PENGAWALAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN AKTIVITI TERNAKAN AYAM DI LEMBANGAN SG BENUT Memastikan aktiviti ternakan ayam terutama yang majoritinya terletak di Lembangan Sg. Benut tidak menjadi punca kepada pencemaran berdasarkan kawalan dan pemantauan dari segi penyediaan zon penampan, sistem reban tertutup dan sisa buangan ternakan.	AS 3.1 Mengezonkan Kawasan yang Sesuai untuk Ternakan Ayam

DRAF

STRATEGI	CADANGAN
AS 4 KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN Kawalan terhadap aktiviti perindustrian dan tapak pelupusan yang menjadi potensi pencemaran di Daerah Kluang.	AS 4.1 Mengawal dan memantau operasi aktiviti perindustrian dari segi pelepasan efluen industri AS 4.2 Penutupan selamat tapak pelupusan CEP 1, menaiktaraf kapasiti loji rawatan *leachate* dan pengukuhan benteng
AS 5 PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER ASLI YANG MAMPAN DAN BERKEKALAN Pengurusan dan pembangunan sumber asli penting bagi memastikan sumber asli yang ada dapat digunakan dengan sebaiknya dan tidak membawa kepada kemusnahan alam sekitar.	AS 5.1 Memantau pengeluaran hasil mineral bukan logam (mineral industri) seperti lempung dan kaolin di kawasan lembangan Sembrong dan ladang Kahang
AS 6 PENGURUSAN BENCANA BANJIR Memastikan aktiviti ternakan ayam yang majoritinya terletak di lembangan Sg. Benut tidak menjadi punca kepada pencemaran berdasarkan kawalan dan pemantauan dari segi penyediaan zon penampan, sistem reban tertutup dan sisa buangan ternakan.	AS 6.1 Pengurusan Bencana Banjir Dari Segi Pencegahan, Kesediaan, Tindakan, Pemulihan serta Mengenalpasti Kawasan Yang Berisiko Banjir dan Mengadakan Pelan Amaran Banjir Dan Pelan Tindakan Banjir

DRAF

RAJAH 5.18 LOKASI TINDAKAN PERLINDUNGAN DAN PEMELIHARAAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS1

KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN

CADANGAN AS 1.1

PERLINDUNGAN DAN PENGEKALAN SEPENUHNYA KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) TAHAP 1

DESKRIPSI

Lokasi: Kawasan Pergunungan (>1000m), Hutan Simpan Yang Berfungsi Sebagai Tadahan Air, Kawalan Banjir, Hutan Dara, Hutan Pelajaran Dan Hutan Penyelidikan (Berdasarkan Akta Perhutanan Negara Pindaan 1993), Hutan Perlindungan Hidupan Liar Kawasan Koridor Ekologi Rizab Hidupan Liar Endau Kluang Dan Kawasan Yang Menjadi Zon Penampan Kepada Empangan

PEMULA

MPK, MDSR, Jabatan Perhutanan, JAS, JPS

PELAKSANA

MPK, MDSR, Jabatan Perhutanan, JAS, JPS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2020-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Melindungi dan mengekalkan KSAS Tahap I

SASARAN

Mengawal Aktiviti Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap I, Tahap II dan Tahap III

SDG LC SC

Rajah 5.19: KSAS Tahap I



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

KATEGORI KSAS

Tahap I

- Gunung Berlumut (1010 m).
- Hutan simpan Kluang
- Hutan Simpan Renggam
- Hutan Simpan Labis Timur
- Hutan Simpan Labis Tengah
- Hutan Simpan Lenggor
- Kawasan larangan dan pusat sasaran *(Rujuk Cadangan Pengawalan Terhadap Kawasan atau Tempat Larangan dan Pusat Sasaran Penting Negeri)*
- Empangan Machap termasuk 500 meter zon penampan
- Empangan Kahang termasuk 500 meter zon penampan dan sebahagian kawasan tadahan
- *Central Forest Spine (CFS)*
- Zon penanaman padi Kahang
- Rezab hidupan liar Endau Kluang.

i. Perlindungan dan pengekalan sepenuhnya kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) tahap 1 yang merangkumi kawasan pergunungan (>1000m), hutan simpan yang berfungsi sebagai tadahan air, kawalan banjir, hutan dara, hutan pelajaran dan hutan penyelidikan (berdasarkan Akta Perhutanan Negara Pindaan 1993), Hutan perlindungan hidupan liar kawasan koridor ekologi Rizab Hidupan Liar Endau Kluang dan kawasan yang menjadi zon penampan kepada empangan.

STRATEGI AS1

KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN

CADANGAN AS 1.2

PEMBANGUNAN TERHAD DENGAN KAWALAN KETAT KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) TAHAP II

DESKRIPSI

i. Pengeluaran kayu hanya dibenarkan di Kawasan KSAS Tahap 2 dibawah Sistem Pengurusan Memilih *(Selective Management System)* untuk perolehan berkekalan bagi menepati tujuan pemeliharaan alam sekitar dan dalam masa yang sama memenuhi keperluan kayu kayan untuk tujuan pembangunan ekonomi.

ii. Hanya pembangunan yang terhad kepada pembangunan yang berteraskan fungsi semulajadi dan bertujuan untuk memenuhi keperluan sokongan hidup dan kesejahteraan masyarakat sahaja dibenarkan dengan syarat – syarat yang ketat bagi mengelakkan risiko berlakunya geo-bencana.

PEMULA

MPK, MDSR, Jabatan Perhutanan, JAS, JPS

PELAKSANA

MPK, MDSR, Jabatan Perhutanan, JAS, JPS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2020-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Mewujudkan pembangunan terhad di KSAS Tahap II

SASARAN

Mengawal Aktiviti Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap I, Tahap II dan Tahap III

SDG LC SC

Rajah 5.20 : KSAS Tahap II



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

KATEGORI KSAS

Tahap II

- Gunung Chemedong (846 m).
- Bukit Seliseh (430 m).
- Kawasan tadahan Empangan Kahang (Luar KSAS 1)
- Kawasan tadahan Empangan Machap
- Kawasan tadahan Empangan Sembrong (Batu Pahat)
- Kawasan tadahan Empangan Jungli (Kota Tinggi)
- Kawasan tadahan Empangan Bekok (Segamat)
- Kawasan pertanian makanan (nanas, Mukim Ulu Benut)

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS 1

KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN

CADANGAN AS 1.3

PEMBANGUNAN TERKAWAL DI KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS) TAHAP III

DESKRIPSI

i. Hanya pembangunan terkawal dibenarkan di kawasan KSAS Tahap 3 dimana jenis dan intensiti pembangunan perlu mengambilkira sensitiviti dan halangan setempat.
ii. Mengawal pembukaan tanah di bahagian hulu sungai terutamanya yang telah dikenalpasti sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).
iii. Zon penampan hijau sekurang-kurangnya 50 meter perlu dikekalkan sepanjang sungai utama dan 5 km dari hulu takat pengambilan air. Zon penampan ini termasuk rizab sungai mengikut keperluan JPS serta kawasan hijau yang bertindak menapis pencemaran air larian permukaan.

PEMULA
MPK, MDSR, Jabatan Perhutanan, JAS, JPS

PELAKSANA
MPK, MDSR, Jabatan Perhutanan, JAS, JPS

ANGGARAN KOS
Mekanisme pelaksanaan sedia ada


FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Mewujudkan pembangunan terhad di KSAS Tahap III

SASARAN
Mengawal Aktiviti Pembangunan di Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap I, Tahap II dan Tahap III

SDG LC SC

Rajah 5.21 : KSAS Tahap III




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

KATEGORI KSAS

Tahap III
- Hutan Lipur di sebahagian HS Lenggor.
- Skim Pembekalan Air Sg. Kahang
- *Granite, Clay, Earth Material, Kaolin, Alluvium Sand, River Sand*
- Gua Gunung Rimau
- Air Terjun Sg. Yong
- Air Terjun Gunung Lambak
- Hutan Lipur Gunung Lambak
- Hutan Lipur Gunung Berlumut
- Hutan Lipur Ulu Sg. Yong
- UK Farm Agro Resort
- Zenxin Organic
- Rassuria Dairy Goat Farm
- Taman Tasik Kluang
- Taman Rekreasi Sg. Teminggol
- Zon Pertanian Bio-Teknologi dan Komoditi (Ayer Hitam - Simpang Renggam - Kluang)
- Kawasan risiko banjir

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 5.22 LOKASI PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN



PETUNJUK :

- AS2.1 CADANGAN PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU DI SG. BENUT
- AS2.2 CADANGAN PENGURUSAN LEMBANGAN BERSEPADU DI SG. ENDAU
- AS2.3 CADANGAN MEWARTAKAN KAWASAN CATCHMENT AREA SEBAGAI KAWASAN PROTECTED AREA
- AS2.4 CADANGAN PROGRAM PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN PENINGKATAN KUALITI (PPP) DI SG. BENUT KEPADA KELAS II
- AS2.5 CADANGAN PEMANTAUAN YANG BERTERUSAN DARI SEGI PEMATUHAN TERHADAP PIAWAIAN YANG TELAH DITETAPKAN

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS2

PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN

CADANGAN AS 2.1

PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU DI SG BENUT

DESKRIPSI

Lokasi: Lembangan Sg. Benut (Sg. Benut, Sg. Ulu Benut, Sg. Parit Hj. Hassan)

PEMULA

MPK, MDSR, JPS, JAS

PELAKSANA

MPK, MDSR, JPS, JAS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Memastikan bekalan air yang selamat untuk kegunaan bekalan minuman dan domestik

SASARAN

Pematuhan sekurang-kurangnya Kelas II, Piawaian Kualiti Air Sungai dan Piawai Bekalan Air Minuman

SDG SC

Rajah 5.23 : Lokasi Lembangan Sg. Benut



Sumber : Jabatan Alam Sekitar Putrajaya Bahagian Air dan Marin, 2019, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, 2019, Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2015 RT Daerah Kluang, 2030 (Penggantian)

i. Pengurusan lembangan sungai bersepadu di Sg Benut bagi meningkatkan kualiti air di sub lembangan Sg Ulu Benut yang menjadi punca bekalan air kepada LRA Simpang Renggam.
ii. Sg. Benut, Sg. Ulu Benut, Sg. Parit Hj. Hassan di lembangan Sg. Benut berada pada kategori Sederhana Tercemar dan Tercemar. Oleh itu, langkah-langkah pengawalan alam sekitar di peringkat perancangan dengan mempertingkatkan kawalan dari segi pelepasan bahan cemar yang berpunca daripada industri dan kumbahan bagi meminimakan pelepasan bahan-bahan pencemar yang boleh menurunkan kualiti air.
iii. Memastikan semua pemajuan tanah mematuhi pelan kerja tanah yang telah diluluskan dan mengunapakai Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) untuk sebarang projek pembangunan.
iv. Mencadangkan *Integrated River Basin Management* (IRBM) di Daerah Kluang.
v. Penyediaan zon penampan 50 meter bergantung kepada kelebaran sungai.



Foto : Lokasi di Sg. Ulu Benut.

STRATEGI AS 2

PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN

CADANGAN AS 2.2

PENGURUSAN LEMBANGAN BERSEPADU DI SUNGAI ENDAU

DESKRIPSI

Lokasi: Lembangan Sg. Endau (Sg. Mengkibol, Sg. Paloh, Sg. Semberong, Sg. Mamai, Sg. Melatai, Sg. Pamol, Sg. Singol, Sg. Jebong).

PEMULA

MPK, JPS, JAS

PELAKSANA

MPK, JPS, JAS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Memastikan bekalan air yang selamat untuk kegunaan bekalan minuman dan domestik

SASARAN

Pematuhan sekurang-kurangnya Kelas II, Piawaian Kualiti Air Sungai dan Piawai Bekalan Air Minuman

SDG SC

Rajah 5.24 : Lokasi Lembangan Sg. Endau



Sumber
: Jabatan Alam Sekitar Putrajaya Bahagian Air dan Marin, 2019,
: Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, 2019
: Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2015
: Kajian RT Daerah Kluang, 2030 (Penggantian), 2020

i. Pengurusan lembangan bersepadu di Sg Endau bagi meningkatkan kualiti air di Sg Mengkibol, Sg Paloh, Sg Sembrong, Sg Mamai, Sg Melatai, Sg. Pamol, Sg Singgol dan Sg Jebong.
ii. Melaksanakan projek-projek pemulihan sungai yang tercemar Sg. Semberong, Sg. Singol dan Sg. Jebong secara bersepadu melibatkan kawasan pembangunan di hulu sungai.
iii. Penyediaan zon penampan 50 meter bergantung kepada kelebaran sungai.
iv. Mengamalkan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu untuk mengawal pencemaran air supaya kualiti air sungai dapat dilindungi pada takat yang selamat untuk pelbagai kegunaan berfaedah mengikut piawaian-piawaian kualiti air yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kesihatan.
v. Mencadangkan *Integrated River Basin Management* (IRBM) di Daerah Kluang.



Foto : Lokasi di Sg. Mengkibol.

STRATEGI AS 2

PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN

CADANGAN AS 2.3

PENGAWALAN KAWASAN TADAHAN AIR SEBAGAI KAWASAN *'PROTECTED AREA'*

DESKRIPSI

Lokasi: Empangan Machap dan Empangan Kahang

i. Pembangunan baharu di luar kawasan sempadan bandar dalam kawasan tadahan air hendaklah:
   i. Membenarkan pembangunan perumahan berdensiti rendah sahaja.
   ii. Hanya aktiviti pernigaan dan perkhidmatan tertentu sahaja di benarkan di kawasan ini.
   iii. Aktiviti industri yang dibenarkan adalah jenis industri ringan dan perusahan kecil dan sederhana/ kotej industri.

PEMULA

JPS, JAS, Jabatan Perhutanan

PELAKSANA

JPS, JAS, Jabatan Perhutanan

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Memelihara kepentingan kawasan tadahan sebagai sumber bekalan air utama

SASARAN

Empangan bebas dari sebarang pencemaran air serta mampu membekalkan bekalan air bersih yang berterusan

SDG LC SC

Rajah 5.25: Lokasi Empangan Kahang dan Empangan Machap



Sumber
: Jabatan Alam Sekitar Putrajaya Bahagian Air dan Marin, 2019
: Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, 2019
: Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2015 RT Daerah Kluang, 2030 (Penggantian)

i. Pengawalan kawasan *catchment area* sebagai kawasan '*protected area*'.

ii. Membesarkan warta HSK Lenggor sebagai tadahan air disebabkan HSK Lenggor bukan sahaja menjadi tadahan air kepada Daerah Kluang tetapi juga Daerah Kota Tinggi.

iii. Untuk Empangan Machap dan Sg Benut kawasan di hulu perlu diwartakan sebagai kawasan tadahan air sebagai sumber bekalan air kepada Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam.

iv. Kualiti air bagi tadahan empangan perlu dikawal selia dari semasa ke semasa supaya berada di lingkungan Kelas I hingga II mengikut Piawaian Interim Kualiti Air.

v. Mengadakan pemantauan kualiti air empangan secara *real-time* di kawasan hulu empangan, dalam empangan dan hilir empangan.

vi. Empangan Kahang dan Empangan Machap adalah sasaran penting di Daerah Kluang kerana empangan ini berfungsi sebagai tadahan air dan kawalan banjir. Oleh itu, penyediaan zon kawalan pembangunan dan pemeliharaan kawasan tadahan di empangan ini penting bagi melindungi kualiti sumber air bersih dan menjaga tahap keselamatan empangan dari risiko bencana.

STRATEGI AS 2

PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN

CADANGAN AS 2.4

PROGRAM PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN PENINGKATAN KUALITI (PPP) SG. BENUT KEPADA KELAS II, (PIAWAI KUALITI AIR KEBANGSAAN)

DESKRIPSI

Lokasi: Sg. Melantai, Sg. Ulu Benut, Sg. Amran, Sg. Semberong, Sg. Sayong, Sg. Mengkibol, Sg. Jebong, Sg. Pamol, Sg. Singol dan Sg. Parit Hj. Yassin

PEMULA

MDSR, JPS, JAS

PELAKSANA

MDSR, JPS, JAS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Mewujudkan pengurusan lembangan sungai yang sistematik yang berada pada kategori tercemar-sederhana tercemar

SASARAN

Pematuhan Piawaian Kualiti Air Sungai dan Piawai Bekalan Air Minuman oleh Kementerian Kesihatan

SDG SC

Rajah 5.26 : Lokasi Sungai yang berada pada di Lembangan Sg. Benut



i. Pelan Kawalan Guna Tanah Bersepadu bersama MDSR dan Plan Malaysia@Johor.
ii. Program pencegahan pencemaran di lembangan Sg Benut yang berada pada kategori sungai-sungai tercemar-sederhana tercemar dan telah merekodkan kepekatan kandungan pencemar seperti Jumlah Pepejal Terampai (TSS), Ammoniakal Nitrogen (NH3-N) dan Keperluan Oksigen Biologi (BOD) yang tinggi.
iii. Program peningkatan kualiti air sungai di Lembangan Sg Benut.
iv. Program/rancangan tebatan banjir Sg Benut.

Sumber
: Jabatan Alam Sekitar Putrajaya Bahagian Air dan Marin, 2019
: Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, 2019
: Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2015
: Kajian RT Daerah Kluang, 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS 2

PENGURUSAN LEMBANGAN SUNGAI DAN PENGAWALAN KUALITI AIR MENGIKUT PIAWAI YANG DITETAPKAN

CADANGAN AS 2.5

PEMANTAUAN YANG BERTERUSAN DARI SEGI PEMATUHAN TERHADAP PIAWAIAN YANG TELAH DITETAPKAN

DESKRIPSI

Lokasi: Sg. Melantai, Sg. Ulu Benut, Sg. Amran, Sg. Semberong, Sg. Sayong, Sg. Mengkibol, Sg. Jebong, Sg. Pamol, Sg. Singol dan Sg. Parit Hj. Yassin

PEMULA

JAS, BAKAJ, JPS

PELAKSANA

MPK, MDSR, JAS, JPV, JPS, BAKAJ

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Memelihara kualiti air sungai di kawasan hulu muka sauk dan memastikan efluen perindustrian mematuhi piawaian

SASARAN

Pematuhan Piawaian Kualiti Air Sungai dan Piawai Bekalan Air Minuman oleh Kementerian Kesihatan

SC

Rajah 5.27 : Lokasi Perumahan, Premis Perindustrian dan Ternakan Ayam




i. Pemantauan yang berterusan dari segi pematuhan terhadap Piawaian yang telah ditetapkan untuk kualiti air sungai terutama di kawasan hulu muka sauk dan pemantauan terhadap pelepasan air kumbahan dan efluen perindustrian dari kawasan perumahan dan premis perindustrian terutama kilang baja, kilang kelapa sawit, kilang getah serta dari ternakan ayam.

ii. Pelepasan sisa kumbahan dari perumahan, industri dan *landfill* perlu mematuhi standard pelepasan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling 2009.

Sumber
: Jabatan Alam Sekitar Putrajaya Bahagian Air dan Marin, 2019
: Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, 2019
: Laporan Kualiti Alam Sekeliling, 2015
: Kajian RT Daerah Kluang, 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 5.28 LOKASI TINDAKAN PENGAWALAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN AKTIVITI TERNAKAN AYAM DI LEMBANGAN SG BENUT



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS 3

PENGAWALAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN AKTIVITI TERNAKAN AYAM DI LEMBANGAN SG BENUT

CADANGAN AS 3.1

MENGEZONKAN SATU KAWASAN YANG SESUAI UNTUK TERNAKAN AYAM

DESKRIPSI

Lokasi: Sg. Melantai, Sg. Ulu Benut, Sg. Amran, Sg. Semberong, Sg. Sayong, Sg. Mengkibol, Sg. Jebong, Sg. Pamol, Sg. Singol dan Sg. Parit Hj Yassin.

i. Mengezonkan satu kawasan yang sesuai untuk ternakan ayam di satu kawasan yang berada di luar dari tadahan air Empangan Machap dan di luar dari hulu takat pengambilan air untuk Loji Rawatan Air (LRA) Simpang Renggam dan lain-lain.

PEMULA

MPK, JAS, JPV

PELAKSANA

MPK, JAS, JPV

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Memelihara kualiti air sungai di kawasan hulu muka sauk dan memastikan efluen perindustrian mematuhi piawaian

SASARAN

Pematuhan Piawaian Kualiti Air Sungai dan Piawai Bekalan Air Minuman oleh Kementerian Kesihatan

SDG SC

Rajah 5.29 : Cadangan Pengezonan Kawasan Ternakan Ayam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


i. Mengawal dan memantau aktiviti ternakan ayam dimana hanya ternakan ayam yang menggunakan sistem reban tertutup, berada di atas tanah berstatus pertanian (ternakan ayam), di luar kawasan pembangunan dan kawasan tadahan air serta mendapat lesen unggas dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor sahaja dibenarkan beroperasi. Operasi sementara hanya dibenarkan untuk 3 tahun yang pertama setelah mendapat Permit Khas Ternakan Ayam (PKTA) di kawasan yang belum ditukarsyarat.

ii. Mengambilkira aspek sisa buangan ternakan (cecair dan pepejal) termasuk kaedah rawatan fizikal dan biologi bagi memastikan tahap pelepasan akhir adalah mematuhi piawai yang dibenarkan, tidak menyebabkan bau busuk, pembiakan lalat, serangga dan mahkluk perosak.

iii. Memastikan zon penampan yang mencukupi dari sempadan reban ayam dan kawasan perindustrian lain dengan kawasan petempatan yang berdekatan.



RAJAH 5.30 LOKASI TINDAKAN KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN



PETUNJUK :

AS4.1 CADANGAN MENGAWAL DAN MEMANTAU OPERASI AKTIVITI PERINDUSTRIAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN

AS4.2 CADANGAN PENUTUPAN SELAMAT TAPAK PELUPUSAN CEP 1, MENAIKTARAF KAPASITI LOJI RAWATAN LEACHATE DAN PENGUKUHAN BENTENG

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS 4

KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN

CADANGAN AS 4.1

MENGAWAL DAN MEMANTAU OPERASI AKTIVITI PERINDUSTRIAN DARI SEGI PELEPASAN EFLUEN INDUSTRI

DESKRIPSI

Lokasi: Daerah Kluang

i. Mengawal dan memantau operasi aktiviti perindustrian dari segi pelepasan effluen industri supaya sentiasa patuh kepada Standad A, Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian), 2009.

PEMULA

MPK, JAS

PELAKSANA

MPK, JAS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Memastikan efluen perindustrian mematuhi piawaian

SASARAN

Memastikan semua jenis aktiviti perindustrian dan pertanian tidak mencemarkan (Pencemaran air, udara dan bunyi)

SDG SC

Rajah 5.31 : Lokasi Aktiviti Perindustrian



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

i. Menyediakan zon penampan yang mencukupi dari kawasan penerima sensitif seperti kawasan perumahan mengikut jenis industri.
ii. Kawalan efluen perindustrian perlu mengikut piawaian yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang bentuk pencemaran berlaku.
iii. Mengadakan inventori punca pencemaran air dari punca tetap dan punca tidak tetap, penguatkuasaan perundangan berkaitan dengan kumbahan dan efluen perindustrian di bawah Peraturan–peraturan Alam Sekeliling (PKAS) berkaitan dengan premis yang ditetapkan seperti kilang kelapa sawit dan getah serta premis yang bukan ditetapkan seperti industri pembuatan dan kawasan pertanian.



Foto : Potensi Pencemaran dari Perladangan Ayam, Ladang Kelapa Sawit dan Pembukaan Tanah.

DRAFT

STRATEGI AS 4

KAWALAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN TAPAK PELUPUSAN YANG BERPOTENSI MENCEMARKAN

CADANGAN AS 4.2

PENUTUPAN SELAMAT TAPAK PELUPUSAN CEP1, MENAIKTARAF KAPASITI LOJI RAWATAN *LEACHATE* DAN PENGUKUHAN BENTENG

DESKRIPSI

Lokasi: Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP1
Luas: 6.4 Hektar

i. Mengadakan rawatan dan mengambil langkah penutupan selamat di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP 1, menaiktaraf kapasiti loji rawatan leachate daripada 150m3 kepada 300m3/hari dan pengukuhan benteng di kolam takungan *leachate*.
ii. Rawatan tapisan gas ke udara perlu dirawat sebelum disalurkan/dilepaskan supaya tidak mencemarkan sistem semulajadi.
iii. Zon penampan 500 meter diperlukan bagi tapak pelupusan sisa pepejal dan tiada sebarang aktiviti selain komersial dan industri.

PEMULA

MDSR, JPPSPAN, JAS

PELAKSANA

MDSR, JPPSPAN, JAS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Mewujudkan penutupan selamat Tapak Pelupusan CEP1

SASARAN

Pematuhan standard khusus kawalan pencemaran dari Tapak Pelupusan Sisa Pepejal CEP 1 sebelum dilepaskan ke badan air

SDG SC

Rajah 5.32 : Lokasi Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP 1




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

iv. Memastikan *leachate* telah dirawat dengan sempurna terlebih dahulu dengan pematuhan standard-standard khusus kawalan pencemaran dari tapak pelupusan sisa pepejal sebelum dilepaskan ke badan air yang berdekatan sebelum memasuki ke Sg. Ulu Benut.



Foto : Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP 1.

RAJAH 5.33 LOKASI TINDAKAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER ASLI YANG MAMPAN DAN BERKEKALAN



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS 5

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER ASLI YANG MAMPAN DAN BERKEKALAN

CADANGAN AS 5.1

MEMANTAU PENGELUARAN HASIL MINERAL BUKAN LOGAM (MINERAL INDUSTRI) SEPERTI LEMPUNG DAN KAOLIN DI KAWASAN LEMBANGAN SEMBRONG DAN LADANG KAHANG

DESKRIPSI

i. Mengawal aktiviti lombong dan kuari dengan memberi lesen kepada individu/syarikat yang mempunyai lesen/permit melombong atau kuari setelah menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan mengambil langkah-langkah mitigasi mengatasi masalah hakisan tanah dan pemendapan sungai di kawasan hilir.

ii. Memantau pengeluaran hasil mineral bukan logam (mineral industri) seperti lempung dan kaolin di kawasan lembangan Sembrong dan Ladang Kahang hanya setelah potensi sumber seperti gred dan kegunaan serta jumlah telah dikenalpasti bagi menggalakkan industri berasaskan sumber tempatan secara mampan.

PEMULA

MPK, JMG

PELAKSANA

MPK, JMG

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Memelihara sumber asli yang mampan

SASARAN

Memastikan aktiviti pembangunan sumber mineral asli dapat diurus secara mampan mengikut keperluan alam sekitar


Rajah 5.34 : Lokasi Sumber Kaolin dan Lempung



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

RAJAH 5.35 LOKASI TINDAKAN PENGURUSAN BENCANA BANJIR



PETUNJUK :

AS6.1 CADANGAN PENGURUSAN BENCANA BANJIR DARI SEGI PENCEGAHAN, KESEDIAAN, TINDAKAN, PEMULIHAN SERTA MENGENALPASTI KAWASAN YANG BERISIKO BANJIR DAN MENGADAKAN PELAN AMARAN BANJIR DAN PELAN TINDAKAN BANJIR

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI AS 6

PENGURUSAN BENCANA BANJIR

CADANGAN AS 6.1

PENGURUSAN BENCANA BANJIR DENGAN MENGENALPASTI KAWASAN YANG BERISIKO BANJIR SERTA MENGADAKAN PELAN AMARAN BANJIR DAN PELAN TINDAKAN BANJIR

(Rujuk Bersama Cadangan IU 3.1)

DESKRIPSI

i. **Pencegahan Banjir –** Mewujudkan dasar dan pelan tindakan untuk melindungi kawasan tadahan air, lembangan sungai, dataran banjir dan muara sungai.

ii. **Kesediaan Banjir –** Menjalankan persampelan air dan sistem amaran awal di kawasan persampelan tetap untuk memantau kualiti air.

PEMULA

MKN, NADMA, MPK, MDSR, JPS

PELAKSANA

MKN, NADMA, MPK, MDSR, JPS

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mewujudkan pengurusan bencana banjir yang lebih komprehensif

SASARAN

Mengurangi impak banjir dari Empangan Machap dan banjir kilat dari limpahan air sungai

SDG SC

Jadual 5.11: Kawasan Berisiko Banjir Beserta Sungai yang Terlibat

BIL	SUNGAI YANG TERLIBAT	KAWASAN RISIKO BANJIR
1	Sg. Mengkibol	Kg. Mengkibol, Yap Tau Sah Jalan Sawi, Bandar Kluang, Kg. Melayu, Kg. Paya, Kg. Palembang Lama & Baru, Kg. Bentong, Jalan Mengkibol, Kg. Melayu Mardi, Jalan Hj. Manan, Kem Mahkota Kluang.
2	Sg. Sembrong Kecil	Kg. Sri Cahaya, Kg. Semberong Dalam, Kg. SC, Kg. Baru, Kg. Tengah Dalam, Taman Ilham, Taman Indah Jaya, Taman Dato Amar Diraja, Kg. Sembrong Kecil dan Kg. Tanah Runtuh.
3	Sg. Melatai	Kg. Bentong, Kawasan Industri Taman Sri Kilang & Taman Emas.
4	Sg. Machap	Kg. Sri Linau, Kg. SRI Maju Jaya & Kg. Isnin Maarof.
5	Sg. Kahang	Kg. Contoh, Kg. Sri Lukut, Ladang Mutiara, Ladang Tawing, Kg. Orang Asli, Kg. Sedohok, Kg. Pucur, Kg. Peroh, Kuala Sengka, Kg. Panjot, Kg. Tanah Runtuh, Kg. Kuala Sengka & Kg. Kenangan.
6	Sg. Sayong	Pekan Renggam, Kg. Baru Renggam, Kg. Tengah Renggam & Rumah Murah Renggam.
7	Sg. Benut	Jalan Simpang Renggam, Taman Rekamas 3, Taman Suria, Kg. Chakro, Kg. Shari, Kg. Pt. Ghana, Kg. Kolam Air, Kg. Pt. Salam, Kg. Paya Simpang Renggam & Empangan Machap.
8	Sg. Sayong	Pekan Layang-layang, Kg. Melayu Layang-laying, Kg. Tengah Layang-laying, Kg. Paya Layang-laying, Kg. Sg. Siam & Rumah Murah Layang-layang.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

iii. **Pemulihan Banjir –** Melakukan penghutanan semula ke atas semua tanah yang terbiar yang memenuhi standard antarabangsa bagi kawalan hakisan dan mendapan. Memperbanyak program penghijauan untuk mengimbangi perubahan bentuk muka bumi dan perubahan iklim.

iv. **Tadbir Urus Banjir –** Penguatkuasaan undang-undang pada seluruh peringkat untuk memberi komitmen dalam pemuliharaan biodiversiti.

v. Mengenalpasti kawasan yang berisiko banjir dan mengenalpasti tanda-tanda awal dan amaran awal banjir.

vi. Mengadakan pelan amaran banjir dan pelan tindakan banjir terutama di kawasan sepanjang lembangan Sg Benut dan Sg Mengkibol.

DRAFT

5.3 REKA BENTUK BANDAR DAN LANDSKAP

HALATUJU PEMBANGUNAN

H3 Pusat Bandar Hijau, Dinamik dan Kreatif berasaskan potensi dan memperkayakan biodiversiti di kawasan bandar (sungai, kawasan hijau)

STRATEGI BL 1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

- BL1.1 Pembangunan TOD 2 Bandar Kluang
- BL1.2 Linear Park kereta api Kluang
- BL1.3 Naik Taraf Taman Merdeka
- BL1.4 Laluan kreatif dan seni awam Bandar Kluang
- BL1.5 *Walkable* Bandar Kluang
- BL1.6 *Urban Infill* pusat Bandar Kluang
- BL1.7 Rejuvenasi perkampungan dalam bandar
- BL1.8 Rejuvenasi nodus utama Bandar Kluang
- BL1.9 *Mengkibol River Park*
- BL1.10 Penghutanan semula zon riparian Bandar Kluang
- BL1.11 Naik taraf Hutan Rekreasi Gunung Lambak

STRATEGI BL 2

MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

- BL2.1 *Linear Park* Simpang Renggam
- BL2.2 Naik taraf Taman Bandar Simpang Renggam
- BL2.3 Pengindahan Bandar Simpang Renggam
- BL2.4 *Walkable* Bandar Simpang Renggam
- BL2.5 Penghutanan semula zon riparian Bandar Simpang Renggam

STRATEGI BL 3

MEMBENTUK PUSAT PETEMPATAN UTAMA YANG INDAH DAN CERIA

- BL3.1 Pengindahan Pekan Kahang dan Paloh
- BL3.2 Pengindahan Pekan Renggam dan Layang-Layang
- BL3.2 Cadangan TOD 3 Renggam

DRAFT

Keunikan bandar melalui keindahan kawasan landskap dan rekreasi awam merupakan aset utama yang memberi kesan peningkatan biodiversiti dan memberi kesan positif kepada ekonomi tempatan secara tidak langsung iaitu melalui peningkatan kawasan tarikan pelancongan dan paling utama adalah peningkatan tahap kesihatan penduduk dari sudut fizikal, mental dan emosi.

STRATEGI

BL 1 MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

Pusat Bandar Kluang terdiri daripada kawasan tepu bina di mana majoriti pembangunan adalah binaan yang perlu diseimbangkan dengan elemen hijau bagi membentuk bandar yang sihat dan mampan. Selain itu ruang bandar juga perlu menawarkan ruang awam yang strategik bagi aktiviti sosial, budaya dan ekspresi kesenian awam. Peningkatan kehijauan bandar juga dalam masa yang sama dapat mengurangkan kesan pencemaran bunyi, udara, mengurangkan kesan *urban heat island* dan sekaligus mengurangkan kesan pembebasan karbon.

BL 2 MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

Imej Bandar Simpang Renggam sebagai bandar dalam taman dibentuk melalui penyediaan kawasan hijau di tengah bandar disamping memelihara aset semula jadi dalam bandar iaitu sungai. Dengan cara ini bandar Simpang Renggam mampu menjadi contoh kepada pembangunan bandar-bandar lain dalam mengoptimumkan guna tanah bagi pembangunan serta penyediaan kawasan hijau.

BL 3 MEMBENTUK PUSAT PETEMPATAN UTAMA YANG INDAH DAN CERIA

Pusat Petempatan Utama memainkan peranan dalam menyokong pembentukan imej Daerah Kluang secara keseluruhannya. Rejuvenasi dibeberapa kawasan utama mampu memberi kesan bandar yang kemas, bersih dan menarik.

CADANGAN


- BL 1.1 Pembangunan TOD 2 Bandar Kluang
- BL 1.2 Mengkibol *River Park*
- BL 1.3 *Linear Park* Kluang
- BL 1.4 Naik Taraf Taman Merdeka
- BL 1.5 Laluan Kreatif Dan Seni Awam Bandar Kluang
- BL 1.6 *Walkable* Bandar Kluang
- BL1.7 *Urban Infill* Pusat Bandar Kluang
- BL1.8 Rejuvenasi Perkampungan Dalam Bandar Kluang
- BL1.9 Rejuvenasi Nodus Utama Bandar Kluang
- BL1.10 Penghutanan Semula Zon Riparian Bandar Kluang
- BL1.11 Naik Taraf Hutan Rekreasi Gunung Lambak

- BL 2.1 *Linear Park* Simpang Renggam
- BL 2.2 Naik Taraf Taman Bandar Simpang Renggam
- BL 2.3 Pengindahan Landskap Bandar Simpang Renggam
- BL 2.4 *Walkable* Bandar Simpang Renggam
- BL 2.5 Penghutanan Semula Zon Riparian Simpang Renggam

- BL 3.1 Pengindahan Landskap Pekan Kahang Dan Paloh
- BL 3.2 Pengindahan Landskap Pekan Machap, Renggam Dan Layang-layang
- BL 3.3 Cadangan TOD 3 Renggam

DRAF

RAJAH 5.36 LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN REKA BENTUK BANDAR DAN LANDSKAP



PETUNJUK :

BL 1 MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

- BL1.1 PEMBANGUNAN TOD 2 BANDAR KLUANG
- BL1.2 MENGKIBOL RIVER PARK
- BL1.3 LINEAR PARK KLUANG
- BL1.4 NAIK TARAF TAMAN MERDEKA
- BL1.5 LALUAN KREATIF DAN SENI AWAM BANDAR KLUANG
- BL1.6 *WALKABLE* BANDAR KLUANG
- BL1.7 URBAN INFILL PUSAT BANDAR KLUANG
- BL1.8 REJUVENASI PERKAMPUNGAN DALAM BANDAR KLUANG
- BL1.9 REJUVENASI NODUS UTAMA BANDAR KLUANG
- BL1.10 PENGHUTANAN SEMULA ZON RIPARIAN BANDAR KLUANG
- BL1.11 NAIK TARAF HUTAN REKREASI GUNUNG LAMBAK

BL 2 MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

- BL2.1 LINEAR PARK SIMPANG RENGGAM
- BL2.2 NAIK TARAF TAMAN BANDAR SIMPANG RENGGAM
- BL2.3 PENGINDAHAN LANDSKAP BANDAR SIMPANG RENGGAM
- BL2.4 *WALKABLE* BANDAR SIMPANG RENGGAM
- BL2.5 PENGHUTANAN SEMULA ZON RIPARIAN SIMPANG RENGGAM

BL 3 MEMBENTUK PUSAT PETEMPATAN KECIL YANG INDAH DAN CERIA

- BL3.1 PENGINDAHAN LANDSKAP PEKAN KAHANG DAN PALOH
- BL3.2 PENGINDAHAN LANDSKAP PEKAN MACHAP RENGGAM DAN LAYANG-LAYANG
- BL3.3 PEMBANGUNAN TOD 3 RENGGAM


Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- 1 No Jalan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAFT

RAJAH 5.37 PELAN LOKASI CADANGAN REKA BENTUK BANDAR DAN LANDSKAP BANDAR KLUANG



Tema

Kluang Bandar Kreatif & Mampan

Ciri-ciri

- Bandar Rendah Karbon
- Bandar Selamat
- Bandar Mesra Pengguna
- Bandar Seni, Budaya dan Warisan

Fungsi

- Pusat Wilayah Negeri
- Pusat Bandar Kluang
- Pusat Perniagaan

Elemen Bandar

- Mengkibol *River Park*
- Laluan Seni Awam
- Taman Merdeka
- Taman *Linear* Keretapi Kluang
- Laluan Basikal dan Pejalan Kaki
- Bangunan Warisan
- Pembangunan *Infill*

Imej dan Identiti Bangunan

- Mengekalkan reka bentuk bangunan kolonial warisan di dalam zon warisan bandar disamping menggalakkan pembangunan baharu yang bercirikan moden dan hijau dengan identiti yang menarik dan berupaya menjadi mercu tanda baharu Bandar Kluang.
- Ciri-ciri reka bentuk hijau diterapkan di dalam rekaan bangunan samada *green wall, roof garden* mahupun taman poket.

Imej dan Idenititi Landskap

- Konsep tanaman tropika diutamakan bagi membolehkan tumbuhan yang ditanam sesuai dengan iklim tempatan.
- Tema warna oren, merah, kuning dan biru diberi keutamaan bagi penanaman tumbuhan berbunga iaitu selari dengan logo MPK.
- Cadangan pokok warisan iaitu kopi (*Cofee spp*) sebagai pokok rasmi Kluang
- Pengekalan pokok rasmi Bandar Kluang iaitu *Golden Penda* (*Xanthostemon Chrysanthus*)

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


Kluang Mall
N
Wedding Garden
Terminal Pengangkutan Kluang
Stesen ETS
Mengkibol River Park
Muzium Keretapi
Taman Merdeka
Linear Park Kluang
Shocar pokok Kopi
D
R


N
Infill
Infill
Pekan Rabu
A
F
Infill
Infill
Infill
Infill
Infill


DRAFT


DRAFT


CADANGAN KETINGGIAN BANGUNAN BANDAR KLUANG

- Kawalan ketinggian Pusat Bandar Kluang adalah dipengaruhi dengan konsep pembangunan TOD di mana pusat pembangunan adalah bermula di Stesen ETS Kluang.
- Ketinggian bangunan bermula di dalam kawasan Zon Pembangunan Transit 1 (ZPT 1) iaitu di dalam radius 0 - 400 meter dengan had ketinggian maksimum 18 tingkat, ZPT 2 (10 tingkat) dan ZPT 3 (5 tingkat). Rujuk Rajah 5.37.
- Ketinggian maksima bagi kawasan di dalam zon warisan adalah tidak melebihi 5 tingkat.



Foto : Contoh cadangan pembangunan dengan ketinggian.

Rajah 5.38: Cadangan Kawalan Ketinggian Bangunan Pusat Bandar Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


Kluang Mall
(3 tingkat)
Hotel Aneka
(11 tingkat)
Prime City
(13 Tingkat)
Bangunan
Warisan
(4 Tingkat)
Bangunan
Warisan
(2 Tingkat)
Bangunan
Warisan
Dewan Jubli
Intan Sultan
Ibrahim
DRAFT

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.1

PEMBANGUNAN TOD 2 BANDAR KLUANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Kluang**
ii. Mewujudkan kawasan perbandaran yang lebih teratur seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan penduduk.
iii. Merancakkan ekonomi bandar.
iv. Menghidupkan kawasan sekitar Stesen Keretapi Kluang dengan aktiviti perniagaan yang menjadi tarikan pelancong
v. Menerapkan elemen pembangunan rendah karbon dengan penyediaan laluan pejalan kaki, laluan sikal, tempat letak kenderaan sentral, pembangunan bercampur dan berintensiti tinggi.

PEMULA

MPK

PELAKSANA

MPK, Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Memberi nilai tambah dan daya maju pembangunan dengan perancangan aktiviti di kawasan TOD

SASARAN

Pembangunan bercampur dan peningkatan jumlah penduduk yang tinggal di dalam kawasan TOD

SDG LC SC

Rajah 5.39 : Konsep Pembangunan TOD



Situasi Semasa Perhubungan Nodus Pengangkutan

Di dalam lingkungan radius 200m

- Di antara nodus pengangkutan dan kemudahan pendidikan
- Di antara nodus pengangkutan

Walk2Ride* di Nodus *Transit

Di dalam lingkungan radius 400m

- Pengukuhan jaringan pengangkutan di sekitar Stesen ETS
- Menghubungkan hub komersial, perumahan, medan selera dan hiburan


Komponen cadangan :

i. Cadangan menaik taraf pembangunan komersial melalui galakan pembangunan *infill* di atas tanah kosong sedia ada.
ii. Jenis TOD 2 Kluang
iii. Transit Utama : Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM)
iv. Transit Sekunder : Bas ekpres, bas henti-henti dan teksi
v. Komposisi guna tanah dan luas lantai kasar:
   - Perumahan : tidak kurang 30%
   - Perniagaan : tidak lebih 60%
   - Kemudahan awam : tidak kurang 10%
v. Cadangan nisbah plot – 1:6
vi. Pembangunan yang digalakkan
   - Komersial
   - Pembangunan bercampur
   - Kediaman berdensiti sederhana dan tinggi
   - Kediaman mampu milik
   - Perniagaan runcit
   - Pejabat awam dan swasta
   - Restoran / kafe
   - Hiburan
   - *Park and Ride* / tempat letak kenderaan
   - Hotel atau tempat penginapan

Sumber : Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor, 2015-2045

DRAF

RAJAH 5.40 : CADANGAN PEMBANGUNAN TOD 2 BANDAR KLUANG



PETUNJUK :

- Cadangan TOD 2 Kluang
- Kawasan Perniagaan Semasa
- Kawasan Perniagaan Cadangan






Foto: Cadangan pembangunan bercampur sekitar TOD 2.

Cadangan sekitar kawasan TOD 2 Kluang

1. *Cadangan Stesen ETS*
2. *Cadangan muzium keretapi berdekatan Stesen Keretapi Kluang*
3. *Cadangan naik taraf Pasar Borong Lama*
4. *Cadangan muzium kopi, muzium Kluang, galeri seni dan pasar lorong*

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.2

CADANGAN MENGKIBOL *RIVER PARK*

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Rizab Sungai Mengkibol**
ii. **Panjang: 2.2 km**
iii. Potensi sungai dalam bandar sebagai jaringan hijau.
iv. Mewujudkan ruang aktif dan pasif bagi aktiviti rekreasi dan pelancongan bandar.
v. Memelihara dan memulihara sungai yang merupakan nadi kehidupan dan habitat flora dan fauna dengan peningkatan kualiti air dan persekitaran sungai yang baik dan bersih.
vi. Menyokong konsep bandar rendah karbon.

PEMULA

MPK, JPS, JLN

PELAKSANA

MPK, JPS, JLN

ANGGARAN KOS

RM 5,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Membentuk imej bandar yang baik dengan memelihara dan memulihara aset semula jadi

SASARAN

Sungai Mengkibol sebagai kawasan tarikan pelancongan antarabangsa

SDG LC SC

Rajah 5.41: Pelan Lokasi Cadangan Mengkibol *River Park*



Cadangan Komponen (Zon A):

1) Laluan pejalan kaki
2) Laluan basikal
3) *Garden Arbour* terpanjang di Malaysia (1 km)
4) Taman permainan
5) Gazebo
6) *Railling*
7) *Wedding Garden*
8) Dataran
9) Tempat letak kereta
10) Papan tanda
11) Laluan lintasan sikal dan pejalan kaki
12) Tempat letak basikal
13) Penambahbaikan imej bangunan hadap sungai
14) Arca atau monumen tarikan
15) Pencahayaan

Cadangan Komponen (Zon B):

1) Laluan pejalan kaki
2) Laluan Basikal
3) Laman Kopi Kluang
4) Dataran pasar Jelutong
5) Pencahayaan

Cadangan Penanaman

1) Kluster pokok Pulai *(Alstonia scholaris)*
2) Pokok hujan-hujan (*Samanea saman)*
3) *Golden Chain tree (Lophanthera lactescens)*
4) Bungai kertas *(Bougainvillea spp)*
5) *Kock's Bauhinia (Bauhinia kockiana)*
6) Pencahayaan



Foto: Ilustrasi cadangan laluan pejalan kaki dan basikal di sepanjang Sungai Mengkibol.

Komponen

1. Kelompok pokok Pulai (*Alstonia scholaris*)
2. Laluan pejalan kaki dan basikal (bahan poros)
3. Railing
4. *Gabian wall* (tembok penahan hakisan)



Foto: Sebelum.




Foto: Ilustrasi cadangan Mengkibo River Park dengan kemudahan laluan pejalan kaki, dan pengindahan kawasan tebing sungai.




Foto: Garden Harbour Terpanjang di Malaysia.



Foto: Ilustrasi Mengkibol River Park berhampiran Surau Almultaqa Bandar Kluang.

Komponen

1. Laluan pejalan kaki dan sikal
2. Jambatan
3. Pelantar / dek memancing
4. Ruang makan tepi sungai
5. *Railing* bermotifkan keluang
6. Pokok ornamen (*Lophanthera lactescens* / *Casia fistula*) Penanaman pokok renek seperti (*Caladium spp*)



Foto: Ilustrasi kawasan Mengkibol Parade dan Wedding Garden.

1. Laluan pejalan kaki dan basikal
2. *Wedding Garden*
3. Mengkibol *Parade*
4. Dataran
5. Gazebo

DRAF

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL 1.3

LINEAR PARK KLUANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Trek Keretapi lama Kluang**
ii. **Luas:** 10 hektar
iii. Menggunapakai kawasan landasan dan rizab kereta api lama sebagai potensi rangkaian hijau dengan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal serta taman rekreasi (*park*).
iv. Penyediaan ruang awam bagi aktiviti aktif dan pasif dan penceritaan sejarah Kluang.
v. Ruang selesa bagi aktiviti perarakan dan sambutan perayaan.
vi. Peningkatan imej bangunan berhadapan laluan keretapi dengan penerapan eleman warna dan pencahayaan yang menarik.
vii. Rejuvenasi bangunan Stesen Keretapi Kluang.

PEMULA

MPK, RAC, JLN

PELAKSANA

MPK, RAC, JLN

ANGGARAN KOS

RM 2,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Mewujudkan jaringan hijau dan menyokong pembangunan rendah karbon.

SASARAN

1.5 km laluan pejalan kaki dan basikal dan peningkatan imej kawasan taman pelancongan bandar.

SDG LC SC

Rajah 5.42: Lokasi Cadangan *Linear Park* Kluang



Cadangan Komponen:

1) Laluan pejalan kaki (1-2 meter lebar).
2) Laluan basikal (1.5 meter lebar).
3) Pengekalan trek kereta api bagi aktiviti pelancongan *bike train*.
4) Penyediaan elemen landskap kejur seperti kerusi taman, lampu taman, papan tanda informasi, tempat letak dan penyewaan basikal dan *railing*.
5) Elemen penanaman seperti *Coffee spp., Bauhinia kockiana, Pterocarpus indicus, Lophanthera lactescens, Hopea odorata* dan lain-lain pokok teduhan dan pokok ornamen.
6) Elemen keselamatan seperti: CCTV, papan tanda zon selamat, lampu isyarat melintas pejalan kaki dan railing pembahagi ruang pejalan kaki dan kenderaan.
7) Pencahayaan.



Foto: Peningkatan imej bangunan warisan yang menghadap Linear Park Kluang dengan mengecat semula bangunan dengan warna yang lebih menarik dan lebih menyerlah.



Foto: Sebelum.



Foto: Contoh bike rail yang digunakan sebagai tarikan pelancongan di Pulau Jeju Korea.



Foto: Penanaman pokok teduhan Golden Chain bagi mempertingkat imej kawasan Linear Park.



Komponen

1. Laluan pejalan kaki dan sikal
2. Lampu taman
3. Trek keretapi (*bike rail*)
4. Pokok teduhan dan ornamen (*Lophanthera lactescens & Arcahis pintoi*)

Foto: Ilustrasi cadangan linear park sebagai jaringan hijau yang berfungsi sebagai laluan selamat dan tarikan pelancongan pada masa akan datang.







Foto: Contoh penggunaan ruang bawah laluan ETS dengan elemen mural dan ruang santai.

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.4

CADANGAN NAIK TARAF TAMAN MERDEKA

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Taman Merdeka**
ii. Taman Merdeka mempunyai nilai sentimental kepada penduduk Kluang yang dahulunya dikenali sebagai "*fountain*" cadangan naik taraf taman ini akan memberi kesan peningkatan imej Zon Warisan Pusat Bandar Kluang.
iii. Cadangan naik taraf terdiri daripada penggunaan air mata air sebagai elemen tarikan, peningkatan landskap lembut, penerapan elemen arca sebagai elemen tarikan taman serta peningkatan elemen rekreasi seperti trek jogging dan kerusi taman yang pelbagai reka bentuk.

PEMULA
MPK, JLN

PELAKSANA
MPK, JLN

ANGGARAN KOS
RM 500,000

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Mempertingkat imej dan fungsi sedia ada Taman Merdeka yang merupakan kawasan tumpuan bandar

SASARAN
Kawasan tarikan bandar dan boleh dikunjungi pada setiap masa, selesa, dan selamat

SDG

Rajah 5.43 : Cadangan Naik Taraf Taman Merdeka



Komponen

1. Elemen air interaktif *dry fountain*
2. Penanaman pokok ornamen (*Fagraea fragrans, Xanthostemon Chrisanthus, Cofee spp*)
3. Elemen kreatif seperti monumen cahaya dengan konsep kluang.
4. Peralatan permainan dan perabot taman
   Pencahayaan



Foto : Dry fountain berupaya menjadi tarikan di waktu malam.







Foto : Contoh penyediaan komponen interaktif di Taman Merdeka.



Foto : Peningkatan elemen teduhan menjadikan kawasan Taman Merdeka selesa disamping menyejukkan kawasan Pusat Bandar Kluang.



Foto : Ilustrasi menunjukkan penambahbaikan kawasan Taman Merdeka dengan penambahan elemen mesra pengguna dan lebih interaktif.

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.5

LALUAN KREATIF DAN SENI AWAM BANDAR KLUANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Kluang**
ii. Memperluaskan lagi lokasi tarikan seni jalanan, mural dan arca di dalam kawasan bandar bagi menggalakkan aktiviti berjalan kaki di dalam bandar.
iii. Lorong belakang dan tepi bangunan digunakan sebagai ruang ekspresi kreativiti dan kesenian pemilik bangunan, PBT dan orang awam.
iv. Kesenian bertema sejarah dan budaya tempatan adalah digalakkan.

PEMULA

MPK, IPT

PELAKSANA

MPK, IPT, NGO, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 300,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Kesenian awam akan mempertingkat imej dan kebersihan kawasan persekitaran terutama lorong belakang dan tepi

SASARAN

Peningkatan imej dan kebersihan kawasan bandar

Rajah 5.44 : Lokasi Laluan Kreatif dan Seni Awam Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Komponen

- Pembersihan kawasan lorong belakang.
- Pembersihan longkang dan menutup. longkang dengan plastik tahan lasak *drain cover*.
- Pemasangan lampu lorong belakang dan tepi.
- Papan tanda informasi lukisan.
- Pencahayaan

Jadual 5.12 : Lokasi Elemen Seni Awam

No	Lokasi	Panjang (meter)
1.	Jalan Persiaran Dato Haji Ismail Hassan	*560*
2.	Jalan Persiaran Yayasan	*231*
3.	Lorong Belakang Jalan Syed Abdullah Sagaf	*77*
4.	Jalan Sultanah	*478*
5.	Lorong Belakang Jalan Dato Kapten Ahmad	*162*
6.	Lorong Belakang Jalan Mersing	*143*
7.	Jalan Omar	*231*
8.	Lorong Belakang Jalan Ciku	*67*
9.	Jalan Anggerik dan Jalan Cempaka	*477*
10	Lorong Belakang Jalan Ismail	*310*




Foto : Contoh cadangan seni jalanan dengan elemen warna , arca, monumen, dan mural.




Foto : Ilustrasi street art lorong tepi Jalan Duku yang merupakan penghubung laluan pejalan kaki dari Stesen ETS ke Mengkibol River Park.






Foto : Ilustrasi art street lorong belakang Jalan Dato Kapten Ahmad.





Foto : Ilustrasi art street lorong belakang Jalan Durian.



Nota:
Pada Awal tahun 1938, Kem Kluang telah dibina dan menempatkan pasukan helikopter Tentera Udara British (RAF) seterusnya apabila Jepun menawan Malaya kem ini telah menjadi penempatan Tentera Imperial Jepun.



Foto : Ilustrasi art street di perumahan flat Haji Manan.



Foto : Memperkukuh imej Bandar Perwira di dinding Flat Haji Manan sebagai imej Bandar Kluang ***(pintu masuk cadangan Stesen ETS)*** *dengan elemen mural bertemakan ketenteraan).*









Foto : Contoh imej ilustrasi atau seni lukisan berkaitan dengan ketenteraan yang boleh menimbulkan imej Bandar Perwira.

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.6

CADANGAN *WALKABLE* BANDAR KLUANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Kluang**
ii. **Panjang (meter): Rujuk Jadual 5.13**
iii. Mewujudkan laluan pejalan kaki dan basikal yang saling berhubung, selesa dan selamat di dalam kawasan pusat bandar.
iv. Menghubungkan laluan dengan kemudahan pengangkutan awam seperti stesen bas, hentian bas dan stesen kereta api serta nodus bandar dan kawasan tarikan.
v. Memastikan tiada objek yang menghalang di laluan seperti komponen infra dan tiang lampu atau tong sampah.

PEMULA

MPK, Swasta

PELAKSANA

MPK, Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Persekitaran bandar mesra pejalan kaki memberi impak positif kepada ekonomi, pelancongan, kesihatan dan mengurangkan kesesakan

SASARAN

40% kawasan dalam pusat bandar boleh dikunjungi dengan kemudahan laluan pejalan kaki dan basikal

SDG LC





Foto: Seni abstrak.

Cadangan Komponen:

1) Tempat rehat
2) Papan tanda
3) Penanaman pokok teduhan
4) Lintasan pejalan kaki
5) Lampu
6) *Railing* di kawasan berkelajuan tinggi
7) Laluan berbumbung di kawasan tiada teduhan
8) Arca / monumen tarikan
9) *Ramp*
10) Pencahayaan



Foto : Ilustrasi laluan lintasan pejalan kaki Jalan Rambutan.




Foto: Pembahagi laluan sikal.

Komponen

1. Lintasan pejalan kaki (*street art*)
2. Laluan sikal
3. Penghadang
4. Pokok teduhan (*Dalbergia oliveri*/ *Samanea saman*)
5. Lampu Isyarat berbunyi

RAJAH 5.45 : CADANGAN LOKASI LALUAN PEJALAN KAKI DAN LALUAN BASIKAL




Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 5.13: Senarai Laluan Pejalan Kaki Pusat Bandar Kluang


No	Nama Jalan	Jarak (m)
1	Jalan Durian	212.00
2	Jalan Durian	257.67
3	Jalan Duku	291.99
4	Lorong Kedai dan Jalan Durian	173.48
5	Lorong Kedai	155.09
6	Jalan Haji Manan dan Lorong Kedai	355.46
7	Jalan Dato Tan Seng Leong	762.27
8	Jalan Haji Manan	402.22
9	Jalan Sultanah	517.45
10	Jalan Station dan Jalan Sultanah	1320.00
11	Lorong Belakang Kedai	299.60
12	Lorong Tepi Kedai	275.59
13	Lorong Tepi Kedai	226.43
14	Jalan Mersing	248.87
15	Jalan Lambak	281.60
16	Jalan Wayang	245.43
17	Lorong Kedai	403.02
18	Jalan Melati	177.88
19	Jalan Kenanga	181.06
20	Jalan Cempaka	170.36
21	Jalan Anggerik	496.57
22	Jalan Penghulu Kasim	563.32
23	Jalan Kampung	363.13

Rajah 5.46 : Lokasi Cadangan Laluan Basikal Bandar Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Rajah 5.47 : Keratan rentas bagi laluan pejalan kaki dan basikal



Jadual 5.14: Senarai Laluan Gunasama Pusat Bandar Kluang

No	Nama Laluan	Kelebaran (m)	Jarak (m)
1	Laluan 1	3.00	5150.00
2	Laluan 2	3.00	2150.00
3	Laluan 3	3.00	713.28





Foto : Ilustrasi Jalan Durian dengan perletakan elemen seni dan penyediaan laluan pejalan kaki.

DRAFT

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.7

URBAN INFILL PUSAT BANDAR KLUANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Kluang**
ii. Pembangunan *infill* di dalam pusat bandar merupakan kawasan *infill* tanah kosong terutama bangunan dalam radius lingkungan 800 meter TOD.
iii. Berpotensi bagi pembangunan bercampur.
iv. Mempunyai ciri-ciri bangunan ikonik yang menjadi mercu tanda dan imej perbandaran Kluang
v. Potensi pembangunan pejabat baharu MPK, RTC dan lain-lain.

PEMULA

MPK

PELAKSANA

Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Memastikan pembangunan baharu dalam bandar memberi impak positif imej perbandaran

SASARAN

100% kawasan pembangunan baharu dalam bandar mempunyai ciri-ciri dan reka bentuk menarik

SDG SC

Rajah 5.48: Lokasi *Urban Infill*



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020



Foto : Bangunan dengan ciri-ciri mampan.



Foto : Konsep pembangunan bercampur.



*Foto : Galakan **Reka Bentuk Bangunan** yang ikonik di pusat bandar.*

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.8

REJUVENASI PERKAMPUNGAN DALAM BANDAR

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Kampung Masjid Lama**
ii. Kampung Melayu merupakan petempatan terawal di Kluang di mana perkampungan ini terletak di dalam pusat Bandar Kluang.
iii. Rejuvenasi perkampungan adalah bagi memberi nilai tambah kepada kawasan perkampungan di samping menjadi potensi pelancongan bandar.
iv. Memilih beberapa unit rumah yang mempunyai ciri-ciri reka bentuk bangunan tradisi Melayu dan memperindah kawasan.
v. Penanaman pokok teduhan di sepanjang jalan utama.

PEMULA

MPK, JPKK

PELAKSANA

MPK JPKK

ANGGARAN KOS

RM 1,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memelihara imej perkampungan dalam bandar yang merupakan aset budaya tempatan

SASARAN

Peningkatan imej bandar dan tarikan pelancongan baharu

Rajah 5.49 : Lokasi Rejuvenasi Perkampungan Dalam Bandar



Komponen cadangan;

i. Peningkatan imej perkampungan dengan menggalakkan penanaman pokok ornamen seperti *Bauhinia kockiana*, *Bougainvillea spp.* dan *Spathodea campanulata* serta pokok buah-buahan dan rempah.
ii. Membenarkan aktiviti perniagaan kecil-kecilan seperti penjualan kuih-muih, manisan dan lain-lain.
iii. Pencahayaan.

Komponen

1. Pengindahan landskap dan penyediaan laluan sikal
2. Penyediaan papan tanda masuk kawasan kampung

Komponen tarikan sedia ada

1. Restoran Bawah Kolong
2. D' Rumah Corner
3. Rumah tradisi



1



Foto : Contoh aktiviti sedia ada di beberapa lokasi berhampiran yang boleh dijadikan sebagai contoh tarikan identiti dan budaya.



Foto : Contoh aktiviti sedia ada di beberapa lokasi berhampiran yang boleh dijadikan sebagai contoh tarikan identiti dan budaya.

2







Foto : Ilustrasi penambahbaikan kawasan tarikan dengan pengindahan landskap.





Foto : Ilustrasi pintu masuk Kampung Melayu.



Komponen

1. *Areca catechu*
2. *Bauhinia Kockiana*



Foto : Ilustrasi cadangan pengindahan landskap Jalan Siantan.

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF CERIA DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.9

REJUVENASI NODUS UTAMA BANDAR KLUANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Kluang**
ii. Memastikan nodus utama dan budaya dapat memberi impak positif kepada imej dan identiti Bandar Kluang.
iii. Menjadikan kawasan ini tarikan pelancongan bandar.
iv. Cadangan pembangunan adalah pembaikan fasad luaran bangunan, penyediaan plak atau penyataan tarikh bangunan dibina, penyediaan laluan berbumbung dan mesra pengunjung pelbagai keupayaan.
v. Peningkatan fungsi bangunan bagi aktiviti perniagaan tempatan seperti IKS, produk pertanian dan ternakan.

PEMULA

MPK, Swasta, MAIJ, Persatuan Agama

PELAKSANA

MPK, Swasta, MAIJ, Persatuan Agama

ANGGARAN KOS

RM 1,500,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Membentuk imej Bandar Kluang yang baik dengan peningkatan imej nodus utama bandar

SASARAN

Nodus utama bandar sebahagian daripada elemen tarikan bandar

SDG

Rajah 5.50 : Lokasi Rejuvenasi Nodus Utama Bandar



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Senarai Bangunan

1. Stesen Keretapi Kluang
2. Pejabat Pos
3. Pejabat Kesihatan
4. Pekan Rabu
5. Terminal Pengangkutan Kluang
6. Tokong Budha
7. Surau Almutaqa
8. Masjid India
9. Gereja St Louis





Foto : Contoh decorative wall cladding.





Foto : Green wall.





Foto: Ilustrasi peningkatan imej bangunan Pekan Rabu.



Contoh Rejuvenasi Pekan Rabu

- Penambahbaikan imej reka bentuk landskap dan bangunan Pekan Rabu.
- Pembukaan kiosk agensi awam seperti Jabatan Pendaftaran Negara, PTPTN, JPJ dan lain-lain.
- Peningkatan *linkages* antara bangunan bersebelahan dengan kemudahan laluan pejalan kaki yang selesa dan selamat.



Foto: Ilustrasi peningkatan imej bangunan Pekan Rabu.

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF CERIA DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.10

PENGHUTANAN SEMULA ZON RIPARIAN BANDAR KLUANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Kluang**
ii. Program penanaman pokok di rizab sungai ***"BRING BACK OUR FOREST"***.
iii. Kerjasama antara NGO, pelajar, parti politik, universiti, penduduk dan badan kerajaan bagi menjalankan program penanaman semula tumbuhan riparian di sepanjang rizab sungai.
iv. Pemuliharaan semula kawasan rizab bagi memulihara habitan flora dan fauna yang telah hilang disebabkan pembangunan dan dalam masa yang sama bagi memelihara struktur tebing sungai secara semula jadi.
v. Mengurangkan kesan mendakan ke dalam dasar sungai yang menyebabkan air sungai cetek.

PEMULA

JAS, FRIM, JPS, MPK

PELAKSANA

FRIM, JPS, MPK, IPT

ANGGARAN KOS

RM 200,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Memulihara dan memelihara kawasan rizab sungai sebagai kawasan hutan riparian

SASARAN

30% kawasan sepanjang zon riparian di dalam Daerah Kluang diliputi tumbuhan riparian

SDG LC SC

Rajah 5.51: Lokasi Cadangan Penghutanan Semula Zon Riparian Bandar Kluang



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Senarai Sungai

1. Sungai Kluang
2. Sungai
3. Mengkibol
4. Sungai Lambak
5. Sungai Sembrong

Sungai Melantai

Jadual 5.15 : Senarai Cadangan *Pokok Riparian*

Famili	Spisies
• *Dilleniaceae*	• *Dillenia indica*
• *Lauraceae*	• *Cryptocarya nitens*
• *Leguminosae*	• *Saraca declimata*
	• *Saraca cauliflora*
• *Moraceae*	• *Ficus heterophylla*
	• *Ficus oligodon*
• *Polygalaceae*	• *Xanthophyllum lanceatum*
• *Rubiaceae*	• *Neolamarckia cadamba*
• *Sapindaceae*	• *Pometia pinnata*
• *Thelypteidaceae*	• *Pronephrium asperum*



Foto : Ficus oligodon.



Foto : Saraca cauliflora.



Foto : Ficus oligodon.




Foto : Keadaan semasa sungai di Daerah Kluang.



Foto : Melaleuca spp.



Foto : Xanthophyllum lanceatum.

Nota:
Cadangan akan mengambil kira lokasi bersesuaian bagi penyelenggaraan sungai berdasarkan persetujuan JPS sebelum program di jalankan

STRATEGI BL1

MEMBENTUK BANDAR KLUANG YANG KREATIF CERIA DAN MAMPAN

CADANGAN BL1.11

NAIK TARAF HUTAN REKREASI GUNUNG LAMBAK

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Hutan Rekreasi Gunung Lambak**
ii. Gunung Lambak merupakan aset pelancongan semula jadi yang menjadi tarikan penduduk tempatan dan luar. Kedudukannya berhampiran dengan kawasan Bandar Kluang menjadikan ia potensi mercu tanda Kluang yang perlu di ketengahkan.
iii. Komponen cadangan adalah tempat letak kereta tambahan, laluan pejalan kaki dari jalan utama ke kaki gunung, penyediaan saringan tahap kesihatan sebelum memulakan pendakian dan dek tinjau di puncak Gunung Lambak.

PEMULA

MPK

PELAKSANA

MPK

ANGGARAN KOS

RM 500,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Membentuk mercu tanda Kluang dan peningkatan kemudahan sokongan penggemar sukan lasak

SASARAN

Pengukuhan imej Bandar Kluang

SDG



Foto : Penyediaan pelantar tinjau di puncak Gunung Lambak.



Foto : Cadangan monumen Kluang di Gunung Lambak (kajian kesesuaian perlu dilakukan bagi membolehkan pembangunan dilaksana).




Foto : Contoh pengiklanan aktiviti sukan lasar Gunung Lambak di Lebuh Raya Utara Selatan.



Foto : Penanda aras pintu masuk dari jalan utama ke Bukit Timah Nature Reserve Singapura.

RAJAH 5.52 PELAN LOKASI CADANGAN REKA BENTUK BANDAR DAN LANDSKAP BANDAR SIMPANG RENGGAM



Tema

SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

Ciri-ciri

- Bandar Rendah Karbon
- Bandar Selamat
- Bandar Mesra Pengguna

Fungsi

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- Pusat Perniagaan

Elemen Bandar

- *Linear Park* Simpang Renggam
- Taman Bandar Simpang Renggam
- Laluan Basikal dan Pejalan Kaki

Imej dan Identiti Bangunan

- Penekanan rekaan yang bercirikan hijau dan mampan seperti *green wall, roof garden* dan lebih banyak ruang bagi landskap lembut.

Imej dan Identiti Landskap

- Konsep tanaman tropika diutamakan bagi membolehkan tumbuhan yang ditanam sesuai dengan iklim tempatan.
- Tema warna oren, merah, kuning dan biru diberi keutamaan bagi penanaman tumbuhan berbunga iaitu selari dengan logo MDSR .
- Berdasarkan Pelan Induk Landskap 2005-2015 pokok rasmi MDSR adalah *plumeria rubra*bagi mewujudkan ke seragaman antara PBT pokok ini juga dipilih sebagai pokok rasmi MDSR. Selain itu pokok warisan bagi Simpang Renggam adalah pokok Dalbergia.

(sumber: Jabatan perhutanan Negeri Johor)

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


CADANGAN KETINGGIAN BANGUNAN BANDAR SIMPANG RENGGAM

- Kepentingan dalam mengawal ketinggian bangunan di Bandar Simpang Renggam bertujuan membentuk satu latar bangunan yang kemas di masa akan datang.
- Tahap ketinggian yang dicadangkan bagi kawasan pusat Bandar Simpang Renggam adalah 10 tingkat bagi jarak 400 meter dari persimpangan Jalan Besar – Jalan Renggam.
- Bangunan paling tinggi di Bandar Simpang Renggam adalah 3 tingkat iaitu bangunan menghadap Jalan Besar.
- Dengan mengawal ketinggian bangunan di bandar Simpang Renggam dapat menyerlahkan lagi potensi Bandar Simpang Renggam.



Foto : Contoh cadangan pembangunan pada masa akan datang di Bandar Simpang Renggam.

Rajah 5.53 : Kawalan Ketinggian Bangunan Pusat Bandar Simpang Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAFT

STRATEGI BL2

MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

CADANGAN BL 2.1

LINEAR PARK SIMPANG RENGGAM

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Simpang Renggam**
ii. Potensi penyediaan jaringan hijau dalam bandar dan penyediaan ruang pejalan kaki dan basikal yang berhubung serta menarik.
iii. Peningkatan imej Bandar Simpang Renggam yang bersifat linear di sepanjang jalan utama.
iv. Penyediaan ruang pasif dalam kawasan bandar.
v. Komponen landskap lembut; *Samanea saman, Xanthostemon chrisanthus, Baugaivillea spp, Murraya paniculata.*
vi. Komponen landskap kejur; papan tanda Bandar Simpang Renggam, laluan pejalan kaki dan basikal, pondok rehat, gratting dan pencahayaan.

PEMULA

MDSR, JLN

PELAKSANA

MDSR, JLN

ANGGARAN KOS

RM 1,500,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mewudkan potensi jaringan hijau bandar

SASARAN

Peningkatan imej dan kehijauan kawasan bandar

SDG LC SC

Rajah 5.54: Pelan Lokasi Linear Park Simpang Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020



Komponen

1. Laluan
2. Penanaman teduhan (*Caesalpenia ferrea*)
3. Kerusi taman
4. Pokok ornamen (*Heliconia*)



Foto : Ilustrasi cadangan pembangunan linear Park Bandar Simpang Renggam.

STRATEGI BL2

MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

CADANGAN BL 2.2

NAIK TARAF TAMAN BANDAR SIMPANG RENGGAM

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Simpang Renggam**
ii. Mempertingkat fasiliti taman bandar agar dapat digunakan oleh penduduk di dalam lingkungan Bandar Simpang Renggam bagi aktiviti rekreasi dan acara berkala.
iii. Mempertingkatkan akses ke Taman Bandaran agar lebih jelas dan mudah untuk dikunjungi.
iv. Komponen cadangan; taman permainan, pentas persembahan, papan tanda masuk, dataran tai chi, pencahayaan dan lain-lain.
v. Menghubungkan Taman Bandar Simpang Renggam dengan laluan pejalan kaki dan basikal ke kawasan tumpuan berhampiran.

PEMULA

MDSR

PELAKSANA

MDSR, JLN

ANGGARAN KOS

RM 300,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Taman bandaran sedia ada mempunyai potensi sebagai kawasan tumpuan penduduk sekitar

SASARAN

Peningkatan kedatangan masyarakat bagi menggunakan kemudahan rekreasi di Taman Bandar Simpang Renggam

Rajah 5.55: Pelan Lokasi Taman Bandar Simpang Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020





Foto : Keadaan semasa Taman Bandaran Simpang Renggam.



Foto : Contoh ilustrasi cadangan Taman Bandaran dengan peningkatan kemudahan rekreasi dan fungsi.



Foto : Penyediaan elemen taman permainan yang pelbagai dan mempunyai impak tarikan kepada penduduk sekitar.

DRAFT

STRATEGI BL2

MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

CADANGAN BL 2.3

PENGINDAHAN LANDSKAP BANDAR SIMPANG RENGGAM

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Simpang Renggam**
ii. Mempertingkat elemen perabot jalan dan landskap lembut.
iii. Penerapan konsep hijau dengan peningkatan jumlah *green wall,* taman poket, *roof garden dan* pencahayaan.
iv. Peningkatan imej bangunan sedia ada dengan tanaman dan mengecat bangunan.
v. Pembersihan kawasan usang dan terbiar dalam bandar.
vi. Laluan *street art* dan monumen.

PEMULA

MDSR

PELAKSANA

MDSR, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 1,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)


RASIONAL

Membentuk imej dan rupa bandar dalam taman di kawasan Bandar Simpang Renggam

SASARAN

Bandar lebih kemas, indah dan ceria serta mempunyai daya tarikan

Rajah 5.56: Pelan Lokasi Pengindahan Bandar Simpang Renggam



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020



Foto : Contoh cadangan pengindahan kawasan pusat bandar Simpang Renggam.



Foto : Contoh cadangan reka bentuk pondok menunggu bas dengan konsep mampan.

STRATEGI BL2

MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

CADANGAN BL 2.4

CADANGAN *WALKABLE* BANDAR SIMPANG RENGGAM

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Simpang Renggam**
ii. Perluasan rangkaian laluan pejalan kaki dalam bandar dengan menyediakan infrastruktur pejalan kaki yang lebih baik seperti penyediaan laluan khas pejalan kaki, lampu jalan, lintasan pejalan kaki, teduhan, ramp, papan tanda, pencahayaan dan lain-lain.
iii. Penyediaan laluan adalah disediakan pada keadaan yang bersesuaian dengan tapak sama ada di hadapan fasad bangunan, lorong belakang, lorong sisi, rizab sungai atau parit.
iv. Menghubungkan kawasan tumpuan bandar sama ada pasar awam, stesen teksi dan bas, kawasan rekreasi dan lain-lain.

PEMULA

MDSR

PELAKSANA

MDSR

ANGGARAN KOS

RM 1,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Persekitaran bandar mesra pejalan kaki memberi impak positif kepada ekonomi, pelancongan, kesihatan dan mengurangkan kesesakan

SASARAN

40% kawasan dalam pusat bandar boleh dikunjungi melalui kemudahan pejalan kaki yang selesa dan selamat.

SDG



Foto : Ilustrasi penyediaan laluan basikal di tepi Parit Chokro.



Foto : Ilustrasi cadangan penyediaan laluan pejalan kaki di Jalan Melati




Foto : Penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal bandar.






Foto : Penyediaan elemen perabot jalan dan seni jalanan.

RAJAH 5.57 CADANGAN LOKASI LALUAN PEJALAN KAKI DAN LALUAN BASIKAL BANDAR SIMPANG RENGGAM



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Rajah 5.58 : Keratan rentas bagi laluan pejalan kaki dan basikal



Jadual 5.16 : Senarai Kelebaran Dan Jarak Laluan Basikal

Cadangan	Nama Laluan	Jarak (m)
Laluan Basikal	Jalan Simpang Renggam (J26)	3596.97
	Jalan Melati dan Tepi Sungai	2300.00
	Jalan Masjid Lama	875.37
Laluan Jalan Kaki	Jalan Simpang Renggam	1320.00
	Jalan Parit Hasim	550.00
	Jalan Melati	620.00

DRAF

STRATEGI BL2

MEMBENTUK BANDAR SIMPANG RENGGAM BANDAR DALAM TAMAN

CADANGAN BL 2.5

PENGHUTANAN SEMULA ZON RIPARIAN BANDAR SIMPANG RENGGAM

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pusat Bandar Simpang Renggam**
ii. Program penanaman pokok di rizab sungai *"bring back our forest"*.
iii. Kerjasama antara NGO, pelajar, parti politik, universiti, penduduk dan badan kerajaan bagi menjalankan program penanaman semula tumbuhan riparian di sepanjang rizab sungai.
iv. Pemuliharaan semula kawasan rizab adalah bagi memulihara habitat flora dan fauna yang telah hilang disebabkan pembangunan dan dalam masa yang sama bagi memelihara struktur tebing sungai secara semula jadi.
v. Mengurangkan kesan mendakan ke dalam dasar sungai.

PEMULA

FRIM, JPS, MDSR, NGO

PELAKSANA

FRIM, JPS, MDSR, NGO

ANGGARAN KOS

RM 200,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Memulihara dan memelihara kawasan rizab sungai sebagai kawasan hutan riparian

SASARAN

30% kawasan sepanjang zon riparian di dalam Daerah Kluang diliputi oleh tumbuhan riparian

SDG

Rajah 5.59: Lokasi Cadangan Penghutanan Semula Zon Riparian MDSR



Nota:
Cadangan akan mengambilkira lokasi bersesuaian bagi penyelenggaraan sungai berdasarkan persetujuan JPS sebelum program di jalankan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 5.17: Senarai Cadangan *Pokok Riparian*

Famili	Spisies
• *Dilleniaceae*	• *Dillenia indica*
• *Lauraceae*	• *Cryptocarya nitens*
• *Leguminosae*	• *Saraca declimata*
	• *Saraca cauliflora*
• *Moraceae*	• *Ficus heterophylla*
	• *Ficus oligodon*
• *Polygalaceae*	• *Xanthophyllum lanceatum*
• *Rubiaceae*	• *Neolamarckia cadamba*
• *Sapindaceae*	• *Pometia pinnata*
• *Thelypteidaceae*	• *Pronephrium asperum*







Foto : Melaleuca spp.



Foto : Xanthophyllum lanceatum.

STRATEGI BL3

MEMBENTUK PUSAT PETEMPATAN UTAMA INDAH DAN CERIA

CADANGAN BL 3.1

PENGINDAHAN LANDSKAP PEKAN KAHANG DAN PALOH

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pekan Kahang dan Paloh**
ii. Memastikan terdapat papan tanda kawasan yang selaras dengan reka bentuk keseluruhan kawasan Daerah Kluang.
iii. Penambahbaikan fasad bangunan yang menghadap jalan utama dengan komposisi warna yang menarik.
iv. Mengamalkan konsep *water sensitive urban design* (WSUD) di dalam reka bentuk pembangunan bandar.
v. Peningkatan landskap jalan dan pencahayaan.

PEMULA

MPK

PELAKSANA

MPK

ANGGARAN KOS

RM 300,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memastikan setiap PPU di Daerah Kluang mencerminkan imej bandar yang menarik dan kemas

SASARAN

PPU di Daerah Kluang menjadi contoh pekan kecil dan indah di Malaysia





Foto : Contoh ilustrasi jalan utama Pekan Paloh dengan penanaman pokok teduhan



Foto : Keadaan sedia ada Dataran Kahang.






Foto : Contoh monumen kesenian sebagai elemen interaktif dan point interest di Dataran Kahang serta naik taraf reka bentuk dataran

STRATEGI BL3

MEMBENTUK PUSAT PETEMPATAN UTAMA INDAH DAN CERIA

CADANGAN BL 3.2

PENGINDAHAN LANDSKAP PEKAN MACHAP, RENGGAM DAN LAYANG-LAYANG

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Pekan Layang-Layang dan Renggam**
ii. Memastikan terdapat papan tanda kawasan yang selaras dengan reka bentuk keseluruhan kawasan Daerah Kluang.
iii. Penambahbaikan fasad bangunan yang menghadap jalan utama dengan komposisi warna yang menarik.
iv. Pengindahan landskap sepanjang jalan utama Pusat Petempatan Utama (PPU) dan pencahayaan.
v. Mengamalkan konsep *water sensitive urban design* (WSUD) di dalam reka bentuk pembangunan bandar.

PEMULA

MDSR

PELAKSANA

MDSR

ANGGARAN KOS

RM 1,500,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Peningkatan imej dan karakter bandar dengan pengindahan lanskap di jalan utama

SASARAN

PPU di Daerah Kluang merupakan contoh PPU yang mempunyai imej dan karakter daerah yang jelas dan menarik.



Foto : Ilustrasi pengindahan lanskap Jalan Air Hitam di Machap.



Foto : Contoh ilustrasi pengindahan landskap Pekan Layang-layang.



Foto : Ilustrasi cadangan peningkatan komponen landskap yang lebih interaktif.



Foto : Ilustrasi cadangan peningkatan imej di Jalan Ibrahim.

STRATEGI BL3

MEMBENTUK PUSAT PETEMPATAN UTAMA INDAH DAN CERIA

CADANGAN BL 3.3

CADANGAN TOD 3 RENGGAM

DESKRIPSI

i. **Lokasi: Renggam**
ii. Kawasan TOD 3 ini mempunyai potensi untuk pembangunan berkepadatan dan berintensiti sederhana.
iii. Merancakkan pembangunan Pekan Renggam.
iv. Pembinaan Stesen ETS Renggam di jangka mampu memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi Pekan Renggam di samping membantu membentuk Bandar Belia pada masa akan datang.

PEMULA
MDSR, Swasta

PELAKSANA
MDSR, Swasta

ANGGARAN KOS
RM 20,000,000

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Memberi nilai tambah dan daya maju pembangunan dengan kerancangan aktiviti di kawasan TOD

SASARAN
Pembangunan bercampur dan peningkatan jumlah penduduk yang tinggal di dalam kawasan TOD

Rajah 5.60: Cadangan Pembangunan TOD 3 Renggam






Foto : Ilustrasi cadangan reka bentuk pembangunan TOD.

Reka Bentuk

Kesesuaian

- Memastikan bangunan mempunyai reka bentuk yang tahan lama dan mudah disesuaikan dengan keadaan sekeliling serta dibina dengan standard yang tinggi melalui penggunaan bahan yang kukuh.

Built Form

- Memastikan pembangunan yang dibuat di dalam kawasan TOD memberi impak positif dengan melalui reka bentuk dan fungsi.
- Bangunan tertinggi terletak di tengah 200 meter kawasan TOD dan berdekatan stesen utama.

Komponen cadangan :

i. Jenis TOD 3
ii. Transit Utama : Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
iii. Transit Sekunder : Bas ekpres, bas henti-henti dan teksi
iv. Komposisi guna tanah dan luas lantai kasar
  - Perumahan : tidak kurang 30%
  - Perniagaan : tidak lebih 60%
  - Kemudahan awam : tidak kurang 10%
v. Cadangan nisbah plot – 1:4
vi. Pembangunan yang digalakkan
  - Komersial
  - Pembangunan bercampur
  - Kediaman berdensiti sederhana dan tinggi
  - Kediaman mampu milik
  - Perniagaan runcit
  - Pejabat awam dan swasta
  - Restoran / kafe
  - Hiburan
  - *Park and Ride* / tempat letak kenderaan
  - Hotel atau tempat penginapan

Sumber : Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor, 2015-2045

5.4 PERTANIAN

HALATUJU PEMBANGUNAN

H4

Pengawalan dan pengurusan aktiviti industri dan pertanian yang mampan, hijau dan berproduktiviti tinggi

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

- **PT3.1** Cadangan peningkatan produktiviti tanaman kelapa sawit melalui pensijilan mandatori MSPO kepada kesemua pekebun kecil, ladang dan kilang buah kelapa sawit
- **PT3.2** Cadangan meningkatkan produktiviti tanaman-tanaman lain menerusi Pertanian Hijau
- **PT3.3** Cadangan meningkatkan produktiviti penternakan menerusi Pertanian Hijau
- **PT3.4** Cadangan pembangunan tanah-tanah pertanian terbiar dan membangunkan semula kawasan pertanian yang tidak diusahakan secara ekonomik



DRAFT

Selaras dengan teras pembangunan *Greener Kluang*, pelaksanaan Pertanian Hijau adalah diketengahkan untuk menjamin kelestarian pembangunan pertanian dari aspek pemeliharaan alam sekitar iaitu mengatasi masalah pelepasan gas rumah hijau, pemanasan global dan masalah pencemaran air serta menstabilkan ekonomi petani..

STRATEGI

PT 3 MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PERSIJILAN

Aplikasi Amalan Pertanian Baik, pertanian mesra alam dan penggunaan teknologi moden akan memastikan persekitaran ladang dan kualiti alam sekitar berada dalam keadaan terkawal, mengoptimumkan penggunaan sumber, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh dan kos operasi serta menguruskan ladang secara lebih cekap. Justeru, produktiviti ladang akan meningkat seterusnya menjamin kestabilan ekonomi petani.

Ianya meliputi aspek pemeliharaan alam sekitar seperti pemulihan kesuburan tanah, kawalan serangga perosak, pembuangan sisa kitar semula dan pengeluaran bahan lebihan secara selamat. Pengiktirafan Amalan Pertanian Baik dilaksanakan mengikut aktiviti dan jenis pertanian iaitu pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk tanaman komoditi kelapa sawit, pensijilan komprehensif MyGAP bagi tanaman-tanaman lain, perternakan dan akuakultur dan MyOrganic bagi ladang-ladang yang diusahakan secara organik.

CADANGAN

PT 3.1 Cadangan peningkatan produktiviti tanaman kelapa sawit melalui pensijilan mandatori MSPO kepada kesemua pekebun kecil, ladang dan kilang buah kelapa sawit


PT 3.2 Cadangan meningkatkan produktiviti tanaman-tanaman lain menerusi Pertanian Hijau

PT 3.3 Cadangan meningkatkan produktiviti penternakan menerusi Pertanian Hijau

PT 3.4 Cadangan pembangunan tanah-tanah pertanian terbiar dan membangunkan semula kawasan pertanian yang tidak diusahakan secara ekonomik

DRAF

RAJAH 5.61 LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI MELALUI AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN APLIKASI TEKNOLOGI MODEN



PETUNJUK :

PT3.1 CADANGAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI TANAMAN KELAPA SAWIT MELALUI PENSIJILAN MANDATORI MSPO KEPADA KESEMUA PEKEBUN KECIL, LADANG DAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT

PT3.2 MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN-TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

PT3.3 CADANGAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENTERNAKAN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

- **TKPM Simpang Renggam**
- **TKPM Yap Tau Sah**
- **TKPM Kahang Barat**
- **Estet Kelapa Sawit Swasta**
- **Estet PPNJ**
- **FELDA**
- **FELCRA**
- **Semua Ladang Ternakan Ayam**
- **Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam**
- **Pengawalan Aktiviti Penternakan Khinzir Secara Mesra Alam**

PT3.4 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH-TANAH PERTANIAN TERBIAR DAN MEMBANGUNKAN SEMULA KAWASAN PERTANIAN YANG TIDAK DIUSAHAKAN SECARA EKONOMIK

PETUNJUK:

- Kelapa Sawit
- Getah
- Nenas
- Lain-lain tanaman
- Tanah Terbiar
- Badan Air

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.1

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN KELAPA SAWIT MELALUI PENSIJILAN MANDATORI MSPO KEPADA KESEMUA PEKEBUN KECIL, LADANG DAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT

DESKRIPSI

Lokasi: Keseluruhan Kawasan Tanaman Kelapa Sawit dan 17 Kilang Buah Sawit.
Luas: 192,756 hektar

i. Jumlah estet berlesen di Kluang sehingga Ogos 2019 adalah 144 buah dan bilangan pekebun kecil dianggarkan seramai 6,000 orang.
ii. Pada tahun 2030, kawasan tanaman kelapa sawit daerah dijangka akan meliputi kawasan seluas 200,000 hektar.
iii. Hasil pengeluaran buah tandan segar (BTS) perlu dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya 30 tan/ hektar/ tahun. Manakala kadar perahan minyak (KPM) juga perlu dipertingkatkan daripada 20% kepada 25%.

PEMULA

MPOB

PELAKSANA

FELDA/ FELCRA/ RISDA, Ladang Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mendapatkan pensijilan MSPO oleh petani

SASARAN

Meningkatkan kadar produktiviti Buah Tandan Segar (BTS)

SDG SC

Untuk mencapai sasaran produktiviti, usahawan/pekebun kecil terlibat adalah digalakkan untuk menanam semula pokok kelapa sawit yang tidak produktif dengan menggunakan klon terpilih, serta mengamalkan kaedah penyemaian, pembajaan, pengurusan ladang dan penuaian hasil seperti yang disyorkan menerusi "Kod Amalan MPOB (CoP)".

Daerah Kluang - Pengeluar Utama Hasil Tanaman Kelapa Sawit

Prinsip-prinsip dalam pensijilan MSPO yang berkait dengan kemampanan alam sekitar adalah Alam Sekitar, Sumber Asli, Biodiversiti dan Perkhidmatan Ekosistem, Amalan baik serta Pembangunan Penanaman Semula

Usaha ke arah Pertanian Hijau dapat dicapai melalui pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)

BERMULA JAN 2020

Ladang Kelapa Sawit **> 40 Hektar** dan kilang buah kelapa sawit **mesti memulakan pensijilan** bermula **JAN 2020**

KOPERASI YANG DIWUJUDKAN MPOB

Pensijilan MSPO bagi pekebun kecil dilaksanakan di bawah Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC)



Penanaman Semula Pokok Kelapa Sawit Sekurang - Kurangnya

3,635

hektar / tahun

Penggunaan teknologi pertanian bersesuaian seperti **Penuai Buah Sawit Bermotor**

»

Berupaya meningkatkan pengeluaran BTS kepada **10 tan / pekerja / hari**

DRAF

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

A. Tanaman Getah

DESKRIPSI

Lokasi: Seluruh Kawasan Tanaman Getah di Daerah Kluang.
Luas: 16,920 Hektar

i. Hasil pengeluaran getah perlu dipertingkatkan kepada 1,800kg/hektar setahun.
ii. Sasaran kerajaan negeri iaitu peningkatan pendapatan isi rumah pekebun getah kepada RM4,000.00 sebulan berbanding purata pendapatan semasa RM1,200.00 sebulan. Kadar pendapatan isi rumah boleh dicapai melalui peningkatan harga komoditi getah daripada RM5.50 kepada RM17.31/kg.

PEMULA
FELDA, FELCRA, RISDA, Peneroka Ladang, Swasta

PELAKSANA
FELDA, FELCRA, RISDA, Peneroka Ladang, Swasta

ANGGARAN KOS
Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Amalan Pertanian Baik dan penggunaan teknologi moden dapat meningkatkan hasil pengeluaran getah asli

SASARAN
Meningkatkan keluasan tanaman kepada 30,000 hektar serta meningkatkan pendapatan pekebun getah pada tahun 2030

SDG SC



Disumbangkan oleh **pekebun kecil.**



Disumbangkan oleh **estet swasta.**

Penanaman Semula Pokok Getah Sekurang - Kurangnya

2,421 hektar / tahun



Untuk mencapai sasaran pengeluaran hasil tanaman getah, peningkatan produktiviti pekebun kecil dan usahawan dirancangkan.



Pekebun kecil / usahawan digalakkan untuk menanam semula pokok getah yang tidak produktif.



Serta mengamalkan Amalan Baik Pertanian Getah iaitu amalan kaedah penyemaian, pembajaan, pengurusan ladang dan penuaian hasil.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI PERTANIAN MODEN

- Mesin penyemai biji getah
- Mesin bahan tanaman
- Kenderaan pemungut lateks
- Sistem penorehan getah automatik
- Teknologi pengumpulan susu getah

*Mengurangkan kebergantungan pekerja asing dan meningkatkan kecekapan ladang.

Penggunaan perangsang pengeluaran lateks (RRIMFLOW, G-FLEX)

Meningkatkan hasil sebanyak **375 kg/ hektar / tahun**



Foto: Teknologi pengumpulan susu getah secara automatik di negara China boleh dilaksanakan di Malaysia untuk meningkatkan hasil getah dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

B. Tanaman – Tanaman Lain

DESKRIPSI

Lokasi: Seluruh Kluster Tanaman-Tanaman Lain di Daerah Kluang.
Luas: 3,175 hektar

i. Tanaman-tanaman industri di bawah tadbir urus Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang utama di Daerah Kluang iaitu tanaman kelapa, kopi, cendawan dan lebah kelulut.
ii. Tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman kontan/ladang serta herba dan rempah ratus.
iii. Keseluruhan luas kawasan bertanam semasa iaitu 3,175 hektar dijangka meningkat kepada 5,000 hektar dalam tempoh perancangan RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian).

PEMULA

Jabatan Pertanian

PELAKSANA

Pengusaha Swasta (Individu)

ANGGARAN KOS

Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menjamin pengeluaran tanaman makanan untuk memenuhi bekalan makanan daerah dan Negeri Johor

SASARAN

Meningkatkan produktiviti tanaman, pendapatan petani serta kawasan tanaman kepada 5,000 hektar pada tahun 2030

SDG SC

Antara pendekatan pembangunan yang boleh dilaksanakan adalah:

a. Membaik-pulih dan menanam semula tanaman yang tidak produktif.
b. Mengusahakan tanaman yang mempunyai pasaran tetap dan berdaya maju.
c. Mengusahakan kepelbagaian dan klon-klon tanaman terpilih.
d. Mengamalkan Amalan Pertanian Baik serta memperoleh pensijilan MyGAP dan MyOrganic.
e. Menjalankan aktiviti pertanian secara komersial di atas keluasan tanah yang ekonomik, seperti:
   - Sayur-sayuran: 2 hektar kebun per petani
   - Buah-buahan: 6 hektar dusun per petani
   - Tanaman tahunan: 4 hektar kebun per petani
   - Tanaman lain: 6 hektar kebun per petani
f. Menggunakan teknologi pertanian moden yang terkini seperti sistem pengairan renjis (*sprinkler*), struktur pelindung hujan, sistem fertigasi, *vertical farming*, dan *tube plot*.
g. Menaiktaraf infrastruktur pertanian secara berkala seperti jalan ladang, sistem pengairan dan saliran.

MyGAP

Skim pensijilan yang dirangka oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang-ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) berkonsepkan mesra alam sekitar, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan sesuai dimakan. Skim ini dibangun berpandukan Malaysia Standard MS 1784: 2005 Crop Commodities – Good Agriculture Practices (GAP).

MyORGANIC

Jabatan Pertanian **memberi pengiktirafan kepada ladang – ladang yang diusahakan secara organik** berpandukan *Malaysian Standard MS 1529:2015 Plant-based organically produced foods-requirements for production, processing, handling, labelling and marketing (First Revision).*



Foto: Contoh sistem pengairan renjis (*sprinkler*).



Foto: Contoh struktur pelindung hujan.



Foto: Contoh pertanian moden *vertical farming*.

Selaras dengan cadangan peningkatan produktiviti lain-lain tanaman, beberapa cadangan projek/ program pembangunan berkaitan adalah dirancangkan seperti:

a. Peningkatan pembangunan Program Makanan Kluang
b. Pemulihan tanaman industri (kelapa dan kopi)
c. Aktiviti tanaman selingan
d. Membangunkan aktiviti tanaman bercampur
e. Pembangunan semula tanah-tanah pertanian terbiar

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Meningkatkan Pembangunan Program Makanan Kluang

DESKRIPSI

Lokasi: Sekitar Mukim Renggam, Machap dan Ulu Benut
Luas: 2,643.09 hektar

i. Luas kawasan tanaman di bawah Program Makanan Kluang dijangka bertambah kepada 5,000 hektar dalam tempoh kajian.
ii. Tanaman terlibat iaitu sayuran daun, jagung dan nanas diusahakan secara komersial dan dipasarkan untuk memenuhi keperluan tanaman makanan utama di dalam daerah dan luar daerah.
iii. Kadar produktiviti semasa sayur-sayuran adalah 10.91 metrik tan/tahun/hektar boleh ditingkatkan kepada 30 metrik tan/tahun/hektar.

PEMULA

Jabatan Pertanian

PELAKSANA

Pengusaha Swasta (Individu)

ANGGARAN KOS

Peruntukan oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menjamin pengeluaran tanaman makanan untuk memenuhi bekalan makanan daerah dan Negeri Johor

SASARAN

Meningkatkan produktiviti dan keluasan kawasan tanaman di bawah Program Makanan Kluang (PMK) pada tahun 2030

SDG SC

Program Makanan Kluang dilaksanakan di bawah Pelan Pertumbuhan Strategik Daerah Kluang menggunakan peruntukan kewangan daripada kerajaan negeri.

JENIS TANAMAN DIBANGUNKAN



LOKASI :
Sekitar Kawasan Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR)

Sistem fertigasi telah dilaksanakan oleh beberapa usahawan tanaman sayuran di sekitar Mukim Niyor dan Paloh. Jenis sayuran yang sesuai ditanam menggunakan kaedah ini ialah tanaman sayuran berbuah seperti tomato, timun jepun, cili merah, terung, melon, strawberi serta pokok hiasan. Umumnya kaedah ini adalah untuk kebanyakkan tanaman bernilai tinggi di pasaran.



Foto: Contoh kaedah amalan baik pertanian bagi meningkatkan produktiviti sayur-sayuran.

DRAFT

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Meningkatkan Produktiviti Tanaman Buah – Buahan Terpilih (Nanas)

DESKRIPSI

Lokasi: Seluruh Kluster Tanaman Nanas di Sekitar Mukim Kluang, Machap dan Ulu Benut
Luas: 2,410.80 hektar

i. Luas kawasan tanaman nanas dijangka meningkat kepada 4,000 hektar menjelang 2030.
ii. Varieti yang ditanam adalah Josapine, MD2 dan N36. Varieti MD2 dan N36 hanya diusahakan oleh ladang komersial.
iii. Manakala kadar produktiviti semasa iaitu 17 metrik tan/ hektar /tahun disasarkan meningkat kepada 28 metrik tan/ hektar/ tahun.

PEMULA
Lembaga Perindustrian Nanas

PELAKSANA
Pengusaha Nanas

ANGGARAN KOS
Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Mempunyai tanah yang sesuai untuk tanaman nanas secara komersial

SASARAN
Meningkatkan produktiviti buah nanas kepada 28 metrik tan/hektar/tahun pada tahun 2030

SDG SC

Daerah Kluang adalah pengeluar utama tanaman nanas di Malaysia. Usaha untuk meningkatkan produktiviti nanas yang berkualiti untuk dieksport ke luar negara adalah dirancangkan. Buat masa ini, varieti nanas MD2 dan N36 hanya ditanam oleh pengusaha komersial untuk tujuan eksport ke Singapura serta ke negara-negara Timur Tengah. Nanas N36 adalah nanas hibrid mempunyai nilai eksport yang tinggi dan juga sesuai untuk dikilangkan. Galakan kepada pekebun kecil untuk menaman varieti N36 untuk pemasaran eksport telah dirancang untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil nanas.



Foto: Ladang nanas yang diusahakan oleh Estet Peninsular Plantation Sdn Bhd di Kg Isnin Maarof, Ulu Benut.

BUAH NANAS MENJADI ASAS KEPADA PRODUK HILIRAN SEPERTI



JUS NANAS



KEREPEK NANAS



KARIPAP NANAS



RENDANG DAGING NANAS



Foto: Nanas N36 mempunyai nilai eksport yang tinggi dapat meningkatkan pendapatan pekebun nanas.

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Meningkatkan Produktiviti Tanaman Buah – Buahan Terpilih (Nangka dan Pisang)

DESKRIPSI

Lokasi: Seluruh Kluster Tanaman Pokok Nangka dan Pisang di Seluruh Daerah Kluang
Luas: 280 hektar

i. Kadar produktiviti semasa bagi buah nangka iaitu sebanyak 18.362 metrik tan/hektar/tahun disasarkan meningkat kepada 25.00 metrik tan/hektar/tahun.
ii. Manakala kadar produktiviti semasa buah pisang adalah 25.708 sebanyak metrik tan/hektar/tahun disasarkan meningkat kepada 52 metrik tan/hektar/tahun.

PEMULA
Jabatan Pertanian

PELAKSANA
Pengusaha swasta

ANGGARAN KOS
Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Meningkatkan hasil pengeluaran tanaman menerusi pertanian hijau

SASARAN
Meningkatkan keluasan kawasan tanaman sehingga 248 hektar pada tahun 2030

SDG SC

Daerah Kluang turut mengeluarkan hasil buah nangka dan pisang yang tinggi. Produktiviti tanaman pokok nangka yang mempunyai nilai pasaran eksport iaitu Nangka J33 ataupun nangka madu adalah dicadangkan. Nangka madu ditanam dengan benih dibekalkan oleh Jabatan Pertanian atau daripada nurseri swasta yang mempunyai Sijil Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT). Selain ditanam untuk dimakan secara segar, buah nangka madu dapat membantu mengukuhkan industri asas tani yang mana produk-produk hiliran seperti kerepek nangka dan aiskrim nangka yang telah berada di pasaran mendapat sambutan yang baik.

Manakala produktiviti tanaman pisang boleh dipertingkat melalui program tanaman selingan dan tanaman campuran. Antara pokok-pokok pisang yang boleh diusahakan seperti pisang berangan dan pisang *Cavendish* yang masing-masing dijangka berupaya mengeluarkan hasil sebanyak 52 tan dan 97 tan sehektar. Selain dipasarkan sebagai produk mentah, hasil tanaman pisang akan turut menggalakkan pembangunan aktiviti IAT dengan penghasilan produk hiliran seperti kerepek pisang dan pisang salai. Ini seterusnya akan meningkatkan aktiviti ekonomi petani dan tahap sosio-ekonomi komuniti desa.



Foto: Antara produk hiliran berasaskan buah nangka dan pisang yang diusahakan oleh usahawan IAT .

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Meningkatkan Produktiviti Tanaman Buah – Buahan Terpilih (Belimbing)

DESKRIPSI

Lokasi: Seluruh Kluster Tanaman Pokok Belimbing di Seluruh Daerah Kluang
Luas: 50 hektar

i. Luas kawasan tanaman pokok belimbing dijangka meningkat kepada 70 hektar menjelang 2030.
ii. Kadar produktiviti semasa iaitu 3.75 metrik tan/hektar/tahun disasarkan meningkat kepada 10.00 metrik tan/hektar/tahun dengan pelbagai tanaman Bintang Mas.
iii. Variasi Bintang Mas mempunyai nilai eksport yang tinggi dan tempoh kematangan lebih singkat. Justeru pendapatan petani akan dapat ditingkatkan.

PEMULA

Jabatan Pertanian

PELAKSANA

Petani Kecil, Pengusaha Swasta (Individu)

ANGGARAN KOS

Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Amalan Baik Pertanian dapat meningkatkan hasil pengeluaran

SASARAN

Peningkatan keluasan kawasan tanaman bagi meningkatkan produktiviti menjelang tahun 2030

SDG SC

Buah belimbing turut berpotensi besar untuk ditingkatkan hasil pengeluaran dengan menanam varieti baru diperkenalkan oleh MARDI pada April 2019 iaitu Bintang Mas yang mempunyai kualiti premium untuk pasaran eksport. Antara negara-negara yang mengimport belimbing dari Malaysia seperti Belanda, Perancis, Switzerland, Kanada Singapura dan Hong Kong.

Indeks kematangan penuh untuk makanan segar dengan jangka masa kematangan jauh lebih singkat iaitu 68 hingga 73 hari dapat meningkatkan kadar produktiviti berbanding varieti belimbing sedia ada.

Selain itu, melalui konsep kebun campuran juga, ternakan lebah kelulut di kebun belimbing ini boleh diusahakan. 30 log koloni kelulut boleh ditempatkan bagi keluasan satu hektar yang mana pengusaha boleh mendapat pendapatan sampingan di antara RM750 hingga RM3,000 per hektar sebulan. Produk-produk hiliran yang dihasilkan daripada buah belimbing seperti jus belimbing dan sos pencicah.



Foto: Jus belimbing dibotolkan adalah antara produk hiliran belimbing yang berpotensi diusahakan oleh peserta IAT.

Sasaran:

- Satu hektar kawasan penanaman Bintang Mas (270 pokok)
- Sasaran produktiviti adalah 10 tan/hektar/tahun
- Pendapatan kasar petani RM22,000 setahun (Harga jualan ladang RM2.20/ kg)

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Program Pemulihan Tanaman Yang Kurang Produktif (Kelapa)

DESKRIPSI

Lokasi: Kluster Tanaman Kelapa, Kopi dan Tanaman Kontan Yang Tidak Produktif di Daerah Kluang.
Luas: 457 hektar

i. Pelaksanaan program tanam semula, program pemulihan tanaman sedia ada dan integrasi tanaman di kawasan dalam dan luar kluster tanaman kelapa.
ii. Luas kawasan tanaman kelapa dijangka meningkat kepada 700 hektar dengan sasaran produktiviti 20,000 biji/hektar/tahun bagi program tanam semula dan peningkatan daripada 3,500 biji/hektar kepada 7,000 biji/hektar/tahun bagi program pemulihan.

PEMULA

Jabatan Pertanian

PELAKSANA

Petani, Pengusaha Swasta/ Individu

ANGGARAN KOS

Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Meningkatkan hasil pengeluaran tanaman menerusi pertanian hijau

SASARAN

Meningkatkan keluasan kawasan kepada 700 hektar menjelang tahun 2030

SDG SC

Program pembangunan industri kelapa perlu dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan pengeluaran kelapa dapat memenuhi keperluan dalam negara seterusnya mengurangkan import kelapa dari luar negara. Pemulihan tanaman kelapa di Daerah Kluang dirancangkan berikutan kemerosotan pengeluaran yang ketara dalam tempah tiga tahun kebelakangan.

Produktiviti kelapa dapat dipertingkat dengan penanaman semula menggunakan variasi hibrid dan terpilih seperti kelapa Matag, Mawa dan Kelapa Pandan

POTENSI HASIL

Kelapa Pandan - sekitar 28,000 - 30,000 biji/ hektar setahun jika cukup matang

Kelapa Matag - 20,000 - 25,000 hektar setahun

PROGRAM TANAMAN SEMULA KELAPA



Meningkatkan pendapatan petani daripada:

RM 500 / hektar / bulan

RM 1,500 / hektar / bulan

PRODUK – PRODUK SEDIA ADA DARIPADA KELAPA





Foto: Pengeluaran benih kepala Matag tulen juga mampu meningkatkan pendapatan petani di daerah Kluang berikutan bekalan benih yang agak terhad di pasaran.

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Program Pembangunan Industri Kopi

DESKRIPSI

Lokasi: Di Kawasan Dalam dan Luar Kluster Tanaman Kopi Sedia ada Sekitar Daerah Kluang.
Luas: 40 hektar

i. Tanaman kopi mempunyai potensi besar untuk dipulihkan selaras dengan jumlah pengeluaran tanaman semasa.
ii. Luas keseluruhan kawasan bertanam pada 2030 dijangka bertambah kepada 400 hektar.
iii. Kadar pengeluaran kopi dijangkakan meningkat kepada 3,500 metrik tan/hektar/tahun.
iv. Pelaksanaan amalan baik tanaman kopi hendaklah dipantau secara berkala bagi memastikan pekebun memperolehi hasil yang disasarkan.

PEMULA
Jabatan Pertanian

PELAKSANA
Pekebun Swasta

ANGGARAN KOS
Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Penanaman semula kopi dengan variasi hibrid dan amalan pertanian baik

SASARAN
Meningkatkan keluasan tanaman kopi kepada 40 hektar kepada 400 hektar pada tahun 2030

SDG SC

Jenis kopi yang sesuai ditanam di Malaysia adalah *Liberica* dan *Robusta* sahaja iaitu jenis kopi tanah rendah. Peningkatan produktiviti kopi di Daerah Kluang dirancangkan dengan penanaman semula menggunakan variasi hibrid dan terpilih serta kaedah penanaman yang betul seperti diperincikan di dalam **Jadual 5.20**.


Kopi Liberica


Kopi Robusta

Jadual 5.18: Kaedah dan Amalan Baik Penanaman Kopi

Jenis Tanah Sesuai	Siri Briah, Carey, Cempaka, Jempol, Kaki Bukit, Jawa, Kangkong, Lubuk Kiat, Lundang, Kantan, Rotan, Sabrang, Selangor, Semberin, Tok Yong dan Tualang.
Infastruktur Tapak	Mempunyai saliran yang baik bagi kawasan tanah rendah.
Kaedah Penanaman	**1) *Kopi Liberica*** • Tidak memerlukan pokok lindungan. • Penanaman kopi di bawah kelapa dan dusun buah-buahan juga mempunyai sistem yang disesuaikan dengan jarak tanaman • Kawasan tanaman Kelapa Pandan atau Kelapa Matag sedia ada juga boleh ditanam dengan kopi sebagai tanaman selingan. **2) *Kopi Robusta*** • Memerlukan pokok naungan dari jenis *Gliricidia sp., Leucaniea sp. atau Erythrina* sp. • Ditanam dengan jarak pada 6m x 6m iaitu satu pokok naungan bagi setiap empat pokok kopi. Ini disyorkan bagi keperluan cahaya matahari untuk penanaman komersil. • Jarak tanaman yang lebih rapat adalah disyorkan iaitu pada jarak 2.5m x 2.75m.
Kaedah Pembiakan	**1) Biji Benih** • Dipilih daripada buah kopi yang cukup masak daripada pokok yang mengeluarkan hasil buah kopi yang tinggi. • Biji benih mula bercambah 4 – 7 minggu selepas disemai dan lebih kurang 80% percambahan akan diperolehi selepas 8 – 10 minggu. • Diubah ke ladang selepas 4 – 6 bulan. **2) Pembiakan Tampang (*vegetative*)** **A. Cara Keratan** • Sesuai untuk kopi jenis *Robusta* dan kurang sesuai untuk kopi jenis *Liberica*. **B. Cara Cantuman** • Cara cantuman adalah cara terbaik ketika ini kerana anak benih kopi yang ditanam dalam polibeg boleh dicantum selepas berumur 6- 8 bulan • Lebih cepat mengeluarkan hasil dan cantuman boleh dibuat dengan menggunakan baka varieti (klon) yang mengeluarkan hasil biji kopi yang tinggi dan bermutu • Anak benih kopi *Polihibrid* iaitu daripada varieti hibrid dan terpilih seperti MKL5, MKL6, MKL7 ataupun *Robusta* boleh dibeli daripada Jabatan Pertanian.
Penjagaan Tanaman	Pembajaan, kawalan rumpai dan cantasan pokok seperti disyorkan Jabatan Pertanian.

DRAF

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.2

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN – TANAMAN LAIN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Meningkatkan Pembangunan Tanaman Selingan

DESKRIPSI

Lokasi: Kawasan penanaman semula kelapa sawit, getah dan buah-buahan bermusim
Luas: Anggaran 4,383 hektar setahun)

i. Luas kawasan tanaman buah-buahan dijangka meningkat kepada 4,000 hektar menjelang 2030.
ii. Kadar produktiviti semasa iaitu 25.54 metrik tan/hektar/tahun disasarkan meningkat kepada 30.00 metrik tan/hektar/tahun.
iii. Tanaman selingan dicadangkan ialah pisang, nanas dan sayur-sayuran.

PEMULA

Jabatan Pertanian

PELAKSANA

FELDA, FELCRA, RISDA (peneroka, peserta, pekebun kecil)

ANGGARAN KOS

Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Mengoptimumkan kawasan pertanian baharu dengan meningkatkan tanaman lain

SASARAN

Meningkatkan produktiviti tanaman serta penanaman semula tanaman yang tidak produktif pada tahun 2030

SDG SC

Selaras dengan usaha pembangunan tanah pertanian secara optimum, pelaksanaan program tanaman selingan adalah amat digalakkan, iaitu menanam pokok-pokok pisang, sayuran berbuah serta lain-lain tanaman yang bersesuaian di kawasan penanaman semula tanaman kelapa sawit, getah dan pokok-pokok buah-buahan bermusim seperti durian.

Program ini juga bertujuan untuk menjanakan pendapatan tambahan kepada pengusahanya sebelum tanaman utama mengeluarkan hasil (tempoh matang bagi kelapa sawit adalah 3 tahun, manakala bagi getah adalah 5 tahun). Oleh itu, pembangunan program ini adalah digalakkan di kalangan pekebun-pekebun kecil supaya mereka tetap akan memperolehi pendapatan secara berterusan.

JENIS POKOK PISANG YANG BOLEH DIUSAHAKAN



Pokok Pisang *Cavendish*



Pokok Pisang Berangan

Masing – masing berupaya mengeluarkan hasil sebanyak

52 tan dan 97 tan sehektar



Foto: Pokok pisang berangan sesuai diusahakan sebagai tanaman selingan di kawasan tanaman kelapa.

DRAFT

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.3

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENTERNAKAN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Pembangunan Aktiviti Ternakan Ruminan Secara Sistem Fidlot dan Intensif

DESKRIPSI

Lokasi: TKPM Simpang Renggam, TKPM Kahang Barat, TPKM Yap Tau Sah, Kampung dan FELDA Sekitar Daerah Kluang
Luas: 3 hektar (9 Lot Pelbagai Saiz)

i. Menggalakkan pembangunan ternakan ruminan melalui sistem fidlot secara komersial yang mendapat pensijilan MyGAP untuk mencapai objektif penternakan hijau.
ii. Menjamin dan meningkatkan sumber makanan.
iii. Menyokong pembangunan industri hiliran berasaskan ternakan seperti produk tenusu dan makanan sejuk beku.

PEMULA

JPV

PELAKSANA

JPV, Swasta

ANGGARAN KOS

Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Mengoptimumkan penggunaan TKPM dengan aktiviti penternakan komersial

SASARAN

Meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan dan mengoptimumkan kapasiti kandang fidlot

SDG SC

Aktiviti penternakan haiwan, khususnya **ternakan ruminan** seperti **kambing / bebiri dan lembu** haruslah dijalankan secara komersial menerusi sistem fidlot. Pada masa kini, sistem ini hanya dibangunkan di sembilan buah tapak di sekitar TKPM Simpang Renggam, TKPM Kluang, Projek Pertanian Moden (PPM), kampung dan tanah rancangan FELDA di sekitar Kluang.



Untuk Projek Penternakan Lembu, Penternakan Sekurang – Kurangnya

600

ekor ternakan / tahun

Selain mengeluarkan sumber makanan ternakan dengan menaman rumput *napier* di sekitar tapak TKPM, pelaksanaan sistem '*fodder solutions*', Kebun Komuniti dan '*Edible Garden*' adalah digalakkan. Walau bagaimanapun, para penternak adalah digalakkan untuk mengamalkan "Amalan Baik Penternakan Fidlot" (GAHP Fidlot) dan pensijilan MyGAP bagi jaminan pengeluaran hasil ternakan berkualiti.



FODDER SOLUTIONS

Menyemai rumput barli dan tanaman makanan ternakan lain yang bersesuaian dengan menggunakan sistem hidroponik secara tertutup.



KEBUN KOMUNITI

Kebun Komuniti dan *Edible Garden* merupakan satu kaedah yang boleh digunakan dalam penjimatan kos penyediaan makanan ternakan.



EDIBLE GARDEN

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.3

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENTERNAKAN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Pembangunan Aktiviti Ternakan Ruminan Secara Sistem Integrasi

DESKRIPSI

Lokasi: Estet Kelapa Sawit Swasta, Estet PPNJ, FELDA dan FELCRA Sekitar Daerah Kluang
Luas: 6,300 hektar

i. Meningkatkan penternakan lembu pedaging melalui sistem integrasi yang dapat mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.
ii. Menyokong pembangunan industri hiliran berasaskan ternakan makanan sejuk beku.
iii. Menjamin dan meningkatkan sumber bekalan daging daerah dan negeri.

PEMULA

JPV

PELAKSANA

Penternak, Swasta

ANGGARAN KOS

Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Meningkatkan pengeluaran lembu pedaging Daerah Kluang dan Negeri Johor

SASARAN

Melibatkan aktiviti ternakan lembu pedaging di bawah Program Makanan Kluang pada tahun 2030

SDG SC



Purata pengeluaran bagi seorang penternak lembu komersial di daerah Kluang ialah **101 ekor lembu per penternak komersial**



Untuk mencapai **sasaran menjadikan Kluang** sebagai **daerah pengeluar utama lembu pedaging di Negeri Johor,** saranan sekurang-kurangnya **600 ekor ternakan setahun per penternak** digalakkan



Untuk mencapai objektif penternakan mesra alam, adalah dicadangkan pensijilan MyGAP dijadikan sebagai pra-syarat kepada pengusaha baru yang berminat untuk menyertai program integrasi ternakan ini



Foto: Integrasi ternakan lembu pedaging di Kompleks Tereh, Jalan Paloh.

DRAF

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.3

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENTERNAKAN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Meningkatkan Produktiviti Ternakan Ayam di Daerah Kluang

DESKRIPSI

Lokasi: Semua Ladang Ternakan Ayam di Daerah Kluang

i. Meningkatkan produktiviti penternakan ayam melalui sistem reban tertutup yang berupaya mengatasi isu pencemaran air, bau dan lalat.
ii. Ternakan ayam sedia ada perlu mematuhi Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor Bil10/2019 (Pelaksanaan permit khas untuk aktiviti ternakan ayam di atas tanah yang tiada kategori/ kategori pertanian)
iii. Memindahkan ladang penternakan ayam yang terletak dalam kawasan had pembangunan bandar/pekan, sumber bekalan dan kawasan tadahan air serta mengamalkan zon penampan sekurang-kurangnya 500 meter.

PEMULA

JPV

PELAKSANA

Penternak , Swasta

ANGGARAN KOS

Ditanggung oleh Peserta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Aktiviti penternakan ayam secara mesra alam belum dilaksanakan sepenuhnya untuk menjamin kelestarian alam sekitar

SASARAN

Meningkatkan pengeluaran ternakan ayam secara mesra alam menjelang tahun 2030

SDG SC

Daerah Kluang merupakan daerah pengeluar utama ternakan ayam pedaging dan antara pengeluar utama di peringkat negara. Hasil pengeluaran adalah melebihi keperluan sara diri daerah dan untuk memenuhi permintaan pasaran dalam negara dan juga Singapura. Selain daripada ayam pedaging biasa, ayam pedaging organik turut dipasarkan ke Singapura.

Kewujudan ladang penternakan ayam secara tidak terkawal dengan kapasiti pengeluaran yang tinggi telah menjadi punca utama kepada pencemaran kualiti air mentah dan masalah lalat yang serius kerana kebanyakan ladang-ladang ini menggunakan sistem reban terbuka.

64.42 %

623 buah reban daripada 967 buah reban (64.42%) menggunakan sistem reban terbuka

Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor, Pekeliling Bil. 10/2019 iaitu Perlaksanaan Permit Khas untuk Aktiviti Ternakan Ayam (PKTA) di atas Tanah Yang Tiada Kategori/Kategori Pertanian telah dikeluarkan dan telah berkuatkuasa mulai 2 September 2019. Semua pengusaha ternakan ayam perlu memohon PKTA kepada Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTGJ) manakala pembaharuan PKTA dipohon kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD). Antara syarat nyata tanah yang akan dikenakan kepada setiap permohonan yang disyorkan untuk kelulusan PKTA adalah penggunaan sistem reban tertutup. Pengenaan syarat nyata di atas sebagai punca kuasa kepada Pentadbiran Tanah untuk mengambil tindakan penguatkuasaan sekiranya tuan tanah gagal melaksanakan aktiviti ternakan ayam menggunakan sistem reban tertutup selaras dengan peruntukan Seksyen 127 hingga 130 Kanun Tanah Negara 1965. Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan terlibat secara langsung untuk menilai kelulusan PKTA yang mana pensijilan MyGAP turut dijadikan sebagai pra-syarat permohonan.

DRAF

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.3

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENTERNAKAN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Melaksanakan Pembinaan dan Pengurusan Reban Ayam Secara Mesra Alam

DESKRIPSI

Lokasi: Semua Ladang Ternakan Ayam di Daerah Kluang

i. Pematuhan kepada syarat-syarat pembinaan reban ayam jenis tertutup oleh semua pengusaha ternakan ayam menjelang 2030.

PEMULA

JPV, PTG

PELAKSANA

Penternak, Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh peserta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Aktiviti penternakan ayam secara mesra alam belum dilaksanakan sepenuhnya untuk menjamin kelestarian alam sekitar

SASARAN


Pematuhan terhadap pembinaan reban tertutup dan mesra alam menjelang 2030

SDG SC

TIGA JENIS REBAN AYAM TERTUTUP



Ventilasi terowong (*tunnel ventilation*)



Ventilasi terowong dan pelembapan udara masuk (menggunakan *cooling pad/pelembap* udara)



Ventilasi terowong dan semburan air (*mist/ fogging*) sepanjang bahagian dalam paksi memanjang reban.



Foto: Contoh reban ayam tertutup.

Reban ayam tertutup ialah reban yang keseluruhan bahagiannya bertutup rapat kecuali pada bahagian udara keluar-masuk dan pengudaraan dalam reban yang terkawal.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor telah mengeluarkan Pekeliling Bil. 10/2019 iaitu Perlaksanaan Permit Khas untuk Aktiviti Ternakan Ayam di atas Tanah Yang Tiada Kategori/Kategori Pertanian yang telah berkuatkuasa mulai 2 September 2019.

Pengusaha ternakan ayam secara haram atau baru perlu memohon PKTA kepada Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTGJ) manakala pembaharuan PKTA dipohon kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD). Syarat nyata tanah yang akan dikenakan kepada setiap permohonan yang disyorkan untuk kelulusan PKTA adalah "**tanah ini hendaklah digunakan untuk ternakan ayam dengan menggunakan sistem reban tertutup**"

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.3

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENTERNAKAN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Pembinaan Pusat Penyembelihan Ayam

DESKRIPSI

PEMBINAAN PUSAT PENYEMBELIHAN AYAM
Lokasi: Plot Tanah PTD 69780, Mukim Kluang
Luas: 2.3396 hektar

i. Pembinaan sebuah pusat penyembelihan ayam dijangka dibina dalam tempoh fasa pertama kajian.
ii. Pusat penyembelihan ayam ini dirancangkan dibangunkan dengan usahasama pihak swasta dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kluang.

PEMULA

JPV, JAS

PELAKSANA

JPV, Penternak

ANGGARAN KOS

Peruntukan Kerajaan Persekutuan

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Aktiviti penternakan ayam secara mesra alam belum dilaksanakan sepenuhnya untuk menjamin kelestarian alam sekitar

SASARAN

Membina pusat penyembelihan ayam bagi mengatasi isu pencemaran alam sekitar menjelang 2030

SDG SC

Rajah 5.62 : Pelan Lokasi Tapak Pusat Penyembelihan Ayam di Jalan Paloh – Kluang



Penyediaan sebuah pusat penyembelihan ayam adalah selaras dengan kadar pengeluaran ternakan ayam yang tinggi di Daerah Kluang.

Sebuah tapak yang dimiliki oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah digazetkan untuk pusat penyembelihan ayam terletak di Jalan Paloh – Kluang.

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.3

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENTERNAKAN MENERUSI PERTANIAN HIJAU

Pengawalan Aktiviti Penternakan Khinzir Secara Mesra Alam

DESKRIPSI

Lokasi: Semua Ladang Ternakan Khinzir di Mukim Kluang

i. Semua ladang khinzir dijangka akan dipindahkan ke Jemaluang di Mersing dalam tempoh Fasa 1 kajian.

PEMULA

JPV

PELAKSANA

Penternak, Swasta

ANGGARAN KOS

Peruntukan Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi perancangan negeri untuk melaksanakan aktiviti penternakan khinzir secara berpusat

SASARAN

Pemindahan ladang ternakan khinzir secara berpusat dan mesra alam

SDG SC

Terdapat seramai lima orang pengusaha ternakan khinzir secara komersial di Daerah Kluang dengan jumlah ternakan sebanyak 36,200 ekor. Antaranya seperti berikut:

1. Gee Huat Farming, Bt, 9 Jalan Batu Pahat Kluang
2. Wong Agriculturre Sdn Bhd, Bt, 10 Jalan Batu Pahat Kluang
3. Teratai Agriculture, Bt 24 Jalan Mersing
4. Low Yong Seng, Bt 17 Jalan Mersing
5. Thiam Shun Farm, Bt. 9 Jalan Paloh

DRAF

STRATEGI PT 3

MENINGKATKAN AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP), PERTANIAN MESRA ALAM DAN SKIM PENSIJILAN

CADANGAN PT 3.4

CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH-TANAH PERTANIAN TERBIAR DAN MEMBANGUNKAN SEMULA KAWASAN PERTANIAN YANG TIDAK DIUSAHAKAN SECARA EKONOMIK

DESKRIPSI

Lokasi: Sekitar Daerah Kluang
Luas: 832.31 hektar (299 Lot Tanah)

i. Insentif yang diterima oleh pengusaha ialah kerja tanah merangkumi pembersihan kawasan, penyediaan infrastruktur asas dan penyediaan input seperti anak benih, baja dan racun pada kadar maksimum RM20,000 per hektar.
ii. Luas maksimum tanah terbiar untuk diusahakan oleh seorang peserta adalah 5 hektar.
iii. Fokus tanaman adalah tanaman kekal seperti tanaman buah-buahan dan tanaman selingan adalah digalakkan bagi mendapatkan hasil pengeluaran dalam jangka masa yang singkat.

PEMULA

Jabatan Pertanian

PELAKSANA

Pengusaha Swasta, Individu

ANGGARAN KOS

Peruntukan Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Tanah baru untuk pertanian adalah terhad dan kedapatan tanah pertanian terbiar yang luas

SASARAN

Meningkatkan pengeluaran agro makanan melalui pembangunan tanah terbiar menjelang 2030

SC

Projek Pembangunan Tanah Terbiar telah dirangka oleh Jabatan Pertanian Malaysia untuk pembangunan tanah milik individu yang terbiar selama 3 tahun berturut-turut dengan keluasan minimum 0.4 hektar supaya menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan dan meningkatkan pendapatan pengusaha. Jabatan Pertanian akan memberikan bantuan modal kepada pemilik tanah atau pengusaha untuk menaikkan semula ladang yang telah terbiar.

Dalam usaha tersebut, Jabatan Pertanian Malaysia telah membuka pendaftaran tanah terbiar hak milik individu di pejabat-pejabat pertanian daerah yang bertujuan untuk membolehkan usahawan-usahawan yang ingin menjalankan projek pertanian tetapi tidak mempunyai tanah membuat projek pertanian melalui sewaan tanah dengan pemilik tanah terbiar. Jabatan Pertanian akan mengenalpasti lokasi projek dengan mengambil kira persetujuan pemilik dan aspek teknikal pertanian seperti kesesuaian tanah serta kedapatan sumber air.

Bagi memastikan kelestarian projek yang dilaksanakan, fokus tanaman utama bagi projek ini adalah tanaman kekal seperti tanaman buah-buahan. Walau bagaimanapun, tanaman selingan seperti tanaman kontan / sayur-sayuran adalah digalakkan bagi mendapatkan hasil pengeluaran dalam jangka masa yang singkat.



Foto: Tanaman selingan seperti tanaman kontan adalah digalakkan diusahakan di atas tanah pertanian terbiar untuk mendapatkan hasil dalam jangka masa pendek.

DRAF

5.5 PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

HALATUJU PEMBANGUNAN



Greening Kluang (Bandar) - *Walkable/cycling,* pengangkutan awam berintegrasi, cekap dan berkesan serta rangkaian hijau

STRATEGI PG 2

PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN YANG MENYELURUH, BERFREKUENSI TINGGI, MUDAH AKSES DAN MAMPU DIBAYAR

- **PG2.1** Cadangan naik taraf dan pembinaan stesen bas baharu
- **PG2.2** Cadangan naik taraf dan pembinaan hentian bas baharu
- **PG2.3** Naik taraf landasan kereta api sedia ada kepada EDT beserta naiktaraf stesen
- **PG2.4** Mengintegrasikan pengangkutan awam dan pengangkutan transit/laluan pejalan kaki penghubung
- **PG2.5** Cadangan penambahan laluan bas (antara daerah, dalam bandar, luar bandar dan BRT)

STRATEGI PG 3

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALU LINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

- **PG3.1** Cadangan pembaikan sistem pengurusan lalu lintas pusat bandar
- **PG3.2** Cadangan laluan basikal dan kemudahan sokongan
- **PG3.3** Menggalakkan penggunaan kenderaan *hybrid* dan penggunaan bahan api alternatif NGV/ CNG
- **PG3.4** *Special Event Traffic Management Plan* diwajibkan untuk setiap majlis besar
- **PG3.5** Cadangan Depoh Lori
- **PG3.6** Cadangan *Transit Oriented Development* (TOD)

DRAFT

Greener Kluang dari segi pengangkutan dan perhubungan dapat dicapai melalui anjakan pengguna ke arah penggunaan pengangkutan awam dan pengukuhan sistem pengurusan lalulintas yang selamat dan mesra pengangkutan hijau. Matlamat ini dapat dicapai dengan dua strategi utama iaitu:



STRATEGI

PG 2 PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN YANG MENYELURUH , BERFREKUENSI TINGGI, MUDAH AKSES DAN MAMPU DIBAYAR

Pergantungan yang tinggi terhadap pengangkutan persendirian mengundang pelbagai masalah seperti keperluan pembinaan jaringan jalan yang terlalu banyak dan tidak ekonomi, masalah tampungan kapasiti jalan dan persimpangan, keperluan tempat letak kenderaan yang sentiasa tidak mencukupi serta masalah pencemaran alam sekitar dari asap kenderaan yang tinggi.

Bagi mengatasi masalah ini, langkah memperbaiki sistem pengangkutan awam semasa perlu disediakan seterusnya meningkatkan peratusan penggunaan pengangkutan awam yang lebih tinggi.

PG 3 MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

Sistem pengurusan lalulintas di pusat bandar perlu diperkemaskan terutama dalam aspek kemudahan pengurusan lalulintas seperti laluan pejalan kaki, sirkulasi lalulintas dan kemudahan tempat letak kenderaan.


CADANGAN

PG 2.1 Cadangan naik taraf dan pembinaan stesen bas baharu
PG 2.2 Cadangan naik taraf dan pembinaan hentian bas baharu
PG 2.3 Naik taraf landasan keretapi sedia ada kepada EDT beserta naiktaraf stesen
PG 2.4 Mengintegrasikan pengangkutan awam dan pengangkutan transit /laluan pejalan kaki penghubung
PG 2.5 Cadangan penambahan laluan bas (Antara daerah, dalam bandar, luar bandar dan laluan *Bus Rapid Transit* (BRT)

PG 3.1 Cadangan pembaikan sistem pengurusan lalu lintas pusat bandar
PG 3.2 Cadangan laluan basikal dan kemudahan sokongan
PG 3.3 Menggalakkan penggunaan kenderaan *hybrid* dan penggunaan bahan api alternatif NGV dan CNG
PG 3.4 *Special Event Traffic Management Plan* diwajibkan untuk setiap majlis besar
PG 3.5 Cadangan Depoh Lori
PG 3.6 Cadangan *Transit Oriented Development* (TOD)

DRAF

RAJAH 5.63 LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI



PETUNJUK :

PG2.1 CADANGAN NAIKTARAF DAN PEMBINAAN STESEN BAS BAHARU
- Naiktaraf Stesen Bas
- Cadangan Stesen Bas

PG2.2 CADANGAN NAIKTARAF DAN PEMBINAAN HENTIAN BAS BAHARU
- Naiktaraf Hentian Bas
- Cadangan Hentian Bas

PG2.3 CADANGAN NAIKTARAF LANDASAN KERETAPI DAN STESEN
- Naiktaraf Landasan Keretapi
- Naiktaraf Stesen Keretapi

PG2.4 MENGINTEGRASI PENGANGKUTAN AWAM DENGAN MEWUJUDKAN PENGANGKUTAN TRANSIT MENGHUBUNGKAN ANTARA TERMINAL
- Cadangan Laluan Bas Antara Terminal

PG2.5 CADANGAN PENAMBAHAN LALUAN BAS UNTUK PERHUBUNGAN ANTARA DAERAH, DALAM BANDAR, LUAR BANDAR DAN BRT
- Cadangan Laluan Bas Antara Daerah
- Cadangan Laluan Bas Dalam Bandar
- Cadangan Laluan Bas Luar Bandar
- Cadangan Bus Rapid Transit (BRT)

Lain-Lain:
- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- 1 No Jalan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG2

PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN YANG MENYELURUH, BERFREKUENSI TINGGI, MUDAH AKSES DAN MAMPU DIBAYAR

CADANGAN PG 2.1

CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBINAAN STESEN BAS BAHARU

DESKRIPSI

i. Menyatukan kepelbagaian mod pengangkutan awam
ii. Mempertingkatkan dan melengkapkan kemudahan sokongan di stesen pengangkutan bagi keselesaan pengguna.

PEMULA

MPK, MDSR, APAD, PAJ

PELAKSANA

MPK, MDSR, APAD, PAJ

ANGGARAN KOS

RM 750,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian

SASARAN

Naik taraf 6 stesen bas sedia ada dan pembinaan tambahan 1 stesen bas baharu

Jadual 5.19: Senarai Cadangan Naik Taraf Pembinaan Terminal Bas Baharu


BIL	PROJEK	DESKRIPSI	FASA	JENIS TERMINAL
1	Hub Pengangkutan Mengkibol	Lokasi di kawasan perindustrian Mengkibol	Luar fasa kajian	Stesen Utama Daerah (BRT, Bas, Teksi, KTM)
2	Naiktaraf Stesen Pengangkutan Awam Bandar Kluang	Lot: 4314 Luas: 1.77 ekar	2021-2025 (Fasa 1)	Stesen Utama Tempatan (Bas, Teksi)
3	Naiktaraf Pusat Perhentian Bas Paloh	Lot: Sedia ada Luas: 0.35 ekar	2021-2025 (Fasa 1)	Stesen Tempatan Minor (Bas, Teksi)
4	Stesen Bas Kahang	Lot: Tanah lapang Luas: 0.6 ekar	2026-2030 (Fasa 2)	
5	Naiktaraf Stesen Simpang Renggam	Lot: 8523 Luas: 0.49 ekar	2021-2025 (Fasa 1)	Stesen Utama Tempatan (Bas, Teksi)
6	Naiktaraf Perhentian Bas Renggam	Lot: Sedia ada Luas: 0.96 ekar	2021-2025 (Fasa 1)	Stesen Tempatan Minor (Bas, Teksi)
7	Naiktaraf stesen Bas Layang - Layang	Lot: 1462 Luas: 0.17 ekar	2026-2030 (Fasa 2)	
8	Naiktaraf stesen Bas Taman Sri Lambak	Lot: Sedia ada Luas: 0.53 ekar	2026-2030 (Fasa 2)	

Stesen Utama Daerah



***Ukuran:* 20 ekar**
Garis Panduan:
- Terletak dalam kawasan pusat wilayah.
- Perkhidmatan rapid, berfrekuensi tinggi.
- Perkhidmatan pengagih kepada stesen utama dan penyambung ke perkhidmatan terminal antarabangsa.
- Bangunan terminal menjadi mercu tanda dan berintegrasi dengan guna tanah sekitar.
- Menyediakan kemudahan *park and ride*.

Stesen Utama Tempatan (Pusat Bandar)



***Ukuran:* 4 ekar < x < 20 ekar**
Garis Panduan:
- Terletak di pusat separa wilayah atau di bandar utama.
- Terdapat satu atau lebih perkhidmatan rapid, perkhidmatan berfrekuensi tinggi.
- Perkhidmatan pengagih kepada stesen tempatan dan perkhidmatan bas intrabandar dalam lingkungan 60km.
- Menyediakan kemudahan *park and ride*.

Stesen Tempatan Minor (Pusat Tempatan)




***Ukuran:* < 1 ekar**
Garis Panduan:
- Terletak dalam lingkungan kawasan pusat tenpatan utama.
- Perkhidmatan bas pengagih untuk ke stesen-stesen kecil.
- Perkhidmatan antara pusat tempatan berhampiran dalam lingkungan jarak 30km.
- Menyediakan tempat letak kenderaan yang mencukupi.

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

RAJAH 5.64 PELAN CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBINAAN STESEN BAS BARU



PETUNJUK :

Cadangan Rel

Naiktaraf Kepada Landasan Berkembar

Cadangan stesen Bas

Cadangan Stesen Baru
Cadangan Naik taraf Stesen Sedia Ada



Contoh Stesen Utama Tempatan (Pusat Bandar)



Contoh Stesen Tempatan Minor (Pusat Tempatan)



Contoh Terminal Utama Daerah

Lain-Lain:

Jalan Raya
Lebuhraya Utara-Selatan
Landasan Kereta Api
Sungai/ Badan Air
Sempadan Daerah
Sempadan Mukim
No Jalan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG2

PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN YANG MENYELURUH, BERFREKUENSI TINGGI, MUDAH AKSES DAN MAMPU DIBAYAR

CADANGAN PG 2.2

CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBINAAN HENTIAN BAS BAHARU

DESKRIPSI

i. Menyediakan kemudahan sokongan kepada perkhidmatan bas.
ii. Menambah hentian bagi membolehkan akses diperolehi untuk semua kawasan pembangunan dan penempatan.
iii. Menaiktaraf hentian bas yang uzur dan dilengkapi dengan informasi berkaitan.
iv. Menambah kemudahan sokongan untuk keselesaan dan keselamatan pengguna
   - Lintasan pejalan kaki / jejantas.
   - *Lay-by* bas.
   - Laluan pejalan kaki.
   - Penggunaan kipas (tenaga solar).

PEMULA

MPK, MDSR, PAJ

PELAKSANA

MPK, MDSR, PAJ

ANGGARAN KOS

RM 480,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mengurangkan kebergantungan terhadap pengangkutan persendirian

SASARAN

Naik taraf 12 hentian bas dan cadangan 18 hentian baharu




Foto: Penggunaan Kipas dengan Tenaga Solar.




Foto: Hentian bas perlu disokong dengan lintasan pejalan kaki / jejantas.

CONTOH REKABENTUK HENTIAN BAS



Ciri-ciri:
- Rekabentuk, dan warna yang diselaraskan bagi setiap hentian bas.
- Papan informasi laluan bas dan masa dijangka (ketibaan).
- Penamaan setiap hentian bas.
- Laluan pejalan kaki, lintasan pejalan kaki dan jejantas.
- *Lay-by* bas.

RAJAH 5.65 PELAN CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBINAAN HENTIAN BAS BARU



PETUNJUK :

Cadangan Rel

Naiktaraf Kepada Landasan Berkembar

Cadangan Terminal Bas

Cadangan Terminal Baru

Cadangan Naiktaraf Stesen Sedia Ada

Cadangan Perhentian Bas

Cadangan Hentian Baru

Cadangan Naiktaraf Hentian Sediada

Lain-Lain:

Jalan Raya

Lebuhraya Utara-Selatan

Landasan Kereta Api

Sungai/ Badan Air

Sempadan Daerah

Sempadan Mukim

No Jalan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG2

PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN YANG MENYELURUH, BERFREKUENSI TINGGI, MUDAH AKSES DAN MAMPU DIBAYAR

CADANGAN PG 2.3

NAIK TARAF LANDASAN KERETAPI SEDIA ADA KEPADA LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK BESERTA NAIKTARAF STESEN

DESKRIPSI

i. Naiktaraf laluan sedia ada (tunggal) kepada laluan berkembar.
ii. Sistem Elektrik 25kV.
iii. Kelajuan 140km/j.
iv. Laluan melibatkan *Elevated*, aras tanah, jambatan di sungai dan jambatan di jalan raya.
v. Naiktaraf juga melibatkan penjajaran semula laluan yang bengkok, naiktaraf stesen KTM dan merobohkan jambatan sedia ada (Jalan Rambutan (FT172).

PEMULA

MPK, MDSR, KTMB, APAD, PAJ

PELAKSANA

MPK, MDSR, KTMB, APAD, PAJ

ANGGARAN KOS

Sedang dilaksanakan

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam

SASARAN

Anjakan 60% penggunaan pengangkutan awam

Jadual 5.20: Cadangan Projek Menaik Taraf Stesen Kereta Api

BIL	PROJEK	JENIS LALUAN	FASA
1	Naiktaraf stesen KTM Kluang	*Elevated*	Sedang dilaksanakan. Jangka siap tahun 2021
2	Naiktaraf stesen KTM Layang – Layang	Aras tanah	
3	Naiktaraf stesen KTM Renggam	*Elevated*	
4	Naiktaraf stesen KTM Chamek	Aras tanah	
5	Naiktaraf stesen KTM Paloh	Aras tanah	

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020





Foto: Contoh Landasan Berkembar



Foto: Jajaran Laluan Projek Landasan Berkembar.

DRAF

RAJAH 5.66 PELAN CADANGAN NAIK TARAF LANDASAN SEDIA ADA KEPADA LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG2

PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN YANG MENYELURUH, BERFREKUENSI TINGGI, MUDAH AKSES DAN MAMPU DIBAYAR

CADANGAN PG 2.4

MENGINTEGRASIKAN PENGANGKUTAN AWAM DENGAN MEWUJUDKAN PENGANGKUTAN TRANSIT / LALUAN PEJALAN KAKI MENGHUBUNGKAN ANTARA TERMINAL PENGANGKUTAN

DESKRIPSI

i. Menyediakan pengangkutan transit (bas pengantara) bagi menghubungkan antara terminal pengangkutan (jarak melebihi 400m).
ii. Penyediaan laluan pejalan kaki dan lintasan pejalan kaki bagi jarak stesen KTM dan stesen bas kurang dari 400m . Cadangan laluan pejalan kaki adalah:
- Stesen Bas Layang – Layang ke Stesen KTM Layang – Layang
- Stesen Bas Paloh – Stesen KTM Paloh

PEMULA

PBT, APAD, PAJ, Pengusaha Bas

PELAKSANA

Pengusaha Bas, PAJ

ANGGARAN KOS

RM 2,920,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Mengurangkan kebergantungan terhadap pengangkutan persendirian

SASARAN

9 laluan menghubungkan terminal sedia dan 2 Laluan pejalan kaki menghubungkan stesen KTM dan terminal bas

Bas Pengantara

1) Menyediakan perhubungan antara terminal pengangkutan awam

2) Menyediakan perhubungan antara terminal pengangkutan dengan tempat tumpuan contohnya pusat bandar

3) Bas yang lebih kecil – menjimatkan minyak, memudahkannya melalui jalan sempit

Jadual 5.21: Cadangan Laluan Bas Pengantara

BIL	LALUAN CADANGAN	PANJANG LALUAN (KM)	FASA
1	Stesen Bas Simpang Renggam – Stesen Bas Kluang	33.86	2021-2025 (Fasa1)
2	Stesen Bas Taman Sri Lambak – Stesen Bas Kluang	12.56	2021-2025 (Fasa1)
3	Stesen Bas Layang-Layang – Stesen Bas Kluang	34.52	2021-2025 (Fasa1)
4	Stesen Bas Kluang – Stesen Keretapi Kluang	0.90	2021-2025 (Fasa1)
5	Stesen Bas Kahang – Stesen Bas Kluang	35.16	2026-2030 (Fasa 2)
6	Stesen Bas Kluang – Hub Pengangkutan Mengkibol	6.61	Luar tempoh kajian
7	Stesen Bas Taman Sri Lambak – Hub Pengangkutan Mengkibol	10.45	
8	Stesen Bas Layang-Layang – Hub Pengangkutan Mengkibol	26.20	
9	Stesen Bas Simpang Renggam – Hub Pengangkutan Mengkibol	27.25	

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF




Foto: Laluan pejalan kaki menghubungkan Stesen Bas Layang – Layang ke Stesen KTM Layang – Layang.





Foto: Laluan pejalan kaki menghubungkan Stesen Bas Paloh ke Stesen KTM Paloh.

PETUNJUK: Laluan Pejalan Kaki Lintasan Pejalan Kaki

RAJAH 5.67 PELAN CADANGAN LALUAN BAS PENGANTARA



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG2

PENYEDIAAN PENGANGKUTAN AWAM YANG BERINTEGRASI DALAM MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHSAMPAIAN YANG MENYELURUH, BERFREKUENSI TINGGI, MUDAH AKSES DAN MAMPU DIBAYAR

CADANGAN PG 2.5

CADANGAN PENAMBAHAN LALUAN BAS UNTUK PERHUBUNGAN ANTARA DAERAH, DALAM BANDAR, LUAR BANDAR DAN LALUAN *BUS RAPID TRANSIT* (BRT)

DESKRIPSI

i. Penyediaan tambahan laluan pengangkutan awam ke seluruh daerah Kluang
ii. Penggunaan bas kecil / van bagi kawasan luar bandar

PEMULA

MPK, MDSR, APAD, PAJ

PELAKSANA

MPK, MDSR, APAD, PAJ

ANGGARAN KOS

RM 55,840,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam

SASARAN

- 5 laluan antara daerah
- 6 laluan bas dalam bandar (oleh PAJ)
- 4 laluan bas luar Bandar
- 1 laluan BRT

Jadual 5.22 : Cadangan Laluan Bas

BIL	CADANGAN LALUAN BAS	PANJANG LALUAN (KM)	FASA
Cadangan Laluan Bas Antara Daerah			
1	Kluang – Kota Tinggi	57.12	2021 – 2025 (Fasa 1)
2	Kluang – Segamat	49.97	2021 – 2025 (Fasa 1)
3	Kluang – Tangkak	52.59	2021 – 2025 (Fasa 1)
4	Kluang – Mersing	51.28	2021 – 2025 (Fasa 1)
5	Simpang Renggam – Johor Bahru	33.80	2021 – 2025 (Fasa 1)
Cadangan Laluan Bas Dalam Bandar			
6	Kluang – Taman Permata	13.11	2021 – 2025 (Fasa 1)
7	Kluang – Taman Delima	9.06	2021 – 2025 (Fasa 1)
8	Kluang – Kg. Datuk Abd. Rahman Yasin	12.44	2021 – 2025 (Fasa 1)
9	Kluang – Taman Sri Tengah	10.13	2021 – 2025 (Fasa 1)
10	Simpang Renggam – Jalan Parit Hj. Ismail	15.58	2021 – 2025 (Fasa 1)
11	Simpang Renggam – Kg. Chokro	8.91	2021 – 2025 (Fasa 1)
Cadangan Laluan Bas Luar Bandar			
12	Sedenak – Layang-Layang – Renggam	51.92	2026-2030 (Fasa 2)
13	Chaah – Paloh – Bandar Kluang	48.11	2026-2030 (Fasa 2)
14	Simpang Renggam – Renggam – Bandar Kluang	35.79	2026-2030 (Fasa 2)
15	Kahang – Kahang Timur – Kahang Barat – Taman Seri Impian – Hospital Kluang - Kluang	51.10	2026-2030 (Fasa 2)
Cadangan Laluan Bus Rapid Transit (BRT)			
16	Ayer Hitam - Kluang	22.54	2026-2030 (Fasa 2)


Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

Konsep perkhidmatan *Bus Rapid Transit (BRT)* adalah perkhidmatan bas yang disediakan dengan pengasingan laluan bas dengan laluan kenderaan bermotor yang lain (laluan khas). Sama seperti konsep LRT, tetapi ia melibatkan bas. Ini bertujuan mempercepatkan perjalanan menuju ke destinasi seterusnya menjadi pilihan pengguna untuk perjalanan ke tempat kerja dan sebagainya.


Komponen BRT adalah :
i) Bas ii) Laluan khas bas
Bagi setiap tempat perhentian perlu disediakan :
i) Stesen ii) Jejantas
Terdapat dua jenis laluan BRT yang boleh dilaksanakan di Daerah Kluang iaitu :
i) Berada di bahagian tengah jalan
ii) Berada di atas (konsep sama seperti LRT)

Contoh keratan rentas laluan bas di tengah rizab jalan




DRAF

Contoh keratan rentas laluan bas di atas (konsep LRT)




DRAF

RAJAH 5.68 PELAN CADANGAN PENAMBAHAN LALUAN BAS



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 5.69 LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS



PETUNJUK :

- PG3.1 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN LALULINTAS PUSAT BANDAR
- PG3.2 CADANGAN LALUAN BASIKAL DAN KEMUDAHAN YANG MENYOKONGNYA
  - Cadangan Laluan Basikal
- PG3.3 MENGGALAKKAN PENGGUNAAN KENDERAAN HYBRID DAN BAHAN API ALTERNATIF NGV DAN CNG
- PG3.4 SPECIAL EVENT TRAFFIC MANAGEMENT PLAN DIWAJIBKAN UNTUK SETIAP MAJLIS BESAR
- PG3.5 CADANGAN DEPOH LORI
  - Cadangan Depoh Lori
- PG3.5 CADANGAN PUSAT TOD
  - Pusat TOD

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- 1 No Jalan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG3

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

CADANGAN PG 3.1

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN LALULINTAS PUSAT BANDAR

DESKRIPSI

i. Melancarkan aliran trafik Pusat Bandar (Kluang dan Simpang Renggam)
ii. Penyediaan sistem lalulintas yang selamat dan mesra pengguna. Antaranya:
- Laluan pejalan kaki
- Laluan basikal
- Hentian bas untuk *shuttle bus* pusat bandar
- Tempat letak kenderaan berpusat dan *park & ride*
- Pembaikan persimpangan/penutupan persimpangan untuk kelancaran trafik
- Laluan *shuttle bus* dalam bandar
- Jalan lingkaran bandar

PEMULA

MPK, MDSR, JKR

PELAKSANA

MPK, MDSR, JKR

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) | FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menguruskan sistem pengurusan trafik dengan menyediakan kemudahan pengurusan lalulintas

SASARAN

Menjadikan 90% pusat bandar sebagai bandar mesra pejalan kaki

Jadual 5.23: Cadangan Pengurusan Lalulintas Bandar Kluang

BIL	CADANGAN	LOKASI		ANGGARAN KOS
1	Lintasan pejalan kaki	1) Jalan Hj Manan (2) 2) Persiaran Dato Hj Ismail Hassan (2) 3) Jalan Sultanah 4) Jalan Mersing 5) Jalan Wayang 6) Jalan Kluang – Renggam		6,000
2	Laluan pejalan kaki berbumbung (2.48km)	1) Jalan Omar 2) Jalan Mersing 3) Jalan Hj Manan 4) Jalan Manggis	5) Jalan Dato Tan Seng Leong 6) Jalan Sultanah 7) Jalan Panggung 8) Tepi Sg. Mengkibol	744,000
3	Hentian bas	*1) Park & ride* 2) Pejabat Tanah 3) Dewan 4) Flat Hj. Manan		80,000
4	*Park & Ride*	Laman Tasik		100,000
5	*Shuttle bus* bandar	Stesen Bas Kluang – Laman Tasik – Stesen Bas Kluang		730,000
6	Roboh jambatan	Jambatan Jalan Rambutan		250,000
7	Jalan baru	Jalan Pintasan Bandar (Jalan Rambutan ke Jalan Sentosa (FT172) -0.49KM		3,675,000
8	Naik taraf persimpangan	Persimpangan Jalan Hospital (FT172)/ Jalan Sentosa sedia ada akan beroperasi sebagai persimpangan empat		250,000
			Jumlah	**7,835,000**

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

SMART MOBILITY

Menggunakan teknologi yang mudah dibawa (telefon bimbit) dalam mempertingkatkan kemudahsampaian kepada pengangkutan awam dengan konsep hijau (kereta elektrik / basikal).



Cadangan penggunaan *smart mobility* bagi Bandar Kluang adalah dengan menggunakan:

1. Aplikasi sewaan basikal contoh aplikasi o-bike:
   - Menyedia basikal sewaan dengan kemudahan parkir dan aplikasi untuk menjejaki basikal








Foto: Perkhidmatan O-Bike.

2. Aplikasi merancang perjalanan dengan membolehkan pengguna menjejaki perkhidmatan pengangkutan awam yang terhampir. Contoh aplikasi telah sedia ada pada masa kini: *Mooveit* (aplikasi ini pada keadaan semasa hanya tertumpu pada kawasan bandaraya sahaja)




Foto: Contoh pencarian untuk perjalanan dari Larkin ke Bandar Baru Uda.

Jadual 5.24 : Cadangan Pengurusan Lalulintas Bandar Simpang Renggam (Jangka Pendek)

BIL	CADANGAN	LOKASI	ANGGARAN KOS
1	Laluan pejalan kaki berbumbung (2.28km)	1) Jalan Simpang Renggam (J26) 2) Jalan Besar 3) Jalan Pasar 4) Jalan Parit Hj. Hashim 5) Jalan Masjid Lama 6) Jalan Kenanga 7) Jalan Besar 8) Jalan Kijang	684,000
2	Jejantas	1) Jalan Kg. Shaari 2) Taman Rumas	40,000
3	Hentian bas	1) Jalan Kg Shaari 2) Lembaga Nenas 3) Jalan Pagar 4) SMK Dato Abd Rahman Andak 5) Kg. Chokro	100,000
4	Laluan basikal (0.33km)(dalam bandar sahaja)	1) Jalan Simpang Renggam (J26)	99,000
5	Naiktaraf persimpangan	1) Persimpangan berlampu isyarat Jalan Besar (FT001) / Jalan Bunga Raya dinaiktaraf dengan membenarkan pusingan U (bagi kenderaan berat) dari Simpang Renggam 2) Persimpangan tanda berhenti Jalan Besar (FT001) / Jalan Jaya 8 dinaiktaraf kepada persimpangan berlampu isyarat dengan fasiliti pusingan U untuk kenderaan berat 3) Persimpangan tanda berhenti Jalan Besar (FT001) / Jalan Rumas dinaiktaraf kepada persimpangan belokan kiri	1,500,000
		Jumlah	**2,423,000**

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020


Jadual 5.25 : Cadangan Pengurusan Lalulintas Bandar Simpang Renggam (Jangka Panjang)

BIL	CADANGAN	LOKASI	ANGGARAN KOS
1	Naiktaraf persimpangan	1) Persimpangan belokan kiri Jalan Besar (FT001) /Jalan Kg Shaari kepada persimpangan berlampu isyarat 2) Persimpangan tanda berhenti Jalan Besar (FT001) /Jalan Kancil kepada persimpangan belokan kiri	1,000,000
2	Naiktaraf jalan	1) Jalan Renggam dinaiktaraf kepada 4 lorong 2 hala (rizab 30m) 2) Jalan Besar (FT001) dinaiktaraf menjadi 4 lorong 2 hala dengan median 3) Jalan Kg Shaari dinaiktaraf kepada 4 lorong 2 hala (rizab 30m)	10,780,000
		Jumlah	**12,280,000**

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAFT

RAJAH 5.70 PELAN CADANGAN PENGURUSAN LALU LINTAS (PUSAT BANDAR KLUANG)



PETUNJUK :


- Tempat Letak Kenderaan
- Tempat Letak Kenderaan (Tidak Sah)
- Cadangan Park & Ride
- Laluan Pejalan Kaki & Basikal (bawah laluan KTM)
- Aliran Lalulintas Dua Hala
- Aliran Lalulintas Sehala
- Laluan Pejalan Kaki Sedia Ada
- Cadangan Laluan Pejalan Kaki Baru Berbumbung
- Lintasan Pejalan Kaki
- Hentian Bas Henti-henti sedia ada
- Cadangan Hentian Bas Henti-henti
- Cadangan Shuttle Bus
- Persimpangan Lampu Isyarat
- Cadangan Naiktaraf Persimpangan
- Cadangan Jalan Baru
- Persimpangan 'berhenti'

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- No Jalan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 5.71 PELAN CADANGAN PENGURUSAN LALU LINTAS BANDAR SIMPANG RENGGAM (JANGKA MASA PENDEK)



PETUNJUK :

- Jejantas
- Cadangan Jejantas
- Tempat Letak Kenderaan
- Tempat Letak Kenderaan (Tidak Sah)
- Aliran Lalulintas Dua Hala
- Aliran Lalulintas Sehala
- Laluan Pejalan Kaki Sedia Ada
- Cadangan Laluan Pejalan Kaki Baru
- Hentian Bas sedia ada
- Cadangan Hentian Bas
- Cadangan Laluan Basikal

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- No Jalan


Jadual 5.26: Cadangan Lokasi Pengurusan Lalulintas (Bandar Simpang Renggam)

CADANGAN	LOKASI
Laluan pejalan kaki	1. Jalan Simpang Renggam (J26) 2. Jalan Besar 3. Jalan Pasar 4. Jalan Parit Hj. Hashim 5. Jalan Masjid Lama 6. Jalan Kenanga 7. Jalan Besar 8. Jalan Kijang
Jejantas	1. Jalan Kg. Shaari 2. Taman Rumas
Hentian bas	1. Jalan Kg Shaari 2. Lembaga Nenas 3. Jalan Pagar 4. SMK Dato Abd Rahman Andak 5. Kg. Chokro
Laluan basikal	1. Jalan Simpang Renggam (J26)

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

RAJAH 5.72 PELAN CADANGAN PENGURUSAN LALU LINTAS BANDAR SIMPANG RENGGAM (JANGKA PANJANG)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG3

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

CADANGAN PG 3.2

CADANGAN LALUAN BASIKAL DAN KEMUDAHAN SOKONGAN

DESKRIPSI

i. Mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor yang dapat menyebabkan pencemaran udara.

ii. **Kemudahan sokongan:**
- Hentian basikal berbumbung.
- Penyediaan pusat sewaan basikal dan parkir yang mencukupi.
- Menyediakan perkhidmatan basikal elektrik sewa dengan penggunaan kad akses.
- Penyediaan laluan basikal yang dapat menghubungkan kawasan perumahan terus ke kawasan tumpuan dan pusat pengangkutan awam yang lain.

PEMULA

MDSR, MPK, APAD, BPEN

PELAKSANA

MDSR, MPK, APAD, BPEN

ANGGARAN KOS

RM 2,560,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menggalakkan penggunaan mod pengangkutan bebas karbon bagi mengurangkan pencemaran udara

SASARAN

Jumlah panjang laluan basikal : 153.93 km



Foto: Tempat letak basikal.



Foto: Tempat rehat bagi penunggang basikal.



Foto: Peralatan untuk baiki basikal.



Foto: Penyewaan basikal dengan kad akses.



Foto: Mesin minum air bagi menghilangkan dahaga.

Jadual 5.27: Lokasi Cadangan Laluan Basikal

LOKASI	JENIS JALAN	PANJANG (KM)	FASA
Jalan Mardi (J51)	Jalan Pengagih Sekunder	3.91	2021-2025 (Fasa 1)
Renggam – Kluang (J25)	Jalan Pengagih Sekunder	19.66	2026-2030 (Fasa 2)
Simpang Renggam – Renggam (J26)	Jalan Pengagih Sekunder	13.08	2026-2030 (Fasa 2)
Simpang Renggam – Kg. Ibrahim Majid	Jalan Pengagih Utama	8.43	2026-2030 (Fasa 2)
Simpang Renggam - Kulai	Jalan Pengagih Utama	18.48	2026-2030 (Fasa 2)
Ayer Hitam – Kluang - Mersing	Jalan Pengagih Utama	75.50	2026-2030 (Fasa 2)

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020




Foto: Keratan Rentas Jalan Pengagih Utama - Dengan Lorong Basikal.





Foto: Keratan Rentas Jalan Pengagih Sekunder - Dengan Lorong Basikal.

RAJAH 5.73 CADANGAN LALUAN BASIKAL



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG3

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

CADANGAN PG 3.3

MENGGALAKKAN PENGUNAAN KENDERAAN HYBRID SERTA PENGGUNAAN BAHAN API ALTERNATIF NGV DAN CNG

DESKRIPSI

i. Menggalakkan penggunaan bahan api alternatif NGV dan CNG.
ii. Penyediaan lebih banyak stesen untuk pengisian gas.
iii. Pemberian subsidi untuk kos pemasangan tong gas (NGV / CNG).
iv. Pemberian insentif seperti pengurangan cukai jalan, pendaftaran kenderaan dan tempat letak kereta percuma kepada pengguna kenderaan hybrid.

PEMULA

MPK, MDSR

PELAKSANA

MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

RM 5,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mengurangkan pencemaran dengan menggalakkan pengunaan kenderaan rendah karbon

SASARAN

50% Pengusaha teksi / GRAB menggunakan kenderaan dengan bahan api alternatif

KERETA DENGAN TEKNOLOGI HYBRID

Maksud

Kereta *Hybrid* ni merujuk kepada kenderaan yang tidak bergantung kepada kuasa bateri atau petrol sepenuhnya menggunakan enjin pembakaran dalaman yang memacu generator untuk membekalkan elektrik dan juga untuk pemanduan secara langsung.

Kelebihan

Menjimatkan bahan api dan seterusnya mampu mengurangkan pencemaran alam sekitar, pelepasan karbon monoksida kereta *hybrid* adalah 80% jauh lebih rendah berbanding dengan kereta biasa.







- Murah dari bahan bakar yang lain
- Mudah larut bila dilepaskan
- Lebih ringan dari udara
- Pelepasan karbon monoksida lebih rendah

DRAF

STRATEGI PG3

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

CADANGAN PG 3.4

SPECIAL EVENT TRAFFIC MANAGEMENT PLAN DIWAJIBKAN UNTUK SETIAP MAJLIS BESAR

DESKRIPSI

i. Mengurus pergerakan trafik pada peristiwa tertentu contohnya acara larian amal, pertabalan raja dan sebagainya.
ii. Penutupan jalan / persimpangan tertentu agar tidak menimbulkan kacau ganggu pergerakan trafik.
iii. Kawalan waktu kenderaan berat masuk ke pusat bandar (Menyelaras waktu masuk 10.00 malam – 5.00 pagi).

PEMULA

MDSD, MPK, JKR

PELAKSANA

MDSR, MPK, JKR

ANGGARAN KOS

RM 100,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menguruskan agihan trafik bagi mengelakkan kesesakan lalulintas yang diakibatkan oleh majlis tertentu di pusat bandar

SASARAN

100% acara yang dirancang perlu ada kajian *Special Event Traffic Management Plan*



Foto: Penutupan jalan tertentu

Foto: Jalan alternatif dicadangkan / laluan sehala bagi waktu terhad





Foto: Kawalan trafik oleh pihak berkuasa

Foto: Hebahan maklumat kepada orang awam



Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)
21 Sep at 20:35 •

Penutupan Jalan Sempena Sambutan Kemenangan JDT Juara Liga Super 2014, 2015 dan 2016

Makluman penutupan jalan sempena sambutan kemenangan JDT, juara MSL 2014, 2015 dan 2016. Jalan yang terlibat Flyover bersebelahan Dataran Bandaraya Johor Bahru akan ditutup untuk semua kenderaan bermula 23hb 12.00 pagi sehingga 25hb 7.00 pagi. Kepada penguna jalan raya diharap dapat menggunakan laluan alternatif yang lain. Harap maklum.

101 likes 14 comments 147 shares

Like Comment Share



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL

BHplus
Ahad, 16 Ogos 2015 | 12:13am

KEMALANGAN yang membabitkan penunggang motosikal dan lori pada awal pagi.

Kenderaan berat tak peduli larangan masuk bandar waktu puncak

Oleh Ikmal Ismail
bhonline@bh.com.my

Share Tweet

KEMALANGAN dengan kenderaan berat sering berakhir dengan kematian ngeri, terutamanya yang membabitkan penunggang motosikal.

Kemalangan maut berpunca daripada kenderaan berat yang semakin meningkat menyebabkan pihak berkuasa turut menetapkan peraturan yang melarang kenderaan berat menggunakan tiga laluan di sekitar Lembah Klang ketika waktu puncak iaitu pada sebelah pagi di antara jam 6.30 pagi hingga 9.30 pagi, kecuali pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Ia membabitkan kenderaan berat Kelas 2 dan Kelas 3, iaitu kenderaan dengan muatan 10,000 kilogram (kg) ke atas dan kenderaan tanpa muatan 10,000 kg ke atas.

Laluan berkenaan ialah Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) di antara Shah Alam dan Jalan Duta, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) di antara Sungai Buloh dan Bukit Lanjan serta Lebuhraya Persekutuan 2 di antara Subang dan Sungai Rasau.

Foto: Contoh isu yang akan timbul jika tiada kawalan trafik yang betul.

STRATEGI PG3

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

CADANGAN PG 3.5

CADANGAN DEPOH LORI

DESKRIPSI

i. Menyediakan tempat letak kenderaan berat di kawasan industri
ii. Cadangan di perindustrian Mengkibol, Sembrong dan bersebelahan *Truck City*
iii. Kaedah pembangunan:
- Bagi setiap pembangunan kawasan perindustrian baru perlu disyaratkan untuk penyediaan depoh lori
- Pelaburan pihak swasta / pengusaha kenderaan berat
- Dipantau oleh PBT

PEMULA

MPK, Swasta

PELAKSANA

MPK, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 600,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Mengelak kemasukan kenderaan berat ke kawasan perumahan dan mengakibatkan jalan rosak

SASARAN

Penyediaan 3 depoh lori baru

Rajah 5.74: Cadangan Depoh Lori



Kriteria Pembangunan Depoh Lori:

- Terletak di pinggir kawasan pembangunan bercampur sama ada kawasan industri, perumahan atau perdagangan
- Jarak 300m – 500m dari jalan utama untuk mudah akses
- Minimum 2km dari kawasan perumahan/ penempatan
- 5km – 10km dari pusat bandar terhampir

Bayaran:

- Bulanan (untuk pengguna tetap) RM150 /bulan
- Harian (pengguna luar dari kawasan) RM4.00 untuk 8 jam pertama dan RM0.30 untuk jam berikutnya

PETUNJUK:

Cadangan Depoh Lori

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim
- No Jalan

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PG3

MEMPERTINGKATKAN PENGURUSAN LALULINTAS AGAR LEBIH SELAMAT DAN EFISIEN

CADANGAN PG 3.6

CADANGAN TRANSIT ORIENTED DEVELOPMENT (TOD)

DESKRIPSI

i. Merancang pembagunan bersepadu dalam tadahan berjalan kaki dari terminal / hab pengangkutan
ii. Cadangan pusat TOD adalah Kluang dan Renggam

PEMULA

MPK, MDSR

PELAKSANA

MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)


RASIONAL

Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan berjalan kaki

SASARAN


2 kawasan TOD

Rajah 5.75: Cadangan TOD



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Konsep TOD



Prinsip pembangunan TOD



Prinsip 1: Merancang kepelbagaian gunatanah dan aktiviti pembangunan di dalam kawasan TOD



Prinsip 2: Membangunkan kawasan TOD dengan pembangunan berintensiti lebih tinggi



Prinsip 3: Menerapkan rekabentuk bandar yang baik



Prinsip 4: Mewujudkan persekitaran pejalan kaki dan berbasikal yang berkesinambungan, selamat dan selesa



Prinsip 5: Mengurus tempat letak kereta

5.6 INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

HALATUJU PEMBANGUNAN

H6

Infrastruktur mampan dan pengurusan sisa pepejal yang selamat dan berkesan


STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

- **IU4.1** Cadangan Penerapan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) dan Meneroka Sumber Air Alternatif serta Kitar Semula Penggunaan Air
- **IU4.2** Cadangan *smart grid* bagi memastikan kecekapan pengagihan bekalan elektrik yang baik serta penerapan prinsip teknologi hijau dalam penjanaan tenaga elekrik serta kaedah *net energy metering* (NEM)
- **IU4.3** Cadangan Penjanaan Bekalan Elektrik Dengan Kaedah Panel Solar *(Solar Farm)*
- **IU4.4** Cadangan Penggunaan sistem penyejukan berpusat *(District Cooling Sytem)* sebagai sistem penyejuk bagi kawasan berkepadatan tinggi
- **IU4.5** Penyediaan Laluan Utiliti bagi penyelenggaraan dan pemasangan utiliti yang cekap
- **IU4.6** Cadangan Loji Rawatan Pemprosesan Bio Solid (Sistem Pelupusan Enapcemar) Kepada Baja Alternatif bagi keperluan landskap
- **IU4.7** Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Bio-Teknologi
- **IU4.8** Cadangan Program Pembersihan dan Pemuliharaan Sungai
- **IU4.9** Cadangan Infrastruktur dan Utiliti Perindustrian 4.0



Greener Kluang dari segi infrastruktur dan utiliti dapat dicapai dengan memastikan penggunaan keperluan utiliti secara optimum dan mampan tanpa ada berlakunya pembaziran terhadap penggunaan utiliti tersebut. Selain itu penerapan teknologi hijau di dalam pembangunan perlu bagi meminimumkan pembebasan gas rumah hijau (GHG) yang rendah atau sifar.



STRATEGI

IU 4 PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Kebergantungan terhadap keperluan bekalan infrastruktur dan utiliti sedia ada seperti bekalan air, elektrik, pengurusan sisa pepejal dan pengurusan sisa kumbahan telah menyebabkan pelbagai masalah timbul. Perkara ini disebabkan oleh permintaan yang meningkat kepada keperluan asas ini telah memberi tekanan kepada pihak penyedia perkhidmatan untuk memperolehi sumber mentah yang semakin berkurangan.

Masalah yang timbul ini sekiranya tidak ditangani akan menyebabkan perancangan pembangunan bagi kawasan kajian akan terbantut. Oleh itu, keperluan untuk mengurangkan masalah ini perlu disediakan dengan penerapan teknologi hijau yang mesra alam yang dapat membantu perancangan pembangunan yang dirangka lebih mampan dan mesra alam.

CADANGAN

IU 4.1 Cadangan Penerapan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) dan Meneroka Sumber Air Alternatif Serta Kitar Semula Penggunaan Air

IU 4.2 Cadangan *smart grid* bagi memastikan kecekapan pengagihan bekalan elektrik yang baik serta penerapan prinsip teknologi hijau dalam penjanaan tenaga elekrik serta kaedah net energy metering, nem.

IU 4.3 Cadangan Penjanaan Bekalan Elektrik Dengan Kaedah Panel Solar (*Solar Farm*)

IU 4.4 Cadangan Penggunaan sistem penyejukan berpusat *District Cooling System* sebagai sistem penyejuk bagi kawasan berkepadatan tinggi

IU 4.5 Penyediaan Laluan Utiliti bagi penyelenggaraan dan pemasangan utiliti yang cekap


IU 4.6 Cadangan Loji Rawatan Pemprosesan Bio Solid (Sistem Pelupusan Enapcemar) kepada Baja Alternatif bagi keperluan landskap

IU 4.7 Cadangan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Bio-Teknologi

IU 4.8 Cadangan Program Pembersihan dan Pemuliharaan Sungai

IU 4.9 Cadangan Infrastruktur dan Utiliti Perindustrian 4.0

RAJAH 5.76 PENERAPAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM PERANCANGAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.1

CADANGAN PENERAPAN SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN (SPAH) DAN MENEROKA SUMBER AIR ALTERNATIF SERTA KITAR SEMULA PENGGUNAAN AIR

DESKRIPSI

Justifikasi

i. Pemerolehan sumber air mentah alternatif bagi mengurangkan tekanan terhadap bekalan air bersih yang dibekalkan oleh penyedia perkhidmatan.

Komponen cadangan :

i. Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH)
ii. Mengkaji kebolehlaksanaan kitar semula air terutamanya bagi tujuan pertanian dan perindustrian.
iii. Menyediakan kajian lanjutan mengenai pemerolehan sumber air mentah bawah tanah.

PEMULA

SAJ, MPK, MDSR, JMG

PELAKSANA

SAJ, MPK, MDSR, JMG

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Keupayaan sumber air alternatif yang boleh dijadikan sebagai bekalan air bersih bagi Daerah Kluang

SASARAN

Mengurangkan kebergantungan bekalan air bersih yang disediakan oleh pihak penyedia perkhidmatan

SDG LC

Terdapat pelbagai kaedah bagi memperolehi sumber air selain daripada sumber air bersih yang dibekalkan oleh penyedia perkhidmatan seperti kaedah :-

i. Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) yang boleh diaplikasikan di setiap kawasan perumahan.
ii. Loji Pemprosesan air buangan kitar semula dengan kaedah "*Reverse Osmosis*" dan "*Ultra Violet*" dimana air rawatan daripada loji rawatan air kumbahan akan dirawat semula dengan kaedah *Reverse Osmosis* dan diserapkan dengan *Ultra Violet* bagi meneutralkan PH dan Kualiti Air setanding dengan air bersih yang dibekalkan oleh pihak penyedia perkhidmatan.
iii. Mengkaji penggunaan air bawah tanah (*Akuifer*) sebagai potensi sumber air mentah yang boleh digunapakai sebagai sumber air utama untuk pengagihan bekalan air bersih bagi Daerah Kluang.





Foto : Kaedah Pemprosesan Air Kitar Semula (NEWater) yang diperkenalkan oleh PUB Singapura.



Foto : Sistem Penuaian Air Hujan yang boleh dilaksanakan di kediaman/ bangunan kerajaan dan sebagainya.

RAJAH 5.77: KAWASAN POTENSI SUMBER AIR BAWAH TANAH

Foto : Kaedah Telaga Tiub bagi memperolehi sumber air bawah tanah.



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.2

CADANGAN *SMART GRID* BAGI MEMASTIKAN KECEKAPAN PENGAGIHAN BEKALAN ELEKTRIK YANG BAIK SERTA PENERAPAN PRINSIP TEKNOLOGI HIJAU DALAM PENJANAAN TENAGA ELEKRIK SERTA KAEDAH *NET ENERGY METERING*, NEM.

DESKRIPSI

Justifikasi : -

i. Meningkatkan respon sekiranya berlakunya kacauganggu terhadap bekalan elektrik dengan jangka masa yang cepat.
ii. Memastikan pemantauan terhadap pengagihan bekalan elektrik yang cekap dan efisien

Komponen cadangan :

- Sistem SCADA *(Supervisory Control and Data Acquisition System)*
- Sistem SAS *(Substation Automation System)*
- Sistem DAS *(Distribution Automation System)*
- *Smart Meter*
- NEM & LSS Meter.

PEMULA

TNB, Swasta

PELAKSANA

TNB, Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Peningkatan teknologi dalam sistem pengagihan bekalan elektrik yang menyeluruh dan efisien

SASARAN

Mengurangkan kadar SAIFI dan SAIDI (Kacau ganggu sistem agihan bekalan elektrik) bagi Daerah Kluang

SDG LC SC

Sistem *Smart Grid* adalah kaedah penyeliaan kawalan pengurusan bekalan elektrik, bekalan air dan sebagainya yang terdiri daripada pelbagai komponen bagi memastikan sistem bekalan utiliti berada di tahap optimum. Selain daripada itu, Sistem ini dapat memantau penggunaan seharian pengguna kepada keperluan utiliti tersebut dan mengawal penggunaan bagi memastikan penggunaan utiliti yang cekap dan efisien.

Bagi Sistem *Smart Grid* untuk bekalan elektrik, sistem ini boleh bersepadu dengan penggunaan tenaga diperbaharui seperti penggunaan panel solar bagi menjana bekalan elektrik, justeru pengguna dapat mengunakan bekalan elektrik itu semula atau menjual semula ke grid tenaga dengan bayaran yang telah ditetapkan di dalam kaedah *Net Energy Metering* (NEM). Sistem pengurusan ini membolehkan respon yang cepat daripada pihak perkhidmatan utiliti sekiranya terdapat gangguan bekalan utiliti.





Foto : Konsep SMART GRID yang boleh dilaksanakan.

Pihak SEDA telah memperkenalkan kadar pengiraan *Net Energy Metering* (NEM) bagi memudahkan pengguna untuk melaksanakan pemasangan panel solar di kediaman atau pemilik bangunan masing-masing. Contoh dibawah menunjukkan sekiranya pengguna melaksanakan pemasangan panel solar di kediaman mereka, pengguna dapat menjimatkan bil bulanan sebanyak RM223 sekiranya penggunaan bulanan mencecah RM300. Anggaran kos pemasangan dengan keupayaan penjana panel solar 4.25kwp berharga RM18,275, dengan penjimatan RM223, pengguna akan mendapat modal kos mereka dalam jangka masa 6tahun 8 bulan. Selain daripada itu, kesan terhadap pelaksanaan panel solar ini akan mengurangkan pembebasan karbon dioksida 88tan dalam tempoh masam 25 tahun pemakaian panel solar ini.



STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.3

CADANGAN PENJANAAN BEKALAN ELEKTRIK DENGAN KAEDAH PANEL SOLAR *(SOLAR FARM)*

DESKRIPSI

Lokasi: Lot 4465, 4469,4470, 4471, 4472, 4482, 4483, Empangan Machap, Empangan Kahang, Bekas Tapak Pelupusan Sisa Pepejal CEP 1
Luas: 37.46 ekar
Justifikasi : -

i. Penjanaan bekalan elektrik daripada tenaga yang boleh diperbaharui
ii. Mengurangkan penggunaan tenaga fosil dan menampung keperluan bekalan elektrik bagi perancangan pembangunan yang dirangka.

Komponen cadangan :

- Solar Panel

PEMULA

TNB, Swasta

PELAKSANA

TNB, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 9,000,000 per hektar

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Keupayaan sumber air alternatif yang boleh dijadikan sebagai bekalan air bersih bagi Daerah Kluang

SASARAN

Mengurangkan kebergantungan bekalan air bersih yang disediakan oleh pihak penyedia perkhidmatan

SDG LC SC

Penyediaan tapak solar panel *(Solar Farm)* adalah bagi meningkatkan keupayaan penjanaan bekalan elektrik dengan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui disamping mendapat imbuhan bayaran semula dengan kaedah *Feed In Tariff* kepada pengusaha *solar farm* tersebut. Kaedah ini dapat mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil yang menjanakan bekalan elektrik bagi keperluan pengguna.

Pemilihan dan pelaksanaan *solar farm* adalah tertakluk kepada Suruhanjaya Tenaga berdasarkan daripada tender terbuka yang disediakan dengan beberapa garis panduan yang perlu diikuti oleh pengusaha, manakala pihak TNB merupakan operator yang akan membeli dan menyambungkan ke grid untuk penggunaan dan pengagihan kepada pengguna. Selain itu, penggunaan guna tanah bagi kawasan *solar farm* boleh dijadikan sebagai semua jenis pembangunan seperti komersial, perindustrian dan pertanian, tetapi ianya perlu memaksimakan penjanaan bekalan elektrik dan mengurangkan kos operasi.






Foto : Contoh Gambaran Solar Farm.

DRAF

RAJAH 5.78: KAWASAN CADANGAN *SOLAR FARM*



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.4

CADANGAN PENGGUNAAN SISTEM PENYEJUKAN BERPUSAT *(DISTRICT COOLING SYSTEM, DCS)* SEBAGAI SISTEM PENYEJUK BAGI KAWASAN BERKEPADATAN TINGGI

DESKRIPSI

Justifikasi : -

i. Meningkatkan mutu alam sekitar
ii. Menjimatkan penggunaan bekalan elektrik
iii. Aplikasi teknologi hijau dalam perancangan pembangunan

Komponen cadangan :

i. Sistem loji penyejukan berpusat
ii. Sistem paip pengagihan
iii. Rumah Pam

PEMULA

Swasta

PELAKSANA

Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui bagi menjana bekalan elektrik

SASARAN

Penjanaan bekalan elektrik dengan tenaga yang boleh diperbaharui

SDG LC SC

District Cooling System ini adalah untuk menggantikan penggunaan penghawa dingin konvensional yang tidak lagi praktikal digunakan bagi kawasan perancangan pembangunan baharu. Perkara ini kerana, sistem DCS ini mampu untuk mengurangkan pembebasan gas kloroflokarbon (CFC) yang akan menipiskan lapisan ozon. Selain itu, cadangan DCS ini juga dapat mengurangkan penggunaan bekalan elektrik yang berlebihan serta penyelenggaraan yang lebih cekap dan menyeluruh sekiranya terdapat berlakunya masalah teknikal.




Foto : Ilustrasi Cadangan Sistem Penyejukan Berpusat.

Jadual 5.28: Kelebihan Cadangan Sistem Penyejukan Berpusat

Kelebihan	Huraian
Alam Sekitar	i. Dapat mengurangkan pembebasan karbon dioksida CO2 (Pengurangan pembebasan CO2 diantara 350 – 950 kg/kWh). ii. Dapat meningkatkan kualiti alam sekitar :- ➢ Kurangnya pencemaran bunyi (penghawa dingin individu berkurangan) ➢ Kurangnya pengunaan bahan kimia untu penyelenggaraan
Penjimatan Infrastruktur	i. Penggunaan bekalan tenaga elektrik yang efisien ii. Kos pemasangan "DC" yang rendah berbanding pemasangan utiliti-utiliti yang lain. iii.Boleh menggunakan air mentah (air sungai atau laut) sebagai medium penyejukan.
Ekonomi	i. Penguna akhir tidak perlu terbeban dengan kos penyelenggaraan. ii. Kos operasi yang lebih rendah berbanding daripada penggunaan penghawa dingin individu.
Pembekalan secara berterusan	i. Dengan penggunaan sistem "DC", pengaliran udara sejuk dapat diterima oleh penguna akhir dan ianya tidak terhad. ii. Penyelenggaraan dan pemantauan terhadap sistem "DC" secara berterusan dapat mengurangkan masalah yang timbul.
Mempertingkatkan Nilai Bangunan	i. Dapat menjimatkan ruang lantai kerana bangunan tidak perlu memasang sistem penghawa dingin sendiri. ii. Imej bangunan yang menarik dengan tiada lagi pemasangan penghawa dingin di luar bangunan yang merosakkan fasad bangunan.

DRAF

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.5

PENYEDIAAN LALUAN UTILITI BAGI KEMUDAHAN PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN UTILITI YANG CEKAP

DESKRIPSI

Justifikasi : -

i. Rizab jalan melebihi 66 kaki perlu menyediakan laluan utiliti 3.0 meter bagi kiri dan kanan jalan.
ii. Laluan utiliti ini adalah bagi laluan utiliti domestik bukannya untuk laluan utiliti secara pukal.

Komponen cadangan :

i. Terowong Utiliti Utama : 8.75 m x 5.50m
ii. Terowong Utiliti Sekunder : 7.78m x 4.95 m
iii. Terowong Utiliti Tertiar : 5.00m x 3.74m

PEMULA

KUJ

PELAKSANA

KUJ, JKR

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025)
☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Penyediaan laluan utiliti yang lebih bersistematik dan mudah diselenggarakan

SASARAN

Memastikan laluan utiliti bersepadu yang berasingan daripada rizab jalan

SDG LC

Pelaksanaan laluan utiliti adalah bagi memudahkan pihak penyedia perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan kajian dengan lebih cekap dan tersusun. Selain daripada itu, penyediaan laluan utiliti ini dapat menyelaras dan memberi kawalan yang lebih efisien untuk pemasangan dan menaiktaraf paip dan kabel. Pihak bertanggungjawab seperti Koridor Utiliti Johor (KUJ) akan memantau dan menyelaras segala kerja-kerja penyelenggaraan dan pemasangan kabel/paip supaya tiada unsur khianat berlaku diantara pesaing utiliti serta memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan dilakukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.




Foto : Gambaran cadangan terowong utiliti.

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.6

CADANGAN LOJI RAWATAN PEMPROSESAN BIO SOLID (SISTEM PELUPUSAN ENAPCEMAR) KEPADA BAJA ALTERNATIF BAGI KEPERLUAN LANSKAP

DESKRIPSI

Lokasi: Paloh (Tapak Semasa Loji Pelupusan Enap Cemar)

Justifikasi : -

i. Memproses Bio Solid kepada baja untuk kegunaan landskap tanaman.
ii. Mengurangkan kos untuk pelupusan Bio Solid
iii. Pendekatan teknologi hijau bagi melupuskan Bio Solid kepada sesuatu bahan yang boleh digunapakai semula.

Komponen cadangan :

i. Loji Pemprosesan Bio Solid

PEMULA

IWK, Swasta

PELAKSANA

IWK, Swasta

ANGGARAN KOS

RM 3,000,000

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Penerapan teknologi hijau dalam merawat sisa enapcemar yang lebih mesra alam

SASARAN

Menerapkan teknologi hijau dengan penggunaan sistem pelupusan enapcemar pada tahun 2030

SDG LC SC

Pemprosesan sisa kumbahan akan menghasilkan Bio Solid yang perlu dilupuskan, dengan kaedah dan teknologi yang terdapat pada masa kini mampu untuk memproses Bio Solid ini kepada baja yang boleh digunapakai untuk lanskap daripada dibiarkan untuk dilupuskan.





Foto : Konsep Pemprosesan Bio Solid kepada Baja Tanaman.

Rajah 5.79: Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Enap Cemar



PETUNJUK:

Cadangan Menaik taraf Loji Rawatan Enap Cemar

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.7

CADANGAN LOJI RAWATAN SISA KUMBAHAN BIO TEKNOLOGI

DESKRIPSI

Lokasi: Lot 11, Bandar Kluang.
Justifikasi : -

i. Loji rawatan sisa kumbahan bio teknologi yang boleh merawat sisa kumbahan dan juga sisa minyak dengan kaedah biologi dalam menghuraikan struktur minyak tersebut.
ii. Kawasan perindustrian memerlukan loji rawatan bio teknologi dalam merawat air buangan sebelum dilepaskan ke sistem perparitan yang berdekatan.

Komponen cadangan :
i. Loji Rawatan Bio Teknologi

PEMULA
Swasta

PELAKSANA
Swasta

ANGGARAN KOS
Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN
FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL
Penerapan teknologi hijau yang lebih komprehensif dan cekap

SASARAN
Mengurangkan pencemaran air yang berpunca daripada pelepasan air buangan pada tahun 2030

Penggunaan Loji Rawatan Sisa Kumbahan Bio Teknologi dan mesra alam mampu untuk :-

1. Kawasan pembangunan yang lebih kecil berbanding kawasan yang diperlukan sekiranya mengunakan loji kumbahan konvensional.
2. Masalah seperti bau yang sering menjadi masalah kepada penduduk setempat mampu diselesaikan.
3. Kos pembangunan yang lebh murah.
4. Pengunaan tanah yang selebihnya boleh dibangunkan dengan pelbagai infrastruktur sepeti kawasan taman rekreasi, pusat sukan dan lain-lain.
5. Mempertingkatkan kualiti efluen yang akan dilepaskan ke pengairan berdekatan.
6. Lokasi perletakan loji kumbahan boleh diletakkan dimana-mana lokasi yang bersesuaian.



Mass Biosystem






Foto : Bahan aktif biologi yang menghuraikan kandungan air buangan dan sisa kumbahan.




Foto : Foto kiri dan bawah merupakan foto loji rawatan bio teknologi berskala kecil bagi merawat sisa kumbahan daripada kawasan perindustrian.

Jadual 5.29 : Perbandingan Loji Rawatan Bio Teknologi dengan Loji Rawatan Konvensional

LOJI KUMBAHAN BIO-TEKNOLOGI	
Keluasan	Menggunakan 25% - 40% daripada luas loji kumbahan mekanikal. Penduduk Setara (PE) / Loji Kumbahan Biasa/Mekanikal / Loji Kumbahan Bio-Teknologi 100 – 1,000 / 0.052 – 0.264 ekar / 0.0035 – 0.035 ekar 1,100 – 5,000 / 0.276 – 0.76 ekar / 0.0385 – 0.175 ekar 5,001 – 20,000 / 0.76 – 2.95 ekar / 0.175 – 0.7 ekar 20,001 – 450,000 / 2.95 – 23.14 ekar / 0.7 – 9.26 ekar - Bagi pembangunan loji kumbahan bio-teknologi, ianya lebih efisien dalam keperluan tanah yang diperlukan.
Kualiti Efluen	Boleh mencapai Standard A – (Hasil seperti loji kumbahan Mekanikal) Perkara / Efluen / Standard A Discharge: Loji Kumbahan Biasa/Mekanikal / Loji Kumbahan Bio-Teknologi CODcr (ppm) / 500 / 120 / 50 BOD5 (ppm) / 250 / 20 / 10 TSS (ppm) / 300 / 50 / 20 NH3-N (ppm) / 30 / 5 / 1 - Penggunaan Loji Kumbahan Bio –Teknologi boleh mencapai tahap efluen *standard A* yang lebih baik daripada loji kumbahan konvensional dan boleh dilepaskan dipengairan.
Operasi dan Penyelengaraan	- Tindakbalas Biologi dan sistem aerobic mempercepatkan proses dan keberkesanan dalam proses enapcemar berbanding daripada sistem konversional. - Enapcemar bukan sebahagian daripada proses dan enapcemar yang terhasil akan dibuang dan dilupuskan - keperluan bekalan tenaga yang sedikit tetapi sistem pengudaraan yang lebih efisien.
Kos operasi dan penyelenggaraan	- Loji kumbahan Bio-Teknologi : RM0.50 per m3 - Loji Kumbahan Konversional : RM 0.40 per m3

DRAF

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.8

CADANGAN PROGRAM PEMBERSIHAN DAN PEMULIHARAAN SUNGAI

DESKRIPSI

Lokasi: Sungai Mengkibol, Sungai Melantai, Sungai Sembrong, Sungai Benut

Justifikasi : -

i. Program kesedaran akan kepentingan sungai.
ii. Menggunakan bahan mesra alam dan bahan kimia.
iii. Jadual melontar *mudball* ke dalam sungai (setiap 2 minggu).
iv. Merawat pencemaran air akibat dari buangan air kumbahan, kandungan ammonia terlarut yang tinggi serta peningkatan populasi agen *pathogenic* (bakteria) di dalam air.

PEMULA

MPK, MDSR, JPS

PELAKSANA

MPK, MDSR, JPS

ANGGARAN KOS

RM 2,250,000 Juta (Per Tahun Penyelenggaraan Sungai)

FASA PELAKSANAAN

☑ FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Menarik minat penduduk dalam menjaga kebersihan dan kepentingan sungai

SASARAN

Memelihara dan memulihara sungai sebagai aset penting dalam perancangan pembangunan

Penggunaan bebola lumpur ini boleh dilaksanakan oleh semua lapisan masyarakat kerana kaedah serta menggunakan bebola lumpur ini sangat mudah serta kesan yang serta merta yang dapat dilihat ketika proses bebola lumpur ini digunapakai.

Penggunaan *mudball* bukan sahaja dapat membersihkan sungai yang tercemar, malah dapat meningkatkan kekayaan ekosistem sungai secara semulajadi.



Foto : Foto kiri merupakan keadaan air sebelum dilepaskan dengan bebola lumpur, foto kanan merupakan keadaan air yang mulai jernih ketika proses bebola lumpur telah digunapakai.



Foto : Bebola Lumpur (MUDBALL).





Foto : Antara kempen-kempen yang boleh dilaksanakan bagi mengalakan pemuliharaan sungai dilaksanakan

DRAFT

STRATEGI IU 4

PENERAPAN APLIKASI TEKNOLOGI HIJAU YANG MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN IU 4.9

CADANGAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI PERINDUSTRIAN 4.0

DESKRIPSI

Justifikasi : -

i. Keupayaan dalam pembangunan teknologi robotik dan pemodenan perindustrian.
ii. Keupayaan telekomunikasi berkelajuan tinggi
iii. Sistem bekalan elektrik dan bekalan air yang mencukupi dengan menerapkan teknologi hijau seperti panel solar, sistem RO/UV dalam merawat air dan bioteknologi.
iv. Penyediaan kemudahan utiliti seperti bekalan gas berpusat dan loji penyejukan berpusat.

PEMULA

MPK, MDSR

PELAKSANA

MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Mekanisme pengurusan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Penerapan teknologi tinggi dalam pembangunan industri membantu menarik minat pelabur dan meningkatkan produktiviti

SASARAN

Menyokong pembangunan perindustrian baharu dan bersepadu dengan bantuan teknologi yang lebih baik

Bagi menyokong pembangunan perindustrian 4.0 yang mampu untuk mengeluarkan output barangan yang lebih banyak dan baik memerlukan sokongan infrastruktur dan utiliti yang cekap bagi membolehkan operasi perindustrian itu berjalan 24jam sehari.

Selain itu, bagi menarik minat pelabur, penerapan teknologi hijau dalam perindustrian perlu disediakan bagi memastikan persekitaran perindustrian mesra alam dan rendah karbon.




Foto: Evolusi Industri 4.0.



DRAF

6.0

TERAS 3 KLUANG BERDAYA HUNI DAN KOMUNITI INKLUSIF




KLUANG BERDAYA HUNI DAN INKLUSIF

TERAS 3

OBJEKTIF PEMBANGUNAN

1. PPU/ PPK dan PPD berasaskan potensi utama (Bandar Belia, Truck City, Bandar Warisan dan Pelancongan Desa, SPSI dll)
2. *Meningkatkan daya huni dan komuniti inklusif*
3. *Pemerkasaan urus tadbir PBT*



HALA TUJU PEMBANGUNAN		STRATEGI	JUMLAH PROJEK
H1	Petempatan Maju dan Seimbang (pengukuhan fungsi petempatan - infrastruktur dan kemudahan; pembangunan potensi ekonomi - bandar belia, warisan, pelancongan, truck city dll)	02	06 Projek
H2	Perumahan berdaya huni, pelbagai, dan mampu menjadi alternatif domitri Wilayah Iskandar	04	09 Projek
H3	Kemudahan awam mencukupi dan berkualiti	02	10 Projek
H4	Komuniti desa berdaya saing (penyertaan ekonomi IKS dan pelancongan; kualiti dan kuantiti produk desa; pembaikan imej dan lanskap desa) dan Pemerkasaaan komuniti kampung dalam bandar (garis panduan pembangunan; warisan,imej, dan produk pelancongan bandar)	04	14 Projek
H5	Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan (bandar dan desa / makanan), ketara dan tidak ketara	01	5 Projek

6.1 PETEMPATAN BANDAR

HALATUJU PEMBANGUNAN



Pengukuhan Fungsi dan Peranan Petempatan Agar Lebih Maju dan Seimbang

STRATEGI PB 1

MEMPERKUKUHKAN FUNGSI DAN PERANAN PUSAT PETEMPATAN BANDAR

- **PB1.1** Cadangan Hierarki Bandar
- **PB1.2** Cadangan Melindungi Ciri-Ciri Warisan Sejarah di kawasan Pusat Bandar
- **PB1.3** Cadangan Melaksanakan Bandar Belia di Pekan Renggam
- **PB1.4** Cadangan Bandar Perwira

STRATEGI PB 2

MEMANTAPKAN PERTUMBUHAN EKONOMI PETEMPATAN BANDAR UNTUK PENINGKATAN KEMAKMURAN

- **PB2.1** Cadangan Mengukuhkan Ekonomi yang Mesra Pelancong
- **PB2.2** Cadangan Meningkatkan Potensi Produktiviti Ekonomi Berdasarkan Makanan

DRAF

Petempatan bandar merupakan suatu kawasan petempatan yang berkembang seiring dengan fungsi pembangunan sesuatu kawasan dalam menjana pendapatan penduduk dan negara. Bandar berfungsi untuk menawarkan kemudahan perniagaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, rekreasi dan sosial kepada penduduk setempat.

STRATEGI

PB 1 MEMPERKUKUHKAN FUNGSI DAN PERANAN PUSAT PETEMPATAN BANDAR

Hierarki Pusat Petempatan Bandar berfungsi sebagai bandar yang menawarkan kemudahan perniagaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, rekreasi dan sosial kepada penduduk setempat.

PB 2 MEMANTAPKAN PERTUMBUHAN EKONOMI PETEMPATAN BANDAR UNTUK PENINGKATAN KEMAKMURAN

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh amat penting bagi mencapai aspirasi negara maju. Aktiviti ekonomi di kawasan bandar boleh menarik minat pelabur luar ke Daerah Kluang. Pembangunan ekonomi yang pelbagai di kawasan bandar akan memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk sekitar. Penyediaan kemudahan infrastruktur di kawasan bandar menyokong pertumbuhan ekonomi bandar yang lebih kukuh.

CADANGAN

PB 1.1 Cadangan Hierarki Bandar

PB 1.2 Cadangan Melindungi Ciri-Ciri Warisan Sejarah di kawasan Pusat Bandar

PB 1.3 Cadangan Melaksanakan Bandar Belia di Pekan Renggam


PB 1.4 Cadangan Bandar Perwira

PB 2.1 Cadangan Mengukuhkan Ekonomi yang Mesra Pelancong

PB 2.2 Cadangan Meningkatkan Potensi Produktiviti Ekonomi Berdasarkan Makanan

DRAF

RAJAH 6.1 LOKASI TINDAKAN MEMPERKUKUHKAN FUNGSI DAN PERANAN PUSAT PETEMPATAN BANDAR



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PB1

MEMPERKUKUHKAN FUNGSI DAN PERANAN PUSAT PETEMPATAN BANDAR

CADANGAN PB 1.1

CADANGAN HIERARKI BANDAR

DESKRIPSI

Lokasi: Bandar Kluang, Bandar Simpang Renggam, Pekan Paloh, Pekan Kahang, Pekan Renggam, Pekan Layang-layang dan Pekan Machap.

i. Hierarki bandar berfungsi sebagai bandar yang menawarkan kemudahan perniagaan, perumahan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, rekreasi dan sosial kepada penduduk setempat.

PEMULA

PDK, KPKT

PELAKSANA

PDK, KPKT

ANGGARAN KOS

Mekanisme Pengurusan Sedia Ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)


RASIONAL

Pertumbuhan perbandaran yang seimbang dengan mengukuhkan fungsi, imej dan potensi bandar

SASARAN

Membangunkan pusat petempatan berdasarkan hierarki bandar yang ditetapkan oleh DPN 2 dan RSN Johor

Rajah 6.2 : Hierarki Bandar Mengikut Dasar Perbandaran 2 dan Rancangan Struktur Negeri Johor



Pusat Wilayah Negeri
- Bandar Kluang

Pusat Separa Wilayah Negeri
- Bandar Simpang Renggam

Pusat Petempatan Utama
- Pekan Paloh, Pekan Kahang, Pekan Renggam, Pekan Layang-Layang dan Pekan Machap.



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Foto : Keadaan Bandar Kluang dari pandangan Drone.

Jadual 6.1: Hierarki Petempatan

HIERARKI	PENDUDUK (orang)		SEKTOR EKONOMI	FOKUS PEMBANGUNAN
	Unjuran 2010	Unjuran 2030		
Pusat Wilayah Negeri ▪ Bandar Kluang	53,442	67,413	• Perdagangan, perniagaan/ perkhidmatan, • Hub Pelancongan Daerah • Pelancongan Bandar dan Eko • Pembangunan Institusi dan Pentadbiran • Perindustrian Terancang • Infrastruktur/ Kemudahan Masyarakat	• Pemerkasaan Pusat Pentadbiran Daerah/PBT/PWN/Bandar Utama/ZPP. • Menggalakkan zon guna tanah menjana pekerjaan dan aktiviti ekonomi pusat bandar (pembangunan bercampur perdagangan dan perumahan berdensiti tinggi). • Pembangunan Sungai Mengkibol sebagai nodus pelancongan. • Pembangunan lingkaran hijau, *urban fun, urban street,* kampung dalam bandar dan lain-lain bagi pemerkasaan ekonomi bandar. • Galakan pembangunan kawasan TOD (sekitar 1.5 km dari stesen keretapi). • *Urban Renewal* di Bandar Kluang - Pekan Rabu, pasar, taman terbiar, *brownfield* dan lain-lain. • Galakan pembangunan *infill* dan pembangunan semula kawasan perniagaan usang dan kawasan kosong. • Pembangunan kawasan warisan Jalan Ismail, Jalan Station dan lain-lain. • Penambahan aktiviti pusat bandar (galeri, *street art*, *nodus heritage* dan lain-lain). • Tebatan Banjir, Lanskap dan Rekreasi, Imej Bandar, Produk pelancongan Bandar/Eko Gunung Lambak.
Pusat Separa Wilayah Negeri ▪ Bandar Simpang Renggam	2,321	3,465	• Perdagangan • Perindustrian terancang • Perumahan • Pembangunan Institusi dan Pentadbiran	• Pusat Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (MDSR); Pusat Separa Wilayah Negeri. • Perumahan dan Kediaman, Lanskap dan Rekreasi. • Pembentukan kawasan tarikan bandar - lingkaran hijau *linear* pusat bandar, Sungai Berumbung dan taman bandar, kampung Melayu dalam bandar. • Pusat Industri Makanan dan Produk IKS. • Perindustrian sedia ada dan di kawasan terancang ditetapkan. • Hub Industri Makanan Halal. • Pusat Pengangkutan Utama. • Pembangunan berasaskan industri pengangkutan, logistik dan *Truck City*. • Institusi Pengajian - IPTA, TVET.
Pusat Petempatan Utama ▪ Pekan Paloh ▪ Pekan Kahang ▪ Pekan Renggam ▪ Pekan Layang-layang ▪ Pekan Machap	3,994 2,781 1,793 2,372 1,202	4,128 3,498 3,075 2,991 1,597	• Pembangunan Pusat Bandar dan Petempatan • Perdagangan • Pelancongan	• Pusat komersil di Pekan Renggam dan Paloh akan dibangunkan sebagai kawasan/bandar warisan. • Kawasan-kawasan perniagaan usang seperti di Paloh, Chamek, Kahang dan Layang-layang perlu dibangunkan semula. • Pembangunan Bandar Belia dan TOD hierarki 3/4 di Renggam. • Pembangunan pusat pelancongan eko, pelancongan budaya - Orang Asli dan *transit* di Kahang.


Foto : Keadaan Bandar Kluang.


Foto : Keadaan Pekan Renggam.


Foto : Stesen Kereta Api Paloh.


Foto : Balai Polis Pekan Layang-Layang.

DRAF

Jadual 6.2: Peranan dan Fungsi Utama Pusat Wilayah Negeri

Perkara	
Perkhidmatan Kewangan	
Bank	• Bank Tempatan (cawangan) • Bank Antarabangsa (cawangan)
Insurans	• Syarikat/broker insurans antarabangsa (cawangan) • Syarikat/broker insurans tempatan (cawangan) • Ejen-ejen dan wakil insurans antarabangsa & tempatan
Lain-lain Perkhidmatan Kewangan	• Lain-lain Perkhidmatan Kewangan cawangan antarabangsa dan tempatan
Stok & Komoditi / Sekuriti	• Syarikat Stok Sekuriti Tempatan (cawangan/kiosk)
Perniagaan / Perdagangan	
Perniagaan & Perkhidmatan	• Pejabat tempatan (cawangan/pejabat wakil) –pelbagai perkhidmatan
Perkhidmatan Profesional & Ejen Perniagaan	• Pejabat tempatan (ibu pejabat & cawangan) – perkhidmatan terpilih
Perdagangan Jual Runcit di Stor (Tanpa Pengkhususan & Pengkhususan)	• Stor serbaneka antarabangsa & 'hypermarket' antarabangsa (cawangan) • Stor serbaneka tempatan (cawangan) • Pasar raya antarabangsa (cawangan) • Pasar raya tempatan (cawangan) • Stor 'convenience' antarabangsa (cawangan) • Kedai runcit tempatan & antarabangsa (pelbagai barangan termasuk makanan, pakaian, kereta dll)
Lain Perdagangan Jual Runcit (tanpa di stor)	• Jual Runcit tempatan secara 'Informal' • Perkhidmatan tempatan barangan persendirian & isi rumah • Jualan langsung (antarabangsa & tempatan) • Jualan runcit bahan api kenderaan (stesen minyak, LPG/NGV)
Perdagangan Borong	• Ibu pejabat tempatan & cawangan
Perhotelan, Persidangan, Pameran dan Konvokesyen (MICE)	
Kemudahan Hotel & Persidangan	Resort / Eksklusif (≤ 5 bintang) ▪ Hotel bajet sehingga 5 bintang ▪ Pusat Persidangan dan Pameran ▪ Rumah tetamu
Perindustrian / Pembuatan	
Perindustrian/Pembuatan	• Kluster Multimedia & ICT negara • Kluster Telekomunikasi negara • Industri Berintensif Pengetahuan negara • Kluster Makanan EKS tempatan • Pembuatan dan pemasangan am tempatan

Jadual 6.2: Peranan dan Fungsi Utama Pusat Wilayah Negeri (Sambungan)

Perkara	
Kemudahan Awam / Sosial	
Pendidikan	• Universiti Kolej Awam • Universiti Kolej Swasta • Sekolah Teknikal / Vokasional • Perpustakaan Awam • Sekolah Antarabangsa • Sekolah Rendah • Sekolah Menengah
Kesihatan	• Hospital Kerajaan • Hospital Swasta • Klinik Kesihatan • Klinik Swasta
Dewan	• Dewan Serbaguna • Dewan Orang Ramai
Keagamaan	• Pusat Islam • Masjid Daerah • Lain-lain Tempat Ibadat Bukan Islam
Polis	• Ibu Pejabat Polis Daerah • Balai Polis
Bomba	• Balai Bomba
Perkhidmatan Pos	• Pejabat Pos
Perpustakaan	• Perpustakaan Bergerak
Rekreasi	• Padang • Taman Tempatan
Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti	
Perkhidmatan Pembetungan	• Sistem Berpusat (Centralised System)
Sisa Pepejal	• Tambakan Pelupusan Sanitari • Pusat Kitar Semula
Bekalan Elektrik	• Pencawang Masuk Utama (PMU) • Pejabat Cawangan Penghantaran (Transmission Local Office) • Pusat *breakdown* 24 jam (24 hr *breakdown response centre*)
Telekomunikasi, Penyiaran dan Jalur lebar (*Broadband*)	• Rangkaian Gentian Optik • Rangkaian Jalur Lebar Tanpa Wayar • Stesen Pemancar dan Penerima • Stesen Penyiaran TV dan Radio Digital • Ibu sawat dan Rangkaian Internet
Perhubungan dan Pengangkutan	
Pengangkutan	• Bas • Teksi • Terminal Pengangkutan
Rekreasi / Kebudayaan / Warisan	
Rekreasi / Kebudayaan / Warisan	• Taman Bandar • Rangkaian Kawasan rekreasi : Linkaran Hijau (*Central Forest Spine*)

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua.

DRAF

Jadual 6.3: Peranan dan Fungsi Utama Pusat Separa Wilayah Negeri

Perkara	
Perkhidmatan Kewangan	
Bank	• Bank Tempatan (cawangan)
Insurans	• Syarikat/broker insurans antarabangsa (cawangan)
Lain-lain Perkhidmatan Kewangan	• Perkhidmatan Kewangan tempatan (wakil/ejen)
Stok & Komoditi / Sekuriti	• Syarikat Stok/Sekuriti Tempatan (kiosk)
Perniagaan / Perdagangan	
Perniagaan & Perkhidmatan	• Pejabat tempatan (pejabat wakil)
Perkhidmatan Profesional & Ejen Perniagaan	• Pejabat tempatan (ibu pejabat & cawangan) – perkhidmatan terpilih
Perdagangan Jual Runcit di Stor (Tanpa Pengkhususan & Pengkhususan)	• Pasar raya tempatan (cawangan) • Kedai runcit tempatan (pelbagai barangan)
Lain Perdagangan Jual Runcit (tanpa di stor)	• Jual Runcit tempatan secara 'Informal' • Perkhidmatan tempatan barangan persendirian & isi rumah • Jualan langsung (antarabangsa & tempatan) • Jualan runcit bahan api kenderaan (stesen minyak, LPG/NGV)
Perdagangan Borong	• Barangan terpakai tempatan (barangan terpilih)
Perhotelan, Persidangan, Pameran dan Konvokesyen (MICE)	
Kemudahan Hotel & Persidangan	• Hotel Bajet dan ≤ 5 bintang • Hotel bajet sehingga 5 bintang • Rumah tetamu
Perindustrian / Pembuatan	
Perindustrian/Pembuatan	• Kluster Berasaskan Sumber Tempatan • Kluster Makanan EKS tempatan • Pembuatan dan pemasangan am tempatan

Perkara	
Kemudahan Awam / Sosial	
Pendidikan	• Sekolah Rendah • Sekolah Menengah • Sekolah Teknikal / Vokasional
Kesihatan	• Klinik Kesihatan • Klinik Swasta
Dewan	• Dewan Serbaguna • Dewan Orang Ramai
Keagamaan	• Masjid • Lain-lain Tempat Ibadat Bukan Islam
Polis	• Balai Polis
Bomba	• Balai Bomba
Perkhidmatan Pos	• Pejabat Pos
Perpustakaan	• Perpustakaan Bergerak
Rekreasi	• Padang • Taman Tempatan • Rangkaian Kawasan Rekreasi : Lingkaran Hijau (*Central Forest Spine*)
Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti	
Perkhidmatan Pembetungan	• Sistem Berpusat (Centralised System)
Bekalan Elektrik	• Pencawang Masuk Utama (PMU) • Pejabat Cawangan Penghantaran (*Transmission Local Office*) • Pusat *breakdown* 24 jam (24 *hr breakdown response centre*)
Telekomunikasi, Penyiaran dan Jalur lebar (*Broadband*)	• Rangkaian Gentian Optik • Rangkaian Jalur Lebar Tanpa Wayar • Stesen Pemancar dan Penerima • Stesen Penyiaran TV dan Radio Digital • Ibu sawat dan Rangkaian Internet
Perhubungan dan Pengangkutan	
Pengangkutan	• Bas • Teksi

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua.

DRAF

Jadual 6.4: Peranan dan Fungsi Utama Pusat Petempatan Utama

Perkara	
Perkhidmatan Kewangan	
Bank	• Bank Tempatan (cawangan)
Insurans	• Syarikat/broker insurans antarabangsa (cawangan)
Lain-lain Perkhidmatan Kewangan	• Perkhidmatan kewangan tempatan (wakil/ejen)
Stok & Komoditi / Sekuriti	• Syarikat Stok/Sekuriti Tempatan (kiosk)
Perniagaan / Perdagangan	
Perniagaan & Perkhidmatan	• Pejabat tempatan (pejabat wakil)
Perkhidmatan Profesional & Ejen Perniagaan	• Pejabat tempatan (ibu pejabat & cawangan) – perkhidmatan terpilih
Perdagangan Jual Runcit di Stor (Tanpa Pengkhususan & Pengkhususan)	• Pasar raya tempatan (cawangan) • Kedai runcit tempatan (pelbagai barangan)
Lain Perdagangan Jual Runcit (tanpa di stor)	• Jual Runcit tempatan secara 'Informal' • Perkhidmatan tempatan barangan persendirian & isi rumah • Jualan langsung (antarabangsa & tempatan) • Jualan runcit bahan api kenderaan (stesen minyak, LPG/NGV)
Perdagangan Borong	• Barangan terpakai tempatan (barangan terpilih)
Perhotelan, Persidangan, Pameran dan Konvokesyen (MICE)	
Kemudahan Hotel & Persidangan	• Hotel Bajet dan ≤ 5 bintang • Hotel bajet sehingga 5 bintang • Rumah tetamu
Perindustrian / Pembuatan	
Perindustrian/Pembuatan	• Kluster Berasaskan Sumber Tempatan • Kluster Makanan EKS tempatan • Pembuatan dan pemasangan am tempatan

Jadual 6.4: Peranan dan Fungsi Utama Pusat Petempatan Utama (Sambungan)

Perkara	
Kemudahan Awam / Sosial	
Pendidikan	• Sekolah Rendah • Sekolah Menengah • Sekolah Teknikal / Vokasional
Kesihatan	• Klinik Kesihatan • Klinik Swasta
Dewan	• Dewan Serbaguna • Dewan Orang Ramai
Keagamaan	• Masjid • Lain-lain Tempat Ibadat Bukan Islam
Polis	• Balai Polis
Bomba	• Balai Bomba
Perkhidmatan Pos	• Pejabat Pos
Perpustakaan	• Perpustakaan Bergerak
Rekreasi	• Padang • Taman Tempatan • Rangkaian Kawasan Rekreasi : Lingkaran Hijau (*Central Forest Spine*)
Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti	
Perkhidmatan Pembetungan	• Sistem Berpusat (*Centralised System*)
Bekalan Elektrik	• Pencawang Masuk Utama (PMU) • Pejabat Cawangan Penghantaran (*Transmission Local Office*) • Pusat *breakdown* 24 jam (*24 hr breakdown response centre*)
Telekomunikasi, Penyiaran dan Jalur lebar (*Broadband*)	• Rangkaian Gentian Optik • Rangkaian Jalur Lebar Tanpa Wayar • Stesen Pemancar dan Penerima • Stesen Penyiaran TV dan Radio Digital • Ibu sawat dan Rangkaian Internet
Perhubungan dan Pengangkutan	
Pengangkutan	• Bas • Teksi

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua.

DRAF

Jadual 6.5: Kemudahan Awam Sedia Ada di Pusat Wilayah Negeri dan Pusat Separa Wilayah Negeri

Bil	Kemudahan Awam / Sosial		Pusat Petempatan Utama		Tindakan
			Kluang	Simpang Renggam	
1	Pendidikan	Universiti Kolej Awam	-	-	• Pendidikan tinggi di Kluang tidak ditawarkan walaupun Kluang merupakan Pusat Wilayah Negeri. • Kemudahan pendidikan paling tinggi di Kluang adalah Sekolah Menengah • Hampir kesemua kemudahan yang diperlukan oleh penduduk telah disediakan di dalam bandar Kluang • Simpang Renggam sebagai bandar sokongan untuk Pusat Bandar Kluang juga menyediakan kemudahan untuk penduduk. Namun, masih ada beberapa kemudahan yang masih boleh ditambah untuk kegunaan penduduk.
		Universiti Kolej Swasta	-	-	
		Sekolah Rendah	☑	☑	
		Sekolah Menengah	☑	☑	
		Sekolah Teknikal / Vokasional	-	-	
2	Kesihatan	Hospital Kerajaan	☑	-	
		Hospital Swasta	-	-	
		Klinik Kesihatan	-	☑	
		Klinik Swasta	-	-	
3	Dewan	Dewan Serbaguna	-	-	
		Dewan Orang Ramai	☑	☑	
		Balai Raya	☑	☑	
4	Keagamaan	Pusat Islam	-	-	
		Masjid	☑	-	
		Lain-lain tempat ibadah bukan Islam	☑	-	
5	Polis	Ibu Pejabat Polis Daerah	☑	-	
		Balai Polis	-	☑	
6	Keselamatan	Kem Tentera	☑	-	
		Penjara	-	☑	
7	Perkhidmatan pos	Pejabat Pos	☑	-	
8	Perpustakaan	Perpustakaan bergerak	-	-	
		Perpustakaan	-	☑	
9	Rekreasi	Padang	☑	-	
		Taman Tempatan	☑	-	

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

Jadual 6.6: Kemudahan Awam Sedia Ada di Pusat Petempatan Utama

Bil	Kemudahan awam/ Sosial		Pusat Petempatan Utama					TINDAKAN
			Paloh	Kahang	Renggam	Layang-Layang	Machap	
1	Pendidikan	Sekolah Rendah	✓	✓	✓	✓	✓	• Hampir kesemua PPU telah menyediakan keperluan untuk penduduk yang jauh daripada Pusat Bandar Kluang dan Pusat Bandar Simpang Renggam. • Namun ada beberapa kemudahan yang masih perlu ditambah seperti klinik kesihatan, pejabat pos, perpustakaan dan juga pusat ibadat bukan islam. • Setiap pusat petempatan seharusnya menyediakan kemudahan untuk kegunaan penduduk.
		Sekolah Menengah	✓	✓	✓	✓	✓	
		Sekolah Teknikal / Vokasional	-	-	-	-	-	
2	Kesihatan	Klinik Kesihatan	✓	-	-	-	✓	
		Klinik Swasta	-	-	-	-	-	
3	Dewan	Dewan Serbaguna	-	-	-	-	-	
		Dewan Orang Ramai	✓	✓	✓	✓	✓	
		Balai raya	✓	✓	✓	✓	✓	
4	Keagamaan	Masjid	✓	✓	✓	✓		
		Lain-lain tempat ibadah bukan islam	-	-	-	-	✓	
5	Polis	Balai polis	✓	✓	✓	✓	✓	
6	Perkhidmatan pos	Pejabat pos	✓	-	✓	✓	-	
7	Perpustakaan	Perpustakaan bergerak	-	-	-	-	-	
		Perpustakaan	✓	-	-	-	-	
8	Rekreasi	Padang	✓	✓	✓	✓	✓	
		Taman Tempatan	-	-	-	-	-	
		Rangkaian Kawasan Rekreasi : Lingkaran Hijau (*Central Forest Spine*)	-	-	-	-	-	

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

STRATEGI PB1

MEMANTAPKAN PERTUMBUHAN EKONOMI PETEMPATAN BANDAR UNTUK PENINGKATAN KEMAKMURAN

CADANGAN PB 1.2

CADANGAN MELINDUNGI CIRI-CIRI WARISAN SEJARAH DI KAWASAN BANDAR

DESKRIPSI

Lokasi: Pekan Paloh, Bandar Kluang, Pekan Renggam dan Pekan Layang-Layang.

i. Sebagai imej kelestarian bandar yang boleh menyumbang kepada ekonomi pelancongan.
ii. Kepentingan untuk menarik minat pelancong tempatan dan luar negara untuk mengunjungi dan mendalami keunikan seni bina dan imej bandar serta warisan budaya yang terdapat di bandar lama.
iii. Memberi peluang generasi muda untuk menghargai dan peka kepada peninggalan sejarah.

PEMULA

KTMB, JWN, YWJ, Tourism Johor, MOTAC, Swasta/ Pengusaha

PELAKSANA

KTMB, JWN, YWJ, Tourism Johor, MOTAC, Swasta/ Pengusaha

ANGGARAN KOS

RM 3,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2020-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memastikan warisan sejarah dan budaya masih dikekalkan untuk generasi akan datang

SASARAN

Perwartaan di peringkat negeri dan nasional

Pengekalan dan pemuliharaan ciri-ciri warisan sejarah dan budaya di bandar-bandar lama di Daerah Kluang seperti:

- Pekan Paloh
- Bandar Kluang
- Pekan Renggam
- Pekan Layang-Layang

1. Pekan Paloh



Pekan Paloh
- Balai Polis Paloh
- Bangunan lama berusia 100 tahun
- Stesen Kereta Api Paloh




Foto: Kawasan Pekan Paloh.

2. Bandar Kluang



Bandar Kluang
- Stesen kereta api Kluang
- Warisan Bangunan Lama



Foto: Stesen Keretapi Kluang & *The Kluang Rail Coffee.*

3. Pekan Renggam




Bandar Renggam
- Bangunan lama berusia 100 tahun
- Perigi raja
- Pejabat pos
- Stesen kereta api Renggam



Foto: Kawasan Pekan Renggam.

4. Pekan Layang-Layang



Pekan Layang-layang
Pembangunan perbandaran bersepadu yang dirancang dengan teliti yang mengandungi komponen kejiranan, perniagaan, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan rekreasi secara bertahap untuk membentuk ekosistem yang dapat bertahan sendiri, memberikan keseimbangan sempurna kepada penduduk antara keindahan alam dan sosial.

Sumber : Masterplan Pembangunan Perumahan Sierra Height oleh Kemajuan Tong Tor SDN. BHD.

STRATEGI PR4

MENYOKONG PEMBANGUNAN *DOMITORY TOWN* DI DAERAH KLUANG

CADANGAN PR4.2

CADANGAN MENYEDIAKAN KAWASAN PERUMAHAN DI SEKITAR RENGGAM DAN SIMPANG RENGGAM BERKONSEPKAN *COUNTRY LIVING*

DESKRIPSI

Lokasi: Estet Sekitar Renggam – Simpang Renggam

i. Ke arah perumahan yang menggalakkan untuk berkebun.
ii. Rumah berkonsepkan *country living* yang selesa, sejahtera dan aman.
iii. Perumahan jenis sesebuah di atas lot yang besar sesuai untuk aktiviti berkebun di sekitar kawasan rumah.

Nama Estet Terlibat :

Sime Darby Plantation
JCorp

PEMULA

Swasta

PELAKSANA

Swasta

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh swasta

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL


Menyediakan perumahan yang selesa, sejahtera dan aman untuk setiap golongan penduduk di Daerah Kluang

SASARAN

Memenuhi stok perumahan yang banyak di Daerah Kluang

SDG SC

Rajah 6.25 : Contoh Konsep Perumahan Berkonsepkan *Country Living*







Sumber : Contoh Perumahan Berkonsepkan Country Living di Planter Haven, Nilai

Jadual 6.11 : Ciri-ciri Bandar Dormitori di Daerah Kluang

Bandar Contoh: Bandar Seremban, Seremban

CIRI-CIRI BANDAR DORMITORI	DAERAH SEREMBAN	DAERAH KLUANG
Lokasi	• Kedudukan Daerah Seremban yang strategik di dalam Konurbasi Kuala Lumpur. • Berhampiran projek-projek mega berkepentingan nasional seperti pembangunan Cyberjaya, Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).	• Kedudukkan Daerah Kluang berada di tengah Negeri Johor yang menghubungkan Bandar Johor Bahru dan Melaka.
Masa & Jarak **(Daripada Bandar-Bandar Utama)**	**Radius 30km: 30 minit** KLIA **Radius 40km: 30 - 45 minit** Putrajaya Cyberjaya Cheras **Radius 60km: 45 - 60 minit** Pusat Bandaraya Kuala Lumpur Shah Alam Petaling Jaya Subang Jaya	**Radius 30km: 30 - 45 minit** Simpang Renggam **Radius 50km: 45 - 50 minit** Kulai Senai **Radius 75km: 60 - 75 minit** Bandaraya Johor Bahru
Sosial	**Peranan sebagai Bandar dormitori** • Daerah Seremban mampu menjadi Bandar Dormitori yang akan menyediakan tempat tinggal bagi orang ramai yang bekerja di Lembah Klang • Berfungsi sebagai kawasan kediaman alternatif dengan meningkatkan penyediaan perumahan mampu milik. • Penyediaan keperluan masyarakat seperti perkhidmatan, kemudahan masyarakat dan rekreasi.	**Peranan sebagai Bandar dormitori** • Daerah Kluang mampu menjadi Bandar Dormitori yang akan menyediakan tempat tinggal bagi orang ramai yang bekerja di Johor Bahru. • Berfungsi sebagai kawasan kediaman alternatif dengan meningkatkan penyediaan perumahan mampu milik. • Penyediaan keperluan masyarakat seperti perkhidmatan, kemudahan masyarakat dan rekreasi.
Guna Tanah	**Lambakkan kawasan taman perumahan di Bandar Seremban.** **Contoh: Seremban 2 oleh IJM Land** • Projek perumahan yang berskala besar (Bandar Baru). • Boleh menjana kepada peningkatan jumlah penduduk sebanyak 62,000 orang. • Menawarkan rumah-rumah yang direka indah daripada pangsapuri yang mempu dimiliki, rumah teres, banglo berpagar dan berkembar.	**Lambakkan kawasan taman perumahan di Bandar Kluang.** **Contoh: Taman Parkland, Taman Kluang Perdana dan Taman Bukit Perdana oleh Parkland City SDN. BHD & Taman Tasik Indah (Sierra Height) oleh Kemajuan Tong Tor SDN. BHD** • Projek perumahan yang berskala besar (Bandar Baru). • Boleh menjana kepada peningkatan jumlah penduduk sebanyak 18,375 orang (anggaran unit rumah: 4,375). • Menawarkan rumah-rumah yang berkualiti dan untuk setiap golongan seperti rumah teres, banglo dan berkembar.
Aksesibiliti & Lalu Lintas	• Sistem perhubungan sedia ada, sama ada melalui lebuhraya, jalanraya dan laluan rel (komuter). • Pembinaan Lebuh Raya Kajang-Seremban (LEKAS). • Sistem pengangkutan awam yang efisien dan banyak untuk setiap masa. Nota: *Dengan adanya laluan-laluan ini, akan dapat membantu meningkatkan tahap kemudahsampaian orang ramai dan penduduk dari kawasan tempat tinggal mahupun ke kawasan Lembah Klang. Ia juga dapat meningkatkan tahap pergerakan inter dan intra daerah.*	• Sistem perhubungan sedia ada, sama ada melalui lebuhraya, jalanraya dan laluan rel kereta api. • Lebuh raya utama iaitu Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS). • Sistem pengangkutan awam yang banyak tetapi tidak menyeluruh dan kurang untuk setiap masa.
Kos & Taraf Hidup	Kos perumahan dan perjalan yang jauh lebih murah sekaligus menarik perhatian penduduk dan orang luar yang bekerja di Lembah Klang untuk tinggal di Seremban.	Kos perumahan dan perjalan yang jauh lebih murah sekaligus menarik perhatian penduduk dan orang luar yang bekerja di Johor Bahru untuk tinggal di Bandar Kluang.

Sumber :
: Rancangan Tempatan Daerah Seremban, 2015
: Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020
: Seremban 2 by IJM Land

DRAF

6.3 KEMUDAHAN MASYARAKAT

HALATUJU PEMBANGUNAN



Kemudahan awam mencukupi dan berkualiti

STRATEGI KM 1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

- KM1.1 Cadangan Pembangunan Klinik Kesihatan Baharu dan Naiktaraf Klinik Kesihatan Sedia Ada
- KM1.2 Cadangan Pembangunan Sekolah Menengah
- KM1.3 Cadangan Pembangunan Sekolah Kebangsaan
- KM1.4 Cadangan Pembangunan Balai Polis Baharu (Kategori B)
- KM1.5 Cadangan Pembangunan Balai Bomba baharu (Kategori B dan C)
- KM1.6 Cadangan Masjid Baharu
- KM1.7 Cadangan Masjid Pintar
- KM1.8 Cadangan Tapak Perkuburan Islam Baharu
- KM1.9 Cadangan Pembangunan Dewan Baharu

STRATEGI KM 2

PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN SYARAT BAGI PEMBANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM YANG TERLETAK DI LUAR GUNA TANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

- KM2.1 Mewujudkan mekanisma kawalan bagi pembangunan kemudahan rumah ibadat sedia ada dan akan datang

DRAF

Penyediaan kemudahan masyarakat dapat dikategorikan kepada 6 kategori utama iaitu kemudahan kesihatan (hospital, klinik kesihatan dan desa), kemudahan pendidikan (sekolah rendah, menengah, agama dan institut pengajian tinggi), kemudahan keselamatan (perkhidmatan polis dan bomba), kemudahan keagamaan (masjid, perkuburan, rumah kebajikan) dan kemudahan komuniti (pusat komuniti, perpustakaan).

STRATEGI

KM 1 PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI DAN BERKUALITI SELARAS DENGAN KEPERLUAN PENDUDUK DAN PIAWAIAN PERANCANGAN YANG DITETAPKAN

Perancangan dan penyediaan kemudahan masyarakat adalah berdasarkan unjuran keperluan penduduk pada tahun 2030. Bilangan kemudahan diunjurkan di peringkat penemuan telah diselaraskan penyediaannya bagi memastikan tiada pertindihan fungsi serta lebihan penawaran. Pertimbangan yang diambil kira dalam menentukan penyediaan kemudahan adalah:

- Taburan dan kawasan liputan kemudahan masyarakat sedia ada
- Unjuran pertambahan penduduk sehingga tahun 2030 dan cadangan kawasan perumahan baru
- Faktor kemudahsampaian di antara kawasan Perumahan dengan kemudahan
- Keperluan mengikut hierarki dan garis panduan perancangan kemudahan masyarakat
- Cadangan daripada jabatan-jabatan berkaitan

KM 2 PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN SYARAT BAGI PEMBANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM SEDIA ADA YANG TERLETAK DI LUAR GUNA TANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

Berdasarkan rekod semasa terdapat sejumlah 150 unit rumah ibadat bukan islam dalam Daerah Kluang. Hanya 16% sahaja rumah ibadat bukan islam terletak di dalam zoning institusi dan kemudahan masyarakat. Majoriti (36%) rumah ibadat bukan islam terletak dalam zoning perumahan, dikuti 18% di dalam zoning pertanian dan 12% di zoning komersial. Terdapat juga rumah-rumah ibadat yang terletak dalam zoning tanah lapang dan rekreasi iaitu sebanyak 10% dan zoning pengangkutan (rizab jalan dan kereta api).


CADANGAN

KM 1.1 Cadangan Pembangunan Klinik Kesihatan Baharu Dan Naik Taraf Klinik Kesihatan Sedia Ada
KM 1.2 Cadangan Pembangunan Sekolah Menengah Baharu
KM 1.3 Cadangan Pembangunan Sekolah Kebangsaan Baharu
KM 1.4 Cadangan Pembangunan Balai Polis Baharu (Kategori B)
KM 1.5 Cadangan Pembangunan Balai Bomba Baharu (kategori B dan C)
KM 1.6 Cadangan Masjid Baru
KM 1.7 Cadangan Masjid Pintar
KM 1.8 Cadangan Tapak Perkuburan Islam Baharu
KM 1.9 Cadangan Pembangunan Dewan baharu

KM 2.1 Mewujudkan Mekanisma Kawalan Bagi Pembangunan Kemudahan Rumah Ibadat Bukan Islam

DRAF

RAJAH 6.26 LOKASI TINDAKAN PEMBANGUNAN CADANGAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF



PETUNJUK :

KM1.1 CADANGAN PEMBANGUNAN KLINIK KESIHATAN BAHARU DAN NAIK TARAF KLINIK KESIHATAN SEDIA ADA
- KM 1.1 (1) Cadangan Klinik Kesihatan baharu Jenis 3 (Klinik Bandar Baru)
- KM 1.1 (2) Cadangan Klinik Kesihatan Baharu Jenis 3 (Taman Sri Lambak)
- KM 1.1 (3) Cadangan Naiktaraf Klinik Kesihatan Paloh kepada Klinik Kesihatan jenis 3

KM1.2 CADANGAN PEMBANGUNAN SEKOLAH MENENGAH BAHARU
- KM 1.2 (1) Cadangan Sekolah Menengah Taman Seri Impian

KM1.3 CADANGAN PEMBANGUNAN SEKOLAH KEBANGSAAN BAHARU
- KM 1.3 (1) Cadangan Sekolah Kebangsaan Taman Seri Impian
- KM 1.3 (2) Cadangan Sekolah Kebangsaan Taman Tiara Perdana

KM1.4 CADANGAN PEMBANGUNAN BALAI POLIS BAHARU (KATEGORI B)

KM1.5 CADANGAN PEMBANGUNAN BALAI BOMBA BAHARU
- KM 1.5 (1) Cadangan Balai Bomba Kategori C Taman Seri Impian
- KM 1.5 (2) Cadangan Balai Bomba Kategori C Pekan Kahang
- KM 1.5 (3) Cadangan Balai Bomba Kategori B Pekan Simpang Renggam

KM1.6 CADANGAN MASJID BAHARU

KM1.7 CADANGAN MASJID PINTAR
- KM 1.7 (1) Masjid Jamek Bandar Kluang
- KM 1.7 (2) Masjid Jamek Kampung Melayu
- KM 1.7 (3) Masjid Al-Khauthar (Masjid India)
- KM 1.7 (4) Masjid Jamek Simpang Renggam

KM1.8 CADANGAN TAPAK PERKUBURAN ISLAM BAHARU

KM1.9 CADANGAN PEMBANGUNAN DEWAN BAHARU
- KM 1.9 (1) Cadangan Dewan Baharu Taman Seri Impian
- KM 1.9 (2) Cadangan Dewan Baharu Taman Kluang Barat
- KM 1.9 (3) Cadangan Dewan Baharu Taman Koperasi
- KM 1.9 (3) Cadangan Dewan Baharu Taman Tasik Indah

Lain-Lain:
- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.1

CADANGAN PEMBANGUNAN KLINIK KESIHATAN BAHARU DAN NAIK TARAF KLINIK KESIHATAN SEDIA ADA

DESKRIPSI

i. Memenuhi unjuran kapasiti perkhidmatan klinik kesihatan dan cadangan komited dari agensi.

ii. Lokasi klinik kesihatan baharu yang dicadangkan adalah di kawasan yang mempunyai penduduk padat serta di luar kawasan tadahan klinik kesihatan semasa iaitu di antara 0.8km hingga 1.6km dengan mengambil kira kadar keupayaan pejalan kaki dan berbasikal oleh Garis Panduan Perancangan PLANMalaysia yang digunakan dalam menentukan lokasi kemudahan masyarakat.

PEMULA

PKD

PELAKSANA

JKN, KKM

ANGGARAN KOS

i. RM 35 Juta/ Unit (Klinik Baru)
ii. RM 20 Juta/ Unit (Naiktaraf)

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030

SASARAN

i. Sasaran RSN 2030:
1 unit 20,000 orang
ii.Semasa 2018:
1 unit 38,055 orang
iii.Sasaran RTD Kluang 2030:
1 unit 20,000 orang

SDG SC


- 3 lokasi pembangunan klinik kesihatan adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 6.12 : Cadangan Pembangunan Kemudahan Kesihatan

No	Nama/Lokasi	Status Tanah	Lot	Luas (hek)
1	Cadangan 1 Klinik Kesihatan Baharu Jenis 3 (Klinik Bandar Baharu)	Komited	Lot 361, Hospital Kluang (Lama)	9.90
2	Cadangan 1 Klinik Kesihatan Baharu Jenis 3 Taman Sri Lambak	Komited	PTB 4099 , Taman Sri Lambak	3.30
3	Cadangan Naik taraf Klinik Kesihatan Paloh kepada Klinik Kesihatan jenis 3	Sedia ada	PTD 3476 Kuarters Klinik Kesihatan Paloh	2.00

Nota: Saiz tapak minimum: 2.4- 2.8 hektar)

Rajah 6.27 : Kadar Keupayaan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Klinik



- Setiap klinik kesihatan yang dicadangkan perlu mempunyai klinik ibu dan anak, klinik pesakit luar, klinik kesihatan pergigian serta komponen sokongan.


- Reka bentuk klinik kesihatan perlulah mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), mematuhi *Universal Design Guidelines* serta piawaian dan garis panduan berkaitan.



Foto: Contoh Cadangan Kemudahan Kesihatan Baharu.


DRAF

RAJAH 6.28 : CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN KLINIK KESIHATAN (MPK)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 6.29 : CADANGAN NAIK TARAF DAN PEMBANGUNAN KLINIK KESIHATAN (MDSR)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.2

CADANGAN PEMBANGUNAN SEKOLAH MENENGAH

DESKRIPSI

i. Berdasarkan unjuran 2030 mengikut pusat petempatan, Daerah Kluang memerlukan tambahan sebanyak 1 unit sekolah menengah baharu di kawasan Bandar Kluang.
ii. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan lokasi sekolah komited sedia ada yang strategik dan mempunyai tahap kemudahsampaian yang efektif diutamakan bagi tujuan pembinaan sekolah baharu.
iii. Penyediaan sekolah baharu adalah bertujuan memenuhi keperluan pertumbuhan pembangunan dan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030.

PEMULA

PPD

PELAKSANA

JPN, KPM

ANGGARAN KOS

RM 40,000,000.00 / Unit

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030

SASARAN

i. Sasaran RSN 2030:
1 unit 10,000 orang
ii.Semasa 2018:
1 unit 10,708 orang
iii.Sasaran RTD Kluang 2030:
1 unit 11,376 orang

SDG LC SC

- Lokasi telah dikenal pasti bagi pembangunan sekolah menengah baharu adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 6.13 : Cadangan Pembangunan Sekolah Menengah Baharu


No	Nama/Lokasi	Status Tanah	Lot	Luas (hek)
1	Taman Seri Impian, Mukim Kluang	Komited	-	5.18

Sumber : Kajian RTD Kluang 2030 (P), 2020

(Nota: Saiz tapak minimum: 3.6 hektar)

- Lokasi sekolah menengah baharu yang dicadangkan adalah di kawasan yang mempunyai keperluan tinggi dan di luar kawasan tadahan SM sedia ada (berdasarkan piawaian jarak radius SM yang diguna pakai iaitu 0.8km hingga 1.6km).

Rajah 6.30 : Kadar Keupayaan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Sekolah Menengah



- Sekolah menengah yang dicadangkan mempunyai 36 bilik darjah serta dilengkapi dengan kemudahan sokongan lain sebagaimana piawaian seperti pejabat pentadbiran, bilik guru, pusat sumber, makmal, padang dan sebagainya.


- Susun atur dan reka bentuk bangunan sekolah menengah perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.

Nota:
Daerah Kluang mempuyai 6 sekolah menengah dalam kelompok keperluan yang berbeza dari segi aliran dan pemilihan pelajar iaitu:

- Kolej Vokasional Kluang
- SM Sains Sembrong
- SM Sains Johor
- SM Arabiah Kluang
- SM Agama Kerajaan Johor
- SM Chong Hwa

DRAFT

RAJAH 6.31 : CADANGAN SEKOLAH MENENGAH



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.3

CADANGAN PEMBANGUNAN SEKOLAH KEBANGSAAN

DESKRIPSI

i. Berdasarkan unjuran 2030 mengikut pusat petempatan, Daerah Kluang memerlukan tambahan sebanyak 2 unit sekolah rendah baharu di kawasan Bandar Kluang dan Simpang Renggam.
ii. Lokasi-lokasi sekolah komited sedia ada yang strategik dan mempuyai tahap kemudahsampaian yang efektif diutamakan bagi tujuan pembinaan sekolah baharu.
iii. Penyediaan sekolah baharu adalah bertujuan memenuhi keperluan pertumbuhan pembangunan dan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030.

PEMULA

PPD

PELAKSANA

JPN, KPM

ANGGARAN KOS

RM 15,000,000.00 / Unit

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030.

SASARAN

i. Sasaran RSN 2030:
1 unit 5,000 orang
ii.Semasa 2018:
1 unit 6,850 orang
iii.Sasaran RTD Kluang 2030:
1 unit 6,825 orang

SDG SC

- 2 lokasi telah dikenal pasti bagi pembangunan sekolah kebangsaan baharu adalah seperti dalam jadual di bawah:


Jadual 6.14: Cadangan Pembangunan 2 unit Sekolah Rendah Kebangsaan Baharu

No	Nama/Lokasi	Status Tanah	Lot	Luas (hek)
1	Taman Seri Impian	Komited	-	2.44
2	Taman Tiara Perdana	Komited	17219	2.48

(Nota: Saiz tapak minimum: 2.4 hektar)

- Lokasi SK baharu yang dicadangkan adalah di kawasan yang mempunyai keperluan tinggi dan di luar kawasan tadahan SK sedia ada (berdasarkan piawaian jarak radius sekolah kebangsaan yang diguna pakai iaitu 0.8km hingga 1.6km)

Rajah 6.32 : Kadar Keupayaan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Sekolah Rendah




- Setiap sekolah rendah yang dicadangkan mempunyai 12-40 bilik darjah serta dilengkapi dengan kemudahan sokongan lain sebagaimana piawaian seperti pejabat pentadbiran, bilik guru, pusat sumber, makmal, padang dan sebagainya.

- Susun atur dan reka bentuk bangunan sekolah menengah perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.

DRAFT

RAJAH 6.33 : CADANGAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.4

CADANGAN PEMBANGUNAN BALAI POLIS BAHARU (KATEGORI B)

DESKRIPSI

i. Menampung keperluan petempatan baru balai polis Simpang Renggam yang mana pada masa kini balai polis sedia ada adalah bangunan yang di sewa.

PEMULA

IPD Kluang

PELAKSANA

PDRM

ANGGARAN KOS

RM 70,000 000 / Unit

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030

SASARAN

i. Sasaran RSN 2030: 1 unit 15,000 orang
ii. Semasa 2018: 1 unit di setiap pusat petempatan
iii. Sasaran RTD Kluang 2030: 1 unit di setiap pusat petempatan

- Lokasi telah dikenal pasti bagi pembangunan balai polis Simpang Renggam baharu adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 6.15: Cadangan Pembangunan 1 unit Balai Polis Baharu

No	Lokasi	Status Tanah	Lot	Luas (hek)	Tadahan
1	Taman Sri Lambak	Rizab PDRM	16806	3.05	40,00 orang

Nota: Saiz tapak minimum: 2.00- 4.00 hektar


- Balai bomba perlu dilengkapi dengan bangunan balai, lokap polis, pusat penyimpanan khas kenderaan, kuarters, padang permainan, kemudahan keselamatan, surau dan sebagainya.
- Susun atur dan reka bentuk bangunan balai polis perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), bangunan hijau serta mematuhi piawaian dan garis panduan berkaitan.

Rajah 6.34 : Cadangan Kawasan Tadahan Ideal Perkhidmatan Balai Polis



DRAF

RAJAH 6.35 : CADANGAN BALAI POLIS BAHARU (KATEGORI B)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.5

CADANGAN PEMBANGUNAN BALAI BOMBA BAHARU (KATEGORI B DAN C)

DESKRIPSI

i. Berdasarkan unjuran penduduk sehingga tahun 2035, kawasan RT memerlukan tambahan sebanyak 3 buah balai bomba baharu.
ii. Memendekkan waktu bantuan sampai iaitu dalam lingkungan masa 10-15 minit.
iii. Sebagai panduan untuk PBT dan Jabatan Bomba dan Penyelamat menentukan kawasan yang memerlukan balai bomba baharu.

PEMULA

BOMBA

PELAKSANA

BOMBA

ANGGARAN KOS

RM 8,000,000.00 Juta / Unit

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030

SASARAN

Sasaran RSN 2030	1 unit 75,000 Org
Semasa 2018	1 unit 171,250 Org
RTD Kluang 2030	1 unit 51,192 Org

- 3 lokasi telah dikenal pasti bagi pembangunan balai bomba baru adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 6.16: Cadangan Pembangunan 3 unit Balai Bomba Baru


No	Lokasi	Kategori Balai	Status Tanah	Lot	Luas (hek)
1	Taman Seri Impian	Kategori C (2 Petak)	Komited	78566	1.83
2	Pekan Kahang	Kategori C (2 Petak)	Cadangan Baru	178	1.80
3	Pekan Simpang Renggam	Kategori B (4 Petak)	Komited	1627	5.15

(Nota: Saiz tapak minimum: 1.0 hektar)

- Bagi cadangan lokasi, kajian memberi fokus kepada kawasan yang mempunyai keperluan tinggi, di luar kawasan tadahan balai bomba sedia ada serta mempunyai kadar waktu bantuan sampai terbaik bomba iaitu 10 km untuk 10 minit.
- Setiap balai bomba perlu dilengkapi dengan bangunan balai, menara kawad, padang kawad, bangunan stor/logistik, rumah kakitangan, ruang untuk pembangunan masa hadapan dan sebagainya.
- Susun atur dan reka bentuk bangunan balai bomba perlulah menyediakan kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU), mematuhi *Universal Design Guidelines* serta piawaian dan garis panduan berkaitan.


DRAFT

RAJAH 6.36 : CADANGAN BALAI BOMBA BAHARU (KATEGORI C) MPK



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

RAJAH 6.37 : CADANGAN BALAI BOMBA BAHARU (KATEGORI B) MDSR



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.6

CADANGAN PEMBANGUNAN MASJID BAHARU

DESKRIPSI

i. Memenuhi keperluan masjid di kawasan yang memerlukan.
ii. Memastikan setiap penduduk mendapat kemudahan awam yang secukupnya dengan persekitaran yang selesa.

PEMULA

MAIJ

PELAKSANA

JAIJ

ANGGARAN KOS

RM 10,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030

SASARAN

i. Sasaran RSN 2030:
1 unit 5,000 orang
ii.Semasa 2018:
1 unit 5,104 orang
iii.Sasaran RTD Kluang 2030:
1 unit 5,000 orang


- Lokasi telah dikenal pasti bagi pembangunan masjid baharu Taman Tiara Perdana adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 6.17: Cadangan Pembangunan Masjid Baharu

No	Nama/Lokasi	Status Tanah	Lot	Luas (hek)
1	Taman Tiara Perdana	Rizab Masjid	17549	1.02

Nota: Saiz tapak minimum: 1.21 hektar)


Rajah 6.38: Kadar Keupayaan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Masjid



- Cadangan masjid baru perlu dilengkapi dengan kemudahan seperti pejabat imam dan bilik mesyuarat, bilik pengurusan jenazah, tandas lelaki dan perempuan, tempat wudhu' lelaki dan perempuan, tempat letak kenderaan dan sebagainya.
- Susun atur dan reka bentuk bangunan balai bomba perlulah menyediakan kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU), mematuhi *Universal Design Guidelines* serta piawaian dan garis panduan berkaitan.

DRAF

RAJAH 6.39 : CADANGAN MASJID BARU



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.7

CADANGAN MASJID PINTAR

DESKRIPSI

i. Sebanyak 4 buah masjid yang terpilih untuk dinaiktaraf sebagai masjid pintar
ii. Masjid pintar sebagai salah satu tempat yang tersenarai sebagai tempat pelancongan

PEMULA

PEJABAT KADI KLUANG

PELAKSANA

MAIJ

ANGGARAN KOS

Kos ditanggung oleh Kerajaan Negeri

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030

SASARAN

4 buah masjid pintar dalam daerah Kluang

LC SC

- 4 lokasi telah dikenal pasti bagi pembangunan masjid baharu adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 6.18: Cadangan Masjid Pintar

No	Nama/Lokasi	Mukim	Keluasan (Ha)	Kapasiti Jemaah
1	Masjid Jamek Bandar Kluang	Kluang	0.95	750
2	Masjid Al Khauthsar (Masjid India Muslim Kluang)	Kluang	0.68	500
3	Masjid Jamek Kampung Melayu	Kluang	0.34	500
4	Masjid Jamek Simpang Renggam (Komited)	Ulu Benut	0.22	400

- Masjid pintar merupakan satu masjid yang lengkap dengan fasiliti seperti bilik kuliah, dewan seminar, dewan serbaguna, bilik nikah dan sebagainya
- Masjid pintar juga turut dilengkapi dengan laman web tersendiri seperti E-Masjid supaya dapat memudahkan pengunjung untuk mengakses maklumat mengenai program yang bakal diadakan

Antara komponen cadangan seperti berikut :

Komponen utama cadangan masjid pintar :


i. Sistem solar
ii. Sistem Penyimpanan Air Hujan
iii. Sistem Wuduk Automatik
iv. Pengitaran Semula Air Wuduk
v. E-Masjid

Komponen Sokongan :

i. Pejabat Pentadbiran
ii. Kaunter Zakat
iii. Perpustakaan Mini
iv. Kemudahan Wifi
v. Khidmat Nasihat
vi. Pengurusan Jenazah
vii. Sewaan Dewan dan Bilik
viii. Kiosk
ix. Pengajian Sijil

DRAF

RAJAH 6.40 : CADANGAN MASJID PINTAR



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.8

CADANGAN TAPAK PERKUBURAN ISLAM BAHARU

DESKRIPSI

Luas: 29.14 hektar

i. Berdasarkan unjuran sehingga tahun 2030, kawasan RT tidak memerlukan tambahan rizab perkuburan islam kecuali di Mukim Kluang yang mana rizab kubur sedia ada telah mencapai tahap tepu.
ii. Majoriti kawasan rizab kubur yang dicadangkan merupakan kawasan beralun, disyorkan fasa pertama yang digunakan hendaklah megutamakan kawasan yang rata sebelum kerja-kerja infrastruktur dilaksanakan.
iii. Cadangan tabung sumbangan tanah perkuburan islam di wujudkan bagi mengumpul dana untuk kerja-kerja infrastruktur yang akan dilaksanakan.

PEMULA

PKD

PELAKSANA

JKN, KKM

ANGGARAN KOS

RM 20,000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030


SASARAN

i. Sasaran RSN 2030: 1 unit 5,000 orang
ii. Semasa 2018: 1 unit 2115 orang
iii. Sasaran RTD Kluang 2030: 1 unit 2,000 orang

Jadual 6.19: Cadangan Tapak Perkuburan Islam Baharu

No	Nama/Lokasi	Status Tanah	Lot	Luas (hek)
1	Perkuburan Islam Jalan Padang Tembak	Komited Agensi	-	29.14

Rajah 6.41 : Cadangan Tapak Perkuburan Islam Baharu



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

STRATEGI KM1

PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG INKLUSIF

CADANGAN KM1.9

CADANGAN PEMBANGUNAN DEWAN BAHARU

DESKRIPSI

i. Berdasarkan unjuran penduduk sehingga tahun 2030, Kawasan RT memerlukan tambahan sebanyak 4 buah dewan baharu jumlah ini boleh dijadikan panduan umum bagi penyediaan dewan serbaguna di kawasan RT.

PEMULA

MPK

PELAKSANA

MPK

ANGGARAN KOS

RM 3,000,000.00/ Unit

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Memenuhi keperluan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030

SASARAN

i. Sasaran RSN 2030:
1 unit 10,000 orang
ii. Semasa 2018:
1 unit 9/785 orang
iii. Sasaran RTD Kluang 2030:
1 unit 10,238 orang

- 4 lokasi telah dikenalpasti bagi pembangunan dewan baharu seperti dalam jadual di bawah:


Jadual 6.20: Cadangan Pembangunan 4 Unit Dewan Baharu

No	Nama/Lokasi	Status Tanah	Lot	Luas (hek)
1	Taman Seri Impian	Komited	-	0.40
2	Taman Kluang	Komited	-	0.41
3	Taman Koperasi	Komited	-	0.41
4	Taman Tasik Indah	Komited	-	0.41

(Nota: Saiz tapak minimum: 0.4 hektar)

- Bagi cadangan lokasi, kajian memberi fokus kepada kawasan yang mempunyai keperluan tinggi dan di luar kawasan tadahan dewan sedia ada (berdasarkan piawaian jarak radius dewan serbaguna yang diguna pakai iaitu 0.8km hingga 1.6km).

Rajah 6.42: Kadar Keupayaan Pejalan Kaki Dan Basikal Yang Diguna Pakai Dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia (2013) – Dewan Serbaguna.




i. Setiap dewan perlu dilengkapi dengan kemudahan seperti bilik mesyuarat JKK, bilik sumber, bilik persalinan, gelanggang permainan, tandas, tempat letak kenderaan dan sebagainya.

ii. Susun atur dan reka bentuk bangunan dewan serbaguna perlulah berciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), mematuhi *Universal Design Guidelines* serta piawaian dan garis panduan lain yang berkaitan.

DRAFT

RAJAH 6.43 : CADANGAN PEMBANGUNAN 4 UNIT DEWAN BAHARU



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI KM2

PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN SYARAT BAGI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM YANG TERLETAK DI LUAR GUNA TANAH RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)

CADANGAN KM2.1

MEWUJUDKAN MEKANISMA KAWALAN BAGI KEMUDAHAN RUMAH IBADAT SEDIA ADA DAN AKAN DATANG

DESKRIPSI

i. Mengurangkan risiko penyalahgunaan tanah dan pertindihan hakmilik pada masa akan datang.
ii. Mengawal RIBI supaya selaras dengan tujuan-tujuan dibenarkan supaya tidak bertentangan dengan undang-undang, kebajikan dan keselamatan.

PEMULA

PDK, PTD, MPK, MDSR

PELAKSANA

PDK, PTD, MPK, MDSR

ANGGARAN KOS

Mekanisme Pengurusan Sedia Ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Mengurus dan memantau pembangunan rumah ibadat bukan islam secara efisien

SASARAN

Lokasi pembinaan rumah ibadat bukan islam dengan pengurusan yang baik menjelang 2030

Bagi rumah ibadat bukan islam (RIBI) sedia ada, tindakan pemantauan dan pematuhan yang disyorkan adalah bergantung kepada lokasi dan situasi guna tanah semasa RIBI tersebut. Berikut adalah tindakan yang dicadangkan:

Jadual 6.21 : Kaedah Pengurusan dan Pemantauan RIBI

Kategori Tindakan	Guna Tanah / Lokasi RIBI	Tindakan
1	Tanah Persendirian • Pertanian/ Bangunan	• Pemohon perlu memohon ke pejabat tanah bagi urusan ubah syarat nyata dari pertanian/ bangunan kepada RIBI. • Maklumbalas ulasan dari JKKD dan JKKN. • Perakuan PTG bagi tujuan kelulusan.
2	Tanah Awam • Tanah Kerajaan/ Tanah Rizab	• Pemohon perlu memohon ke pejabat tanah bagi urusan kurniaan atau LPS. • Maklumbalas ulasan dari JKKD dan JKKN. • Perakuan MMKJ bagi tujuan kelulusan.

Selain garis panduan yang ditetapkan, perkara lain yang perlu di ambil kira adalah:

i. Semua permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan berkenaan RIBI perlu melalui saluran OSC.
ii. Semua permohonan Lesen Petempatan Sementara (LPS) dan Pemberimilikan Tanah perlu melalui saluran PTD.
iii. Tukarguna bangunan binaan tanpa izin atau yang berkaitan dengannya perlu dinasihatkan oleh PBT untuk mengemukakan permohonan secara formal.
iv. Merizabkan tapak yang sesuai untuk dijadikan tempat ibadat bukan islam secara sah dan tidak dibenarkan di kawasan tanah lapang, rizab pengangkutan dan infrastruktur dan utiliti.

DRAF

6.4 PETEMPATAN DESA

HALATUJU PEMBANGUNAN

H4

Komuniti desa berdaya saing (penyertaan ekonomi IKS dan pelancongan; kualiti dan kuantiti produk desa; pembaikan imej dan lanskap desa) dan kemudahan berkualiti

STRATEGI PD 1

MEMPERKASAKAN PUSAT PETEMPATAN KECIL DAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA BERASASKAN FUNGSI DAN POTENSI

- **PD1.1** Cadangan kawalan pengukuhan guna tanah pusat petempatan kecil (PPK) dan pusat pertumbuhan desa (PPD)
- **PD1.2** Cadangan pusat desa pintar di pusat pertumbuhan desa
- **PD1.3** Cadangan pengindahan pusat pertumbuhan desa (PPD) dan kampung

STRATEGI PD 2

MEMANTAPKAN DAN MENINGKATKAN EKONOMI DESA

- **PD2.1** Cadangan pengklusteran pembangunan desa Daerah Kluang (Satu Penghulu Satu Industri)
- **PD2.2** Cadangan mengukuhkan perusahaan dan produk IKS
- **PD2.3** Cadangan menaik taraf pelancongan desa di kampung orang asli sungai Peroh, Kahang
- **PD2.4** Cadangan menaik taraf pelancongan desa di kampung Sri Lukut, Kahang
- **PD2.5** Cadangan menaik taraf dan memperindahkan Kampung Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam
- **PD2.6** Cadangan membina '*Memoir Covid-19' di* Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam
- **PD2.7** Cadangan memperkukuhkan homestay/inap desa dan rumah tamu Daerah Kluang
- **PD2.8** Cadangan pengukuhan pemasaran melalui sistem digital

STRATEGI PD 3

PENGUKUHAN DAN PERMODENAN FELDA

- **PD3.1** Cadangan pemodenan FELDA secara lestari dengan pemerkasaan generasi peneroka generasi kedua
- **PD3.2** Cadangan projek perumahan generasi FELDA (PGBF)

STRATEGI PD 4

PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASLI SECARA IMKLUSIF DAN MAMPAN

- **PD4.1** Cadangan pembangunan masyarakat orang asli secara berterusan daripada aspek sosio budaya dan ekonomi


DRAFT

Bagi mencapai visi dan matlamat Dasar Pembangunan Fizikal Desa Negara 2030, "Desa Sejahtera, Negara Sejahtera" pelbagai perancangan perlu dilaksanakan untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar. Pembangunan petempatan desa penting dan perlu diambil kira seiring dengan pembangunan bandar. Terdapat pelbagai produk warisan desa yang boleh menjadikan tarikan desa.

STRATEGI	CADANGAN
PD 1 MEMPERKASAKAN PUSAT PETEMPATAN KECIL DAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA BERASASKAN FUNGSI DAN POTENSI Perhubungan bandar – desa adalah penting kerana petempatan desa masih bergantung kepada bandar yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang tidak terdapat di desa.	PD 1.1 Cadangan Kawalan Pengukuhan Guna Tanah Pusat Petempatan Kecil (PPK) dan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) PD 1.2 Cadangan Pusat Desa Pintar di Pusat Pertumbuhan Desa PD 1.3 Cadangan Pengindahan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) dan Kampung
PD 2 MEMPERKASAKAN EKONOMI DESA Masyarakat desa harus pro aktif di dalam pemikiran dan tindakan untuk merealisasikan peranan desa sebagai sumber modal insan, modal fizikal dan sebagai lambang kebudayaan dan jati diri rakyat Malaysia. Masyarakat desa tidak lagi harus dianggap masyarakat subsidi kerana terdapat pelbagai sumber jaya yang berpotensi dijana secara mampan.	PD 2.1 Cadangan Pengklusteran Pembangunan Desa Daerah Kluang PD 2.2 Cadangan Pengukuhan Perusahaan dan Produk IKS PD 2.3 Cadangan Menaik Taraf Pelancongan Desa di Kampung Orang Asli, Sungai Peroh, Kahang PD 2.4 Cadangan Menaik Taraf Pelancongan Desa di Kampung Sri Lukut Kahang PD 2.5 Cadangan Menaik Taraf Dan Memperindahkan Kampung Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam PD 2.6 Cadangan Membina 'Memoir COVID -19' Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam PD 2.7 Cadangan Memperkukuhkan Homestay/Inap Desa dan Rumah Tamu Daerah Kluang PD 2.8 Cadangan Pengukuhan Produk Desa Melalui Sistem Digital
PD 3 PENGUKUHAN DAN PERMODENAN FELDA Memastikan masyarakat FELDA membangun mengikut arus perbandaran terutamanya daripada aktiviti pertanian, pembangunan fizikal, pembangunan ekonomi, pembangunan sumber manusia dan kemasyarakatan.	PD 3.1 Permodenan Felda Secara Lestari Dengan Pemerkasaan Generasi Peneroka Generasi Kedua PD 3.2 Cadangan Membangunkan Perumahan Generasi Kedua
PD 4 PENGUKUHAN PEMBANGUNAN KAMPUNG ORANG ASLI SECARA INKLUSIF DAN MAMPAN Penyediaan kemudahan yang lengkap dan kemudahsampaian yang baik untuk masyarakat Orang Asli bagi mencapai kualiti kehidupan yang baik.	PD 4.1 Cadangan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Secara Berterusan Daripada Aspek Sosio-budaya dan ekonomi.

D R A F

RAJAH 6.44 LOKASI MEMPERKASAKAN PUSAT PETEMPATAN KECIL DAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA BERASASKAN FUNGSI DAN POTENSI



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PD1

MEMPERKASAKAN PUSAT PETEMPATAN KECIL DAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA BERASASKAN FUNGSI DAN POTENSI

CADANGAN PD1.1

CADANGAN KAWALAN PENGUKUHAN GUNA TANAH PUSAT PETEMPATAN KECIL (PPK) DAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD)

DESKRIPSI

Lokasi : PPK dan PPD Daerah Kluang.

i. Kedua-dua PPK dan PPD berada di dalam Zon Pembangunan iaitu Zon Pembangunan Sekunder dan Zon Tertiari.

ii. Cadangan pembangunan sektor ekonomi, fizikal dan sosial telah digariskan oleh RFDN dan DPN2 yang menjadi kayu ukur jenis kemudahan dan kegiatan ekonomi desa bagi pusat petempatan kecil dan desa.

PEMULA

PDK, KEJORA, KEMAS, KPLB

PELAKSANA

PDK, KEJORA, KEMAS, KPLB

ANGGARAN KOS

Mekanisme Pengurusan Sedia Ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030)

RASIONAL


Meningkatkan taraf hidup sosial dan kemudahan kepada penduduk desa

SASARAN

Kemudahan dan infrastruktur yang minimum berasaskan DPN2

SDG

Rajah 6.45 : Taburan Pusat Petempatan Kecil (PPK) dan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

Jadual 6.22: Hierarki Pusat Petempatan Kecil (PPK) dan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

HIERARKI	SEKTOR EKONOMI	FOKUS PEMBANGUNAN
Pusat Petempatan Kecil (PPK) ▪ Sri Lalang ▪ Kg Paya ▪ Kg Gajah ▪ Chamek	• Perniagaan/ perkhidmatan, • Perumahan Densiti Rendah • Infrastruktur/ Kemudahan Masyarakat	• Kawasan perkhidmatan perniagaan utama luar bandar • Perumahan densiti sederhana dan rendah • Tebatan banjir, lanskap dan rekreasi, imej petempatan kecil dan lain-lain produk pelancongan bersesuaian. • Kemudahan masyarakat dan infrastruktur • Institusi keselamatan di Kampung Gajah – pembangunan perumahan dan pusat perniagaan kejiranan.
Pusat Pertumbuhan Desa ▪ Kg Sri Lukut ▪ Kg. Contoh ▪ Kg Padang Tembak ▪ Kg Sri Lalang ▪ Kg Melayu Niyor ▪ Kg Batu 4 ▪ Kg Haji Noor ▪ Kg Dato' Ibrahim Majid ▪ Kg Tengah, Simpang Renggam ▪ Kg Paya Layang-Layang	• Pembangunan Petempatan Desa • Perniagaan Kejiranan • Potensi Pelancongan Desa • Produk IKS	• Pembangunan produk IKS Desa • Pusat industri desa di bawah dasar Satu Penghulu Satu Industri • Potensi pelancongan desa bagi kampung-kampung tradisi beridentiti tempatan, inap desa dan *homestay* • Kawasan pembangunan perumahan berdensiti rendah, perkampungan dan petempatan kuarters dan mampu milik terpilih

DRAF

Jadual 6.23: Peranan dan Fungsi Utama Pusat Petempatan Kecil


Perkara	
Perkhidmatan Kewangan	
Bank	• Bank Tempatan (cawangan)
Insurans	• Syarikat/broker insurans (cawangan)
Lain-lain Perkhidmatan Kewangan	• Perkhidmatan Kewangan tempatan (wakil/ejen)
Perniagaan / Perdagangan	
Perniagaan & Perkhidmatan	• Pejabat tempatan (pejabat wakil)
Perdagangan Jual Runcit di Stor (Tanpa Pengkhususan & Pengkhususan)	• Pasar raya tempatan (cawangan) • Kedai runcit tempatan (pelbagai barangan)
Lain Perdagangan Jual Runcit (tanpa di stor)	• Jual Runcit tempatan secara '*Informal*' • Perkhidmatan tempatan barangan persendirian & isi rumah • Jualan langsung (antarabangsa & tempatan) • Jualan runcit bahan api kenderaan (stesen minyak, LPG/NGV)
Perdagangan Borong	• Barangan terpakai tempatan (barangan terpilih)
Perhotelan, Persidangan, Pameran dan Konvokesyen (MICE)	
Kemudahan Hotel & Persidangan	• Hotel bajet dan 2 bintang • Rumah tetamu
Perindustrian / Pembuatan	
Perindustrian/ Pembuatan	• Kluster Berasaskan Sumber Tempatan • Kluster Makanan EKS tempatan • Pembuatan dan pemasangan am tempatan
Kemudahan Awam / Sosial	
Pendidikan	• Tadika • Sekolah Rendah • Sekolah Menengah
Kesihatan	• Klinik Kesihatan • Klinik Swasta
Dewan	• Dewan Serbaguna • Dewan Orang Ramai
Polis	• Balai Polis
Bomba	• Balai Bomba
Perkhidmatan Pos	• Pejabat Pos
Perpustakaan	• Perpustakaan Bergerak
Rekreasi	• Padang • Taman Tempatan

Jadual 6.23: Peranan dan Fungsi Utama Pusat Petempatan Kecil (Sambungan…)

Perkara	
Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti	
Bekalan Elektrik	• Pencawang Masuk Utama (PMU) • Pejabat Cawangan Penghantaran (*Transmission Local Office*) • Pusat '*breakdown*' 24 jam (*24 hr breakdown response centre*)
Telekomunikasi, Penyiaran dan Jalur lebar	• Rangkaian Gentian Optik • Rangkaian Jalur Lebar Tanpa Wayar • Ibu sawat dan Rangkaian Internet
Perhubungan dan Pengangkutan	
Pengangkutan	• Bas • Teksi • Terminal Pengangkutan Mini • Tempat letak kenderaan berat • Pusat rehat dan riadah

Sumber : Dasar Perbandaran Negara Kedua.

Peranan dan Fungsi Utama Pusat Pertumbuhan Desa



Sumber : Dasar Perbandaran Fizikal Negara 2030.

DRAF

STRATEGI PD1

MEMPERKASAKAN PUSAT PETEMPATAN KECIL DAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA BERASASKAN FUNGSI DAN POTENSI

CADANGAN PD1.2

CADANGAN PUSAT DESA PINTAR DI PUSAT PERTUMBUHAN DESA

DESKRIPSI

Lokasi : PPD Kg Melayu Batu 4, PPD Kg Contoh, PPD Kg Paya Layang-Layang dan PPD Kg Dato' Ibrahim Majid.

i. Mempertingkatkan dan memfokuskan penyediaan kemudahan baharu di Pusat Pertumbuhan Desa.
ii. Menjimatkan ruang dan kos dengan penyediaan secara berintegrasi.
iii. Berfungsi sebagai Pusat Sehenti.
iv. Dilengkapi dengan kemudahan awam seperti tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki dan landskap untuk keselesaan pengguna.
v. Penduduk desa dilengkapi akses kepada kemudahan tertentu dan pemusatan perkhidmatan yang lebih efektif.

PEMULA

PDK, KEJORA, KEMAS, KPLB

PELAKSANA

PDK, KEJORA, KEMAS, KPLB

ANGGARAN KOS

RM 3 000,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Menerapkan semangat daya saing di kalangan penduduk desa disamping meningkatkan taraf hidup

SASARAN

Memastikan ekonomi desa berkembang maju dan memudahkan penduduk desa

LC SC

Komponen Pembangunan Pusat Desa Pintar

01 Pusat ICT	02 Pusat Niaga & Medan Selera	03 Pusat Industri Desa	04 Pusat Rekreasi & Taman Permainan	05 Pusat Jagaan Harian Kanak-kanak
• Dilengkapi dengan kelengkapan komunikasi IT dengan jalur lebar berkelajuan 5G. • Pusat maklumat untuk penduduk. • Kelas untuk belajar perniagaan *online* (e-usahawan) terutamanya ibu tunggal, orang kelainan upaya, warga emas, golongan B40 dan golongan orang muda.	• Unit kedai yang lama di PPD diselenggara dan naik taraf agar mudah diakses oleh orang ramai. • Pembangunan unit kedai yang baharu dan terancang di PPD dan penyediaan pusat jualan makanan atau gerai-gerai tersusun yang bersih, diselenggara secara terancang dan mudah diakses oleh orang ramai.	• Pembangunan pusat industri desa untuk memberi ruang kepada pemajuan industri kampung. • Menyediakan/ mengadakan kelas untuk ibu tunggal, orang kelainan upaya, warga emas, golongan B40 dan golongan orang muda pelajari ilmu baru seperti: ➢ Kelas menjahit ➢ Kelas memasak ➢ Kelas membuat kek dan biskut ➢ Kelas kimpalan ➢ Kelas membaiki	• Pusat rekreasi yang terdiri daripada: ➢ Taman permainan, ➢ Kemudahan riadah dan rekreasi, ➢ Gelanggang permainan atau ➢ Mini gimnasium.	• Pusat jagaan harian kanak-kanak untuk ibu bapa yang bekerja terutamanya ibu tunggal.









DRAF

RAJAH 6.46 TABURAN PPD YANG TERPILIH UNTUK CADANGAN PUSAT DESA PINTAR



Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

STRATEGI PD1

MEMPERKASAKAN PUSAT PETEMPATAN KECIL DAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA BERASASKAN FUNGSI DAN POTENSI

CADANGAN PD1.3

CADANGAN PENGINDAHAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD) DAN KAMPUNG

DESKRIPSI

Lokasi : 11 PPD dan 222 buah kampung

i. Meningkatkan imej persekitaran di PPD, kawasan desa dan kampung.
ii. Membaikpulih kualiti persekitaran dan suasana di luar bandar.
iii. Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih dan mesra alam.
iv. Menanamkan semangat *cintakan kampungku* dikalangan masyarakat.
v. Menyediakan papan tanda yang seragam dan mudah difahami untuk menunjukkan lokasi dan kedudukan agar mudah dikenali dan dikunjungi.

PEMULA

MPK, MDSR, PDK, KEJORA, KPLB

PELAKSANA

MPK, MDSR, PDK, KEJORA, KPLB, KEMAS

ANGGARAN KOS

RM 500,000

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑


RASIONAL

Menerapkan semangat pengindahan di kalangan penduduk desa disamping meningkatkan taraf hidup

SASARAN

Memastikan kawasan PPD dan kampung dalam keadaan kemas dan tersusun

Rajah 6.47 : Taburan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)



KOMPONEN PEMBANGUNAN


- Papan tanda selamat datang
- Papan tanda jalan dengan tulisan jawi
- Penanaman landskap lembut yang tahan lasak serta mudah selenggara

.



Foto: Contoh papan tanda jalan dengan aplikasi tulisan jawi

RAJAH 6.48 LOKASI PEMBANGUNAN MEMANTAPKAN DAN MENINGKATKAN EKONOMI DESA



PETUNJUK :

- PD2.1 CADANGAN PENGKLUSTERAN PEMBANGUNAN DESA DAERAH KLUANG (SATU PENGHULU SARU INDUSTRI)
  - Kluster Pembangunan Desa Homestay
  - Kluster Pembangunan Desa Eco-Nature
  - Kluster Pembangunan Desa Pertanian
  - Kluster Pembangunan Desa Perternakan
  - Kluster Pembangunan Desa IKS Desa
  - Kluster Pembangunan Desa Kraft Tangan
- PD2.2 CADANGAN MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PERUSAHAAN DAN PRODUK IKS
  - Produk SAWARI
  - Taburan Perusahaan dan Produk IKS
- PD2.3 CADANGAN MENAIK TARAF PELANCONGAN DESA DI KAMPUNG ORANG ASLI, SUNGAI PEROH, KAHANG
  - Kampung Orang Asli di Kahang
- PD2.4 CADANGAN MENAIK TARAF PELANCONGAN DESA DI KAMPUNG SRI LUKUT, KAHANG
  - Sawah Padi di Kahang
- PD2.5 CADANGAN MENAIK TARAF DAN MEMPERINDAHKAN KAMPUNG DATO' IBRAHIM MAJID, SIMPANG RENGGAM
- PD2.6 CADANGAN 'MEMBINA MEMOIR COVID-19' KAMPUNG DATO' IBRAHIM MAJID, SIMPANG RENGGAM
- PD2.7 CADANGAN MEMPERKUKUHKAN HOMESTAY/INAP DESA DAN RUMAH TAMU DAERAH KLUANG
  - Taburan Homestay/Inap desa
- PD2.8 CADANGAN MEMPERKUKUHKAN PRODUK DESA MELALUI SISTEM DIGITAL

Lain-Lain:

- Jalan Raya
- Lebuhraya Utara-Selatan
- Landasan Kereta Api
- Sungai/ Badan Air
- Sempadan Daerah
- Sempadan Mukim

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020

DRAF

STRATEGI PD2

MEMANTAPKAN DAN MENINGKATKAN EKONOMI DESA

CADANGAN PD 2.1

CADANGAN PENGKLUSTERAN PEMBANGUNAN DESA DAERAH KLUANG (SATU PENGHULU SATU INDUSTRI)

DESKRIPSI

Lokasi: Mukim Kahang, Mukim Kluang, Mukim Niyor dan Mukim Paloh, Mukim Layang-layang, Mukim Machap, Mukim Renggam dan Mukim Ulu Benut.

i. Memperkukuhkan ekonomi desa dengan Satu Penghulu Satu Industri Desa agar mampu menjana pendapatan yang mampan dengan pengklusteran.
ii. Menggalakkan peningkatan perusahaan IKS.

PEMULA

PDK, KEJORA, KEMAS, KPLB

PELAKSANA

PDK, KEJORA, KEMAS, KPLB, Pengusaha (Swasta)

ANGGARAN KOS

Mekanisme pelaksanaan sedia ada

FASA PELAKSANAAN

FASA 1 (2021-2025) ☑ FASA 2 (2026-2030) ☑

RASIONAL

Banyak produk petempatan desa setiap penghulu/mukim yang boleh diperkenalkan kepada dunia

SASARAN

8 produk utama desa bagi mengukuhkan ekonomi penduduk desa

SC

- Membangunkan produk beridentitikan setiap penghulu di Daerah Kluang dan memupuk budaya kreativiti dan inovasi masyarakat tempatan dengan menggunakan aset semula jadi yang terdapat di kawasan desa.
- Proses penjenamaan produk bagi menghasilkan produk yang berdaya saing dan boleh dipasarkan.
- Penghasilan produk yang mempunyai penjenamaan yang baik dapat membantu pemasaran di peringkat antarabangsa seiring dengan permintaan yang tinggi seperti industri HALAL.
- Permintaan terhadap produk HALAL semakin meningkat di pasaran antarabangsa.
- Oleh itu, penjenamaan industri desa perlu dipertingkatkan untuk memastikan produk desa ini lebih berdaya saing.

Jadual 6.24 : Pecahan Industri dan produk mengikut Mukim/Penghulu.

PENGHULU	INDUSTRI	PRODUK
Kahang	*Eco-nature*	Sawah Padi Pesta bendang
Kluang	Homestay/IKS Desa	Felda Air Hitam Felda Ulu Dengar
Niyor	Pertanian	Kopi, sayur, pisang
Paloh	Pertanian	Kopi, sayur, pisang
Layang-Layang	Kraf Tangan	Kraf tangan
Machap	IKS Desa	Kerepek
Renggam	Penternakan	Ayam Lembu Kambing
Ulu Benut	IKS Desa /Homestay	Karipap Pusing Nanas, Perusahaan Zainab Jaya Produk Tembikar

Sumber : Kajian RT Daerah Kluang 2030 (Penggantian), 2020



Foto: Contoh Produk Tempatan di Daerah Kluang.

DRAF

STRATEGI PD2

MEMANTAPKAN DAN MENINGKATKAN EKONOMI DESA

CADANGAN PD2.2

CADANGAN MENGUKUHKAN PERUSAHAAN DAN PRODUK IKS

DESKRIPSI

Lokasi: Mukim Kahang, Mukim Kluang, Mukim Niyor, Mukim Paloh, Mukim Layang-Layang, Mukim Machap, Mukim Renggam dan Mukim Ulu Benut

